



**REVOLUSI
ISTANA
DAN
RAKYAT**

**S.H. ALATTAS
1989**

NASKHAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
28 SEP 1989

EXCELSIOR LIBRARY
0891 102 01

REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT

Syed Hussein Alattas



AL-SUHAIMI

P.O. Box 11753
50756 Kuala Lumpur.

CETAKAN PERTAMA JUN 1989

\$15.00

Typesetting dan Grafik:
Sistem Intermedia Sdn. Bhd.

518263
APB

M
220.9595
RPA

© HAKCIPTA S.H. ALATTAS 1989

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari AL-SUHAIMI.

8 NOV 1989

Perpustakaan Negara
Malaysia

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

اَللّٰهُمَّ
اَنْتَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
لَا يَقُولُ لِشَيْءٍ بَلٰى
وَلَا يَعْلَمُ مَا فِي الْأَفْوَاتِ
لَا يَرَى مَا فِي السَّمَاوَاتِ
لَا يَرَى مَا فِي الْأَرْضِ
لَا يَرَى مَا فِي الْأَعْمَالِ
لَا يَرَى مَا فِي الْأَفْوَاتِ
لَا يَرَى مَا فِي الْأَفْوَاتِ
لَا يَرَى مَا فِي الْأَفْوَاتِ

بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Baca, Bacalah dengan nama Tuhan
yang menjadikan kamu.



AL-SUHAIMI

P.O. Box 11753
50756 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

MUKADDIMAH

9

1. ISTANA VS PERDANA MENTERI	21
2. AYAHANDA GHAFAR BABA	53
3. BILA SULTAN SAMA SULTAN BERGADUH	70
4. TIADA SEBAB BAGI MENTERI BESAR LETAK JAWATAN	100
5. MENANGANI PERGOLAKAN POLITIK DI KELANTAN	120
6. PENGISYTIHARAAN 11 MEI	136
7. SULTAN YANG MENDERHAKA	163
8. AGONG BARU KERETA BARU	195
9. SENDIWARA RAJA DENGAN MUFTI	198
10. DEMOKASI DEMOMATI	216
11. THE GRAND DESIGN	237
12. SHAHIDAN'S DESIGN	266
13. MENTERI BESAR SIAPA PUNYA	277
14. ABDULLAH MUNSYI VS RAJA-RAJA	291
15. ANTARA BALAI RONG DENGAN BALAI RAKYAT	304
16. RAJA DAN LAMBANG	317
17. RAJA NEGARA KITA	323
18. PENGIRAN AMIR HAMZAH	333
19. SEMANGAT 46	351
20. ANTARA ULAMAK DAN RAJA	385
21. ANTARA SULTAN ISKANDAR ALMUTAWAKIL DENGAN SRI SULTAN HAMENGKUBUWONO YANG KE IX	405
22. RAJA SEGALA RAJA	422
23. PENUTUP	425



Dedikasi:

*Istimewa untuk saudaraku Sultan Iskandar Al-Mutawakil,
Sultan Johor Darul Takzim
dan anakku yang masih di dalam kandungan ibunya.*

Gambar di atas dihadiahkan oleh Baginda Sultan Iskandar Almutawakil kepada saya di Istana baginda di Johor Bahru pada tahun 1969 semasa saya bercerita tentang keinginan saya untuk menulis mengenai baginda



Dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani. Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW serta kaum keluarga dan sahabat-sahabatnya.

**TIADALAH AKU JADIKAN JIN DAN MANUSIA MELAINKAN
SUPAYA MEREKA MENYEMBAH AKAN DAKU**

(Az-zaariat, ayat 56)

MUKADDIMAH

ALHAMDULLILLAH. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya telah menjadikan Sultan Azlan Shah seorang bekas '**Lord President**' sebagai Yang DiPertuan Agong Yang kesembilan. Dengan terpilihnya Sultan Azlan Shah sebagai Raja kita, maka dengan sendirinya, seorang rakyat biasa yang kebetulan menjadi isteri Baginda telah diangkat darjah menjadi seorang **Tunku** dan Raja Permaisuri Agong. Maka sepetimana kebiasaan adat Diraja dinegeri kita Yang DiPertuan Agong dan Permaisurinya perlu disembah oleh para kerabat di kalangan istana dan rakyat jelata yang pergi mengadap baginda berdua. Dan dengan sendirinya seorang rakyat biasa telah beroleh kedaulatan di bumi Malaysia. Serta disembah oleh para kerabat di kalangan istana.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dari rakyat untuk Al-Mutawakil Sultan Iskandar, kerana Baginda Sultan telah menganugerahkan bintang **Darjah Kerabat Johor Yang Tertinggi**, iaitu **D.K. Kelas Satu** kepada Datuk Sri Dr. Mahathir. Penganugerahan ini telah melayakkan Yang Amat Berhormat Datuk Sri Dr. Mahathir D.K. Johor, duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi di kalangan para kerabat diraja. Kita juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Baginda Sultan Azlan Shah yang

dibesarkan secara rakyat dan yang dipilih sebagai Kepala Utama Negara. Mudah-mudahan pengalaman Baginda sebagai rakyat biasa semasa kecil akan menjadikan Yang DiPertuan Agong yang kesembilan ini menjadi raja yang benar-benar berjiwa rakyat dan lebih mesra dan lebih dekat dan lebih memahami perasaan rakyat dari sultan-sultan yang pernah menyandang jawatan itu sebelum baginda.

BUKU REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT ini saya percaya, akan dibaca oleh Baginda Al-Mutawakil Sultan Iskandar, bekas Yang DiPertuan Agong yang kelapan dan **Sultan serta Yang DiPertuan bagi jajahan takluk negeri Johor Darul Takzim**. Ini kerana buku ini saya **dedikasikan** khas untuk Baginda. Kata-kata amanat serta perangsang dari Baginda Tuanku sejak Baginda dimasyurkan menjadi Sultan Johor dan kemudian diangkat menjadi Yang DiPertuan Agong, semangat dan keberanian serta keikhlasan Baginda telah menambahkan semangat dan keberanian saya untuk menegur para sultan dan raja. Al-Mutawakil adalah raja yang berani. Semoga Allah terus memberikan taufik dan hidayah serta petunjuk sepanjang hayat Baginda. Dan semoga Baginda sentiasa berada dalam peliharaan Allah Yang Maha Esa.

Saya juga yakin buku bertuah ini akan dibaca oleh Baginda Sultan Azlan Shah, Yang DiPertuan Agong yang kesembilan kerana dalam banyak-banyak nombor, nombor 9 adalah nombor yang terpenting. Tidak ada nombor lain selepas sembilan. Saya juga berharap Baginda Sultan Kelantan akan melapangkan masa membaca buku ini kerana Perang Dunia Kedua yang menyaksikan Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun sesungguhnya telah bermula di bumi Kelantan dan Abdullah Munsyi juga pernah menulis mengenai raja Kelantan.

Sultan Kelantan menjadi sangat popular hari ini kerana terlibat dengan politik golongan **serpihan** dan PAS yang menentang kerajaan. Berbeza dengan Al-Mutawakil yang memberi sokongan penuh pada UMNO, Dr. Mahathir dan kerajaan.

Buku ini mendedahkan **revolusi** yang sedang berlaku di kalangan istana dan yang ada perkaitannya dengan peranan serta kedudukan Duli-duli baginda Raja-raja Melayu dan kalangan-kalangan istana yang telah menampakkan terdapatnya perselisihan pendapat antara raja sama raja.

Bukanlah menjadi niat saya untuk mengkritik kalangan istana mengikut emosi dan memuaskan nafsu, tetapi sekadar memberi

nasihat, menegur dan memberi ingat kepada Tuanku-Tuanku sekalian tentang apa yang Tuanku patut tahu dan apa yang tak patut Tuanku-Tuanku lakukan sebagai insan yang dianggap seperti payung oleh rakyat jelata. Begitulah. Sebagai hamba Allah, Tuanku-Tuanku tentu maklum bahawa ingat mengingati di antara kita ini dituntut oleh Allah. Bukanakah kita manusia ini sentiasa berada di dalam keadaan larai dan leka, melainkan mereka yang sentiasa mengamalkan zikirullah dan sentiasa bersifat takwa terhadap Allah.

Sejak kebelakangan ini cerita-cerita istana sudah jadi buah mulut rakyat, sama ada di antara ahli-ahli politik mahupun mereka yang bersempang di **kedai-kedai kopi** atau juga di warong-warong **teh tarik**, apatah lagi di *Coffee House* dan di *lobby hotel*. Kalangan istana sudah mula menjadi sasaran akibat tersiarnya berita dalam media massa mengenai telatah dan perbuatan di kalangan istana yang mula melibatkan diri dalam kancang politik.

Adapun kebanyakan dari cerita-cerita ini bukanlah dari jenis yang boleh dijadikan halwa telinga. Sebagai rakyat Tuanku amnya, dan sebagai seorang penulis dan pemikir bangsa khasnya, agak berdesing juga telinga saya bila mendengar cerita-cerita yang semacam ini. Tapi hendak buat macam mana. Rakyat bukan lagi hidup dalam zaman **Hang Tuah** dan **kesultanan Melayu Melaka** yang sanggup membutakan mata dan memekakkan telinga terhadap perilaku raja dan hulubalang mereka. Sultan-sultan di zaman **Raja bersultan di mata dan beraja di hati** sudah lama berlalu.

Semasa sultan-sultan Melaka memerintah dulu, pengaruh Islam belum lagi kuat di dalam jiwa rakyat. Mereka tak tahu siapa dia **Sayyid Quthub**. Mereka tak kenal siapa dia **Abul Ala Maududi** dan **Hassan Albana**. Mereka tak pernah dengar nama **Jamaluddin Al-Afghani**, **Muamar Qadaffi** dan **Ayatullah Khomeni** hero orang PAS. Lagipun pada masa itu mujaddid-mujaddid Islam belum lagi dilahirkan di kalangan mereka seperti yang terdapat pada hari ini.

Ingin-ingatlah Tuanku, lain hulu lain parang, lain dulu lain sekarang. **Hang Tuah** sudah lenyap dan Sultan Melaka sudah hilang takhta-takhta mereka. Tentu Tuanku tahu jawabannya. Raja Melayu yang bertakhta kini tidak lagi mempunyai bidang kuasa yang sama seperti sultan Melaka dulu. Kini rakyat yang **berdaulat**. Biarpun orang Melayu masih lagi tidak berani menegur raja-raja mereka secara terbuka di depan raja, namun kebencian

sudah meniti dari mulut ke mulut. Saya bimbang akan anasir-anasir komunis yang sentiasa mengambil kesempatan menangguk di air yang keruh.

Soal raja dan rakyat satu soalan yang amat **sensitif** dan rakyat faham bahawa kebanyakan Tuanku Raja Melayu sekalian adalah sensitif terhadap teguran-teguran rakyat. Tapi rakyat juga **sensitif** terhadap perilaku raja-raja mereka.

Namun, walau macam mana **sensitif** sekalipun, demi mengelakkan dari *history repeating itself* sebagaimana yang telah terjadi kepada kesultanan Melayu Melaka dulu dan sultan-sultan lain di dunia yang telah kehilangan takhta akibat kebangkitan rakyat, maka saya terpaksa juga memulakan usaha-usaha ini. Biarlah saya seorang saja yang menjadi mangsanya daripada orang Melayu tiba-tiba hilang raja-raja mereka.

Sebenarnya langkah pertama telah pun saya mulakan. Sultan yang pertama saya tegur ialah Al-Mutawakil. Bacalah buku saya '**TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA**'. Kemudian saya telah mengutus sepucuk warkah terbuka kepada Yang DiPertuan Agong yang kelapan. Isi kandungan buku ini adalah lanjutan kepada surat saya kepada Baginda Al-Mutawakil itu melalui buku saya **CHALLENGER 'SIAPA LAWAN SIAPA'** yang diterbitkan pada tahun 1987.

Bagi Tuanku-Tuanku yang tidak berpeluang membacanya, moga-moga dengan berhasilnya buku **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT** ini dapatlah Tuanku-Tuanku sekalian memahami sebahagian dari isinya yang saya persembahkan di bawah ini.

Tuanku!

Tentulah tidak salah bagi saya sebagai seorang mukmin mengingatkan sesuatu kepada raja saya yang juga seorang mukmin, kerana ingat mengingati sesama mukmin itu adalah antara kerja yang dituntut oleh Allah Ta'ala. Tuanku berada di tempat yang *above the law* di negara ini. Maknanya kedudukan Tuanku sebagai Raja memang tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa pun walau apa pun yang dibuat oleh Tuanku. Tuanku bebas berbuat apa-apa saja yang Tuanku suka. Tetapi sebagai seorang insan, kedudukan Tuanku tidak lebih dan tidak kurang hanyalah sebagai seorang **HAMBA ALLAH** sahaja di sisi Tuhan. Semua insan sebagai **HAMBA ALLAH** di atas muka bumi ini sama sahaja darjat dan kedudukannya di sisi Allah, tak

kira sama ada dia seorang raja yang berkuasa, seorang menteri yang berpengaruh, seorang jutawan yang kaya raya, mahupun seorang rakyat marhaen yang miskin papa. Setakat itu sajalah tujuan saya, melaksanakan perintah Allah supaya mengerjakan yang baik dan menegah perbuatan yang mungkar, dan ingat mengingatkan sesama mukmin tentang yang hak.

Begitulah Tuanku cara saya menulis kepada seorang raja. Saya percaya Sultan Azlan Shah sebagai Yang DiPertuan Agong yang baru dapat menerima tulisan saya kerana baginda adalah seorang bekas hakim yang bergelar *Yang Arif* sebelum baginda dipilih menjadi Raja Muda, kemudian diangkat menjadi Sultan dan sesudah itu dilantik menjadi Yang DiPertuan Agong.

Dalam penulisan, saya tidak memilih bulu. Saya juga tidak memandang pangkat. Saya tak kira kalau ada sesiapa yang pada hemat saya perlu ditegur, saya tegur. Saya akan berkata benar. Inikan pula di hadapan seorang raja yang pernah menjadi seorang hakim. Sekiranya baginda Tuanku mendapati sesuatu kesalahan di dalam buku ini terserahlah kepada baginda Tuanku bagaimana nak menghukum saya.

'My lordship, you may be the king but still you are a judge. A good judge shall remain a judge all his life by virtue of being a Khalifah'.

Semoga saya dapat menjawab sebahagian besar dari kemosyikilan yang ada berkaitan dengan tajuk buku saya kali ini, *Revolusi Istana dan Rakyat*. Semoga anda menerima dengan perasaan yang rasional mengenai tulisan saya, tentang nasib orang di istana dan rakyat. Saya tidak akan menulis sesuatu sekiranya saya fikir dan rasakan ia tidak perlu, dan tidak akan menguntungkan; sebaliknya boleh merugikan ummah, bangsa saya dan negara saya. Akhir kata saya muatkan kata-kata Ibnu Khaldun sebagai menutup *Mukaddimah* ini:

**Dunia itu suatu kebun,
pagarnya negara.
Negara itu sebuah kekuasaan,
yang hidup dengan kekuasaan itu
aturan yang tetap (sunnah).**

Aturan yang tetap itu
ialah politik (siasah),
yang dijalankan oleh raja.
Raja itu peraturan,
yang disokong oleh tentera.
Tentera itu pembantu-pembantu,
yang ditanggung oleh harta.
Harta itu rezeki,
yang dikumpulkan oleh rakyat.
Rakyat itu budak-budak,
yang dipelihara oleh keadilan.
Keadilan itu yang disukai.
Dengan keadilan tegaklah dunia.
Dunia itu suatu kebun,
kemudian,
anda kembali kepada awal perkataan tadi.

Moga-moga dengan ini kita semua sama-sama beroleh taufik
dan hidayah dari Allah s.w.t. Wabillahi taufik walhidayah.





"Awak semua nampak tak tangan saya ni? Jangan cuba buat tak tentu pasal dengan Perdana Menteri saya, Datuk D.K. Johor yang saya beri. Kalau ada masalah dengan Dr. Mahathir saya datang semula ke Kuala Lumpur. Selamat Tinggal. Selamat iumpa laiqi."



Sultan Azlan Shah: Apa pasal you tulis buku mengarut-mengarut macam tu Profesor?

Prof. Syed Hussein: Eh! Itu bukan saya Tuanku.

Sultan Azlan Shah: You kan Syed Hussein Alattas?

Prof. Syed Hussein: Benar Tuanku, dalam Malaysia ini bukan ada satu orang sajá Syed Hussein yang nama sama macam saya.

Sultan Azlan Shah: Itu Syed Hussein Alattas yang mana satu?

Prof. Syed Hussein: Itu Syed Hussein Alattas kawan baik Al Mutawakkil Sultan Iskandar, Tuanku.

Sultan Azlan Shah: Kalau macam itu saya faham.



Sultan Ahmad Shah: Syed, apa you kacau raja dan kerabat mereka?

Alattas: Saya bukan kacau Tuanku, saya cuma jalankan tugas saya.

Tuanku: Kalau macam itu tak pa. Saya izinkan you. You tulislah apa yang you fikir patut.

Alattas: Terima kasih Tuanku, saya sudah pun lakukannya.




"Saya tak kisah sangat apa Syed Hussein Alattas nak tulis dalam bukunya. Saya seorang raja yang sporting, saya inikan bekas Lord Presiden. Saya boleh menerima, 'Sense of Humor' dengan baik. Saya kasi peluang kepada rakyat untuk mengoriented saya supaya tak ada jurang antara saya dengan rakyat. Saya bangga dan senang hati ada penulis yang berani dan ikhlas di Malaysia ini" begitulah kata Sultan Azlan agaknya.



Dr. Mahathir: "Ke mana pula Pak Habib kita ni nak pergi. Siapa pula yang jadi sasarannya. Saya tahu saya tak akan haramkan buku dia. Kalau saya haramkan dia pula yang nak ambil tempat saya jadi Perdana Menteri. Pak Habib ini lain dengan Pak Ya. Yahya Ismail tengok dia jalan ikut belakang nak sembunyi dari saya."

S.H. Alattas: "Biar Mahathir Menteri Dalam Negeri, saya tetap berani berkata benar di hadapannya."



Raja-raja, para pemangku raja, Yang DiPertuan Negeri dan wakil raja sedang menyaksikan Sultan Azlan Shah menerima perlantikan sebagai Yang DiPertuan Agong yang kesembilan.

1

ISTANA VS PERDANA MENTERI

Kita lihat daripada sejarah yang menunjukkan bagaimana lemahnya orang Melayu apabila mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri berasingan. Mereka memang sudah lemah kerana mereka tidak mempunyai *orang yang terpelajar, profesional, ahli perniagaan yang kaya, pekerja mahir dan cekap, penglibatan dalam berbagai bidang usaha yang penting dan kelemahan lain*. Tetapi apabila mereka membahagi-bahagikan diri mereka kepada rakyat negeri masing-masing dan bertindak secara berasingan, mereka menjadi lebih lemah.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad
Ucapan di Johor Bahru pada
11 Mei, 1989.

PADA 1 April 1988, rakyat Malaysia membaca berita yang tersiar di pelbagai akhbar tentang perselisihan antara Istana Kelantan dengan Datuk Mohammed Yaakub, Menteri Besar negeri tersebut. Hari itu 1 April 1988, hari yang dianggap hari '**April Fool**'. Hari siapa pun boleh mainkan siapa. Disebabkan berita itu tersiar di hari yang lucu, tentulah ada orang yang mengatakan berita itu untuk mempermain-mainkan orang sahaja. Tetapi rupanya tidak. **Krisis Istana Kelantan dengan Menteri Besar** memang betul, **krisis antara istana dan kerajaan** kepunyaannya rakyat memang nampaknya macam sudah ada orang yang

sudah jadi '*fool*' sungguh.

Itulah mulanya, pergolakan yang dapat dianggap penting, walaupun ada orang mengatakan itu berita kecil sahaja, yang berlaku di negeri **Kelantan Darulnaim** atau dipanggil juga **Serambi Mekah** itu. Bagaimanapun sama ada berita itu berita kecilkah, atau berita besarkah, perselisihan antara **Istana** dan **rakyat** memang sudah benar-benar terjadi. Dan sesuatu kejadian itu sebenarnya bukan terjadi dengan secara tiba-tiba sahaja. Ia pasti mempunyai sebab-musababnya yang tersendiri dan mempunyai rangkaian cerita dengan plotnya yang panjang lebar, **kompleks** dan **komplikated** pula.

Semenjak zaman purba, atau zaman dahulukala lagi Kelantan, kata orang, berasal daripada (**kilatan**) **Darulnaim** itu adalah negeri yang istimewa. Sejarah keistimewaan itu nampaknya kekal sehingga kepadanya kepada zaman sejarah modennya, mudah-mudahan berpanjanganlah hendaknya.

Apa tidaknya, mana ada sebuah negeri lain di Malaysia ini yang sejarah awalnya pernah diperintahkan oleh seorang perempuan. Nama **Cik Siti Wan Kembang** dan **Puteri Saadung** hingga hari ini masih kekal dalam jiwa seluruh rakyat Kelantan dan menjadi satu lambang perjuangan yang tidak mungkin dapat dilupakan.

Kemudian kalau dari segi perwatakan orang-orang Kelantan itu pula ia mempunyai satu macam watak yang berbeza daripada watak orang-orang **Trengganu**, **Pahang**, **Kedah** dan lain-lain negeri di Malaysia ini. Ia mempunyai ciri-ciri yang tersendiri.

Ciri-ciri tersendiri itu memang jelas bukan sahaja di **Kelantan** apabila mereka hidup di dalam kalangan dan lingkungan mereka sendiri, tetapi juga apabila mereka keluar dari negerinya dan berpindah ke **Kuala Lumpur**. Di Kuala Lumpur, mereka bukan sahaja membuka kawasan-kawasan kediaman yang khusus seperti **Kampung Kelantan** atau **Kampung Pasir** tetapi mereka juga menjadi '*dominan*' di kampus-kampus sebagai mahasiswa atau di **Chow Kit** sebagai peniaga.

Mereka bukan sahaja memiliki watak yang boleh dan bersedia bertanding serta bersaing dengan orang lain tetapi mempunyai semangat dan hati yang keras untuk mencapai tujuan dan matlamat mereka.

Dalam **politik tradisional** pula, Kelantan mempunyai beberapa keistimewaan, kerana adanya faktor bahawa di suatu zaman dulu, ia pernah diperintah oleh seorang perempuan. Manakala

dalam sejarah modennya pula kerana ia adalah sebuah negeri yang selama 18 tahun diperintah oleh parti pembangkang iaitu PAS (Parti Apa Saja), parti yang dikuasai oleh orang-orang dari pengajian pondok.

Selama 18 tahun Kelantan berada di pinggir semasa ia diperintah oleh PAS. Tentulah masih ramai lagi orang yang tidak lupa kepada hal-hal itu. Rakyat Kelantan sendiri sama ada yang UMNOnya ataupun yang PASnya atau orang serpihannya tentulah masih ingat, macam mana ulamak pondok memerintah mereka. Macam juga mereka tak boleh lupa macam mana Tanah Melayu semasa dijajah oleh Inggeris. Rakyat yang pemikirannya masih lagi tidak merdeka takut menderhaka kepada ulamak-ulamak dan tok-tok guru PAS. Tapi mereka telah sedar.

Bermacam-macam cara dilakukan untuk menawan Kelantan daripada tangan PAS. Tetapi semuanya gagal kerana rakyat takut kononnya PAS saja yang boleh memperjuangkan Islam.

Selain dari PAS, siapa saja yang cakap pasal Islam dilihat sebagai tidak *Islamic* dan bersifat '**Asabiah**'. Selain dari PAS, mereka juga takut dengan sifat-sifat Tuhan yang Maha Mengetahui, yang Maha Kuasa. PAS kalah di Kelantan bila ramai dah tahu bahawa Parti itu cuma satu alat untuk mencapai matlamat politik, macam kancil gunakan buaya jadikan titian untuk makan buah ranum di seberang. Begitulah segolongan pemimpin PAS gunakan Islam untuk dapatkan cita-cita politik mereka.

Rakyat juga masih tidak lupa bahawa pada tahun 1955 UMNO telah berjaya menguasai Kelantan, tetapi pada waktu itu para pemimpin UMNO dengan kesombongannya yang luar biasa telah membuat rakyat menanam semangat benci terhadap mereka. Orang yang sompong, riak, takbur serta melakukan perkara-perkara yang mungkar, hidupnya tidak selamat. Akibatnya dalam Pilihanraya berikutnya UMNO telah kalah dengan teruknya. Itulah pertolongan Allah kepada kaum yang tertindas.

Ramai orang masih tidak lupa bahawa semangat rakyat yang telah jemu dan bosan terhadap sikap pemimpin itulah yang menyebabkan mereka memberikan undi kepada PAS walaupun mereka tahu segala macam projek pembangunan tidak akan berjalan atau dijalankan. Mereka akan kerugian. Tetapi bagi mereka yang '*sensitif*', yang lebih penting lagi ialah mereka hendak mengajar semua pemimpin yang sompong dan angkuh itu supaya mengubah sikap, supaya ingat bahawa rakyat yang berkuasa. Rakyat boleh naik dan jatuhkan pemimpin bila mereka

suka. Begitulah cekal dan beraninya sikap rakyat Kelantan yang banyak mengajari ilmu tauhid. Mereka sentiasa tawakal dan berserah diri kepada Allah. Mereka tahu sifat Tuhan yang Amat Pemurah lagi Amat Pengasihani.

Bagi orang Kelantan itu adalah **maruah**. Mereka tidak mahu **maruah** mereka dipermainkan oleh siapa pun. Dan akibatnya selama 18 tahun Kelantan berada di pinggir arus pembangunan. Biar rugi, biar ketinggalan, asal puas hati. Tak ada pertolongan dari manusia pun mereka hidup juga. Tuhan yang menghidup dan mematikan manusia.

Selama 18 tahun mereka di bawah pemerintahan PAS, parti yang tidak boleh membawa apa juga jenis pembangunan, sama ada **moral**, **spiritual** atau **material**. Mereka sanggup menerima apa kata orang lain terhadap mereka. Mereka puas dan bahagia dengan lagu-lagu Padang Pasir yang dimainkan oleh PAS. Mereka bukan tak kenal jenis ulamak-ulamak pondok yang mana bila jadi orang politik, jadilah semacam tidak lebih dari kain pendek yang tak boleh dibuat selimut, tutup kepala kaki nampak, tutup kaki nampak kepala. Inilah jenis orang mengaji yang tak khatam.

Mereka bukan tidak tahu akan kemajuan dan projek-projek yang dilaksanakan di negeri lain. Mereka tidak peduli. Yang penting bagi mereka, mereka puas. Tapi lama-lama sangat puas mereka naik benci dengan kepuasan, mereka benci pada diri sendiri. Hidup mesti mencari kebaikan di dunia dan untuk akhirat. Hidup dalam kesusahan boleh mendekatkan manusia kepada kekufuran.

Kini mereka diam, tetapi diam mereka bukan diam besi; diam ada isi, diam dengan penuh makna, mereka sedang merenung akan kejadian dan mentafsir segala gerak dan riak yang terjadi kepada masyarakat. Maka setiap gerak dan riak pemimpin PAS, Serpihan serta Raja dan orang-orang istana mereka perhatikan dengan saksama dan bijaksana. **Look and see**, tengok dan lihat siapa yang ikhlas? Nawaitu siapa yang betul?

Begitulah halnya di negeri Kelantan, setiap dari mereka yang sedar dan insaf dapat membaca dengan benar akan apa-apa yang berlaku di negeri itu. Maka mereka telah memerhatikan dengan mata kepala mereka sendiri. Mereka akhirnya tahu juga bahawa yang dipanggil **manusia pemimpin** yang kononnya mendapat gelaran ulamak berjuang untuk agama, untuk melaksanakan hukum Tuhan di bumi Tuhan ini sebenarnya bukanlah mahu menegakkan hukum Tuhan melainkan bermali-

politik untuk tujuan tertentu dan untuk mendapatkan kerusi. Ada nawaitu lain yang tersembunyi. Maka tak hairanlah mereka berpaling ke arah lain.

Kenapa mereka meninggalkan PAS? Kenapa mereka mengundi UMNO? Kenapa mereka tak duduk saja di rumah tidak keluar mengundi supaya hanya orang-orang UMNO sahaja yang mengundi UMNO untuk menang? Kenapa?

Ramai orang cuba membina sejarah, ramai orang yang cuba membina ketokohan. Kerana sesuatu hal yang tertentu, ramai yang mengatakan Ku Li-lah yang menyebabkan UMNO menang di Kelantan. Dan Ku Li pun mengakui bahawa beliau bertanggungjawab mengalahkan PAS di Kelantan. Tetapi ramai orang Kelantan yang pandai dan bijaksana. Cerita-cerita **wayang kulit** telah mengajar mereka bagaimana politik **Seri Rama** untuk memerintah negeri. Mereka besar di dalam budaya **wayang kulit** dan **makyong**. Mereka diasuh dan dididik di pondok-pondok. Mereka belajar tauhid. Mereka kenal diri, ramai yang menjadi anak murid Tok Kenali dan guru-guru yang bertaraf wali di negeri yang bernama **Serambi Mekah**.

Dan mereka sedar siapakah yang sebenarnya yang menyebabkan UMNO menang di Kelantan. Adakah manusia yang boleh memberi kemenangan? Bolehkah manusia mengalahkan manusia kalau tidak dengan kehendak Tuhan? Allah Maha Berkuasa. Allah Maha Mengetahui.

Siapa yang tidak tahu apabila orang-orang PAS mula berlagak dengan segala macam kemegahannya kerana mereka telah dapat memerintah Kelantan selama sekian banyak tahun tanpa membuat apa-apa tadika Islam pun, tak ada yang duduk mengaji di pondok-pondok, namun pemikiran pemimpin masih di taraf pondok juga. Orang-orang UMNO yang tahu akan hal ini dan yang sudah mempelajari '**The Art of War**' mula menyusun strategi. Mereka mula gunakan '**Saiwar**' sikap sompong yang lama itu pun semakin lama semakin hilang, dan ini diikuti sama oleh psikologi orang yang kalah, yang biasanya akan merendah. Mereka mula mendampingi dan memberikan perhatian kepada rakyat, dan akhirnya berjaya juga mendapat kembali perhatian rakyat. Ini berlaku bukan disebabkan oleh tokoh tetapi disebabkan kesedaran pemimpin-pemimpin dan rakyat yang dinamakan '**Hukum Imbang**', '**The Law of Balance**'.

Faktor perpecahan dalam PAS yang amat penting ialah kerana PAS tidak mempunyai pemimpin peringkat nasional yang berkualiber

dan mempunyai pemimpin karisme yang layak jadi pemimpin bertaraf nasional. Pas sudah kacau dalam pimpinannya sejak Datuk Asri meninggalkan parti itu. Nik Aziz bukan seorang ahli fikir dan seorang strategis. Pendeknya PAS Kelantan sudah ketandusan pemimpin sejak Asri dan orang-orangnya meninggalkan PAS.

Orang-orang UMNO yang tahu akan hal itu dengan menang di Kelantan telah kembali menunjukkan belang mereka masing-masing, telah sompong semula, telah dikuasai oleh nafsu tamak haloba, telah dipengaruhi oleh iblis, maka sebab itu mereka pecah. Mereka pecah kerana keangkuhan dan kesombongan, kerana sifat berpuak-puak, dan kerana penyakit loba. Tetapi sekarang mereka sudah bersatu semula. Mereka mula insaf, mula sedar bahawa perpecahan antara orang UMNO telah mengakibatkan perpecahan Melayu Kelantan dan akibatnya mereka telah nampak dengan sendirinya. Sifat kenegerian Kelantan boleh merugikan umat Melayu. Umat Melayu tak mampu berpecah. Mereka bukan lagi kaum yang majoriti. Mereka mesti ingat kata-kata Mahathir pada 11 Mei 1989.

Kita lihat daripada sejarah yang menunjukkan bagaimana lemahnya orang Melayu apabila mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri berasingan. Mereka memang sudah lemah kerana mereka tidak mempunyai *orang yang terpelajar, profesional, ahli perniagaan yang kaya, pekerja mahir dan cekap, penglibatan dalam berbagai bidang usaha yang penting dan kelemahan lain*. Tetapi apabila mereka membahagi-bahagikan diri mereka kepada rakyat negeri masing-masing dan bertindak secara berasingan, mereka menjadi lebih lemah.

Rakyat Kelantan yang beria-ia benar menyokong sepatutnya dapat menilai dan menimbang siapakah pihak Serpihan ini sebenarnya. Kalau nak tahu lebih lanjut baca buku saya '**Politik Serpihan**' supaya rakyat nampak bahaya perpecahan ini dengan mata kepala mereka sendiri, semoga pejuang-pejuang kecil di desa-desa akhirnya tidak akan dapat digula-gulakan lagi oleh 46 - PAS yang kononnya mahu memperjuangkan nasib mereka dan menyatu paduan ummah padahal **PAS Parti Apa Saja**.

Mereka sepatutnya berfikir apakah politik orang Melayu

keseluruhannya yang penting atau politik segolongan orang yang nampaknya sudah gila kuasakah yang sebenarnya penting?

Mereka ini akhirnya tidak akan hairan dengan tiket kapal terbang percuma yang diberikan untuk datang ke Kuala Lumpur dan tinggal di hotel kelas pertama seramai 5 atau 6 orang satu bilik. Mereka tidak hairan itu semua lagi. Mereka tidak lagi merasa bangga dapat mendampingi bekas-bekas pemimpin. Mereka dah tahu bekas-bekas pemimpin dan menteri-menteri ini macam **botol kosong** saja. Botol yang dulu di dalamnya ada barang-barang berharga, nilainya tinggi tapi bila sudah jadi botol kosong, tukang karung guni pun tak mahu beli. Mereka juga tidak lagi mahu menjadi alat pihak istana kerana mereka sudah diberitahu bahawa yang berdaulat ialah rakyat. Inilah kesedaran yang mula ada pada rakyat Kelantan.

Fikiran mereka yang sudah disedarkan kini sedang memikirkan cara bagaimana orang Melayu boleh bersatu dalam satu kesatuan yang kukuh dan padu? **Baginda Almutawakil Sultan Iskandar juga telah menyedarkan rakyat sebatang lidi penyapu boleh dipatahkan tapi kalau sudah jadi secekak, itu tak mungkin.** Raja sepatutnya membuka pintu istana kepada rakyat bukan buka pintu untuk pemimpin saja atau buka pintu untuk raja-raja saja. Raja belanjakan 25 juta ringgit wang rakyat untuk memperbaiki istana kerana ada mesyuarat raja-raja yang berlangsung selama beberapa minit saja. Rakyat dah tahu itu kerja membazir. Masih ada Rakyat yang minum air yang keruh dan kotor. Air dari jamban raja lebih bersih dari air yang diminum oleh rakyat Kelantan.

Cakap-cakap 46-PAS, cakap-cakap PAS-46 mengenai '**Perpaduan Ummah**' cuma sedap didengar saja. Laungan-laungan dari pemimpin yang bercakap tentang **perpaduan ummah** tapi terus bersikap sompong dan angkuh dan bersekongkong di dalam istana menampakkan sifat tidak ikhlas, membuatkan rakyat bosan. Rakyat tahu 46-PAS sebenarnya cuma nak ambil kesempatan saja. 46-PAS berbaik dengan pihak Istana ada muslihat macam juga muslihat mereka berbaik dengan rakyat.

Tak dapat dinafikan memang ada yang masih setia kepada Ku Li, tetapi kesetiaan itu adalah kesetiaan kerana kasih dan sayangkan Ku Li kerana sifat ikhlas dan setiakawan Ku Li terhadap mereka. Dan nawaitu mereka itu, Allah saja yang tahu. Maka akhirnya rakyat akan berbalik semula kepada nawaitu yang baru, iaitu nawaitu yang lebih ikhlas, lebih benar dan lebih bersih dalam hakikat memperjuangkan agama bangsa dan tanah air yang

sudah memperlihatkan tanda-tanda akan musnah akibat permainan orang politik.

Inilah yang telah sekian lama terjadi kepada rakyat Kelantan mengikut catatan sejarah negeri itu. Saya percaya pergolakan yang sengit hari ini akan berakhir.

Dunia ini adalah tempat sementara waktu sahaja, hanya akhirat jualah tempat yang kekal dan abadi. Rakyat Kelantan tahu akan hakikat ini dan mereka pasti akan bersatu atas nama perpaduan ummah yang sebenarnya dan bukan dengan APU (Angkatan Perpaduan Ummah) anjuran PAS-Semangat 46 dan DAP yang merapu.

Itulah secara ringkas akan inti daripada kehidupan rakyat Kelantan yang ada dalam pengetahuan saya yang dapat saya pelajari mengikut petunjuk dari Allah yang membuatkan saya berani meluahkan perasaan saya. Maka dalam intipati itulah saya melihat apa-apa yang berlaku di Kelantan dalam menempuh zaman-zaman mana pun dalam sejarah perkembangannya. Selagi mereka berpegang pada tauhid, mereka akan selamat dari pancaroba dunia dan manusia yang penuh dengan kepura-puraan.

Peristiwa 31 Mac, bagi Mohammad Yaakub adalah peristiwa yang amat malang. Peristiwa yang memalukan bukan sahaja dirinya sebagai '*individu*' tetapi lebih-lebih lagi rakyat Kelantan itu sendiri, kerana Muhammad Yaakub itu adalah wakil dari seluruh rakyat Kelantan. Dan peristiwa ini kalaupun dapat dilupakan oleh Menteri Besar Kelantan, tetapi rakyat Kelantan yang nawaitunya betul dan ikhlas tidak akan lupakan begitu sahaja. Meréka akan bertanya macam mana pihak istana boleh menyalahgunakan kuasa.

Peristiwa malang itu bermula pada 31 Mac apabila Menteri Besar Kelantan tidak dijemput untuk (menyembah) Sultan Kelantan dan menyampaikan taat setia sempena hari keputeraan baginda.

Teks ucapan Yang Amat Berhormat Tan Sri Mohamad Yaakub tersimpan didalam kocek bajunya menunggu masa saja untuk disampaikan di depan Sultan Kelantan dan para kenamaan yang lain. **Tetapi sumpah Demang Lebar Daun dan Sang Purba sebagaimana dicatatkan di dalam sejarah Melayu telah dipecahkan.**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Tan Sri Datuk Mohamad Yaakub yang sejak seminggu berusaha menyiapkan teks

(sembah) ucapan berkenaan, walau bagaimana sabar pun orangnya kerana keimanan Islam yang ada di dalam dadanya, namun sebagai seorang manusia biasa, dalam hati kecilnya tentulah lambat nak hilang kesan luka daripada peristiwa itu. Itulah yang dikatakan oleh orang tua-tua, 'Luka di tangan nampak merah darahnya, luka di hati siapa yang tahu'. Darah yang mengalir di dalam hati Mohamad Yaakub itu adalah darah hati nurani rakyat jelata yang berasa kecewa kerana Menteri Besar mereka dipermainkan begitu rupa oleh pihak istana

Mohamad Yaakub yang lengkap dengan pakaian resmi terpaksa menahan rasa aib dan malu serta sedikit rasa kesal bercampur marah dengan harapan membiarkan "krisis kecil" itu diselesaikan segera.

Ada orang mengatakan bahawa, peristiwa itu adalah satu kesilapan teknik yang sengaja dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dengan cara memberikan tekanan kepada sekretariat majlis tersebut supaya berlaku demikian. Ini kononnya berikutan dengan kegagalan pihak-pihak tertentu untuk mengadakan undi tidak percaya supaya Tan Sri Mohammad Yaakub meletak jawatan sebagai Menteri Besar.

Ada pula orang yang terus mengatakan bahawa peristiwa itu terjadi demikian kerana Ku Li telah memainkan peranannya selaras dengan penentangannya terhadap kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammed. Kononnya dengan berbuat demikian maka pimpinan Mahathir akan mendapat malu dan Ku Li boleh mengatakan bahawa dia mempunyai sokongan yang kuat di Kelantan.

Apa pun alasan,... apa pun hujah,... apa pun orang lain nak kata,... kita nak kata atau sesiapa pun nak kata, katalah... Manusia memang bebas berkata-kata... katalah... Lidah manusia sememangnya tidak bertulang. Katalah asal jangan berdusta...

"Percaya mata memandang, percaya telinga mendengar, tidak tahu asal usul adalah berdusta".

Peristiwa itu sudah berlaku demikian. Ia tidak boleh dibaiaki dengan mengadakannya sekali lagi. Begitulah takdir Allah s.w.t ke atas hamba-hambanya. Itulah **Grand Design Tuhan** nak mengajar dan mengingatkan manusia yang lalai dan leka.

Datuk Mohamad Yaakub itu rakyat. Sebagai rakyat apakah yang dapat dilakukannya selain memberitahu para wartawan bahawa beliau akan mengadap Sultan

Kelantan bagi menyelesaikan apa jua masalah dengan pihak istana secara baik.

Rakyat Melayu ini selalu jadi macam mentimun dengan durian mengolek luka, digolek apatah lagi. Tapi orang yang merasa dirikuwa jangan lupa bila durian sudah jadi tempoyak, tunggula mentimun melanyaknya pula.

Katanya jika Menteri Besar diterima mengadap, beliau akan menjelaskan kedudukan sebenar, yang mungkin menjadi puncak peristiwa mengejut di Istana Balai Besar.

Walaupun umum sudah meneka, sudah mengagak dengan pelbagai tekaan dan bermacam agakan, dan kemudian telah menyebarluaskan - agak-agakan,... serta teka-tekaan mereka yang peliknya kenapa tiba-tiba pihak Istana menjadi murka kepada Menteri Besar?... Kenapa..? Kalau anda betul-betul natahu..., elok saya perturunkan semula, detik-detik awal **krisis** ini supaya anda dapat bandingkan dengan apa yang anda teka daripada agak, sama ada betul atau tidak fakta-fakta yang menjadikan latarbelakang kepada peristiwa itu seperti yang anda fikirkan. Bandingkanlah... menungkanlah dan fikirkanlah dengan rasional.

Dari awal-awal lagi telah saya katakan bahawa peristiwa ini bukannya satu peristiwa yang tiba-tiba terjadi. Tuhan tidak gelapkan dunia serta merta dari siang menjadi malam. Ia adalah satu rangkaian peristiwa yang mempunyai sebab-musabab dan kerennahnya yang tersendiri, yang sangat *komplikated* dan *sophistikated*. Ia mempunyai *hero* dan *antagonisnya* sendiri. Ada *hero* dan ada *krooknya*, di samping banyak watak-watak *gedeb* di dalamnya, yang sama-sama memainkan peranan penting ataupun yang kurang penting.

Dalam buku saya **SIAPA SELEPAS MUSA**, saya menonjolkan Datuk Musa Hitam sebagai regu Mahathir kerana **Mahathir & Musa** adalah regu yang paling sesuai dalam ruang waktu ketika itu. Ini juga disebabkan saya tidak ada pilihan selain dari mereka berdua. Pilih Datuk Musa atau Tengku Razaleigh sebagai Timbalan Presiden UMNO?

Dalam buku itu saya mengatakan:

'Saya percaya bukan sahaja ahli UMNO, rakyat yang cintakan negara ini tentu tidak hendak melihat Perdana Menteri menderita kerana sakit jiwa disebabkan Timbalan Perdana Menterinya.' Yang saya maksudkan

ialah, menyelamatkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad bererti memberikan kemenangan kepada Datuk Musa.

Jika kemenangan diberikan kepada Tengku Razaleigh Hamzah di dalam pertandingan Timbalan Presiden UMNO (1981) itu, saya katakan **Perdana Menteri** nanti akan menderita sakit jiwa kerana kebiasaannya, siapa saja yang jadi **Timbalan Presiden UMNO** bererti dengan sendirinya dia akan jadi **Timbalan Perdana Menteri**.

Antara sebab utama, beliau tidak sanggup dan berani memilih Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, ialah kerana beliau takut **ketulahan**. Maklum sajalah Tengku Razaleigh itu anak raja. Mana boleh anak raja diletak di bawah, dan rakyat duduk di atas. Dr. Mahathir akan hanya tetap dengan panggilan YAB (Yang Amat Berhormat) sedangkan Ku Li tentu akan di panggil YABM (Yang Amat Berhormat Mulia) atau mungkin YTM (Yang Teramat Mulia). Mana logiknya, Timbalan lebih terhormat dan mulia dari Perdana Menteri sendiri. Sambil itu Dr. Mahathir mesti menggunakan bahasa *istana* apabila bercakap dengan Ku Li. **Ku Li bukan sebarang anak raja. Ku Li dari keturunan yang disegani dan dihormati.** Inilah salahnya.

Jadi Dr. Mahathir sentiasa ada **moral obligation**. Sentiasa akan memberi penghormatan dan keutamaan pada anak raja dari Kelantan ini. Sedangkan Dr. Mahathir tak mahu **benda-benda macam ini**.

Bercakap dengan Ku Li mesti '**berpatik-patik**', mesti bersopan santun. Kalau tidak nanti orang kata beliau tidak tahu adat *Istiadat Istana*. Malu juga Perdana Menteri kita jadinya. Malu Perdana Menteri, malulah kita semua.

Kedua, perwatakan Mahathir dan Ku Li tidak sama. **Tak macam pinang dibelah dua.** Bentuk muka, mata Dr. Mahathir 'deep set', hidung, mulut dan dagu pun begitu. Macam juga dulu antara Datuk Hussein dengan Ghafar Baba. Dari segi **psiology** sahaja sudah tidak sesuai. Ini lagi satu '**mental torture**' bagi Dr. Mahathir mendapat pasangan yang tidak sesuai. Ketika itu kebanyakannya tulisan saya banyak terpengaruh dengan ilmu (**firasat**) di samping membuat analisa politik saya sertakan analisa mengikut (**firasat**).

Cuba kita tengok dari segi **profesional**, yang satu doktor. Doktor perubatan. Bagi seorang doktor nyawa manusia sangat penting. Setiap manusia mesti diselamatkan. Mesti utamakan tugas dan tanggungjawab tanpa memikirkan keuntungan dari

pesakit yang hendak diselamatkannya. Ini terkandung sebagai antara etika profesion dalam dunia perubatan sebagai seorang doktor!. Doktor nak kerat, nak potong orang sakit dia tak bole kesian. Tak peduli orang itu sakit, yang penting pesakit mes disembuhkan.

Tapi bagi Ku Li lain, dia orang ekonomi. Bukan sahaja pendidikannya dalam ekonomi tetapi dari keluarga yang memang salah satu yang terkaya di Kelantan. Ia jadinya macam 'karu di khazanah. Bagi dia Nombor satu duit. Dia tidak peduli siapa. Yang mesti dia fikir bagaimana bank boleh untung. Orang berniaga mesti fikir bagaimana mencari dan mengaut untung. Kalau tidak dia gagal menjadi Menteri Kewangan. Soal Melayu, Cina, India, Russia atau Amerika, dia tidak peduli. Wang penting. Bagaimana cara hendak mendapatkan wang?... Wang..., wang..., wang... Dan hari ini orang Melayu sudah dicuci otaknya supaya gilakan wang. Seakan-akan telah wujud 'financial doctrine ala Ku Li'. Dan kerana ini sudah ada orang Melayu yang menamakan dirinya Islam, namun menjadikan wang itu sebagai Tuhan. Dan sudah ramai orang Melayu yang menjadikan wang sebagai Tuhan Ni. 2. Kehancuran Amerika hari ini, ialah kerana orang telah menjadikan wang benda yang terpenting dalam hidup. Wang adalah nombor wahid mereka! Ketahuilah manusia yang tidak beriman atau yang tidak kukuh imannya akan rosak binasa dan terkorban kerana wang dan kekayaan yang berlebihan.

Sembilan tahun sudah berlalu sejak saya tulis buku **SIAF SELEPAS MUSA**. Buku politik semasa itu kini menjadi sejarah. Datuk Musa Hitam sudah keluar dari UMNO, masuk kumpulan serpihan, kemudian jadi ahli UMNO semula. Mulanya berbalik kemudian bermusuh semula dengan Ku Li. Namun ini adalah sejarah dan suratan takdir. Anggaplah ia sebagai satu hikmah untuk rakyat jelata, rakyat yang tertindas, rakyat 'muhtahzafin'

Sebenarnya ketegangan atau kekecohan yang berlaku di Kelantan ini telah bermula sejak tahun 1981 lagi, iaitu apabila kerajaan 2M (Mahathir-Musa) meminda Perlembagaan dengan menghadkan kuasa raja-raja. Akibat tindakan berani 2M tersebut timbul perasaan tidak puas hati di kalangan raja-raja. Bak kaum orang tua-tua:

Retak mencari belah, genting menanti putus.

Malah sewaktu itulah kata orang yang rapat dengan kalangan istana Kelantan, telah mula timbul rasa tidak puas hati Sultan Kelantan terhadap Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Sewaktu Proton Saga keluar ke pasaran, konon, katanya **Sultan Kelantan tidak membenarkan Proton Saga memasuki Kelantan**. Tapi kehendak rakyat ramai siapakah yang boleh menghalang. Sebab rakyat hanya mampu membeli Proton Saga sahaja, yang dibuat di zaman Dr. Mahathir. Tapi Sultan boleh pakai kereta yang harganya lebih satu juta dan bukan sebuah pula tu. Bila petang memandu selaju-lajunya dan rakyat di tepi jalan berkeriau masuk parit. Tak pa... Tak Pa... Tuanku boleh buat apa yang Tuanku suka... Tuanku raja...

Syukurlah, akhirnya sultan bawa juga **Proton Saga**. Kenapa dan mengapa baginda berbuat begitu? Hanya baginda saja yang boleh memberikan jawabannya.

Ini hak keistimewaan Tuanku yang tidak boleh dipersoalkan oleh rakyat. Cerita di luar istana yang didengar oleh rakyat itu terserah pada rakyat. Manusia yang bersifat baru boleh berubah-ubah.

Berita tentang rasa tidak senang Sultan Ismail Petra, Sultan Kelantan terhadap Dr. Mahathir ini bukan lagi cerita baru. Dan ini bukanlah perkara aneh, kerana baginda mungkin tidak membaca majalah-majalah Melayu yang baik seperti **Dewan Budaya** atau **Dewan Masyarakat**. Namun mungkin baginda cuma membaca majalah-majalah Inggeris seperti **Newsweek**, **FEER** dan lain-lain majalah Inggeris yang banyak rencana-rencananya menghentam kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri Malaysia Dr. Mahathir Mohammed. Begitu juga mereka yang mengelilingi baginda adalah orang yang tidak senang kepada kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir. Lebih-lebih lagi puak-puak Param yang Sultan bagi Datuk dan geng-geng mereka dalam Bar Council. Tentulah berita yang baginda Sultan dapat tentang Dr. Mahathir adalah berita dan cerita yang buruk-buruk belaka. Macam mana nak salahkan baginda kalau baginda Sultan tak senang dengan Dr. Mahathir? Segala peguam dan yang arif sudah mengelingi baginda. Gelap-gelita baginda dikelilingi oleh hampir seribu orang dari puak-puak Datuk Param.

Barangkali ada satu lagi faktor lain yang patut diketahui oleh rakyat yang berada di luar Kelantan. Faktor ini ialah faktor pertalian kekeluargaan antara Ku Li dengan Sultan Kelantan itu sendiri. **Permaisuri Sultan Kelantan itu adalah anak saudara Ku Li.**

Maka tidak anehlah apabila perwakilan dari Kelantan untuk Perhimpunan Agong UMNO 24 April 1987 diingatkan supaya pastikan Ku Li menang lawan Mahathir. Sebab itulah konaunya mereka ditempatkan di **Mimaland**. Ini konaunya supaya para perwakilan itu tidak dapat keluar kecuali hanya pada hari **mengundur** itu sahaja. Maka dan dengan begitu, undi daripada Kelantan tidak pecah, melainkan semuanya kepada Ku Li. **Apa pasal dem buat gitu? Demokrasi penama rimau kalu macam tu weh** kata kawan-kawan saya dari Kelantan, negara Che Siti Wan Kembang.

Pendeknya sejarah kemarahan Sultan Kelantan kepada Mahathir ini panjang sekali. Apabila Hussein Ahmad (Datuknya telah ditarik) dimazhurkan sebagai tidak dikehendaki menduduki kerusi Timbalan Menteri Besar Kelantan, Mahathir konon mas menyelamatkan Hussein Ahmad. Inilah yang baginda tak suka ni... Baginda nak ajar rakyat Kelantan... Rakyat baginda sendiri.. tiba-tiba Dr. Mahathir berlagak nak jadi heronya. Mahathir datan membela Hussein Ahmad. Hussein Ahmad sekarang jadi Datuk.. jadi Senator..., jadi Timbalan Menteri..., jadi Pengarah Penerangan UMNO Malaysia... dan macam-macam kejadian yang boleh timbulkan kemurkaan Sultan.

Yang anehnya hubungan istana dengan YB Datuk Dollah Ahmad (walaupun nama bapanya sama iaitu Ahmad juga, tapi bukan dua beradik dengan Hussein Ahmad, mereka juga bukan adik beradik dengan YB Kassim Ahmad), Timbalan Menteri yang tidak menyokong Ku Li secara terbuka dalam satu majlis di Kelantan seperti juga Hussein Ahmad tidak sokong Ku Li tetapi mendapat murka daripada istana. Masalah istana ini nampaknya satu permasalahan yang cukup punya sensitif.

Memang, kata seorang kawan saya dari Kelantan, cerita istana ini susah nak faham, sebab itulah pada waktu dulu-dulu di buat pagar istana itu tinggi sekali. Ini bukan sahaja kerana takut orang menyerang tapi kerana sekelilingnya memang mesti sentiasa dijaga supaya orang luar tidak tahu apa-apa yang BAIK-BAIK yang berlaku di dalam istana itu. Manalah tahu kalau rakyat lihat yang BAIK-BAIK itu, nanti mereka tiada pula... alangkah susahnya.

Satu lagi yang mungkin menimbulkan kemarahan bagi Sultan ialah apabila terjadi upacara **Semarak** di kawasan **Hussein Serama**. **Hussein Serama** ini atau panggilan Abang Sen ini namanya panggilan rakyat Kelantan kepada Yang Berhormat Datuk Hussein

Ahmad. Peristiwa **Semarak Lubuk Jong** telah membakar hati yang sudah panas, menyiram minyak kepada bara api yang sedang menyala.

Konon ceritanya dari ampunya cerita, pada hari berlakunya **Semarak** hendak diresmikan, di hari yang sama di Kota Bharu, berlaku juga satu hal di **Balai Islam**. Pihak Penganjur telah memberikan peluang kepada **Ku Li** bercakap berjam-jam lamanya. Sementara itu ada pula rombongan yang di datangkan disebabkan oleh dakyah pihak-pihak tertentu, untuk melaungkan:

"Mat Yaakob bohong! Mat Yaakob bohong!"

Tapi rakyat Kelantan tidak mudah tertipu. Mereka tak percaya Ayah Mat pembohong. Ayah Mat Menteri Besar mereka seorang tua yang baik.

Memang ada golongan yang membiarkan secara jangka pendek dipergunakan oleh orang lain, kerana sesuatu sebab yang amat kecil seperti "**Ah bele-bele tubik Kota Baru, bukan kena tambang satu sen**".

Ada juga yang mengatakan "**Ah kita bagi peluang ko demo tu sekali apa peleknya**". Betul juga.

Kata kawannya pula. "**Kalu gitu maghilah kita pakat-pakat gi..., manalah tau jumpa anak ayam sesat..., seronok juga... " "Bawaklah duit sikit..., kalau tak jumpa anak ayan sesat, kita gi golok deh."**"

Maka berlakulah apa yang telah berlaku. Ku Li mendapat sokongan yang hebat. Mat Yaakub kena sorak, '**Mat Yaakub bohong! Mat Yaakub bohong!**' Itulah perkara yang sudah berlaku.

Apa yang berlaku semuanya betul. Ku Li mendapat sambutan hebat, memang hebat. Macamlah PAS bila buat ceramah, atau golongan serpihan, semasa buat ceramah dulu-dulu, memang terlalu hebat sambutannya. Kalau buat di rumah yang berhampiran jalanraya, penuh penalah orang, tapi bila undi kalah juga! Ini perkara biasa. **Menang sorak kampung tergadai**. Orang jual ubat di kaki lima, pandai pukul gendang, pandai main seruling, pandai bercakap. Ada gambar-gambar lucuah ditontonkan, ramailah orang berkumpul tapi bila sakit orang ramai pergi jumpa doktor juga.

Awak dah kalah! Terima sajalah kekalahan dengan hati yang redha. Kalah di dunia apa nak kisahkan sangat, yang penting

nanti kita menang di akhirat. Tidak ada rezeki nak jadi menteri lagi, tak ada seru nak jadi pemimpin lagi... Lagi pun salah sendiri juga. Apa yang awak buat masa ada kuasa dalam tangan dulu?

Ramai kawan-kawan saya bertanya **Ku Li bercakap pada pembukaan Balai Islam atas kedudukan apa? Dia bercakap bagi pihak siapa? Berjam-jam yang dia cakap. Cakap Apa? Dalam Balai Islam cakap hal-hal yang berkaitan dengan agama ke? Lepas itu katanya Tunku Abdul Rahman pula yang bercakap. Cakap Tunku, dulu lagi kita semua sudah tahu.**

"Eh.. eh masih kuat lagi Teku Deraman ni," kata Pok Jai orang UMNO.

Ada orang PAS pula kata, "Allah, Tengku Deraman ni na bercakap lagi, kalu kita macam dia tu duk di rumah saja. Buamal dekat Tuhan dahlah. Apa lagi nak menyusah-nyusah Nak tongkat dunia ke?"

Orang UMNO penyokong kuat Ku Li celik mata ke arah orang PAS, dan kemudian orang Pas itu pula celik mata ke arah orang UMNO itu. Masa itu orang UMNO itu belum jadi golongan **serpihan** belum ada Semangat 46, belum bersekedudukan dengan PAS belum jadi geng dengan DAP, APU, sapu dan merapu macam hari ini belum terjadi lagi.

Begitulah mengikut cerita kawan saya sebelum dia bereda dari situ dan lepas itu dia tidak tahu lagi apa yang berlaku kemudiannya. Cuma dia tengok beberapa orang pegawai polis menyerbu ke kawasan itu. Ini semua sejarah, agar dapat mengingatkan kita. Jangan buat tak tentu dalam Balai Islam Agama Allah bukan boleh dipermain-mainkan.

Begitulah rintangan dari Tuanku dan Tengku dari golongan Istana yang dihadapi oleh Dr. Mahathir Mohamed sebagai wakil kepada rakyat Malaysia untuk menghadapi zaman-zaman yang penuh cabaran bagi meneruskan zuriat bangsa Melayu supaya tidak hilang di bumi Tuhan ini. Terlalu banyak sekali dan telah pu saya bincangkan dengan panjang lebarnya di dalam buku saya **THE CHALLENGER** yang telah diharamkan oleh mahkamah atas permintaan Datuk Musa Hitam. Bayangkanlah, tulisan yang hendak menyelamatkan bangsa Melayu, yang hendak membuka mata kepala bangsa Melayu bagi menghadapi dunia moden yang penuh dengan segala macam rintangan dan cubaan ini pun diharamkan juga. Alhamdulillah semua ada hikmahnya. Saya buku kena tahan, tulis satu lagi... Haram lagi, tulis lagi. Manusia boleh tahan dan penjarakan buku serta saya tapi pemikiran sa-

sudah tersebar luas kepada rakyat.

Tentangan dari puak-puak 46-PAS dan golongan Istana Kelantan terhadap Mahathir tidak mendapat sambutan yang hebat oleh rakyat Kelantan terutamanya: **Rakyat yang tahu mana yang intan dan mana yang kaca.** Rakyat yang penglihatannya tajam, pendengarannya jelas. Mereka tahu mana satu *riak ikan*, mana satu pula *riak ular* dari buihnya yang timbul dipermukaan air, samada air yang mengalir, atau air yang tenang. Mereka tahu pula apakah jenis ularnya, ular berbisakah atau ular air sahaja yang tidak pernah ada sejarah memagut orang.

Tentangan daripada sebahagian raja-raja terhadap pimpinan Mahathir sungguh hebat sekali. Tapi sokongannya juga sangat hebat. Itulah '**The law of balance**' Contohnya, dari dulu lagi, kita sudah dengar bahawa Sultan Perak, waktu itu Almarhum Sultan Idris bakal menjadi Yang Dipertuan Agong menggantikan Sultan Pahang yang akan tamat tempohnya dikatakan tidak begitu berkenan dengan Mahathir.

Almarhum Sultan Idris adalah sultan yang tegas, berani dan sanggup berbuat apa saja untuk memastikan tercapai segala kehendaknya. Kenaikan Sultan Perak akan menambahkan kesulitan Dr. Mahathir untuk berbuat sesuatu kerana akan banyak halangan daripada istana.

Malah ramalan begitu kencang menyebut bahawa sekiranya pihak Istana tidak berkenan dengan Perdana Menteri, kemungkinan besar baginda boleh **memprotes**, menunjukkan rasa tidak senangnya itu.

Namun Sultan Pahang yang tempoh Yang Dipertuan Agong itu tamat dilihat sebagai sultan yang peramah dan tidak suka **berkonfrontasi**. Di Pahang baginda sangat disenangi oleh rakyat. Begitu juga di luar daripada Pahang. Sifat dan keramahannya itu menjadi satu sifat yang menaikkan imej baginda sebagai Raja yang paling dihormati, dan sekaligus menaikkan imej negara di mata dunia. Sewaktu menjadi Yang Dipertuan Agong di zaman Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, Sultan Pahang menjadi perhatian rakyat dalam dan luar negeri sebagai Sultan yang berjiwa rakyat, ramah mesra mudah bergaul. Saya senang hati dengan baginda. Saya anggap baginda kawan saya, sebab itu saya abadikan gambar saya dan baginda di belakang buku ini sebagai penghormatan saya kepada baginda. Saya percaya kalau baginda dipimpin oleh mufti dan ulamak yang

berani dan ikhlas, yang sanggup menunjukkan jalan tauhid pada baginda, tentu baginda akan lebih dikasihi oleh rakyat disebabkan pelajaran tauhid yang ada pada baginda.

Krisis istana dan rakyat ini bermula dengan krisis Perlembagaan yang telah membuatkan pucuk pimpinan kerajaan merasa gelisah kerana ianya akan;

menjejasikan perlantikan menteri-menteri besar. Seandainya sultan-sultan tidak berkenaan dengan perlantikan ini bermakna tokoh berkenaan tidak boleh menjadi Menteri Besar. Ini dengan sendirinya bermakna walaupun pihak Istana tidak boleh mencampuri urusan politik, mereka boleh menentukan siapakah bakal-bakal Menteri Besar.

Justeru itulah Pindaan Perlembagaan 1981 itu dirasakan perlu bagi menjamin agar pihak Istana tidak boleh lagi melambat-lambatkan persetujuan mereka ke atas rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen. Faedahnya untuk agama bangsa dan negara tapi kecaman dan marah raja, Mahathir seorang saja yang menerima.

Sedang hangat umum memperkatakan tentang kenaikan Sultan Perak sebagai Yang Dipertuan Agong, Allah Maha Kaya lagi Maha Mengetahui telah memakzulkan riwayat hidup Sultan Perak di muka bumi. Baginda mangkat sebelum nama baginda diumumkan sebagai Yang Dipertuan Agong.

Kematian baginda Sultan Perak telah berjaya meredakan ketegangan antara pihak Istana dan UMNO.

Almarhum Baginda Sultan Perak pernah menunjukkan keupayaan membuang Menteri Besar di zaman Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi. Baginda tidak senang dengan Tan Sri Ghazali dan mahukan Menteri Besar itu dipecat dari jawatannya. Dr. Mahathir waktu itu Timbalan Perdana Menteri dihantar khas ke Perak untuk mencari formula penyelesaian. Sedang formula dicari, Sultan Idris memprotes, sambil mengeluarkan kenyataan bahawa baginda tidak akan bercukur selagi Tan Sri Ghazali tidak dipecat.

Baginda akhirnya mencukur janggut di dalam satu upacara apabila Tan Sri Ghazali digantikan oleh Datuk Wan Mohamad sebagai Menteri Besar yang baru.

Pengalaman pahit ini membuatkan umum mengira Sultan Idris boleh buat apa saja jika baginda tidak senang dengan seseorang Menteri Besar atau Perdana Menteri.

Peristiwa demi peristiwa persengketaan antara pihak Istana dan pemimpin UMNO menunjukkan betapa pihak Istana tidak pernah kecundang di dalam usaha mereka untuk memastikan tindakan mereka berhasil.

Begitu lama rakyat telah mengizinkan pihak *Istana* membuat apa yang mereka suka terhadap para pemimpin rakyat sehingga Pindaan Perlembagaan diluluskan. Dengan terlulusnya Pindaan Perlembagaan itu, barulah rakyat mula celik dan tahu bagaimana hendak berteduh untuk mendapatkan hak mereka. Pihak *Istana* patut berfikir bahawa rakyat hari ini sudah pandai kurang ajar. Mereka belajar dari kaum lain yang dibenarkan bersikap berkurang ajar terhadap raja, sedangkan mereka, orang Melayu tidak boleh. Tapi generasi ketiga hari ini sudah berbeza. Ramai umat Melayu yang sudah tidak kisah sangat dengan pihak *Istana* lagi. Di sekolah mereka bergaul, pergi diskò, pergi tempat seronok-seronok, pergi ke kelab-kelab judi dengan kerabat DiRaja dan ramai dari rakyat yang sudah hidup macam raja. Bahkan yang hidup lebih dari raja pun ada.

Ramai rakyat yang sudah kenal diri mereka dan sedar hak mereka sebagai rakyat yang berdaulat. Lagipun dunia kini sedang menghadapi kebangkitan Islam. Di mana-mana saja revolusi menjatuhkan raja-raja sudah jadi perkara biasa dan pemimpin PAS banyak mengajar orang Melayu mengenai revolusi Islam yang tidak senang dengan sistem kesultanan yang dianggap oleh mereka sebagai taghut dan Asabiah.

Mengikut falsafah untung sabut, jika Sultan Kelantan boleh memaafkan Datuk Mohamad Yaakub maka kekallah beliau sebagai Menteri Besar. Sekiranya Sultan Kelantan nekad, tidak mahukan Datuk Mohamad, apakah pihak kerajaan Persekutuan terpaksa mencari calon lain pula untuk menjadi Menteri Besar? Rakyat tidak fikir pemimpin mereka akan tunduk pada raja seperti masa-masa lampau lagi. Mereka tahu bahawa "*every dog has its day and every day is not Sunday*". Jangan fikir air tenang tak ada buaya. Orang Melayu dulu dengan sekarang sudah jauh berbeza. Mereka kini bangga kalau dipanggil penderhaka kerana perjanjian *Demang Lebar Daun* dengan Sultan sudah dinodai.

Soal mengapa Sultan Kelantan tidak senang dengan Datuk Mohamad Yaakub yang dianggap sebagai pemimpin berjiwa rakyat bukan lagi soal baginda sendiri. Rakyat nak tahu sama kenapa? Biarpun kata sultan itu kerja raja. Raja tidak boleh buang mana saja Menteri Besar yang mereka tidak suka. Ini bukan zaman memanda menteri kepunyaan sultan. Ini zaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepunyaan rakyat jelata.

Tapi dari beberapa perkembangan lain saya dapat puncanya bermula pada 24 April tahun 1987. Dalam **insiden** itu, Tengku Razaleigh Hamzah telah berusaha untuk merebut jawatan Perdana Menteri. Beliau "**kawin**" dengan Musa Hitam, secara paksa untuk menumbangkan Dr. Mahathir. Malangnya regu **Ku Li** dan **Musa** yang kemudian dikenali sebagai Team B kecundang.

Kekalahan itu menyebabkan hubungan antara Ku Li dan Dr. Mahathir semakin renggang, ibarat **berputus arang, berkerat rotan**.

Kerana Ku Li anak raja dan bapa saudaranya Sultan, maka politik Ku Li banyak mirip politik istana dan demokrasi Ku Li pun, demokrasi cara istana. **Demokrasi..., Demokasi.... Demo tak kasi..., Demo mati. Dan Ku Li tahu jalan terakhir untuk menguasai politik adalah dengan cuba menggunakan (ISTANA).**

Hubungan Ku Li dan Sultan Kelantan pula macam hubungan Tunku Abdul Rahman dan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim ialah anak saudara Tunku. Sebab itulah Tunku terpaksa melepaskan jawatan Perdana Menteri kerana tidak mahu menyembah anak saudaranya. Sama ada ini alasan ataupun fakta, tak siapa tahu. Tapi menurut Tunku inilah sebab dia menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Tun Razak.

Hubungan Tunku dan Tun Razak pun tidaklah mesra, tapi Tunku tidak mempunyai pilihan. Tun Razak dilihat sebagai pemimpin berjiwa rakyat. Orang ramai sangat-sangat menyayangi Tun Razak, maklumlah cerita kehebatan Tun Razak sudah tersebar meluas. Konon Tun Razak "**ultra**" Melayu, macam juga Dr. Mahathir.

Tunku sendiri di dalam beberapa interbiu dengan akhbar dan tulisannya macam menyindir Tun Razak, konon sebagai punca

berlaku 13 Mei yang menyebabkan Tunku terpaksa meletakkan jawatan Perdana Menteri. Sebabnya Tun Razak tak sabar-sabar lagi nak naik lalu menggunakan taktik ini. Tentulah umum tak percaya bahawa Tun Razak bercadang nak jatuhkan Tunku. Lagi pula ketokohan dan kebijaksanaan Tun Razak jauh mengatasinya. Buat apa dia nak jatuhkan Tunku kerana Tun Razak lebih muda dan mempunyai masa depan yang cemerlang di dalam politik Malaysia. Tunku syak Tun Razak ada *Grand Design*nya sendiri.

Berbalik kita kepada Sultan Kelantan dan Ku Li. Mulanya Datuk Mohamad diangkat oleh Ku Li sebagai Menteri Besar. Datuk Mohamad adalah orang Ku Li. Ku Li di dalam kempen-kempen politiknya dulu sentiasa menaikkan saham Datuk Mohamad dengan menyebut Datuk Mohamad sebagai tokoh yang paling sesuai menjadi Menteri Besar. Itulah sebabnya bila Datuk Mohamad melarikan diri menyebelahi Dr. Mahathir maka para penyokong Ku Li menjadi marah dan berang.

Kononnya Datuk Mohamad sudah berpaling tadah, menderhaka pula kepada Ku Li. **Siapa sebenarnya yang menderhaka pada siapa? Siapa yang tidak taat pada siapa?**

Ku Li terlupa, sebagai Menteri Besar, Datuk Mohamad mesti taat kepada Perdana Menteri. Tugas dan tanggungjawabnya juga kepada Perdana Menteri. Kerjasama antara beliau dengan Dr. Mahathir mestilah akrab, bagi menjamin perhubungan baik antara kerajaan pusat dan negeri. Kalau tidak buat macam itu huru-haralah pentadbiran negeri. Taat setia pada pucuk pimpinan tidak boleh berbelah bagi. Tapi kepada Sultan berlainan, mesti bagi dua **Kesetian Kepada Raja Dan Negara.**

'Right or wrong my people, good or bad my country.
Presiden Sukarno.

Dengan berbaik-baik dengan Pusat barulah projek-projek pembangunan dan lain-lain perancangan boleh terus dilaksanakan dengan pesat. Kalau Kelantan maju rakyat Kelantan juga yang dapat nikmatnya.

Sekiranya Ku Li yang menjadi Perdana Menteri, Datuk Mohamad terpaksa memberikan sokongan padanya. Sekarang Ku Li menentang pucuk pimpinan. Ku Li sudah jadi **penderhaka** pada UMNO. Menderhaka pada UMNO bererti menderhaka pada umat Melayu. Adalah tugas dan tanggungjawab Mohamad Yaakub

untuk menentangnya.

Jika Datuk Mohamad sudah hilang kepercayaan kepada Dr. Mahathir maka beliau terpaksa mengosongkan jawatan Menteri Besar dan membiarkan Perdana Menteri memilih Menteri Besar yang baru. Kalau tidak, dia mesti menunjukkan prinsip dan pendirian, taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pucuk pimpinan.

Di sini jelaslah Datuk Mohamad menjadi mangsa percaturan politik Kelantan, kerana mempertahankan prinsip dan pendiriannya dan sebab itu kata orang **tak dapat tanduk, telinga dipulas**. Tapi Datuk Mohamad faham dan sedar. Dia sanggup dimurkai oleh baginda. Namun untuk melawan jauh sekali. Mohamad Yaakub tak mahu menderhaka pada raja. Dia jadi macam **Hang Tuah**. Sanggup menerima kemurkaan sultan, sanggup menerima hukuman bunuh, kerana beliau percaya, **bila timbul kebenaran, yang batil akan gugur dengan sendirinya**.

Orang-orang Ku Li tentulah seronok melihat pihak **Istana** campur tangan di dalam **krisis** ini, kerana ini memberi peluang untuk mereka mencemar nama baik **Perdana Menteri**. Dengan Sultan memurkai **Menteri Besar** bermakna Sultan memurkai **Perdana Menteri**. Sebabnya Perdana Menteri melantik Menteri Besar Kelantan.

Apakah Tengku Razaleigh mahukan Sultan Kelantan memecat Datuk Mohamad sebagai satu cara untuk memalukan Dr. Mahathir? Kita tidak tahu, tapi jika ditanya pendapat orang ramai, mereka tidak menafikan andaian ini. Kerja-kerja baling batu sembunyi tangan ini memang kerja yang suka dilakukan oleh orang-orang politik.

Sejauh mana Ku Li boleh berjaya kali ini tak dapatlah kita duga kerana jarak masa masih jauh untuk kita melihat perkembangan lanjut.

Inilah bala seorang anak raja bermain politik. Bala yang akan turun bila **raja-raja** pula yang main politik, lain lagi. Kita tak tahu macam mana dahsyatnya. Mudah-mudahan Tuhan lindungi kita dan Negara kita dari bala yang diturunkan oleh Allah.

Dulu bila **Tunku** bermain politik, dia bukannya dilihat sebagai seorang **Perdana Menteri**. Beliau ditakuti kerana bergelar **Tunku**. Menteri-menteri kabinet terpaksa **berpatik**, tak boleh **menderhaka** kerana takut ketulahan. Hanya Aziz Ishak saja yang berani menentang **Tunku** secara terbuka. Akhirnya Aziz dipecat, tapi sejarah tidak akan melupakan Aziz Ishak kerana dia adalah

seorang **hero**. Biarpun dia dilupakan hari ini tapi idea-idea Aziz Ishak di pakai dan di gunakan oleh kerajaan dan rakyat mendapat manfaat darinya.

Kini **Ku Li** pula cuba nak menggantikan **Tunku**. Sebagai anak raja, **Ku Li** bermain politik **Istana**. Beliau lebih senang dipanggil **Tengku** dari **Tan Sri** walaupun gelaran **Tan Sri** pernah dianugerahkan kepadanya oleh Yang Dipertuan Agung. Orang ramai terpaksa berpatik-patik... apabila berdepan dengan **Ku Li**. Sekiranya **Ku Li** benar-benar mahu bermain politik, beliau harus turun ke gelanggang sebagai orang kebanyakan. Maksudnya beliau haruslah menerima gelaran **Tan Sri** dan menerima orang ramai memanggilnya **Tan Sri**, tak perlu berpatik-patik ataupun berengku-engku. Kalau betul-betul nak jadi anak raja yang berjiwa rakyat, mesti turunkan diri ke taraf rakyat. Jangan jadi pemimpin 'double standard'.

Tentulah lebih mesra jika kita panggil **YB** ataupun **Tan Sri** saja, dengan tak payah gunakan bahasa istana dan adat yang ramai generasi muda sudah tak tahu menggunakannya lagi. Dan **Ku Li** kena buka parti politik sendiri, pakai **nombor 46** dan dengan tidak mendaftarkan pertubuhan ini menunjukkan **Ku Li** tidak menghormati undang-undang. Pada hal dalam Rukunegara menghendaki rakyat mendaulatkan undang-undang. **Ku Li** bukan raja yang berada '**above the law**'. Main nombor, nombor macam ini main-main gengstar saja, kerana gengster saja yang main nombor-nombor macam itu. Parti politik mesti ada nama pertubuhan dan matlamat perjuangannya. Jangan jadi macam PAS, pakai apa saja, pukul apa saja kerana partinya **PARTI APA SAJA**.

Saya sudah nampak penyakit anak raja bermain politik. Bila dia tewas di gelanggang terbuka, seperti sekarang, dia lari masuk ke **Istana**. Bersembunyi di dalam **Istana**. Siapa berani mengkritik **Istana**, kerana telah menjadi tradisi **Istana** tak boleh **disentuh** sama ada melalui tulisan ataupun lisan. Akhirnya yang mendapat nama buruk ialah pihak **Istana**.

Di sini Sultan Kelantan hendaklah menasihatkan **Ku Li** supaya tidak menggunakan **Istana** untuk kepentingan politik beliau. Jika tidak rakyat akan hilang hormat pada **Istana**. Tuanku serta pihak **Istana** akan menerima serangan kritik yang tidak tertahan oleh istana. Janganlah kerana **seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit**.

Ku Li boleh kita ibaratkan seperti **seekor kerbau yang**

badannya terpalit lumpur. Akhirnya habis semua kerbau yang ada dalam istana terkena lumpur dan kita bimbang mereka di negeri-negeri lain dan yang tak berdosa pun turut jadi sasaran rakyat jelata. Dan inilah masa anasir-anasir komunis akan ambil kesempatan seperti apa yang berlaku kepada raja-raja di Indonesia.

Kerana setitik nila, rosak susu sebelanga.

Tidakkah ini boleh menjelaskan nama baik pihak Istana?

Inilah sebabnya saya ingin membersihkan pihak Istana daripada percaturan politik. Biarlah pihak Istana dihormati, dijunjung dan dijagai oleh rakyat. Biarkan politik itu dimainkan oleh orang-orang politik saja. Kalau saya nak dimarah oleh pihak istana biarlah saya seorang saja yang menerimanya. Tak kena marah dengan pihak istana, dengan orang politik memang saya selalu kena marah punya.

Saya juga bimbang jika Sultan Kelantan berjaya mendesak agar Datuk Mohamad berhenti dari jawatan Menteri Besar maka implikasi kepada politik nasional lebih buruk lagi. Bagitu juga risiko yang bakal ditanggung oleh pihak istana.

Adapun sebabnya, ialah begini: Kalau Sultan boleh membuang Menteri Besar maka Yang Dipertuan Agung pula boleh memecat Perdana Menteri. Tak perlu diberikan sebab, Yang Dipertuan Agong mampu berbuat demikian. Bagaimana kalau Yang Dipertuan Agong tidak berkenan dengan Dr. Mahathir, tentulah baginda boleh minta Dr. Mahathir meletakkan jawatan. Bukan begitu? Kemudian Majlis raja-raja yang memihak kepada Mahathir akan memecat pula Baginda Yang DiPertuan Agong. Jadi sampai bila pun masalah ini tidak akan selesai. Kita tak usah buat kerja lain bergaduh sama Melayu saja.

Pihak istana jangan lupa bahawa rakyat juga melalui Parlimen boleh menghapuskan raja-raja. Tengok sajalah di sekeliling dunia, satu demi satu raja kehilangan takhta masing-masing. Inilah yang dinanti-nantikan oleh orang lain yang bersedia untuk ketawa dan bertepuk tangan.

Kini telahpun kedengaran bahawa kononnya hubungan antara Yang Dipertuan Agong yang kesembilan, Sultan Azlan Shah dengan Dr. Mahathir adalah tidak rapat. Apakah ini permainan berhalu putih yang mengamalkan sistem pecah perintah? Berhalu

putih tidak mahu orang Islam menyembah Allah. Mereka mahu supaya mereka yang disembah. Dan memang ada orang Melayu yang berjiwa hamba penjajah yang masih menyembah berhala putih di England.

Yang Dipertuan Agong yang kesembilan ini seorang yang pakar di dalam bidang undang-undang. Sekiranya baginda tidak mahu Dr. Mahathir terus jadi Perdana Menteri, baginda boleh memecat beliau. Ini kerana kuasa perlantikan terletak di tangan baginda. Jika ini berlaku tentulah akan menimbulkan suasana yang rumit dan kronik.

Rakyat Melayu nak tunduk pada siapa? Pada raja yang sebenarnya tidak berkuasa atau Perdana Menteri yang menjadi pemimpin umat Melayu. Sepatutnya kebijaksanaan Perdana Menteri dan kepintaran seorang bekas Ketua Hakim Negara yang sudah menjadi raja digembelingkan menjadi satu kekuatan yang padu. Bukanakah lambang kerajaan Malaysia ini ialah "**Bersekutu Bertambah Mutu**". Kalau kekuatan ini boleh disekutukan tentulah negara ini akan menjadi lebih makmur dan maju.

Perkara yang saya bangkitkan ini telahpun disiarkan oleh akhbar-akhbar di England. Laporan itu konon menyebut Dr. Mahathir tidak senang dengan perlantikan Sultan Azlan sebagai Yang Dipertuan Agong yang baru. Rakyat di Malaysia bertanya, "Siapa yang tidak senang dengan siapa?"

Agen-agen berhala putih mendakwa kononnya ada usaha yang dilakukan untuk memanjangkan tempoh khidmat Sultan Johor sebagai Yang Dipertuan Agong selama lima tahun lagi. Agen berhala putih tidak senang dengan Baginda Almutawakkil yang berjiwa nasionalis serta memihak kepada UMNO dan orang Melayu.

Namun rancangan ini kononnya dikatakan telah gagal. Semasa pengundian, Sultan Azlan yang terpilih.

Spekulasi yang nadanya hampir mirip juga dapat dibaca di dalam majalah **Asiaweek** bertarikh 1 April 1988.

Dibawah tajuk Faktor Istana, penulis rencana itu mengatakan bahawa para penyokong Dr. Mahathir berusaha untuk menghalang Sultan Azlan menjadi Yang Dipertuan Agong. Sejauh mana benarnya berita ini kita tak tahu. Yang kita tahu mereka nak pecah belahan kita orang Melayu.

Penulis itu cuba untuk menutup rahsia ramalannya itu dengan mengatakan, "sekiranya orang-orang politik campur tangan di dalam perkara perlantikan ini maka mereka tidak boleh marah

campur tangan pihak istana di dalam politik.”

Nada tulisan itu seolah sudah dirancang supaya rakyat tidak terkejut kiranya ada rasa yang akan menentang dan memalukan Perdana Menteri dengan menggunakan kuasa raja. Saya tidak fikir ada akhbar-akhbar harian di negara ini yang berani membuat sebarang andaian yang melibatkan pihak istana. Sekadar rencana biasa bolehlah, tapi untuk membuat kritikan tentang campur tangan istana tentulah mereka tidak berani.

Tapi bila **Asiaweek** serta lain-lain majalah barat menulis tentang perkara ini, tentulah membuatkan kita tertanya-tanya. Di sini saja sudah ada **double standard**. Pihak Istana mungkin tidak murka kepada **Asiaweek**. Tapi jika akhbar tempatan membuat ramalan, tentulah sesuatu “**malapetaka**” akan menimpa.

Sewaktu saya di England tempoh hari berbagai perkara yang saya dengar tentang cerita Istana. Yang menceritakannya pula ialah orang-orang Inggeris yang mana datuk nenek mereka terlibat menjajah kita beberapa ratus tahun lalu.

Bila mendengar cerita dari Mat-mat Salleh ini tentulah kita merasa malu kerana mereka sentiasa memperkatakan tentang gelagat beberapa orang anak-anak raja Malaysia yang sering berkunjung ke London.

Saya fikir rakyat Malaysia tentu bersetuju bahawa campur tangan di dalam perkara-perkara politik akan menjelaskan kredibiliti Istana. Penjejasan ini adalah suatu yang tidak mampu dialami oleh pihak istana kerana ini boleh menggoncang kedaulatan sistem kesultanan Malaysia.

Sistem ini selama ini sudah menjadi semacam satu “**keramat**” kepada orang-orang Melayu. Pihak Istana sedar orang-orang Melayu begitu tebal dengan fahaman feodal yang semacam ini. Di sebalik hakikat ini pula, apakah tidak mungkin bagi orang-orang bukan Melayu yang tidak berapa bersungguh-sungguh dalam menjunjung sistem ini?


Ini disebabkan masih ramai lagi di antara mereka yang tidak mempelajari bahasa Melayu, adat serta lain-lain perkara yang ada kaitannya dengan orang-orang Melayu.

Walaupun sudah menjadi warganegara Malaysia, namun mereka masih menggunakan dan mengagung-agungkan adat budaya asal mereka.

Mereka bukan saja tidak patriotik malah mereka juga tidak menjunjung tinggi kedaulatan Istana. Dalam keadaan ini hanya orang-orang Melayu saja menjadi rakyat sultan, orang-orang

yang bukan Melayu sekadar jadi rakyat Malaysia yang tak perlu memberikan taat setia kepada raja-raja Melayu seperti yang dituntut oleh adat Melayu. Kenapakah perkara double standard begini dibiarkan berlarutan? Dan sampai bilakah kemelut Istana Vs Perdana Menteri ini akan berakhir?

Dan bila agaknya Sultan Kelantan hendak mengizinkan Menteri Besar datang mengadap baginda. Padahal mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai sudah dua bulan Tan Sri Mohd tulis surat kepada Sultan minta perkenan nak mengadap. Ada kawan saya yang sudah mula berleter sesama sendiri. Apa benda la pihak istana ni, Menteri Besar nak jumpa pun susah, kalau rakyat entah macam mana? Benda-benda ini betul ataupun 'April fool' Fikirkan lah sendiri dan baru-baru ini Dr. Mahathir sudahpun pergi mengadap baginda Sultan. Mereka adakan pertemuan empat mata. Allah yang menjadi saksi. Allah maha melihat, maha mendengar lagi maha mengetahui.



Sultan Idris Training College (SITC/MPSI).
Institusi yang telah melahirkan sebarisan pemimpin-pemimpin negara



Dr. Mahathir: Ghafar, kita sama-sama sudah tua. Saya sudah kena beraah. You puiak pun sudah kena potong. Nasib baik Tuhan panjangkan umur kita berdua, kalau tidak dua kerusi sekali kosong. Betul tak?

Ghafar: Betul Datuk, betul. Apa lagi saya nak kata saya ini melukut di tepi gantang. Tapi saya tetap taat dan tak akan merajuk selain Datinik narlikan sava.



Sultan Almutawakkil Iskandar: "You jaga Dr. Mahathir baik-baik. Jangan merajuk. Kalau ada masalah jumpa Tun Hamid. Dia sekarang Lord Presiden kita. Kalau tidak, datang ke Johor jumpa saya."
"Saya orang Melaka, Tuanku. Orang Melaka tak pandai merajuk. Kerja-kerja merajuk ini orang Johor saja yang selalu buat, Tuanku."

Ghafar:



Majlis Perisytiharan Tanah Kemerdekaan di padang Bandar Hilir Melaka, setahun sebelum merdeka.
"Awak semua dengar cakap saya. Tunku cuma seorang 'negotiator' saja. Sekarang dia sudah diberhaka pada UMNO dan orang Melayu. Tuaku sudah tentang kerajaan kita. Kalau saya tahu Tunku nak buat kerja macam ini, dah lama dulu saya tak sokong dia. Nak buat macam mana sudah jadi macam itu"



"Sorrylah...saya jalan selalu tak bawa duit. Kocek saya ni selalu kosong. Kalaupun you nak duit mintalah dengan Datuk Besar. Tok Mat, dia Setiausaha Agong atau minta dari Muhyiddin, dia banyak duit, dia Menteri Besar."

Muhyiddin gatal tenguk. Arwah Syed Zain pula gatal telinga. Mat Bulat Tok Besar pula tak tahu nak cakap apa, dia sekarang berada di antara Ghafar dan Muhyiddin, mahu tak mahu ikut saja dari belakang. Lain-lain pemimpin Johor tak tahu nak buat apa. Gagak sama gagak bergesir, lalat dan semut mati tersepit.

2

AYAHANDA GHAFAR BABA

Raja itu Rakyat
dan Rakyat itu Raja

Dato' Onn bin Jaafar

HARI Isnin, 10 Ramadhan 1409, bersamaan dengan 17 April 1989, Setiausaha saya, Zahrah, memberitahu saya, dia ada menerima panggilan telefon daripada pejabat Timbalan Perdana Menteri. Seorang pegawai di sana memberitahu bahawa YAB Encik Ghafar Baba menjemput saya datang ke rumahnya untuk berbuka puasa.

Saya fikir betul ke, atau pegawainya main-main? Dulu Setiausaha Encik Osman Baba pernah mempermain-mainkan saya. Dia kata Che Ghafar ajak saya makan nasi bungkus di pejabatnya, tapi itu ternyata tidak lebih dari satu gurauan saja.

Setelah mendapat pengesahan dan menerima pula kad undangan, saya pun bersetuju lah, walaupun saya lebih suka berbuka puasa dengan keluarga, kerana di waktu beginilah keharmonian kekeluargaan dapat dipupuk. Namun tugas dan tanggungjawab mesti diutamakan.

Petang itu saya telah dihantar ke rumah Encik Ghafar yang terletak di Bangsar, Kuala Lumpur, oleh pembantu khas saya, Suhai mi Ujang. Waktu saya tiba, jam sudah pukul 7.00 petang kira-kira 19 minit sebelum umat Islam di Malaysia berbuka puasa. Ramai tetamu Ghafar yang telah datang lebih awal dari saya.

Rumah Ghafar amat sederhana. Sebuah rumah dua tingkat

yang mengadap ke rumah Ghafar nampaknya begitu besar, dengan pintu pagar yang agak mahal harganya. Bezanya rumah itu tidak mempunyai pengawal. Penghuni rumah itu tentu beruntung kerana rumahnya turut dikawal oleh polis yang mengawal rumah Ghafar. Kalau-lah ada cubaan memecah ke rumahnya, tentulah pihak polis yang menjaga rumah Ghafar dapat membantu mematahkan cubaan itu. Bertuah benar taukeh Cina yang mendiami rumah di depan rumah Ghafar. Keluasan halaman rumah Ghafar bolehlah dikatakan sekadar cukup untuk meletakkan beberapa buah kereta. Nasib baik pembantu khas saya, Suhaimi yang menghantarkan saya, kalau tidak saya terpaksa meletakkan kereta di luar, iaitu di sepanjang-pangjang jalan hala ke rumahnya.

Beginilah selalunya bila Ghafar mempunyai majlis di rumahnya. Kawasan rumah Ghafar akan menjadi penuh sesak. Kesesakan itu boleh menyulitkan para pengunjung. Ini kerana kadangkala sukar untuk mereka mendapatkan ruang untuk meletakkan kereta di dalam kawasan rumahnya.

Walaupun Ghafar adalah seorang Timbalan Perdana Menteri, namun beliau mempunyai satu keistimewaan. Orang ramai yang mau datang ke majlis yang diadakan di rumahnya tidak perlu menyatakan maklumat-maklumat peribadi. Sebagai contoh pegawai yang menelefon saya tidak bertanyakan jenis kenderaan yang saya pakai untuk ke rumah Ghafar. Ini amat berbeda dengan seorang menteri yang perangainya macam raja.

Cerita ini diceritakan oleh setengah wartawan yang dijemput berbuka puasa ke rumah seorang menteri pada tahun dahulunya. Pagawai yang menelefon wartawan berkenaan, bertanyakan jenis kereta, warna kereta, nombor plet kereta, ada pemandu ataupun tidak, berapa orang di dalam kereta dan banyak lagi soalan-soalan peribadi. Seolah-olah macam nak masuk ke Jabatan Perdana Menteri saja. Malah memasuki Jabatan Perdana Menteri pun lebih mudah, tidak perlu memberikan maklumat yang selengkap itu.

Bila saya tiba di rumah Ghafar, pegawai polis yang bertugas sekadar melemparkan senyuman dan tidak pula dia bertanya maksud kedatangan saya. Barangkali dia telah terlebih dahulu diberitahu tentang majlis yang bakal diadakan.

Sudah ramai yang datang. Suara mereka berbual dapat didengar hingga ke luar. Saya disambut oleh anak Ghafar, Sally dan suaminya. Sally begitu peramah dan sentiasa memberikan senyuman. Meskipun kami tidak pernah bertemu muka ataupun

bertegur sapa sebelum ini, tapi keramahan dan budi pekerti Sally terhadap tamu Pak Ghafar jadi perbualan antara wartawan. Senyuman dari Sally membuatkan para jemputan merasa selesa mendatangi rumah ayahnya, maklumlah Ghafar bukanlah orang yang suka tersenyum tak tentu hala. Ghafar kedekut dengan senyuman walaupun orangnya lemah lembut dan mempunyai budi pekerti yang baik. Tabiat seseorang itu memang sukar untuk diubah. Ramai para sahabat yang menasihati Ghafar agar rajin menguntum senyuman tapi nampaknya sifat itu tak dapat nak dibuat-buat. Ghafar tak mahu jadi *hipokrit* dan tak suka saja-saja nak adakan senyum *salesman*. Ghafar terus kekal dengan perwatakan lama. Macam guru sekolah zaman dulu yang tegas dan garang. Mukanya selalu **serius** saja, tapi di sebalik ketegasan dan kegarangan itu terdapat hikmat yang tersembunyi. Mungkin inilah cara dan matlamat untuk membentuk, mendidik anak bangsa menjadi bangsa yang **serius** juga.

Keistimewaan yang ada pada Ghafar Baba ialah dia tidak suka bercakap menggunakan bahasa-bahasa besar. Bahasa-bahasa **bombasti'c** yang sukar dimengertikan oleh orang ramai. Bahasa Ghafar adalah bahasa harian. Ada persamaan antara kami. Saya menulis lebih kurang sama macam tu juga, tak bersastera-sastera atau guna bahasa bahasa **bombastic** yang entah apa-apa.... Dari segi ini kami mempunyai pendapat yang sama. Adalah lebih mudah memberikan penerangan dengan menggunakan bahasa yang mudah, dari menunjuk-nunjukkan, kononnya kita seorang ahli bahasa, tapi apa yang kita cakap orang ramai tak faham.

Sally mempelawa saya masuk terus ke tempat Ghafar sedang duduk. Ghafar bangun.... Dia memakai kain pelekat corak kotak dam. Baju Melayunya agak lusuh. Songkok yang terletak di atas kepala adalah songkok yang sudah lama dipakai.

"Apa khabar Syed" Ghafar menegur.

"Alhamdulillah, Che Ghafar apa khabar?..."

"Alhamdulillah".

Begitulah panggilan saya terhadap YAB Ghafar Baba dari dulu hingga ke hari ini. Saya masih panggil Timbalan Perdana Menteri saya ini '**Che Ghafar**', biarpun saya pernah beri Che Ghafar gelaran Tun dalam buku saya '**Tuah Nasib Pemimpin Malaysia'**

"Duduk Syed, duduk..." Ghafar minta saya duduk di satu kerusi kosong di sebelah kanannya. Kerusi yang sudah dikhaskan

untuk saya.

Kami berjabat tangan. Erat... sungguh jabat salam kami itu... Mata bertentang mata... dan terasa satu macam kemesraan terjalin antara kami... Walaupun kami jarang-jarang sekali berjumpa.

Bila tangan dilepaskan, saya terasa bahawa saya bukannya bersalam dengan Timbalan Perdana Menteri, tapi bersalam dengan seorang bapa. Orang tua yang tangannya saya salam itu tak nampak macam orang-orang besar, tak terasa egonya... Ghafar tak berlagak macam VIP..., tak terasakan yang Pak Ghafar itu Timbalan Perdana Menteri, orang nombur dua terpenting dalam negara.

Kalau sekiranya Ghafar ini berada dalam kalangan istana, tentulah tarafnya sama dengan Timbalan Yang DiPertuan Agong, kerana kalau mengikut protokol, Perdana Menteri tarafnya sama dengan Agong, dari segi status.

'**Pak Ghafar**' adalah satu panggilan setengah orang yang mesra dengannya. Saya nak panggil beliau **Pak Ghafar**, rasa tak sedap. Saya pun dah tua juga, dah ada tiga cucu, tapi dari segi pangkat beliau layak dipanggil ayahanda. Mamang ada anak buah beliau yang memanggil beliau ayahanda.

Kesederhanaan '**Pak Ghafar**' membuatkan saya menganggap dia macam seorang bapa. Lagipun ayahanda saya sudah lama meninggal dunia. Kedewasaan, jelas terpancar pada wajahnya yang menampakkan kerut dan garis pada dahi dan kerut di tepi mata. Biarpun begitu Ghafar masih sihat walfiat, segar dan bertenaga. Beliau berpuasa di bulan Ramadhan walaupun baru lepas bedah jantung, tiap-tiap petang sebelum berbuka beliau pasti main golf 18 lubang. Terbuktilah Ghafar dari segi kekuatan masih 'steady' dan masih banyak 'stamina' lagi.

Walaupun '**kedeukut**' untuk tersenyum tapi sekali dia tersenyum, dapat juga mengubat hati orang yang menganggap dia sompong. Wajah Ghafar memang begitu. Dia selalu '**serius**'.

Meja tamu yang kami duduk itu meja panjang mengadap tetamu lain yang duduk di meja bulat di susun berselerak. Kebanyakan tetamu adalah terdiri dari wartawan-wartawan kanan daripada berbagai akhbar. Mereka sedang duduk berbual-bual. Di sebelah kiri Pak Ghafar ialah Kadir Jasin dari **The New Straits Times**. Duduk di sebelah Kadir Jasin ialah Nazri Abdullah dari **Berita Harian**, di depan semeja dengan kami ada Malungun dari **Watan**, dari **Bernama** saya tak berapa ingat namanya.

Saya mulanya rasa tak seronok juga duduk di meja utama di sebelah kanan Ghafar. Tapi oleh kerana kerusi itu nampaknya semacam sudah dikhaskan untuk saya dan Ghafar sendiri pula minta saya duduk di sebelah kanannya, saya tak dapat tolak, duduk sajalah. Kami berbual-bual sebelum masuk waktu berbuka. Shah, dari akhbar **The Star** yang duduk di depan, dan Kadir dan Malungun nampaknya begitu rancak berbual. Begitu juga dengan Nazri. Tapi saya sesekali saja mencelah-celah bila ada topik yang dapat saya ikuti.

Bila azan Maghrib berkumandang, kami pun mendekati makanan yang disaji. Kami berbuka sekadar untuk mengisi perut yang kosong; ada kurma dan buah-buahan tempatan, ada... kueh mueh serta minuman sejuk dan panas. Ghafar pula melayan tetamu seikhlasnya, biarpun anaknya dan para pelayan yang dikhaskan telah disediakan untuk melayan para tetamu berbuka.

Para tetamu kemudian bangun untuk mengambil wuduk. Ada juga yang sudah berwuduk, terus mengerjakan sembahyang sunat terlebih dahulu. Ghafar pun bersembahyang sunat dua rakaat. Saya ingat Pak Ghafar nak jadi imam, kerana dia adalah orang yang tertua pada hari itu. Rupa-rupanya sudah ada seorang Imam dari masjid yang berdekatan yang sudah dijemput lebih awal, sebagai Imam kami solat maghrib. Ghafar duduk di saf kedua, membiarkan para wartawan duduk di saf pertama. Kami merasa tenang dan tenteram berjemaah bersama. Terasa suasana seperti sedang bersembahyang di sebuah surau di kampung.

Selepas sembahyang barulah kami semua dijamukan dengan hidangan nasi minyak dan lauk yang sederhana. Kalau tak silap saya inilah cara tradisi orang Melaka berbuka puasa, hidangan manis-manisan terlebih dulu, kemudian sembahyang maghrib, lepas itu baru makan nasi.

Sebenarnya selepas bersembahyang, saya cuba mengelakkan diri saya dari duduk bersebelahan dengan Encik Ghafar. Saya tak mahulah menonjol-nonjolkan diri sangat. Namun anak Ghafar menyuruh saya duduk di sebelah bapanya. Saya terpaksa juga mengalah, apabila Ghafar sendiri pun memanggil saya supaya duduk di sebelah kanannya. Ketika itu Nazri sudah tidak di sebelah Encik Ghafar. Tempat di sebelah kiri itu telah digantikan oleh Zainuddin Maidin dari Utusan Malaysia.

Semasa tetamu yang lain minta diri nak balik, Ghafar mempelawa saya berpindah ke ruang tamu di hadapan. Ini mungkin kerana dia mahu meneruskan perbualan ringan tapi

yang agak berat nak dicakapkan semasa kami berbuka tadi.

Sudah menjadi kebiasaan bila wartawan jumpa pemimpin politik, sudah pasti satu perkara yang tak dapat dielakkan, adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan politik. Ini berlaku tak kira di mana, dan pada bila masa sekali pun, kerana itulah tugas penulis, mencari maklumat. Ghafar dihujani dengan bermacam-macam pertanyaan. Ghafar menjawab dengan tenang. Antara tajuk yang menarik adalah kisah pemimpin dan istana.

Dalam perjalanan pulang, fikiran saya tak henti-henti memikirkan majlis Ghafar. Melihat dari sikap dan corak hidupnya saya dapati beliau bukanlah kakil joli dan jenis yang suka menunjuk-nunjuk. Rumahnya tidak sebesar bekas-bekas menteri atau lain-lain rumah menteri, atau kediaman para jutawan Melayu yang lainnya. Perhiasan rumah Ghafar pun boleh menimbulkan kelucuan. "Takkanlah rumah Timbalan Perdana Menteri macam ni simple sekali?" bisik hati kecil saya.

Tak kenal maka tak cinta' itulah kata orang tua-tua. Kita tak tahu feel, perangai dan tingkah laku seseorang sehingga kita mendampinginya selalu. Wartawan jarang dapat peluang untuk mengenali para pemimpin mereka dari dekat. Wartawan hanya sekadar mempunyai masa untuk mengemukakan soalan terhadap pemimpin sewaktu bertemu pemimpin ketika mereka membuat liputan berita. Selalunya dalam waktu yang singkat dan terburu-buru mereka tak dapat meninjau pemikiran dan perasaan sebenarnya pemimpin yang ditemuduga, apa lagi bila balik ke pejabat mestilah siapkan kerja dengan cepat. Kalau wartawan dapat mengenal pemimpin secara sekilas pandang, inikan pula rakyat yang cuma baca akhbar. Masakan rakyat dapat menilai dan menghargai pemimpin mereka, dapat gambaran sebenar peribadi tokoh-tokoh negara.

Ramai rakyat yang suka mengata, memfitnah dan mengutuk pemimpin, padahal mereka tak pernah pun jumpa, apa lagi pergi berbual-bual dan bermesra dengan pemimpin. Terdapat banyak kekeliruan bilamana rakyat ikut sedap mulut mereka mengumpat menfitnah pemimpin berpandu pada berita yang mereka baca di akhbar, tanpa berfikir mereka tak kenal pemimpin, belum pernah sekali pun pergi ke rumah, macamana mereka berani mengata memburukkan pemimpin yang mereka tak pernah jumpa dan kenali? Bukankah menfitnah itu adalah satu dosa.?

Seorang wartawan dalam menegakkan kebenaran dan keadilan, mesti mempunyai sifat '**ehsan**' walaupun dalam keadaan

berani, terhadap sesama makhluk, tapi sifat belas kasihan, tolak ansur, pemaaf, sifat memberi peluang memperbaiki kesilapan harus menjadi amalan dalam dunia penulisan. Wartawan tak boleh pandang menteri dari sejak kenal dan sesudah bertahun dengan pandangan yang sama. **Sekali air bah sekali pantai berubah**

Alhamdulillah, saya sudah dapat melihat perubahan watak Ghafar sejak saya mula-mula kenal beliau. Hari ini saya dapat mengenali Ghafar secara lebih dekat. Saya cuba mendalami isi hati dan pemikirannya selaku seorang pemimpin dan seorang ayah. Seperkara yang amat menusuk hati saya ialah keluhan orang tua itu dalam masa kami berbual-bual. Saya terasa ada keikhlasan dalam keluhan Ghafar.

Kata Ghafar:

"Entah apalah yang nak jadi pada anak cucu kita nanti".

Keluhan yang keluar dari dalam hatinya tentang masa depan anak bangsanya diluahkan olehnya di hadapan kami, ada di antara kami yang benar-benar terharu. Ghafar kelihatan sedih dan runsing, seolah-olah tanggungjawab negara itu akan diletakkan keseluruhannya di atas bahu beliau. Padahal adalah menjadi tanggungjawab kita bersama memikirkan masa depan anak cucu kita.

Ghafar memang jarang sekali bercakap hal-hal yang remeh temeh. Semua perbualannya mengenai suasana politik negara yang serius.

Ghafar meluahkan juga rasa tak sedap hatinya terhadap akhbar yang tidak mahu pakai **Storynya** mengenai tegurannya terhadap sistem beraja di Malaysia. Menurut Ghafar, beliau berasal dari negara Hang Tuah. Melaka sudah tidak mempunyai raja. Ghafar dan orang Melayu yang dilahir dan dibesarkan dalam negeri yang tak beraja sama seperti anak yatim, yang tidak mempunyai bapa sejak lahir lagi. Macam mana mereka nak tahu apa erti kasih sayang seorang anak terhadap ayahnya.

Raja Melaka sudah lama hilang atas sebab-sebab kejahilan dan kezaliman mereka. Zam, editor Utusan Melayu yang duduk di sebelah kiri Ghafar seolah-olah buat tak tahu. Kadir Jasin ada juga menyuarakan sesuatu.

"Melaka sudah lama tidak beraja. Raja Melaka telah tersingkir beberapa kurun yang lalu kerana berlaku perpecahan di antara Raja dengan rakyat dan rakyat

dengan rakyat. Tambahan pula Raja Melaka berlaku zalim dan akhirnya dikalahkan oleh Portugis."

Para tetamu mendengar cerita mengenai raja Melaka itu dengan penuh khusyuk. Selisih faham antara pemimpin UMNO dengan istana bukanlah satu perkara baru. Ghafar biasa cakap hal ini di mana-mana majlis politik, terutama masa krisis Perlembagaan dulu.

Biar bagaimanapun Ghafar memuji sifat-sifat Baginda Almutawakil. Ghafar nampaknya senang hati dengan Baginda Almutawakil yang sudah habis tempohnya sebagai Yang DiPertuan Agong.

Kata Ghafar, "Sultan Johor ini raja yang tahu masalah rakyat. Baginda tak pernah buat susah pada kabinet. Segala masalah yang berkaitan semua dipermudahkan. Tak ada protokol dengan Baginda Almutawakil, tak ada 'redtape' gaya dan caranya dapat disesuaikan dengan rakyat masa kini. Baginda Almutawakil selalu mengingatkan bahawa tak perlu adat istana, yang berjela-jela. Baginda suka gunakan bahasa hari-hari yang biasa digunakan oleh rakyat. Tak ada adat sembah-sebah bila bertemu baginda. Inilah sebabnya Ghafar seronok dengan Almutawakil."

Menurut Ghafar, "Istana harus memisahkan dirinya dari mencampuri urusan politik. Dengan yang demikian hubungan antara Istana dan orang-orang politik terjalin dengan kemesraan. Dan inilah yang dipraktikkan oleh Baginda ketika menduduki takhta. Katanya, Sultan Johor seorang yang amat memahami orang-orang politik. Lagipun Baginda tak menyusahkan menteri. Caranya begitu simple dan '*down to earth practical*'."

Saya bertanya tentang pengalamannya dengan Agong, Ghafar menerangkan bagaimana beliau telah diminta mengadap Baginda Almutawakil sebelum dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dalam perjumpaan itu sedikit sebanyak timbul juga masalah isu pindaan Perlembagaan dahulu, kerana Ghafar terlibat di dalamnya, tapi dapat diselesaikan dengan baik. Baginda Almutawakil tidak menyimpan dendam orangnya. Inilah contoh raja berjiwa rakyat berhati mulia, kata Ghafar."

Ghafar menceritakan pengalamannya dengan sultan-sultan tanpa selindung-selindung. Ghafar membuat saya bangga mempunyai seorang Timbalan Perdana Menteri yang berani

berbual dengan pihak media massa mengenai soal yang begitu 'sensitif'. Biar bagaimanapun hati kecil saya berkata. 'Apakah Ghafar fikir media massa tidak memahami krisis yang berlaku di antara istana dan rakyat. Soalannya apakah media massa berani menyiarakan cerita-cerita Ghafar itu? Setahu saya mereka tak berani berterus terang menceritakan duduk perkara yang sebenarnya.

Pada pendapat saya pendedahan yang Ghafar buat pada malam itu tentunya bukan bertujuan untuk mempengaruhi fikiran mereka. Lagipun yang datang adalah para wartawan kanan. Tentulah tak mudah untuk mempengaruhi fikiran mereka mengenai krisis antara istana dan rakyat yang sudah pun diketahui umum melalui berita-berita angin atau majalah luar negari.

Bagi saya pendedahan Ghafar itu boleh menguatkan lagi hujjah betapa hubungan antara istana dan politik kini tidak lagi dalam keadaan yang harmoni. Kalau pihak Istana seperti apa yang dibualkan oleh Ghafar maka masa depan Istana dan rakyat akan berada di dalam keadaan yang amat runcing. Krisis ini pasti akan berpanjangan dan kiranya pemimpin tak dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan cara perundingan, ini adalah sesuatu yang amat membimbangkan dan menyulitkan, akhirnya terpaksa mencari penyelesaian mereka sendiri. Ini sudah tentulah amat merbahaya, kerana perasaan hormat rakyat pada sistem kesultanan, lama kelamaan, akan pupus, septicimana yang telah berlaku di negara-negara lain, seperti Indonesia, India, Libya, Iran dan negara-negara yang sudah tak punya raja.

"Inikah yang membimbang dan merisaukan Encik Ghafar?" tanya saya pada diri sendiri, "Atau perebutan kuasa sesama pemimpin Melayu?"

Keluhan Ghafar Baba, "Apa nak jadi dengan masa depan anak cucu kita?" turut membimbangkan saya sama.

Berbalik kita kepada Ghafar, sebagai tokoh yang mengimbangi suasana politik tanahair dan selaku orang kedua didalam kerajaan, beliau kini telah menjadi sebuah '**punching bag**', beliau membiarkan saja tumbukan demi tumbukan dilepasakan ke arahnya. Dalam keadaan ini, Ghafar mempertahankan bossnya dari diserang oleh orang-orang yang pernah duduk di dalam kerajaan. Ghafar tak berganjak walaupun ada usaha dibuat oleh pihak pembangkang untuk memujuk, agar Ghafar meninggalkan Dr. Mahathir. Ini dilakukan kerana adanya orang-orang tertentu yang cuba untuk mengambil kesempatan di atas keadaan politik

yang berlaku hari ini. Ghafar tetap mempertahankan sifat kesetiaan kepada pemimpin yang menjadi amalan tradisi parti. Ghafar ada prinsip dan pegangan serta amalannya yang tersendiri.

Beliau pernah menceritakan pada saya di pejabatnya satu ketika hari dulu. Katanya, sekiranya beliau bukan seorang **nasionalis** tentu beliau tidak boleh kekal di kerusi **Naib Presiden** begitu lama. Dan terbukti sudah, bahawa orang UMNO mempunyai kepercayaan terhadapnya, sebab itu beliau boleh memenangi kerusi Timbalan Presiden UMNO. Hidup matinya dengan UMNO. Dan UMNOlah yang telah memperjuangkan kepentingan rakyat dan raja-raja Melayu.

Kalau saya nak menulis tentang Ghafar, ia memerlukan sebuah buku khas, kerana pengalaman politik Ghafar melewati beberapa dekad. Tapi buku ini tidak akan lengkap sekiranya tidak dimuatkan dengan kisah-kisah pengalaman Ghafar dengan istana. Ghafar adalah seorang pejuang nasionalis yang turut memperjuangkan untuk meletakkan kembali **mahkota** di kepala raja-raja Melayu, dan inspirasi untuk menulis buku ini bermula semasa berbuka puasa di rumah Ghafar Baba. Pada mulanya berat juga hati nak menulisnya kerana yang hadir pada malam itu adalah wartawan-wartawan besar dari institusi-institusi besar. Saya memikirkan tentulah mereka yang akan menulis kisah-kisah konflik raja dan rakyat. Namun apabila hasilnya saya tak lihat, saya yang tidak berada di dalam institusi besar seperti Zam yang menjadi Ketua Pengarang **Kumpulan Utusan Melayu** atau Kadir dari **New Straits Time** atau Nazri Abdullah dari **Berita Harian** maka saya pun membesarakan hati melahirkan buku ini. Terima kasih pada Ayahanda Ghafar yang telah menimbulkan 'idea' untuk menghasilkan buku ini.

Ghafar adalah orang politik yang paling lama menjadi menteri dan Ahli Parlimen. Di waktu orang-orang Melayu belum disedarkan peri pentingnya hak mereka, Ghafar telah berada di barisan depan, cuba menyedarkan anak-anak bangsanya. Malah sewaktu menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris Shah lagi, kesedaran berpolitik sudah tertanam di dalam jiwa Ghafar. Jiwanya senantiasa bergolak dan sentiasa bersedia untuk menghadapi apa saja cabaran yang datang. Walaupun dalam keadaan umur yang sudah lanjut tapi semangatnya seperti orang muda. Ghafar sungguh beruntung kerana dalam dirinya ada dua semangat yaitu semangat orang tua dan semangat pemuda.

Bila merdeka, Ghafar sedar kelulusan penting untuk meningkat

naik. Kawan-kawan beliau ramai yang keluar negeri membawa balik kelulusan universiti. Senu Abdul Rahman terpaksa ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran tinggi. Tapi Ghafar tak mahu ikut cara mereka. Beliau mahu berjuang bersama rakyat di dalam negeri sendiri, dia serahkan dirinya kepada penentuan takdir. Baginya kesungguhan dan kesabaran adalah lebih penting lagi. **Untung sabut timbul, untung batu tenggelam.** Itulah sifat Ghafar yang patut menjadi contoh dan teladan. Sabar, berusaha, dedikasi kepada perjuangan, tidak ikutkan hati, tidak cepat terpengaruh pada orang ramai. Gafar hidup pakai ikut kepala sendiri, dengan falsafahnya '**Genggam bara api biar sampai jadi arang**'. Dalam perjuangan jangan cepat putus asa.

Hari ini dengan berbekalkan sijil Perguruan sahaja, Ghafar telah diberikan kepercayaan oleh Perdana Menteri untuk menjadi orang kedua penting selepas Perdana Menteri sendiri. Ditakdirkan sesuatu terjadi pada Dr. Mahathir, rakyat tak perlu bimbang. Orang nombor dua ini mempunyai pengalaman yang cukup untuk berhadapan dengan apa saja situasi. Pengalaman dan ilmu di dada sudah cukup matang dan dewasa.

Perjalanan hidup Ghafar Baba amat jauh. Dari seorang budak pemungut bola tennis kepada Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, akhirnya bila jadi Ketua Menteri Melaka beliau dapat duduk semeja dengan Yang DiPertuan Besar yang menjadi Baginda Yang DiPertuan Agong yang pertama. Hari ini beliau masih dapat duduk semeja dengan Agong yang kesembilan. Ghafar tak naik dengan mendadak, tak lompat atas kepala orang dan tak pandai merajuk.

Pengalamannya dengan raja-raja bermula dengan Yang DiPertuan Agong yang pertama hingga yang kesembilan, beliau masih menjadi pemimpin parti. Satu pengalaman yang tak mudah untuk dilalui oleh mana-mana pemimpin pun. Biarpun pertemuan Ghafar dengan Sultan Kelantan tidak membawaakan apa-apa kejayaan. Namun Sultan di Negeri Serambi Mekah ini patut ingat bahawa ayahanda Ghafar boleh Tuanku panggil 'ayahanda', kerana **Raja itu Rakyat, dan Rakyat itu Raja**. Kalau rakyat tak boleh derhaka pada raja, raja pun tak boleh derhaka pada rakyat.

Uthu Sam Jaya Shid

*
UNTUK HUBUNGAN BAIK KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT

Sultan Kelantan mahu
autonomi kekal

*

'HUBUNGAN DENGAN KERAJAAN2 NEGERI MEMANG BAIK'

Ghafar ulas titah Sultan Kelantan

KOOTA BAHARU 5 April — Sultan Kelantan bertitah hubungan baik antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan terus berkekalan selagi tidak ada hasrat mendadak mana-mana pihak untuk mengubah ciri-ciri autonomi yang dinikmati oleh kerajaan-kerajaan negeri dan meluaskan daerah kuasa Kerajaan Pusat.

Baginda juga mengingatkan kegagalan dalam usaha mencari titik persesuaian di antara kehendak politik dengan kehendak pentadbiran yang adil dan berkecuali boleh menimbulkan ruang-ruang pertentangan di antara pentadbiran dengan politik.

Serentak dengan itu baginda telah mempertahankan tindakan pertukaran pegawai tadbir kerajaan negeri yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri tidak lama dulu yang telah menimbulkan kontroversi dan mengisyiharkan akan terus menjadi pemerhati agar ia sentiasa dilindungi dan dihormati.

Sultan Kelantan bertitah demikian dalam majlis santapan makan malam anjuran Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kelantan di Istana Balai Besar di sini malam semalam.

Ucapan baginda telah diedarkan oleh Jabatan Penerangan Negeri pagi ini.

Sultan Kelantan berkata baginda bangga kerana Malaysia mempunyai satu sistem federalisme yang baik di mana negeri-negeri yang bersetuju dapat memelihara ciri-ciri autonomi dan kuasa-kuasa tradisional yang tertentu dengan baiknya.

"Di sini kita lihat kuasa Kerajaan Pusat berakhir pada garis-garis tertentu dan kuasa-kuasa kerajaan negeri dihormati sepenuhnya dalam bidang-bidang tertentu.

"Alhamdulillah interaksi di antara dua bentuk kuasa itu telah menghasilkan satu bentuk kerjasama yang rapi dan dihormati di antara Kerajaan Pus. Tan kerajaan kerajaan negeri hingga dapat diharapkan sebagai sebuah orkestra yang melahirkan lagu merdu yang memenuhi semua selepas," titah baginda.

Menurut baginda lagi para pegawai tadbir memainkan peranan penting sebagai tulang belakang dalam pentadbiran sesebuah negeri dan betul mereka betullah seluruh jentera pentadbiran kerajaan pentadbiran yang baik itu bermula dari barisan ketua-ketua pentadbir.

Sultan Kelantan bertitah dalam konteks hubungan di antara pentadbiran dan kehendak politik dalam sistem demokrasi berparti memanglah kadang-kadang terdapat sesuatu kesulitan bagi pegawai pentadbir untuk menjalankan tugas memberi perkhidmatan yang adil dan berkecuali kepada semua rakyat.

"Kesulitan bertambah berat lagi apabila ahli-ahli politik memandang ringan kepada konsep kedaulatan undang-undang dan peraturan. Di sinilah letaknya cabaran yang harus dihadapi oleh pegawai tadbir."

Sultan Kelantan bertitah apabila keadaan seperti ini berlaku jalan penyelesaian yang sebaik-baiknya ialah melalui perundingan yang ikhlas dan sabar dan merujukkan kepada undang-undang perlombagaan dan bukan melalui kenyataan provokatif di media massa serta perhimpunan politik yang menambah kekeliruan rakyat jelata.

Baginda menyifatkan kontroversi pertukaran pegawai tadbir Negeri Kelantan tidak lama dulu sebagai satu peristiwa hitam, yang perlu dijadikan iktibar betapa bahayanya isu perselisihan di antara pentadbiran dan politik dipandang dari jurusan politik semata-mata.

BENTUNG 6 April — Encik Ghafar Baba berkata hari ini Kerajaan Pusat sentiasa akur kepada perkara - perkara yang termaktub dalam perlembagaan Persekutuan dalam mengendalikan hubungannya dengan kerajaan - kerajaan negeri.

"Autonomi atau tidak autonomi semuanya tersebut dalam perlembagaan... pemerintahan negara adalah menurut perlembagaan," tegas Timbalan Perdana Menteri.

Menurut beliau hubungan antara Kerajaan Pusat dan kerajaan - kerajaan negeri berjalan dengan baik selama ini menurut perkara - perkara yang termaktub dalam perlembagaan itu.

Hasrat mendadak

Encik Ghafar menyatakan demikian kepada para pengberita selepas menghadiri perjumpaan dengan para pemimpin masyarakat Bentung di Dewan Majlis Daerah Bentung di sini.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas titah ucapan Sultan Kelantan yang dilaporkan hari ini bahawa hubungan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri akan berjalan dengan baik selagi tidak ada hasrat mendadak mananya pihak untuk mengubah ciri-ciri autonomi yang dimiliki oleh kerajaan negeri.

Baginda juga mengingatkan kegagalan dalam usaha mencari tidak persesuaian antara kehendak politik dan kehendak pentadbiran yang adil dan berkecuali boleh membulik ruang - ruang pertentangan di antara pentadbir dan politik.

Timbalan Perdana Menteri turut mengadakan perjumpaan tertutup dengan para pemimpin UMNO di Dewan UMNO di sini yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Datuk Sri Khalil Yaakub selaku Pengurus Badan Perhubungan UMNO negeri khusus bagi membincangkan soal menghadapi pilihanraya kecil Parlimen Bentung.

BIL: 76 P.P.49/2/88 2 APRIL 1989

HARGA 70 SEN

Wakil2 Rakyat UMNO yang diundang enggan
hadir di majlis Keputeraan Tuanku ke-39

SULTAN KELANTAN MURKA

OLEH DAHLAN MAAMOR

KOTA BHARU: Keingganan tokoh-tokoh UMNO di negeri ini untuk membahiri

Persekutuan

dan mengundurkan diri dari majlis keputeraan

Sultan Kelantandukacita teguran - teguran ikhlas disalahtafsir

KOTA BAHARU 30 Mac — Sultan Kelantan hari ini melahirkan rasa jasacita kerana berlakunya salahit-salahian ke atas legitrim - legitrim baginda kerajaan pihak - pihak tertentu pada masa lalu.

Ragunda berfitah-segeran - segeran itu yang dibuat secara ikhlas dan sehat dari hati baginda sebabnya tanpa digenggam oleh mana-mana pihak, tetapi dilakukannya sebagai satu penghiasan oleh puang-puang berkenaan.

"Beda tidak sah dan benar diakibatkan di atas peralihan yang tidak tepat atau kerana regatan - seguruan yang diluar adalah untuk kepentingan rakyat" ia tak beginda pada istiadat penggunaan kerohanian negara sempena ulang tahun ke-39 kemerdekaan beginda di Istana Balai Besar di sini hari ini.

Tidak baginda pelbagai perniagaan berlaku pada tahun ini sebaliknya adalah satu tajaan dan penggalaman mereka yang berkenaan berhati-hati dalam mengambil keputusan dan keputusan pada masa akan datang.

"Jadi orang tidak akan berlajar sejauh mereka memahami bahwa, so
siang-mosin-mosin dan menjalankan
nya dengan teliti serta tenar. Maka
dia ada pokok yang tetaplah ganteng
sejak pertama yang hilak besar
dan telah mempare manusia yang tidak
paham, "atau bagaimana lagi.

Tanys trapezoida, *polytriatum* von Wettig &

INSPEKTOR MENANG \$1.5 JUTA

KUCHING 30 Mac. - Sesanggupi polis berpangkat inspektor muncul sebagai jutawan sekejap mata tetapi tiket loteri yang dibelinya memenangi hadiah pertama cabutan Loteri Kebajikan Masyarakat berimbas RM5 raja.

Satu sumber di Ibu Pejabat Polis Komponen Sarawak memberitahu, apabila keputusan cabutan interi itu diamalkan kelmarin, pada pegawai di ibu pejabat itu sudah mengetahui bahawa salah seorang daripada pegawaiannya akan meninggal hidupnya.

SULTAN KELANTAN

Baptista menegaskan bahwa ia bantah atau tolak permenakan dan permenakan Balaam ke dalam aliansinya ketika mereka semua takut.

Schubringen dagegen ist eigentlich eine Art von Reigen und nicht sehr sinnvoll.

ANG \$1.5 JUTA
Sementara itu akhbar The Boston Post melaporkan, pegawai milis yang memenangi hadiah pertama ini salah seorang pegawai berkestakuan Cina dari Simmenanjung dan telah berundurkan diri.

Menurut akibar itu, pegawai itu telah berjungka 55 senang dengan 35 orang sakit lain untuk membela 90 keping tiket bernomor 144533 ke atas. Bagaimanapun, tiket yang dibelinya sendiri ialah bernomor 144535 hepilih sebagai pemenang pertama.

berhati-hati dan tidak mudah dipengaruhi serta membuat kesimpulan yang menerleweng daripada adat tatacara orang Melayu Kelantan.

Baginda juga menyaran kan agar saifadwasar dimuluskan bap mengerti manfaat kepada para penganggur termasuk gelontong mewasah yang belum mempunyai teknik.

"Potensi yang ada pada mereka seharusnya dipergunakan bagi memenuhi kebutuhan pemasangan yang lebih besar," tulis Basuki.

Selamat bu, Tuan Bilal Menden Besar Jatah Ahmad Razam Haji Ahmad Maher semoga menyembahyang tuah dan surat setia bagi pihak kerajaan negeri berkuasa akan mempersenjatakan orang tuah untuk mempunyai menguntungkan dengan memberi kehadiran kepada pertemuan kerjasama, makna pelaburan sing dan memperbaiki kawasan hasil dan kerian.

Sementara itu Teungku Laksmaya telah menyerahkannya ke agama Islam dan saat seba baginya kejatuh ke mbah dumai, pemakamnya berada di Mesjid Besar Kelantan. Datuk Muhammad Nasir yang bersekolah di sekolah Islam ini juga pernah mengajar di Sekolah Kelantan.

Pada tahap ta pihaka terhad berjaya menghalau seseorang ke dalam.

Tarut orang-orang salah Raya Perempuan
an dan Tengku Makhota Kelantan
mengganti kerabat dengan setia pada pem-
benaran dan mengalahkan orang kudus.

Setia dan pengorbanan yang dilakukan oleh Raden Sari Pengrajan Berakar Brutus Kramatjati. Pengrajan atau Raden Sari Boekan dan sebenarnya Pendekar Bini Daging Maesaen Raja kerap mengajak kiprah dan anggusta leluhur. Raden Pengrajan

Iyadatullah, baginda sultan memerlukan perbaikan dan memerlukan tabik hennaz dengan fili pengawas dan anggota pasukan. 21 Artikel dalam Konvensi Paris Negeri Somalia pada perbaikan kebenaran di Pekan Merdeka.

Tentatively we can say that the results of the present study indicate that the effect of the different types of training on the performance of the subjects in the various tests was not statistically significant.



SULTANAH BINTA HJ AHMAD

3

BILA SULTAN SAMA SULTAN BERGADUH

"Raja ada peranannya, Ahli-ahli politik ada peranannya, semuanya sudah tertulis di dalam perlumbagaan. Parlimen pula mempunyai perananya yang tertentu. Kuasa masing-masing diasingkan: Raja berperlumbagaan, Parlimen dan Eksekutif. Semua sudah termaktub. Jadi kalau masing-masing ikut bidangnya, tak adalah perselisihan. Kebanyakkan perselisihan ini sebab salah tafsiran. Itu yang menyebabkan ada perselisihan faham atau seolah-olah ada perselisihan, antara satu badan dengan yang lain."

Sultan Azlan Shah
1985

ADAPUN maksud saya bila mengatakan '**bila sultan sama sultan bergaduh**' ini bukanlah bermakna sultan-sultan di Malaysia bertumbuk sesama sendiri atau main baling-baling tombang. Sultan-sultan tak buat kerja macam ini. Sultanlah, katakan Bergaduh pun kena cara Sultan juga.

Sultan Kelantan merupakan sultan yang termuda dewasa jika dibandingkan dengan sultan-sultan di negeri-negeri lain. Baginda baru berusia 39 tahun. Kalau ikut kata orang Barat '**it begins after forty**'. Nabi Muhamad s.a.w. diangkat menjalani Rasulullah setelah berumur 40 tahun. Jadi kalau orang dibawa

umur 40 tahun, kita terpaksa terima hakikat yang dianya masih muda lagi.

Baginda menjadi sultan yang memerintah negeri Kelantan Darul Naim serta semua jajahan takluknya, mengambil alih teraju pemerintahan negeri sebaik saja ayahanda baginda mangkat lebih 10 tahun yang lampau. Ayahanda baginda mangkat semasa menjadi Yang DiPertuan Agong.

Ini bermakna baginda tiba-tiba saja ditabah menjadi Sultan Kelantan di waktu usia baginda masih lagi dalam lingkungan tiga puluhan. Walaupun baginda agak muda jika dibandingkan dengan orang-orang yang sebaya dengan baginda, namun takdir menentukan bahawa bagindalah yang mewarisi takhta negeri Kelantan. Maka baginda pun jadilah sultan. Itu saja.

Sebelum tanggal 24 April 1987, nama baginda tidak begitu terkenal. Kalau pun orang tahu, tahu macam itu sajalah. Di Kelantan rakyat tahu dan kenal siapa Sultan mereka. Hari ini baginda sudah menjadi seorang tokoh yang kontroversial. Seorang Sultan yang terkenal hebat. Sebabnya tidak lain dan tidak bukan kerana baginda telah mencampuri urusan politik negeri dan telah memihak kepada pihak yang tidak senang kepada Menteri Besar dan Perdana Menteri. Itulah ceritanya.

Siapa yang tidak tahu hubungan Tengku Razaleigh dengan baginda Sultan adalah hubungan keluarga. Raja Permaisuri Kelantan ialah anak saudara Tengku Razaleigh. Dengan sendirinya baginda Sultan di dalam konteks moden terpaksa membahasakan diri baginda sebagai '**anakanda**' setiap kali bercakap dengan Tengku Razaleigh. Mustahil seorang anakanda tidak mahu ambil berat tentang apa yang sedang berlaku pada '**ayahandanya**'.

Dan kita juga tahu bahawa satu masa dahulu, kekuasaan Tengku Razaleigh di Kelantan begitu ketara, hingga kata-kata Tengku Razaleigh dianggap "**perintah diraja**". Siapa berani menentang arahan Tengku Razaleigh meskipun arahan itu dibuat oleh para hulubalang beliau saja. Inilah yang membuatkan para hulubalang merasa besar kepala. Hulubalang yang berlagak lebih raja dari raja. Sebenarnya orang ramai bukan takutkan kemurkaan hulubalangnya tapi kononnya arahan itu dari Ku Li, mereka terpaksa patuh juga. Mereka ini para oportunist dan para pengampu yang berlagak lebih sudu dari bubur. Inilah yang merosakkan nama Ku Li dan raja.

Biarpun Tengku Razaleigh bukan lagi menteri Keraajaan pusat dan sudah tidak mempunyai apa-apa kuasa politik, namun

beliau mempunyai *keistimewaan*. *Keistimewaan* yang sengaja diada-adakan untuk memaparkan satu gambaran yang seolah-olah Ku Li itu masih berkuasa dan berpengaruh. Orang-orang Ku Li saja biarkan Ku Li bermain sandiwara dan dalam masa yang sama mereka berusaha untuk mengumpul semula kekuatannya yang semakin hari semakin hilang dari bumi Kelantan.

Rakyat yang taat pada raja dan mempunyai perasaan kenegerian yang kuat dan masih taat pada Tengku Razaleigh diperalat dan digunakan tanpa memikirkan risiko dan kerugian rakyat sekalian.

Tengku Li tidak dapat menerima hakikat bahawa orang ramai percaya bahawa beliau mempunyai pengaruh di dalam meredakan ketegangan di negari Kelantan jika beliau mahu.

Seandainya Ku Li mahukan pihak **ISTANA** tidak lagi mencampuri urusan politik, tidak lagi bermasam muka dengan Menteri Besar, maka dengan mudah beliau boleh berbuat demikian. Ku Li boleh meminta Sultan Kelantan agar membiarkan keruahan politik diselesaikan oleh orang-orang politik. Tapi soalnya apakah Ku Li mahu berbuat demikian? Mungkin hati kecil Ku Li mahu. Namun bagaimana dengan kuncu-kuncu beliau? Mereka bukan mahu menerima nasihat Perdana Menteri dalam ucapannya di Johor Bahru pada 11 Mei 1989.

Kita lihat daripada sejarah yang menunjukkan bagaimana lemahnya orang Melayu apabila mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri berasingan. Mereka memang sudah lemah kerana mereka tidak mempunyai orang yang *terpelajar, profesional, ahli perniagaan yang kaya, pekerja mahir dan cekap, penglibatan dalam berbagai bidang usaha yang penting dan kelemahan lain*. Tetapi apabila mereka membahagi-bahagikan diri mereka kepada rakyat negeri masing-masing dan bertindak secara berasingan, mereka menjadi lebih lemah.

Tahun 1984 Ku Li terjerat dan hampir punah kerana kuncu kuncunya. Tahun 1987 Ku Li punah rosak binasa politiknya juga kerana mengikut kemahuan para pengikutnya. Bila Ku Li nak bangun dan sergah pengikut-pengikutnya supaya ikut cakapnya pula? Ku Li patut beritahu kuncu-kuncunya bahawa;

'Istana tidak patut mencampuri urusan politik seperti mana orang-orang politik sendiri tidak pernah mencampuri urusan Istana.'

Hakikat semacam ini memang Ku Li sudah sedia maklum. Takkan dia tak tahu benda-benda yang semacam ini. Dia bukan ahli politik yang masih berhingus. Ku Li seorang ahli politik yang bertaraf antarabangsa. Semangat **Bersatu Teguh dan Bercerai Roboh** patut dijadikan pegangan bagi seseorang yang mahu jadi pemimpin besar. Ku Li tentu tahu apa yang dimaksudkan oleh Mahathir dalam amanatnya. Tapi Ku Li terus kumpul orang yang sudah desperado bawa mereka dan istana sama untuk tentang kerajaan yang dipunyai oleh orang Melayu. Kononnya hendak hidupkan semula UMNO, namakan kumpulannya Semangat 46.

Jika kita disoal apakah yang memberi kejayaan kepada satu bangsa yang begitu lemah, iaitu bangsa Melayu pada 1946, jawabannya ialah *semangat perpaduan yang berjaya mengumpulkan orang Melayu dari negeri yang berasingan, dari pertubuhan yang belainan, untuk menghadapi ancaman terhadap bangsa mereka*. Inilah semangat yang muncul pada 1946 apabila bangsa diancam dengan kemungkinan dihapuskan.

Orang Melayu menangkis usaha British untuk memecahbelahkan mereka. Sebaliknya mereka bersatu padu. Orang atasan juga sanggup bergabung tenaga dengan rakyat jelata dan rakyat memberanikan diri mendesak raja-raja supaya menentang British.

Ku Li tidak berusaha untuk mengendurkan ketegangan antara pihak Istana dan politik. Kenapa? Apakah muslihat Ku Li dengan membiarkan ia berterusan? Apakah Ku Li tidak ada perasaan kasih sayang dan merasa bertanggungjawab terhadap istana? Dan apakah Ku Li tidak mengambil peduli perasaan rakyat Kelantan dan orang Melayu keseluruhannya?

Ku Li menafikan bahawa dia memperalatkan Sultan Kelantan di dalam krisis antara Menteri Besar dan baginda Sultan. Barangkali Ku Li boleh menyakinkan beberapa orang, tetapi tidak semua orang mahu mempercayai dakwaan beliau itu. Mereka kata Ku Li cuba bersombuni melalui tembakan peluru kosong. Cakap Ku Li

cakap politik.

Tunku Abdul Rahman Putra pun pernah menyatakan agar Istana tidak mencampuri urusan politik. Tunku pernah menegur sultan. Lupakah tulisan Tunku di kolumn 'As I see it' akhbar The Star bertarikh 5 Oktober, 1981. Mungkin Tunku dah tak ingat lagi tulisan Tunku itu sebab usia Tunku sudah lanjut. Tunku ada banyak sahabat dalam The Star, mintalah salinan akhbar itu dan baca balik apa yang Tunku sudah tulis.

Tapi bila Sultan Kelantan mencampuri politik, kenapa lidah Tunku kelu seribu bahasa? Apakah Tunku memang suka melihat rakyat memusuhi baginda sultan? Siapa agaknya Tunku ini sebenarnya, selain dari menjadi negotiator kemerdekaan?

Teguran Tunku sewaktu Tunku masih menjadi ahli UMNO mendapat penghargaan dan puji-pujian daripada Perdana Menteri ketika itu. Apakah kerana Tunku sekarang sudah berselisih faham dengan Dr. Mahathir maka lain pula ceritanya? Inikah sifat dan sikap seorang negarawan yang dinamakan **Bapa Kemerdekaan** dan **Bapa Malaysia**? Tunku sebagai putra raja sepatutnya cuba menegur pihak Istana tapi sebaliknya nampaknya Tunku sendiri membakar semangat rakyat agar bertindak liar dan menanamkan bibit-bibit kesangsian terhadap istana. Api yang sedang dimainkan oleh Tunku dan Ku Li nampaknya sangat berbahaya.

Saya percaya sekiranya Tunku benar-benar "gentleman" dan mengambil sikap sebagai bapa dan negarawan, tentu Tunku akan cuba menegur baginda Sultan Kelantan agar baginda tidak lagi mencampuri urusan politik. Biarlah orang-orang politik di Kelantan menyelesaikan krisis yang melanda negeri itu secara politik atau nasihatkan baginda agar sultan bersikap seperti **payung** kepada rakyat. Nampaknya dalam hal ini Ghafar Baba lebih bertanggungjawab dari Tunku atau Ku Li. Ghafar datang ke istana untuk menasihati baginda sultan. Padahal Ghafar bukan anak raja. Ghafar dilahir dan dibesarkan dalam Negeri Melaka yang sudah lama kehilangan raja. Tapi kerana beliau pemimpin UMNO, adalah menjadi tugasnya untuk menjaga dan memelihara raja-raja.

Buat diri saya, pada peringkat awal saya tidak bercadang mengupas dan menegur tindak tanduk baginda Sultan Kelantan. Pertama saya rasa tidak manis saya menegur Sultan melalui tulisan terutama di dalam buku yang kontroversial ini. Tapi bila Tunku Abdul Rahman sudah tidak bersikap ikhlas dan berani

seperti dulu lagi, yang mana dalam pengetahuan saya Tunku seorang saja yang berani menegur raja, maka saya terpaksa ambil alih tugas-tugas Tunku yang sudah penced. Ini kerana satu hari pun, saya anggap Tunku adalah guru saya. Ada banyak yang saya telah belajar dari Tunku melalui tulisan-tulisan Tunku tentang cara-cara bagaimana hendak menegur raja-raja dan lagi pun saya ini raja juga... Raja penulis... Lesen saya besar... anugerah dari Allah Subhanawa Ta'ala.

Saya telah mengambil keputusan bahawa seseorang mesti tampil untuk memperbetulkan keadaan, agar kekusutan yang berlaku dapat dileraikan seperti sediakala. Dengan berbuat demikian krisis antara raja dan rakyat tidak berpanjangan ke negeri-negeri lain. Inilah yang telah membuatkan saya jadi berani walaupun terpaksa menanggung berbagai risiko. Siapakah selain dari penulis yang mesti berani mengambil risiko yang sebesar ini?

Apakah semua kerja mesti dipertangungjawabkan kepada pemimpin politik saja? Apakah kita rakyat tidak mempunyai tanggungjawab dan peranan yang sama?

Penulis kontroversial Abdullah Munshi, seorang pengkritik yang terkenal dengan kritikan-kritikan yang kontroversial di dalam sejarah penulisan di negara ini pernah menegur golongan Istana. Teguran ikhlas itu dibuat di dalam bukunya yang dinamakan "Kisah Pelayaran Abdullah." Antara lain Abdullah menegur pihak Istana sewaktu di Kelantan dengan menulis:

".....Ingat-ingat Tengku; lagi akan ditanya Allah Taala pada hari kemudian akan segala hal rakyat itu kepada rajanya. Dan lagi, Tengku, bermula-mula yang masuk neraka itu segala raja-raja yang zalim ia atas rakyatnya... Maka janganlah Tengku kira orang yang menjadi raja itu terlebih besar dan terlebih mulia daripada rakyatnya melainkan orang yang terkecil lagi hina adanya. Iaitu hamba segala hamba Allah.

Ada pun apabila seorang dijadikan Allah ia raja, bukannya sebab hendak memuaskan nafsunya dan berbini sepuluh dua-puluh, atau mencari harta, dan membunuh orang dengan aniyaya-nya, melainkan sebab di suruh Allah memelihara manusia, supaya tiada dianiayai oleh seorang akan seorang; itulah gunanya.

Ini sahaya lihat terlalu hairan: kecuali hal raja Melayu kebanyakan yang tiada tahu membaca surat, dan lagi tiada suka belajar, melainkan duduk dengan huru-hara dunia sahaja.

"Kalau boleh, Tengku, sahaya pohonkan kepada Allah, janganlah kiranya dihidupkannya sahaya dalam negeri Melayu. Dan lagi dijauahkan Allah berdekat dengan raja-raja; kerana orang yang hampir kepada raja itu seperti bersahabat dengan ular yang bisa; maka salah sedikit dipagutnya biji mata."

Kisah Pelayaran Abdullah Munshi.

Karya Abdullah Munshi dalam Kisah pelayarannya telah menambahkan semangat saya menjadi makin berani untuk mencari kebenaran, bukan berani untuk mengkritik pihak Istana dan memihak kepada kerajaan. Tetapi saya ingin menyegarkan hati yang tengah mendidih, mencari punca kekusutan supaya siapa yang bersalah tahu dan sedar akan kesilapan mereka. Kepada mereka yang telah sesat di hujung jalan cepat-cepatlah kembali ke pangkal jalan termasuk Tunku sendiri.

Tunku Abdul Rahman yang selama ini kita anggap sebagai orang tua, yang sepatutnya menegur pihak Istana, sudah tidak boleh diharapkan lagi. Seperti kata pepatah, '**harapkan pagar, rupa-rupanya pagar makan padi. Harapkan sokong, sokong yang membawa rebah.**' Beliau pun dah macam budak-budak ikut bergaduh sama.

Nak harapkan para peguam dan bekas-bekas hakim, mereka pun berharap melalui istana mereka dapat pembelaan dan dapat naik dan bertapak semula.

Siapa lagi yang nak kita harapkan agar dapat memberikan teguran kepada pihak Istana? Istana sudah jadi satu macam tempat yang amat ditakuti. Padahal kita tahu tugas dan peranan raja dan rakyat. Kita bukan hidup dalam negara masa sultan dan raja hidup sebagai diktator.

Saya sangat tertarik dengan pendapat baginda Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Azlan Shah. Baginda Sultan Azlan sememangnya seorang ahli fikir dan mempunyai pengalaman yang luas di bidang kehakiman. Kata-katanya boleh dijadikan panduan oleh semua pihak yang terlibat dan yang tidak terlibat.

Saya masih ingat apa yang baginda perkatakan sewaktu

diwawancara oleh beberapa orang wartawan pada bulan Disember 1985 dulu.

Baginda antara lain berpesan kepada pihak Istana:

"RAJA DAN POLITIK TAK BOLEH DIPERSATUKAN. MENGENAI POLITIK ATAU SOAL-SOAL POLITIK, PERLEMBAGAAN TIDAK MEMBENARKAN SAYA MELIBATKAN DIRI."

Baginda seterusnya berkata:

RAJA BERTAKHTA, KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT MEMERINTAH. KUASA YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN OLEH RAKYAT INI ADALAH UNTUK RAKYAT DAN TIDAK BOLEH DISALAHGUNAKAN. PERANAN RAJA MENURUT PERLEMBAGAAN SUDAH TERMAKTUB DALAM PERLEMBAGAAN. JADI ITULAH GARIS PANDUAN KITA. RAJA BERTINDAK ATAS NASIHAT, BUKAN? TAK BOLEH BUAT SESUKA HATI. YANG DIPERTUAN AGONG BERTINDAK ATAS NASIHAT KABINET. RAJA-RAJA BERTINDAK ATAS NASIHAT KABINET. RAJA-RAJA BERTINDAK ATAS NASIHAT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN. JADI PERANAN ITU SUDAH TERMAKTUB DI DALAM PERLEMBAGAAN, TAK BOLEH KELUAR DARI ITU".

Malah bukan itu saja Sultan Azlan mengingatkan semua pihak bahawa persengketaan boleh diatasi jika:

"RAJA ADA PERANANNYA, AHLI-AHLI POLITIK ADA PERANANNYA, SEMUANYA SUDAH TERTULIS DI DALAM PERLEMBAGAAN. PARLIMEN PULA MEMPUNYAI PERANANNYA YANG TERTENTU. KUASA MASING-MASING DIASINGKAN: RAJA BERPERLEMBAGAAN, PARLIMEN DAN EKSEKUTIF. SEMUA SUDAH TERMAKTUB. JADI KALAU MASING-MASING IKUT BIDANGNYA, TAK ADALAH PERSELISIHAN. KEBANYAKAN PERSELISIHANINI SEBAB SALAHTAFSIRAN. ITU YANG MENYEBABKAN ADA PERSELISIHAN FAHAM ATAU SEOLAH-OLAH

ADA PERSELISIHAN, ANTARA SATU BADAN DENGAN YANG LAIN".

Sultan Azlan Shah

Keberanian saya menegur bukan bermakna saya secara membata tuli menyokong orang-orang politik sambil anti Istana. Jauh sekali. Kepada saya bangsa Melayu harus mempertaruhkan nyawa sekalipun untuk menjamin agar sistem kesultanan kekal terus di negara ini. Sistem kesultanan merupakan satu kekuatan bangsa Melayu.

Tetapi apa yang perlu ditegur ialah mereka yang ada di dalam lingkungan Istana supaya tidak berbuat sesuka hati tanpa mengambil kira faktor di sekeliling. Pihak Istana tidak harus campurtangan di dalam perlantikan Menteri Besar ataupun Barisan EXCO. Biarlah kebebasan memilih dibuat oleh orang-orang politik. Dalam konteks ini Sultan Kelantan haruslah memahami apa yang cuba dikiaskan oleh Sultan Azlan. Kalau mahu guna nasihat Tunku, saya petik semula ingatan Tunku, semasa krisis Menteri Besar dan raja-raja. Ketika itu Tunku masih berada di dalam UMNO.

Sultan Kelantan juga hendaklah membaca semula **Kisah Pelayaran Abdullah Munshi** agar mendapat pedoman. Membaca dan berfikir apa yang ditulis oleh Abdullah Munshi boleh menyedarkan kesilapan baginda di dunia.

Mungkin baginda Sultan Kelantan sedar bahawa teguran baginda di masa-masa lalu juga mengandungi maksud tertentu tetapi teguran itu adalah ikhlas. Cuma telah disalah tafsir.

Tetapi tidakkah mungkin baginda pula tersalah tafsir akan teguran yang cuba baginda ketengahkan kini?

Sebagai contoh tidakkah mungkin baginda telah diperalatkan oleh pihak tertentu agar membenci Menteri Besar? Misnon Jami ketika mengulas perkara ini di dalam akhbar **Mingguan Kota** bertarikh 9 April, 1989 berkata:

"Krisis Istana (Kelantan) dan Menteri Besar ini memang didalangi oleh Kumpulan Serpihan. Biarpun kumpulan itu menafikan ratusan kali, kerana terbukti bahawa orang-orang Serpihan ada hadir di Majlis hari Keputeraan Sultan Kelantan ke - 39 tahun dan beberapa nama turut mengejutkan kita semua."

Soalnya tidakkah Sultan Kelantan sendiri sedar bahawa

baginda telah diperalatkan oleh **Kumpulan Serpihan** dan akibatnya timbulah **krisis** seperti yang berlaku sekarang?

Saya bertanya demikian kerana akhir-akhir ini beberapa kenyataan baginda amat mengelirukan, seolah-olah baginda tidak memahami apa yang berlaku sepenuhnya di negeri Kelantan. Ucapan baginda hanya memihak kepada satu pihak sambil terang-terangan membidas pihak UMNO. Baginda mungkin tidak menyebut nama parti itu tetapi bak kata pepatah, macam **pukul anak sindir menantu**. Rakyat yang celik pasti tahu. Bak kata orang tua-tua, **sekilas ikan di air sudah kenal jantan betina**.

Cuba kita perhatikan ucapan baginda di Majlis Singgahsana pada 30 Mac, 1989 sempena hari keputeraan baginda, antara lain baginda berkata:

"Peristiwa-peristiwa ini (krisis Menteri Besar dan Istana) mungkin tidak akan berlaku jika mereka memahami bidang-bidang tugas masing-masing seperti yang tergaris dengan jelas dan mereka-mereka yang diberi kuasa menjaga bidang kuasa mereka dengan teliti dan teratur. Tetapi oleh kerana mereka lebih dikuasai oleh perasaan tamak dan gila kepada kuasa, mereka akan membuat apa saja untuk mengekalkan kuasa tersebut. Walaupun kita semua arif yang kuasa mutlak adalah terletak semata-mata pada Allah Subhana Wata'alai. Malangnya ada sesetengah pihak begitu ghairah menegakkan apa yang tidak benar sehingga ianya telah menjadi isu-isu yang tidak sepatutnya."

Soalnya, siapakah yang mengeruhkan suasana politik Kelantan? Siapakah yang begitu ghairah mahu menegakkan apa yang tidak benar? Siapakah yang tidak memahami bidang kuasa masing-masing? Siapakah yang tamak dan gila kuasa dan ikutkan perasaan masing-masing? Siapakah yang telah melanggar Rukun Negara yang ketiga, **Keluhanan Perlembagaan**?

Saya bertanyakan soalan ini kerana saya kira bertepuk sebelah tangan tentu tidak akan berbunyi.

Untuk berlaku adil mari lihat semula krisis yang berlaku yang melarat hingga sekarang. Siapa puncanya? Siapa dalangnya?

Krisis sebenarnya bermula apabila Tan Sri Mohamad Yaakub, waktu itu baru Datuk, menyatakan sokongan terbuka kepada

kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Sokongan itu bukanlah baru kerana sebagai Menteri Besar yang dilantik oleh UMNO Pusat dengan persetujuan Barisan Nasional maka seharusnya lah beliau menumpukan taat setia kepada UMNO dan sekaligus kepada Presiden UMNO yang menjadi Perdana Menteri. Apa yang Menteri Besar lakukan tidak bertentangan dengan Rukun Negara yang kedua, ketiga dan keempat. **Kedua, Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara, ketiga, Keluhuran Perlembagaan dan keempat Kedaulatan Undang-Undang.**

Orang Ku Li merasakan Tan Sri Mohamad Yaakub ialah orang kepercayaan Ku Li, kerana konon Ku Lilah yang bertanggungjawab menaikkan Tan Sri Mohamad. Mereka mahu menuntut supaya budi lama dibalas. Mohamad Yaakub mesti lupakan tugas dan tanggungjawab pada parti dan pada rakyat. Orang Ku Li merasakan Tan Sri Mohamad Yaakub mesti berikan taat setia pada Ku Li yang menolong mendapatkan kerusi tersebut.

Masakan Tan Sri Mohamad mahu menderhaka kepada pucuk pimpinan parti yang telah bertanggungjawab meletakkan beliau di Kelantan. Mana lebih penting tanggungjawab terhadap bangsa agama dan negara atau hutang budi kepada orang perseorangan? Kerana keengganahan Tan Sri Mohamad menyokong Ku Li, maka orang-orang Ku Li pun mencari jalan untuk memburuk-burukkan imej Menteri Besar. Maka busuklah nama Mohamad Yaakub dalam ingatan mereka. Beliau dianggap sebagai manusia yang tidak mengenang budi, manusia tak sedar diri dan lupa daratan manusia oportunistis yang hanya memikirkan kerusi Menteri Besar dan lupa kepada jasa Ku Li, maka sebab itulah mereka mesil memusuhi Mohamad Yaakub.

Sebelum peristiwa ini imej Tan Sri Mohamad di Kelantan amat baik. Orang-orang kampung amat menyayanginya. Ini disebabkan Tan Sri Mohamad Yaakub itu '*simple*' orangnya dan sentiasa bersikap **sederhana**. Beliau tidak gila kuasa dan akhlaknya pun baik.

Rakyat Kelantan menggelar Tan Sri Mohamad sebagai pemimpin berjiwa rakyat. Kesederhanaan beliau terbukti melalui pakaian sewaktu di rumah. Kadangkala hanya memakai singlet dengan kain pelekat. Duduk pun di atas lantai, tidak pernah dilayan macam VIP. Rakyat merasa mudah menemui beliau.

Semasa menjadi orang kepercayaan Ku Li, Tan Sri Mohamad sering diberikan puji-pujian kerana cara dan perwatakan beliau yang semulajadi itu. Inilah yang terjadi. Bak kata bidalan **hilang**

panas setahun dek hujan sehari, rosak susu sebelanga akibat nila setitik.' Inilah ujian Tuhan terhadap Mohamad Yaakub.

Kini bila Tan Sri menjalankan tugasnya dengan jaya dan ikhlas serta berani menghadapi apa saja risiko untuk menjamin keadilan undang-undang yang telah diamanahkan di atas bahu beliau, segala cacian mengantikan puji-pujian. Biar bagaimanapun Tan Sri Mohamad Yaakub harus ingat, pohon itu akan tetap subur dengan segala kekotoran dan najis yang diletak di pangkalnya. Lagipun segala pujian hanya untuk Allah sahaja. Caci dan kehinaan pakaian hamba yang taat pada Allah.

Oleh kerana Tan Sri Mohamad enggan menurut arahan agar menyokong Ku Li maka timbulah berbagai angkara yang dibuat oleh kumpulan ini untuk mencemar nama baik Menteri Besar. Tapi selagi kita di pihak yang benar, kita tak akan gentar. Bila timbul kebenaran, yang batil akan tertewas dengan sendirinya. Hilang gelap timbul terang. Lagipun beginilah dunia politik. Jika takut di lambung ombak jangan berumrah di tepi pantai. Dengan berbekalkan semangat begini dan Tauhid Allah, Mohamad Yaakub insya Allah akan selamat dunia dan akhirat.

Peristiwa pertama yang membuka tirai perbalahan ialah upacara membaca ikrar taat setia rakyat sempena hari keputeraan baginda tahun lalu.

Tan Sri Mohamad awal-awal lagi sudah mengenakan pakaian rasmi, berangkat ke Istana. Persediaan telah dibuat oleh beliau untuk membaca ikrar taat setia rakyat pada hari itu.

Bila tiba masanya beliau tidak dijemput untuk malafazkan ikrar. Mengapa? Dengarnya baginda Tuanku tidak perkenankan Menteri Besar melafaz ikrar taat setia sedangkan acara begini berjalan setiap tahun sejak Tan Sri Mohamad menjadi Menteri Besar. Kenapa.... Ada apa-apa ke....?

Di manakah Menteri Besar hendak meletakkan muka waktu itu? Cuba bayangkan diri kita sendiri berada di dalam keadaan Tan Sri Mohamad. Bukan saja diperhinakan, malah dijadikan barang untuk disepak ke merata tempat. Bagaimanapun oleh kerana Tan Sri Mohamad seorang negarawan, seorang yang kuat keimanan, maka segala cabaran tadi diterima dengan penuh kerelaan. Nasib demo macam tu deh.....

Untuk tempoh beberapa waktu, Tan Sri Mohamad mengalami keaiban akibat dari perbuatan pihak Istana. Dalam satu acara yang dihadiri oleh Sultan Kelantan anjuran Pejabat Ugama Islam Negeri Kelantan, Tan Sri Mohamad turut hadir. Hadir sama ialah

Tengku Razaleigh. Sewaktu Tan Sri Mohamad memasuki ke dewan, orang ramai berada di situ telah memboo beliau.

Tetapi Tan Sri Mohamad dengan selamba, tidak menghiraukan ejekan. Orang-orang Ku Li yang hadir amat gembira melihat peristiwa itu. Orang ramai berani berbuat sedemikian rupa kerana mendapat semangat daripada kemurkaan baginda terhadap Menteri Besar.

Peristiwa ini tidak tamat di situ. Ia berterusan hingga ke hari ini. Daripada seorang yang lemah lembut, sederhana, Tan Sri Mohamad seolah-olah telah dijadikan '**punching bag**' oleh pihak Istana, Tuanku dan pihak yang pro Ku Li. Desakan meminta Tan Sri Mohamad berundur bukan saja dibuat oleh Semangat 46, malah PAS pun tumpang sama... Astargifirullah... Desakan agar Tan Sri Mohamad melepaskan jawatan Menteri Besar menjadi mainan bibir-bibir para pengikut Semangat 46. Kononnya Tan Sri Mohamad terpaksa berhenti kerana Istana sudah hilang kepercayaan kepada beliau.

Kalaularah kerana pihak Istana sudah tidak lagi berkenan kepada Tan Sri Mohamad, dan justeru itu beliau mesti meletakkan jawatan, maka ini merupakan satu petanda yang tidak baik di dalam politik tanahair di akhir dekad 1980an ini.... Ini sudah lebih.

Sebabnya ialah bagaimana kalau semua sultan tidak berkenan pada semua Menteri-menteri Besar masing-masing? Dan Sultan mahukan pucuk pimpinan kerajaan mencari tokoh lain? Sudah tentu akan berlaku kekecohan... Sikit punya gamat dunia. Apakah ini yang kita kehendaki...? Dulu masa zaman Penjajah Inggeris bolehlah. Mana-mana raja yang tidak mahu tunduk pada kehendak dan kemahuan penjajah ditukarkan dengan orang lain untuk dijadikan Sultan... Tapi itu zaman penjajah yang berkuasa. Itu zaman Melayu sebelum Melayu yang ada pada hari ini.

Di sini amat jelas bahawa Sultan Kelantan tidak cuba menjiwai apa yang telah disuarakan oleh Sultan Perak agar pihak Istana tidak mencampuri urusan politik. Kita sekarang sudah merdeka. Rakyat sudah tahu hak mereka. Menteri besar dipilih oleh rakyat. Rakyat yang berdaulat di dalam negara demokrasi. Sultan atas sifatnya sebagai seorang raja tak boleh sesuka hati benci pada Menteri Besar yang telah mendapat mandat dari rakyat.

Selaku Sultan yang lebih muda dan kurang berpengalaman maka wajar benarlah bagi pihak Sultan Kelantan menghormati buah fikiran Sultan Azlan Shah. Lagi pun Sultan Azlan Shah kini sudah jadi Yang Di Pertuan Agong.

Apa yang amat menarik perhatian di dalam krisis antara Menteri Besar Kelantan dan Sultan Negeri itu ialah campur tangan PAS di dalam keadaan yang sedang bercelaru ini.

Selaku parti yang kononnya memperjuangkan **Islam**, maka wajarlah bagi PAS untuk tidak menjadikan ia modal politik. Dari segi hukum syarak adalah amat berdosa bagi pihak PAS melagakan antara dua insan Muslim. Apatah lagi seorang ketua kerajaan dengan seorang pentadbir negeri.

Tetapi kerana kesempitan modal politik maka PAS ikut campur dan turut mengeruhkan lagi suasana. Apakah ini yang diajar oleh kitab-kitab yang mereka pelajari: melaga-lagakan orang-orang Islam? Dan tidakkah Dewan Ulamak PAS menganggap perbuatan yang semacam ini sebagai kerja orang-orang kafir? Malah bukan itu saja PAS Kelantan sekarang menjadi penyokong Istana yang paling kuat. Apa jua tindakan pihak Istana semua benar. Kalau PAS selama ini mengamalkan ajaran Islam iaitu menegur segala kemungkaran yang dibuat oleh pihak lain tapi sekarang ia sudah tidak mempunyai keberanian. Ia sudah dibeli dengan harga yang terlalu murah. Keberanian tadi digunakan untuk memecah belahkan perpaduan umat Islam.

Sebagai contoh, betapa PAS menjunjung dan menyembah pihak Istana. Timbalan Pesuruhanjaya PAS Negeri, Haji Abdul Halim Abdul Rahman berkata pihaknya tidak bersedia '**menderhaka**' kepada baginda Sultan dalam apa-apa juga keadaan yang berlaku di negeri ini. Kenyataan Halim ini tersiar dalam akhbar **Watan** 30 Mac, 1989.

Sokongan PAS kepada pihak Istana adalah berpuncu dari isu **Majlis Muzakarah Islamiah** yang telah dirasmikan oleh Sultan Kelantan. Serentak dengan hari ini, Dewan Undangan Negeri Kelantan turut bersidang.

Tiga orang wakil Bebas dari kumpulan Semangat 46 telah tidak hadir di dewan kerana menghadiri **majlis muzakarah**. Hadir di majlis itu ialah 10 ahli-ahli Dewan Negeri dari PAS dan 1 HAMIM. Orang-orang ini mendakwa bahawa UMNO telah **memblokot majlis muzakarah** kerana ketidakhadiran mereka sedangkan Tuanku turut hadir dan turut merasmikannya.

Menurut Haji Halim lagi:

"Kalau benar UMNO mempertahankan kedaultan raja-raja kenapa mereka sanggup memblokot Majlis Muzakarah Islamiah yang disempurnakan oleh baginda Sultan."

Tetapi apa yang difahami oleh rakyat jelata ialah sidang Dewan Negeri telah diperkenankan oleh Tuanku Sultan bersidang pada hari itu. Keputusan ini dibuat dengan cap mohor dan dibuat di dalam hitam putih. Ia dipersetujui beberapa bulan lalu lagi, bukannya dibuat secara '**ad hoc**'. Tetapi majlis muzakarah itu dibuat hanya beberapa minggu sebelum sidang dewan. Sekiranya pihak yang menganjurkan majlis muzakarah ikhlas maka mereka tentu mencari satu tarikh lain untuk membolehkan sidang Dewan Negeri tidak diganggu. Tetapi mereka tahu oleh kerana mereka mendapat restu dari pihak Istana maka mereka meneruskan jua acara itu tanpa memikirkan risikonya. Selain daripada itu 14 ahli-ahli Dewan Negeri pun turut bersemangat dan hadir sama di majlis muzakarah sedangkan mereka tahu selaku wakil rakyat mereka harus mendahului kepentingan yang diamanahkan oleh rakyat. Lepas itu barulah mereka memilih untuk menghadiri apa jua program yang turut diatur. Apakah pemimpin PAS tidak tahu perkataan Ulil Amri. Siapakah yang dimaksudkan Ulil Amri? Taat kepada pemerintah atau taat pada lambang? Bukankah kesetiaan pada raja dan pada negara sama beratnya?

Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan **menderhaka** yang ditujukan kepada mereka yang tidak hadir ke majlis Sultan? Siapa sebenarnya penderhaka dan pemberontak?

Tugas Ahli Dewan Negeri kepada siapa? Untuk siapa? Siapa yang memilih mereka menjadi ahli Dewan Undangan Negeri. Bukankah rakyat? Ini bukan zaman **kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek. Ini zaman tugas dan tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara.** Dan dalam pengetahuan kita PAS percaya kepada perjuangan Islam ala Iran. Macam mana sekejap hidup macam ikan di dalam air dan dalam waktu yang sama mahu terbang jadi burung. Kalau nak jadi ikan tembakul, bolehlah. Tapi nanti bila ada orang panggil ulamak ikan tembakul janganlah pula PAS nak marah-marah.

Iran mengamalkan sistem Imamiah bukan sistem raja. Macam mana pemimpin PAS sanggup bersikap *double standard*? Dalam satu waktu mereka juga mengagung-agungkan sistem yang diamalkan oleh Republik Iran. Orang-orang mereka menyokong ada yang mahu jadi macam Ayatollah. Dan dalam waktu yang sama mereka mengagungkan sistem kesultanan serta bersekongkol dengan istana.

Biarpun mereka tahu Menteri Besar berada di tempat yang **benar** tapi kerana kepentingan peribadi mereka sanggup

merosakkan nama baik dan kepercayaan orang ramai. Bukankah Resulullah bersabda supaya **berkata benar biarpun pahit**. Sifat orang Islam mesti berani tak boleh jadi 'hipokrit'. Binatang pun, yang hidup di laut dan di darat tak boleh dimakan.

Selalunya PAS kutuk UMNO sebagai parti yang *double standard*. Inilah yang dikatakan cakap tak serupa bikin. Sepatutnya sifat para pemimpin Islam mesti ikhlas. Tidak boleh bermuka-muka. Pemimpin yang mahu memperjuangkan Islam tak patut **menangguk di air yang keruh**. Apakah politik, kerusi dan kuasa yang menjadi nawaitu perjuangan PAS?

Nampaknya keadaan huru-hara dan kucar-kacir sengaja diadakan supaya berlaku dan timbul satu pertanyaan; apakah Menteri Besar akan diberhentikan kerana sudah tidak sebulu dengan pihak Istana? Dan kemudian mereka sendiri yang menjawab Menteri Besar mesti turun dari kerusinya.... Astaghfirullah... Apa sudah jadi dengan ulamak-ulamak ini?

Walaupun sejarah telah menunjukkan pihak **Istana** sentiasa menang bila timbul krisis antara **Istana** dan **Menteri Besar**, tetapi di dalam kes Kelantan ia mempunyai beberapa perbedaan.

Perbedaan ini membuatkan kes itu tidak sama dan dengan itu sukar untuk ditafsirkan bahawa **Menteri Besar** akan gugur macam yang pernah berlaku kepada **Menteri Besar** yang lain di negeri lain atau ada pihak lain yang akan mengalami kerugian yang lebih besar... Allah Ta'ala saja yang dapat menentukan kerana Allah yang Maha Mengetahui dan Allah yang Maha Berkuasa.

Krisis di Perak misalnya, antara Sultan dan Tan Sri Ghazali amat berbeda. Dalam kes Tan Sri Ghazali, **krisis** itu antara Menteri Besar dan Istana, bukannya antara Istana dan UMNO.

Di Kelantan **krisis** ialah antara Menteri Besar serta **UMNO** negeri dengan **Istana**. Ini bermakna pihak Istana terpaksa menghadapi seluruh jentera UMNO untuk memastikan ia berjaya mengulingkan Menteri Besar. Perlu diingatkan seluruh jentera UMNO berdiri teguh di belakang Menteri Besar di dalam **krisis** ini. Oleh itu tentulah tidak mudah bagi pihak **Istana** untuk menggantikan Tan Sri Mohamad Yaakub, kerana yang menyokong **istana** adalah golongan serpihan dan PAS. Mereka berada di pihak minoriti dan sultan tidak terhutang budi pada mereka, tapi sultan terhutang budi pada UMNO. Kalau tidak kerana jasa-jasa UMNO taraf sultan cuma sebagai ketua agama dan istiadat saja. UMNOlah yang telah menyelamatkan sultan di atas takhta mereka hari ini.

Menyedari bahawa usaha untuk menjatuhkan Menteri Besar suatu yang sukar maka pihak **Istana** perlu memikirkan risiko dan campurtangan mereka. Pertama seperti yang dimaklumkan oleh Abdullah Munshi bahawa Allah akan menghisab di akhirat kelak sebarang tindak tanduk pihak **Istana** terhadap rakyat.

Kedua bagaimana kalau orang Melayu bertukar sikap seperti yang pernah dikatakan oleh Allahyarham Datuk Onn dalam pantunnya.

Baik-baik belayar malam,
Arus kencang kurangnya tajam,
Kalau tidak malim yang faham,
Di situ juga perahu tenggelam.

Apa yang membimbangkan kita ialah apa akan terjadi pada sistem kesultanan di Kelantan. Rakyat berhak untuk menentukan bentuk mana yang mereka kehendaki sejajar dengan semangat demokrasi yang dilaung-laungkan. Di negeri ini rakyat yang berdaulat, raja tidak lagi berdaulat. Rakyat boleh hidup tanpa raja tapi raja tak boleh jadi raja tanpa rakyat.

Bunga-bunga api telah pun dapat kita lihat hasil daripada krisis antara **Menteri Besar** dan **Istana**. Apakah **istana** tidak bimbangi mungkin mencetuskan '**revolusi**' pemikiran di kalangan rakyat yang boleh mengubah sistem yang sedia ada?

Rakyat melihat perkembangan ini dengan penuh tandatanya. Tidak tanduk **Istana** yang sudah masuk bab mencabar kekuatan Kerajaan Persekutuan turut diperhatikan dengan penuh debaran. **Insiden** yang amat mendukacitakan ialah, cara dan corak hari keputeraan baginda yang dibuat pada tahun ini sempena usia baginda ke-39 tahun. Menteri Besar sudah dapat menciumi gerakan pihak Istana lalu memohon cuti ke luar negeri. Seperti yang diduga, wakil kerajaan Datuk Ahmad Rastom hanya dipanggil untuk membaca ikrar taat setia bagi pihak kerajaan. Tempat penting itu diambil alih oleh Datuk Haji Mohamad Nasir, bekas Menteri besar. Menurut Datuk Mohamad Nasir, sembah yang bakal dilakukan di hadapan Sultan pada hari keputeraan baginda ialah mewakili rakyat di negari Kelantan.

Katanya ucapan beliau mewakili rakyat negeri ini adalah atas dasar bahawa dirinya orang besar yang bertauliah bergelar Datuk '**BIJI SURA**' dan juga sekali wakil peribadi seperti yang dititahkan oleh baginda Sultan.

Dari segi logik tentulah tak masuk akal kenyataan Datuk Mohamad Nasir. Tetapi kerana Tuanku memintanya maka terpaksa lah Datuk Mohamad Nasir menjaga perasaan baginda. Jika tidak tentu murka pula Tuanku... Ini yang susah ni... Sikit-sikit.... Sultan nak murka.... rakyat hidup dalam ketakutan murka raja.

Bila senarai penuh jemputan dilihat didapati bahawa bukan seorang anggota EXCO kerajaan negeri tidak dijemput. Tapi ramai ahli-ahli Dewan Negeri UMNO turut tidak dijemput. Wakil-wakil PAS dan 3 adun Bebas dari Semangat 46 turut dijemput. Hadir sama ialah para hakim yang dipecat berhubung kes Tun Salleh. Ini satu kejadian yang amat mencabar dan memalukan... Ini sudah lebih.

Namun untuk menunjukkan betapa kuatnya perpaduan ahli-ahli UMNO, 15 tokoh penting UMNO negeri mengambil keputusan memulaukan hari Keputeraan baginda. Biarpun demikian Datuk Ahmad Rastom Mahir tetap hadir bersama beberapa orang EXCO kerajaan Negeri. Dan ini bukanlah perkara aneh kerana isteri Ahmad Rastom adalah dari kalangan istana.

Molek benarkah?.. Mulia benarkah tindakan Tuanku tidak menjemput wakil-wakil UMNO ini? Dari segi hak, tentulah hak Baginda untuk menjemput ataupun tidak kerana hari itu hari jadi Baginda dan Majlis diadakan di dalam istana pula. Seperti kata Ku Li, adalah menjadi hak Tuanku untuk menjemput sesiapa saja yang Tuanku kehendaki. Tapi Ku Li kena ingat, majlis yang diadakan itu majlis personal atau majlis negeri? Perbelanjaan mengadakan majlis, siapa tanggung? Duit siapa?

Dari segi hukum beradab maka ianya sudah menjatuhkan imej baginda dan juga imej kerajaan negeri. Ia juga mencabar adat istiadat Istana. Tuanku sebagai payung kepada rakyat tidak patut mendedahkan kekeliruan dan sengketa di dalam negeri jajahan baginda. Selalunya di hari keputeraan raja, orang yang hendak dihukum gantung pun baginda boleh minta diampunkan. Itulah sifat baginda sebagai payung tempat rakyat bernaung.

Bertambah menarik perhatian ialah tidak ada tokoh-tokoh UMNO diberikan gelaran Datuk. Para pegawai kanan polis negeri pun tidak berpeluang menerima gelaran Datuk. Hanya beberapa orang pegawai tentera. Mengapa pula tentera dapat, polis tidak? Banyak desas desus yang kita dengar tetapi tak molek untuk ditulis di dalam buku ini. Kita pun jaga nama baik Istana juga.

Turut mendapat gelaran Datuk ialah Tan Sri Othman Saat,

bekas Menteri Besar Johor. Kita semua tahu Almutawakil tarik anugerah Datuk dari Othman Saat kerana Pak Seman pemimpin yang telah melakukan banyak kesilapan, yang tak boleh dimaafkan oleh rakyat semasa jadi Menteri Besar dulu. Sultan Kelantan berbuat begitu, saja nak tunjuk, dia bergaduh dengan Sultan Johor yang masih jadi Agong. Ketika itu apakah Sultan tak tahu Pak Seman yang diberi Datuk itu adalah merangkap Ketua Semangat 46 Johor, orang yang menentang kerajaan. Mentang mentang Pak Seman orang kesayangan Ku Li. Apakah jasa-jasa Pak Seman kepada rakyat dan Sultan Kelantan? Mengapakah orang yang menderhakai pucuk pimpinan diberikan penghormatan itu?

Sultan Kelantan menganugerahkan gelaran Datuk kepada Tan Sri Othman. Atas jasa apakah gelaran itu diberi? Barangkali kerana terlalu aktif membantu Ku Li di Johor menghancurkan UMNO. Siapa tak tahu latar belakang Pak Seman dan kenapa Sultan Johor tarik balik gelaran Datuk yang telah diberikan kepadanya. Tuanku.. Tuanku.. Macam mana boleh jadi macam ini sekali?...

Seorang lagi yang turut menerima gelaran Datuk ialah **Param Cumaraswamy** iaitu bekas **Presiden Majlis Peguam Malaysia**. Param sememangnya seorang pengkritik Dr. Mahathir. Di dalam ucapannya di luar negeri baru-baru ini, Param turut mengkritik kerajaan berhubung ISA dan juga **sistem kehakiman** di negara ini. Beliau turut **membela** Tun Salleh yang dipecat dari jawatan Ketua Hakim Negara.

Atas pertimbangan apakah **Param** menerimanya, tak siap boleh memberikan jawaban. Apakah kerana menjadi hak raja boleh memberi gelaran **Datuk** kepada siapa saja yang bagindu suka... Kalau macam itu... murah sangatlah harga seorang datu bila Sultan boleh berikan pada siapa saja yang sultan suka.

Oleh itu tak hairan jika umum segera membuat berbagai tafsiran mengenainya. Ini termasuklah setengah pihak yang berpendapat, pemberian itu cuba menguatkan semangat daya juang **Param**, **Tan Sri Othman Saat** dan lain-lain untuk menentang kerajaan UMNO. Kerajaan yang telah meletakkan raja-raja takhta mereka. Bukankah UMNO yang menentang **Malay Union** dan menyelamatkan raja-raja dari penjajah yang culun mengambil kuasa dari raja-raja? Apakah Tuanku sudah lupa?

Selain daripada itu pemberian itu turut menjelaskan hubungan baik antara Johor, Pahang dan Kelantan. Seandainya Sultan

Kelantan tidak menjaga perasaan sultan-sultan di negeri-negeri lain maka tidak mustahil jika timbul suasana tidak harmoni di dalam hubungan antara satu sama lain. Inilah yang membimbangkan saya dan membimbangkan rakyat yang masih kasih pada raja yang kami anggap sebagai payung yang menjadi tempat orang Melayu berlindung.

Kita sudah lihat apa yang sedang terjadi pada umat Melayu, bila pemimpin Melayu sama pemimpin Melayu bergaduh dan bermusuhan sesama sendiri. Kini apa akan terjadi pada rakyat dan negara bila sultan sama sultan pula murka antara satu sama lain?

Pemimpin seleweng harta rakyat

"Saya berjanji akan membela Semangat 46 kesemua mereka yang menjadi mahasiswa politik dengan memberi semuanya hak mereka apabila Semangat 46 memerintah negara ini."

RAHIM : SHAMSURY
MANAT



memerlukan puaknya sahingga sang-pu mengelupukan rakyat yang diajukan pem-bangunan.

"Pasukan yang diketuai oleh Haji Fadil Nior, Haji Nik Aziz dan Haji Hadi Awang merupakan pasukan yang berjaya di atas laut-zam-an, pasukan yang... jangan mena.

TANAH MERAH
Tengku Razaleh
gelau bertanggungjawab
menjatuhkan keputusasaan
pada tahun 1971.
Tetapi, kata
adalah Pas yang
yang berpengaruh
dan kim sudah
Menutupia

LIHAT MUKA 3

SIRBAAN GAGALKAN RESOLUSI MELAYU: SHAHRIA

Trichinella suis has been isolated from pigs in many regions, including the United States.

menlichen Sekretären bestimmt. Der Vier-Säulen-Standard besteht aus vier Säulen: einem zentralen Mittelpunkt sowie drei seitlichen Säulen.

BRIDGE BRANDS: www.bridgebrands.com | 800-333-1111 | 100% owned subsidiary of Philip Morris Inc.

Pendapat terbuka mengenai campurtangan istana dalam krisis politik Kelantan

SAYA TAK PERALAT SULTAN-KULI



TENGKU RAZALEIGH HAMZAH

KUANTAN: Presiden Semanggi '46 Tengku Razaleigh Hamzah melaikkan perasan Kuala Terengganu belum dilulus di dalam kerajaan istana dan Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamed Yaacob. Tengku Razaleigh Hamzah yang tujuannya untuk bertemu dengan Sultan Kedah dan Menteri Besar Kedah, tetapi Sultan Kedah tidak hadir. Tengku Razaleigh Hamzah berjaya bertemu dengan Menteri Besar Kedah. Beliau serduka terima sambutan dan mengata-

Oleh ALIAS HASIM

kan ramainya di dalam kerajaan itu, ada pula mendakwa ia bukan merupakan tindakan Sultan yang adil dan adatnya Tengku Razaleigh.

Dalam satu pertemuan lama dengan Sultan di Hotel Hotel, di sini ringgo '46, Tengku Razaleigh Hamzah turut mengungkapkan perlunya kam untuk memuzuk UNMO. - Kastam

di dalam kerajaan itu. Tengku Razaleigh berkata beliau tidak pernah mempengaruhi Sultan Kelantan malah tidak pernah berinteraksi di kerajaan untuk memperbaiki baginda seorang menyengangkannya. "Saya yang sanggup boleh memperbaiki Sultan apakah lagi memperbaiki baginda itu yang merupakan perluungan kam untuk memuzuk UNMO. - Kastam

DI DALAM

PSRM minna
kerajaan atas;
penganggaran

> Lihat maklumat



THE NIK MAT

MB PERLU MENGAJADAKAN SULTAN

Bekas MB cadang selesai masalah

KETIKA BWAH: Bukan Menteri Sosial atau Menteri Kesehatan, Dulu Halj! Menteri Makanan dan Minuman Basir! berakta, walaupun Menteri Makanan dan Minuman Basir! bertemu dengan anggota parlimen yang sama pada hari bantahannya.

Oleh: SHAMSURY MANAT

dicermati, apakah pengaruh yang ada di stanza itu tidak mengenai Nejduduan segera - seainya Manusi beliau adalah tidak mungkin bag orang luar boleh melihat pemerluan stanza berlaku setandarkan pagawai istana sebenarnya belum menyedari pertubuhan itu

Tambahan lagi katalis, katalis ini akan membantu dicampur oleh pihak tertentu kerana pada M.E. telah diwujud dalam setiap majlis persempangannya. "Apa yang diahatai tokoh yang diwujudnya itu (M.B.) merupakan orang yang tidak lagi mempunyai perasaan bersama dengan pihak istana," kerap bilangnya.

Hai Nak Ariz! Juga mencari, prenya ia pun dipanggil menghadap Queen BaGeng. Sultan mempunyai perintah yang diberikan oleh sultan sebelum diahmini oleh batunya.

KOTABAHARU: Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, Menteri Besar (MB) perlu menghadap ke bawah Osis Yang Maha Mulia Sultan jika dirinya benar-benar ikhlas untuk meyelesaikan krisis yang

Menurut beliau, cara menghadap sultahan adalah lebih sopan dan sesuai dengan tatasusila orang Melayu daripada MB tetapi mengadakan majlis resmi bukanlah perkara yang penting.

"Walaupun Sultan lebih muda usianya, tetapi sebabai raja, baginda sudah pasti merupakan orang tua kepada seluruh rakyatnya," terang beliau.

Sebagian besar orang yang mengalami cemas dan ketakutan tidak tahu bahwa pikiran istana telah diciptakan oleh orang lain, terutama oleh dirinya sendiri.

“Gato had many Martini
drunks,” he says.

Seuiang rakyat sedang mengadap Sultan Kelantan





Sultan Perak.
Almarhum Sultan Idris



Tun Abdul Razak (Allahyarham) bercakap sesuatu dengan Tun Dr. Ismail (Allahyarham) di Sri Taman 1977. Apa yang dicakapkan oleh mereka ? tentulah masalah masa depan bangsa.

Pulau majlis Sultan dianggap derhaka



TAN SRI MOHAMMED YAACOB

KOTA BHARU: Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agam Islam Kelantan (JHEIK), Haji Wan Lokman Ahmad berkata, sesiapa sahaja yang memulau majlis keputeraan DYMM Sultan boleh dianggap penderhaka kepada rakyat dan tuanku.

Menurut beliau, DYMM Sultan adalah 'payung rakyat' dan sesiapa sahaja yang melakukan pemulauan terhadap majlis tuanku boleh dianggap sebagai penderhaka.

"Apa yang dipersoalkan, kenapa pada tahun ini baru wakil

rakyat berkenaan ingin memelau majlis keputeraan, sedangkan pada tahun sebelum ini pun ada juga antara mereka tidak dijemput," ujarnya.

Dalam hal ini, Haji Wan Lokman meminta wakil rakyat UMNO yang tidak menghadiri majlis keputeraan DYMM Sultan supaya menerangkan kedudukan sebenar mereka kepada rakyat.

Ini kerana, katanya, rakyat boleh menilai sendiri sejauh manakah kesetiaan wakil rakyat mereka kepada DYMM Sultan dan juga rakyat itu sendiri.

Pengarah JHEIK ini juga menyifatkan Menteri Besar, Tuan Sri Haji Mohamed Yaacob cuti 'melerikan diri' daripada tanggungjawabnya selaku ketua kerajaan negeri sehingga sanggup bercuti semasa perayaan minggu hari keputeraan baginda sultan.

"Sepatutnya dalam hal ini Menteri Besar perlu berada dalam negeri dan bukannya bercuti. Menteri besar boleh mengangguhkan cutinya sehingga majlis keputeraan DYMM Sultan selesai," terangnya.

Haji Wan Lokman juga memberitahu, pihak istana telah mengeluarkan kad jemputan

LIHAT MUKA 3

Rozali kesal sidang Dewan 45 minit

KOTA BHARU: Ahli Dewan Undangan Negeri ADUN Dabong, Haji Rozali Ismail, menyatakan rasa kesalnya dengan peristiwa yang berlaku di Dewan 45 Minit di sana pada hari ini.

“Saya bersama-sama dengan dua ahli parti lainnya, Tenggadahan Sadiq dan Idrus, bertemu dengan sekitar 45 minit sahaja di dewan itu sebelum berlangsung sidang Dewan kerajaan pada 10 April. Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS di ADUN Angkatan Semangat 46 dibentuk dan satu Hari m. hadir untuk melihat hadir sidang dewan yang dijangka berlangsung semapake petang dan hampir ketua Bagaimana pun sidang dewan itu telah ditutup. Menurutnya, beliau dan rakan-rakannya dan ADUN PAS dan Angkatan Semangat 46 perlu hidr ke majlis Pelancaran Muzakkarah Isamian oleh Sultan Kelantan di Bala Besar sebagai penghormati keberangkatan Sultan yang secara kebetulan pada waktu yang sama Majlis ini juga adalah tidak kurang pentingnya dan tidak pulak termasuk.



persoalan dan isu yang akan dibincangkan termasuk isu pertukaran Pegawai-pegawai Tadbir Negeri (PTN) itu yang begitu banyak tidak lama dahulu untuk diajukan oleh kerajaan negeri.

Beliau yang juga Ketua Penyejaras Angkatan Semangat 46 berkata kerajaan Perlu menjawab setiap pertanyaan dengan baik dan boleh memuaskan mahasiswa kerana rakyat di negeri itu ingin mengetahui dengan lebih lanjut.

“Saya berharap pihak kerajaan akan menimbangkan persoalan yang dicadangkan untuk dibahas semasa sidang dewan itu baru-baru ini di sidang yang akan datang,” katanya semasa mengulas kenyataan akhbar harian baru-baru ini.

Sehubungan dengan itu juga beliau berkata kejadian sidang dewan yang bersidang dalam jangka masa yang pendek itu disertakan sebagai hadiah mahu memberi tempat kepada Pas dan Angkatan Semangat 46 dalam dewan.

HAJI ROZALI ISMAIL

Untuk memuji sidang dewan itu, “kata-mya kepada Watan hari-baru ini, Katanya tambaran nula pelbagai

Ibrahim Ali punca perpecahan Melayu Kelantan

GUA MUSANG — Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Gua Musang, Encik Saufi Deraman menyifatkan Ahli Parlimen Bebas Pasir Mas, Haji Ibrahim Ali sebagai punca perpecahan Melayu di Kelantan.

"Tindakannya kadangkala terlalu kebudak-budakan malah tidak langsung melambangkan hasrat untuk menyatupadukan orang Melayu. Antara pemimpin puak Serpihan yang pada saya telah ditolak oleh orang Melayu di Kelantan ialah Haji Ibrahim Ali dan ini terbukti apabila kedudukan beliau turut dipertikai di Parlimen Pasir Mas sendiri," katanya.

"Kalauolah semua pemimpin puak Serpihan ini sedar akan kepentingan perpaduan Melayu maka mereka sudah-tentu tidak akan menyalak dan mencabar sesuka hati. Tindakan seumpama ini akan hanya menyebabkan suasana politik negara bertambah tegang," katanya.

Encik Saufi mendakwa, para pemimpin puak Serpihan menggunakan pelbagai isu hanya untuk mencapai kepentingan peribadi.

"Tindakan mereka tidak bertanggungjawab malah sering melemparkan kecaman tanpa memikirkan hasrat untuk meninggikan taraf ekonomi bangsa. Kerana memikirkan kepentingan bangsa maka saya rasa eloklah semua pemimpin Serpihan ini kembali ke dalam UMNO dengan perasaan yang insaf," katanya.

"Janganlah menyalak dari luar kerana masalah yang sedia ada hanya akan bertambah kusut sekaligus merugikan orang Melayu sendiri," katanya.

Melihat perkembangan sejak akhir-akhir ini, Encik Saufi menegaskan perjuangan puak Serpihan ternyata ditolak oleh rakyat dan tidak mendapat tempat lagi. "Kita mengalau-alukan kemasukan mereka tetapi harus diingat kemasukan mereka hendaklah jujur dan bukan kerana pangkat. Pihak kita juga memberi kata dua kepada puak ini kerana bimbang mereka akan mengacau dari dalam yang akhirnya akan memecahkan kekuatan orang Melayu dalam UMNO," katanya.



"Saya kalau jumpa Syed Hussein Alattas, saya sepak dia," begitulah agaknya kata Saudara Ibrahim Ali kawan lama saya yang suka bergurau. Saudara Daud Ibrahim, seorang wartawan yang berani memerhatikan saja telatah Ibrahim Ali. "Betul ke Brahim ini berani sepak Pak Habib?" Begitulah yang diimenungkan oleh Daud agaknya.

4

TIADA SEBAB BAGI MENTERI BESAR LETAK JAWATAN

“Yang menentukan kesahehan seseorang pemimpin untuk berkuasa dalam sebuah negara demokrasi ialah sokongan rakyat”

Utusan Malaysia
17 April, 1989.

MENTERI Besar Kelantan, Tan Sri Mohamad Yaakub sekembalinya daripada percutian di luar negeri Sabtu lalu telah menafikan khabar-khabar angin yang mengatakan beliau akan meletakkan jawatan. Sebaliknya beliau menegaskan bahawa beliau akan meneruskan khidmat kepada rakyat dengan cara yang lebih gigih lagi.

Sesungguhnya Tan Sri Mohamad Yaakub tidak ada sebab untuk berhenti sebagai Menteri Besar. Mandat yang diperoleh untuk berkuasa menerusi pilihanraya masih sah. Tidak siap boleh menyangkal hakikat itu. Malah mereka yang menyangka bahawa populariti Tan Sri Mohamad Yaakub sudah menurun wajar mengkaji semula pendirian mereka.

Sambutan hebat yang diberikan kepada beliau sekembalinya dari bercuti adalah testimoni bahawa pimpinannya masih disanjung dan khidmatnya masih diperlukan oleh majoriti rakyat Kelantan. Yang menentukan kesahehan seseorang pemimpin untuk berkuasa dalam sebuah negara demokrasi ialah sokongan rakyat.

Beliau sendiri barangkali tidak menduga bahawa sambutan besar telah diatur untuk menyambut kepelanggannya. Kalau ditanya beliau sendiri barangkali tidak mahu diadakan. Tetapi rakyat ingin beramai-ramai ke lapangan terbang menunjukkan sokongan kepada beliau. Tan Sri Mohamad Yaakub tidak boleh berbuat apa-apa. Beliau hanya boleh bersyukur kerana rakyat masih mendokong pimpinan beliau di negeri itu.

Dalam keadaan itu beliau telah menunjukkan tindak balas yang sewajarnya dengan memperbaharui azamnya untuk meningkatkan pretasinya sebagai pemimpin rakyat yang berkesan di negeri itu.

Beliau sebenarnya tiada pilihan kecuali meneruskan khidmatnya. Beliau tidak boleh membela kangkan mandat yang telah diberikan oleh rakyat. Jika Tan Sri Mohamad melakukan suatu tindakan yang bertentangan dengan kehendak rakyat bermakna beliau telah lari daripada tanggungjawab yang telah diletakkan ke atas bahu beliau. Bagi seorang pemimpin perbuatan itu adalah dayus.

Dalam demokrasi berparlimen, rakyat adalah tunggak kuasa seseorang pemimpin. Di Kelantan, Tan Sri Mohamad adalah orang yang mewakili rakyat untuk memegang kuasa itu. Dalam meneruskan khidmatnya nanti, Tan Sri Mohamad tidak harus mendengar hasutan dalang-dalang yang mungkin cuba dan berusaha mempengaruhi beliau untuk berbuat itu dan ini. Yang harus menjadi panduan beliau ialah mandat rakyat yang telah diberikan kepadanya dalam pilihanraya. Sebarang keputusan hendaklah dibuat berdasarkan itu dan bukannya desakan golongan tertentu yang ingin memuaskan hati kalangan tertentu.

UTUSAN MALAYSIA
17 APRIL, 1989.

TUNKU: MUST SETTLE

RULERS

15th March 1981 \$1.00
No. 4646 Monday, October 5, 1981 KDN 0188/81 26 CENTS

Item in Karping Radio
Kawan, where native of



PAGES 24
and 25

ANOTHER URGING
GROUP WANTS M.B.
TO QUIT
ALL EYES ON THE
MAN BY THE SUL-
TAN'S SIDE - both
Page 4

ROW



THE RULERS of Johore and
Patang must settle their dis-
putes with their mentors besar
as early as

the people's paper

No. 4586 Monday, October, 5, 1981 KDN 0169/81 35 CENTS

INSIDE

SULTANS MUST SETTLE M.B. DISPUTES

IN A CLASH of wills between Ruler and Menteri Besar it is the Ruler who stands to lose most, says the Tunku. Malaysia's first Prime Minister looks at the twin crisis of the Pahang and Johore Mentris' role in their State

when he held public office he, too, had problems with heads of Governments. But what a Prime Minister can do and what a Ruler can do are two different things, he says. And since the Rulers' role in their State

Legislatures is very limited, the Tunku thinks it is up to the Sultans to advise each other on how to settle the disputes ... and the Conference of Rulers on Oct. 16 is the perfect opportunity for that.

AS I
SEE
IT...

BY
Tunku
Abdul
Rahman



P18

NAINA
Kuala Lumpur

Tunku gesa Majlis Raja2 segera perkenan pindaan



PULAU PINANG, Jumat — Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman malam tadi menggesa Majlis Raja-Raja Melaka supaya mengangkat maklumat mewah Undang-Undang ke atas Rang Undang-Undang Perlembagaan yang diberikan oleh Parlimen, bulan diluluskan oleh Parlimen, bungaku.

Bekas Perdana Menteri, bungaku.

menapun, meminta keterangan ber- sober dan membenarkan sedikit mosa lags sebelum undang-undang itu diwartakam. Selain itu, Tunku juga berkata, bahawa keputusan semoga ada ber- dik memecat Datuk Seri Abdul Rahman, terpulanglah kepada Majlis Terdiri Umno. Tunku enggan mengulas lebih lanjut soal itu, tetapi berpendapat

'Undangkan Datuk Seru bukanlah berat sangat'. Selanjutnya beliau men- rangkap, jika tidakkan Datuk Seru boleh dianggap sebagai ketuaikan yang boleh memerintah untuk meraih keputusan untuk menyatui parti, maka keputusannya dari Umno sepatutnya dicantik oleh Majlis Terdiri. Ia diambil oleh Presiden parti.

TUNKU ABDU RAHMAN



UMNO akan berkubur dalam pilihanraya umum -Azlan Shah

KUALA LUMPUR: Kegagalan penjualan Syarikat Jengka kerana terdapat perbezaan pendapat di kalangan pemimpin UMNO Pahang yang diasaskan kepada kepentingan diri.

Pengerusi Angkatan Semangat 46 Negeri, Tengku Datuk Azlan Shah menegaskan amalan mereka kecayaan hasil negeri oleh pemimpin UMNO negeri tidak boleh diselindung lagi kepada rakyat.

*Berdasarkan inilah kita percaya UMNO akan dikuburkan oleh kebangkitan Semangat 46 di dalam pilihanraya umum nanti," ujarnya. Tengku Datuk Azlan yakin mela-

lui kerjasama Angkatan Semangat 46 dan PAS, sebahagian besar kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Pahang akan jatuh ke tangan gabungan tersebut.

Keyakinan beliau itu disokong oleh beberapa siri kejayaan Angkatan Semangat 46 negeri di dalam memecahkan kubu-kubu UMNO, khususnya di Jerantut.

"Semangat 46 bukan sahaja telah berjaya menarik bekas ahli UMNO telap i juga berjaya membuktikan sebahagian besar daripada cawangan-cawangan UMNO," tegasnya.

Menurut Tengku Datuk Azlan

lagi, mereka telah sebutul suara membubarkan cawangan-cawangan setelah mendapat penjelasan sebenar mengenai krisis UMNO melalui beberapa ceramah yang diadakan.

Mengulas mengenai tindakan Datuk Musa Hitam bersama para pengikutnya memperbaharu i keahlian mereka di dalam UMNO, beliau menegaskan Angkatan Semangat 46 Pahang tidak pernah mengiktiraf Datuk Musa.

Oleh itu katanya, ketidaaan Ahli Parlimen Kota Tinggi itu tidak memberi kesan kepada kegiatan ataupun gerakan perjuangan..

TOKOH YANG KELUAR DARI KEM 46 PENTING DIRI - AZLAN

KUALA LUMPUR: Pengurus Semangat 46 Pahang, Tengku Datuk Azlan menyatakan, pihaknya tidak haran dengan tindakan-tindakan beberapa tokoh dari puaknya yang meninggalkan kem 46 kerana kalangan mereka adalah dari pemimpin yang tidak sabar menunggu hasil perjuangan.

"Saya tidak menolak kembaruan bahawa beberapa tokoh seperti Datuk Musa, Halil Tajuddin Rahman tidak yakin dengan perjuangan kita malah rasanya mereka mempunyai kepentingan dalam memperjuangkan dirat bangsa Melayu," katanya.

"Karana halah, saya yakin tanpa mereka Semangat 46 tidak akan lumpuh dan mereka berhak membuat tindakan sendiri kerana masing-masing telah matang dalam politik," katanya.



ini," katanya.
"Kerana itu jugalah tidak keterlibatan kalau dianggap mereka mempunyai maksud dalam perjuangan. Bagi pihak Semangat 46 tiada lain kepentingan selain dari melihat UMNO asal kembali pulih."

Tengku Datuk Azlan turut menjelaskan bahawa beliau tidak sekali-kali akan berpartai balik, dalam usaha memperjuangkan UMNO asal keratik tidak yakin UMNO sekarang dapat membela nasib bangsa.

"Kita tahu dan kita kenali siapa tokoh yang meninggalkan kem kita. Sebagai seorang ahli politik, tangkah melompat-lompat dari satu pihak ke satu pihak hanya dengan kepentingan diri bukankah amalan pemimpin yang ikhlas. Pada saya terserah kepada rakyat untuk menilai perlakuan golongan ini kerana segala-galanya sudah jelas sebelum

Tengku Datuk Azlan menegaskan, soal perpaduan dan kepentingan bangsa bukankah satu perkara yang boleh dimain-mainkan.

"Walaupun begitu, kalangan tertentu sebelum ini tidak langsung menunjukkan sikap serius terhadap kepentingan bangsa, mereka lebih memusatkan kepentingan diri."

TENGKU DATUK AZLAN
"Saya amat berharap jangganan hendaknya kalangan penyokong Semangat 46 merasa tecewa dengan kekalahan pilihanraya kecil Ampang yang iaitu kerana itu bukankah kau penguruk terhadap kekuatan puak kita."

Selaras dengan itu, Tengku Datuk

Azlan menjelaskan seramai 1,500

Gelihati Tengku Azlan cabar MP UMNO letak jawatan

ENDARA PANGKARANG

Gelihati saya membaca kerajaan Tengku Azlan yang mencabar wakil rakyat UMNO supaya meninggalkan jawatan sebagai di muka berlakang. Meskipun Kota kebun 14 Mei lalu, Beliau mengatakan wakil rakyat yang mengabdi bukanlah wakil UMNO dan BN negara di Parlimen sem.

Beliau yang mempunyai ciri-ciri Penasihat Kumpulan Semangat 46, sejaktanya dia sicker apabila berikan dia dicatat sebagai orang tuan rumah dalam kongres parti. Selain itu, dia yang tidak bertutur, jelas-jelas mendapat keberaran membuat kenyataan such ber.

Sekitan mengetahui kerajaan Tengku Azlan bukan berpaling-palang, kronik Tengku Azlan adalah seorang kerajaan Dziria yang baru hendak meremehati kakak dalam kancan politik bagi para Tengku Azlan adalah orang baru dalam sambutan dia, yang boleh dianggap 'mewah'.

Sekutan dia, menyayangkan Tengku Azlan bersama dalam politik dia, ada perasaan beringkahnya. Perasaan menyayangkan dia, kerana ia memahami dia pun ketika pertama kali dia dilantik dan kemudian yang selanjutnya dia dilantik sebagai pemimpin calon pandai belum bersifat.

Kenyataan kenyataan yang masih seperti ini adalah UMNO dan BN yang menuntut juri kepada rakyat amerti yang tidak dia dan Tengku Azlan memperkenankan berasa kurang telak mata hati. Beliau tidak tampak pertembangan dan kemauan negara Parlimen sejak mendekat.



DATUK TENGKU AZLAN

Kuning pada dahan susunan kelimpung, kerusi pengangkutan dan seratu sedekat menyempit di rakyat kerajaan atau berada dalam istana. Kalau berjalan pun mereka kereta dedah di bawah pelakang sambil memfocu alamat atau alih-alih merawat rasa tun ketawa, sebaliknya tidak setiap negara Parlimen bergelar Dato' Sabah.

BANDINGKAN

Ramai yang akhirnya mengatakan pada kerajaan dia memang dan seharusnya begitu, bukan dia negara Parlimen supaya bertemu dengan Tuanku Sultan menghadiri sambutan Pelajaran Raja Muda seorang yang sah-sahang dia bersama-sama dengan 30 ahli muka mentri.

Kemauan kerajaan yang tetap dianggap di negara Parlimen bukan politik Perumahan, persekutuan, pertanian dan sebagainya telah sangat telak juga kata dibandingkan sebelum mereka dari Peranau yang dimulakan oleh Pertama Menteri.

kenyataan Negeri Perlis dan peristiwaan Perbadanan tanah untuk memajukan ekonomi negeri Pahang bukan semestinya.

Sekintah dia, hasil tal-pelan raya, teknologi elektrik, air, perkimudaman-pelindungan yang berlamban bagi seperti orang tua pas, kenderaan dan komuniti dan permadaman yang baik akan jadi sentral di negara Parlimen dan di seurau negara sekutang berbanding dengan zaman British dato.

Maka manusia yang buka mata namun yang tidak mampu berimajinasi menganggap ini semula kerajaan BN atau aduan bersama sejap UMNO dan Barisan Nasional, menentang Sejap yang yang caya telur belajar apa pun di negara Parlimen yang memerlukan negara Parlimen untuk bertemu.

Semangat BN hanya nak membela diri selepas tahun semakin masa berlalu dan membaik. Maka sudah tidak lagi boleh dia ditahan, bukan sulitnya berbahagia pada waktu bersatu bersama-sama dengan tuan-tuan negara. Selain berikut, mereka perlu mengetahui bahawa dia bukan seorang muzikus dan dia tidak suka bertemu dengan orang-orang yang tidak dia.

Perasaan beringkah dia bukan boleh ditutup dalam masa 24 jam semata-mata kerajaan. Terus yang akhirnya Tengku Azlan yang akhirnya menganggap proses itu bila Tengku Azlan menjadi Perdana Menteri.

Tengku Azlan boleh memberi tandaan tanah kepada rakyat, pada pagi Tengku di umurku sebagai wakil rakyat. Pertemuan tampan

sepatu semula dia walaupun Tengku Keramat Diraja masih pun. Sepatu BN juga memberi gantungan kepada dia 74 orang orangnya di Pahang menganggup militannya kecuali Bentong yang berbilang kali.

Sedangkan proses membenarkan bukan semula itu. Belum semula mereka yang diberi tawaran bukan mengandungi BN. BN tidak mengandungi BN semula yang menganggap rakyat dapat berjaya.

Kalau Tengku azlan melekatkan rakyat yang makmum, bukti semula ini dia tidak menganggap yang orang dan bukan berarti hak dibungkam berdasarkan hal. Kalau semua operasi dalam dunia ini bukan ada siapa pulak hak yang menjalankan dia. Ketika Tengku Sepecah menganggap dia bukan rakyat semula dia.

Azrik Rahmat,
Kuala Muda Melaka

Huku mei

SAKIB RAHMAT
DAP, Kuala Muda, Hari Raya, ketika menganggap dia bukan rakyat dan bukan menganggap dia bukan rakyat. Dalamnya yang sebab akibat atau modal massa memparasnya serta tentang kenyataan akibat bermain mencuri. Ade yang terbakar pun, melecut tudar dan sebagaimana dengan rakyat memaklum dan orang ramai ferasa bahwa rakyat bermain mencuri.

Dalam pada kerajaan dan media massa mungkin berlakunya berbilang berita itu, kerakangan akibat membekar merentas terus kedua-duanya. Ade yang dilaporkan kerakangan atau kecederaan akibat mencuri merupakan

Apa guna ada wakil rakyat kalau angkuh dan sombong



"Saya apa peduli. Saya anak raja, abang saya raja. Saya boleh buat dancakap apa saja yang saya suka; rakyat boleh buat apa," begitulah agaknya kata Pengerusi Angkatan Semangat 46 Pahang, Tengku Datuk Azlan kepada sebaua usahanya Ahmad Moktar. Ahmad Moktar mula sakit kepala, mereka berdua mengaku menjadi ahli pertubuhan haram Semangat 46. Orang lain sudah daftarkan Semangat 46 awak bila nak ikut sama.

begitu saya tak dapat nyatakan secara terperinci,” katanya.

Pemimpin2 UMNO Batu Buruk jangan angkuh dengan kedudukan

KUALA TERENGGANU: Pemimpin-pemimpin UMNO di kawasan DUN Batu Buruk khasnya dilihatkan supaya tidak terlalu angkuh dengan kedudukan dan kuasa politik yang ada pada mereka.

Ketua Persekutuan Kumpulan Semangat 46 kawasan berkenaan, Md. Zain Said memberitahu MK di sini, kebelakangan ini jelas ketulian tentang pemimpin UMNO di sekitar ringkat cawangan angkuh dan bangga sehingga sanggup menghinamereka yang dikira menyokong Seriangat 46.

Mereka perlu sedar betapa kedudukan dan kuasa politik yang diberi itu bukan sahaja amat kecil bahkan sangat berbanding dengan

na perbezaan keyakinan politik kita sanggup bermusuhan sesama bangsa?” tanya Md. Zain Said pulia. Beliau lalu memberi contoh beberapa baru-baru ini Bendahari Semangat 46 Negeri, Tengku Seri Paduka Raja melalui syarikatnya telah bermurah hati membahagi-bahagikan beberapa cupuk beras kepada mangsa-mangsa banjir di Kampung Pantai, Kuala Ibai.

“Pemimpin-pemimpin UMNO di Kuala Ibai me-nyeba sebagai andalan dan iktian erhadap sumuran Tangga Seri Paduka Raja itu tadi. Anehnya, tidak ada pun manaman pemimpin UMNO tempat-tampi untuk

para pemimpin dN yang lain adakah DAP mengambil sikap yang sama seperti ini,” cabar Datuk Rais.

Manan Orthman ini?” tanya Ibtai.

Menurutnya lagi, demi perpaduan masyarakat setempat tidak ada yang mempertikaikan secara terbuka bila ada pemimpin-pemimpin UMNO di Kuala Ibai yang membahagi-bahagikan anak-anak itik, ierbubu pawah, subsidi baja dan barang bantuan melabur dalam ASN kepada suku-suku mereka satu ketika duulu.

Md. Zain Said juga mendedahkan bila apa orang bekas Knut dan Setiausaha UMNO Cawangan telah menyertai Kumpulan Semangat 46 DUN Batu Buruk.

TENGKU SELAH PADUKA RAJA



“Kami tahu ada pemimpin-pemimpin UMNO di Kuala Ibai yang mempercayai pemimpin ori dan teknikal semasa Datuk Manan Orthman menjadi Menteri Perusahaan Awam duulu Karanya, mereka ini diterima dengan terbuka oleh umum,”

menyatakan

pernyataan

terbuka oleh umum,



"Nampak ini Syed ni, dia nak kata apa kat kita? Ada saja orang berkumpul, mestilah ada budak-budak dia ambil gambar." Begitulah agaknya kata Ibrahim Ali. Dalam kumpulan mereka, ada anak raja, ada bekas Ketua Pemuda UMNO, ada bekas EXCO Dewan Negeri Melaka. Semua ini bekas-bekas belaka.

SEMANGAT '46 PAHANG SOKONG K-SAMA KU LI – PAS

PEKAN – Semangat '46 Pahang Darulmakmur menyokong penuh usaha Tengku Razaleigh Hamzah membentuk kerjasama dengan PAS.

Ketua Perhubungannya Tengku Azlan Almarhum Sultan Abu Bakar memberitahu M'si bahawa pihaknya mengaku-alukan pengumuman Tengku Razaleigh berhubung pembentukan kerjasama bagi menyayangi Bansan Nasional. "Bangsa Melayu dan umat Islam sepertinya menyokong persahabatan di antara dua kumpulan politik terbesar di dalam negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas hasrat Tengku Razaleigh untuk Presiden Semangat '46 mengajak PAS bekerjasama. Ucapan Tengku Razaleigh disampaikan di dalam majlis makan malam anugerah Pemuda PAS Pusat di Kuala Lumpur pada 23 Disember lalu.

"Saya sebagai ketua Semangat '46 di negeri ini akan berusaha mencapai satu sefahaman



TENGKU AZLAN

yang dalam bagi dua pihak ini.

"Saya berharap para penyokong Semangat '46 dan juga rakyat di negeri ini akan

menyambut cadangan ini dengan baik dan sedi membri kerjasama kepada kedua-dua semangat Melayu ini," tambahnya.

Menjawab satu soalan Tengku Azlan memegaskan usaha untuk mencapai perpaduan boleh dibuat melalui berbagai cara.

"Kalau majlis perpaduan Melayu di Johor dianggap sahih maka apa yang dileyarkan oleh Tengku Razaleigh supaya Semangat '46 dan PAS turut bekerjasama juga satu cara ke arah perpaduan," katanya.

Dalam konteks ini beliau berkata pihaknya akan menemu ahli-ahli di peringkat cawangan apabila kerjasama yang diumumkan oleh Tengku Razaleigh termasuk di peringkat atasan.

Mengulas usaha Pemuda UMNO untuk 'berperang' dengan Tengku Razaleigh kerana bekerjasama dengan PAS, Tengku Azlan menganggap kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pemuda berkenaan sebagai 'berfikiran kusut'.





Dua orang sahabat setia sama kacak sama bergaya, satu anak raja yang satu hidupnya macam raja. Itulah Osman Saat dan Ku Li diapit oleh Manan Othman dan Jaafar Onn pemimpin-pemimpin Semangat 46 yang belum beraffar.



"Tak apa.., tak pa..., mari kita main salam-salam... Ustaz Ibrahim Azmi salam orang lelaki, saya salam sama kaum ibu. Saja masih bujang." Begitulah agaknya kata Ku Li. Ku Li tahu kalau nak menang pilihanraya kena baik dengan kaum ibu, sebab itu PAS boleh menang di Teluk Pasu, Ku Li tahu rahsianya.



"Cuba tengok Ustaz Hassan Salleh, Timbalan Yang Dipertua Dewan Ulamaik P.A.S. Sudahlah makan bordin, meading dan buatap pulut.

Para pimpinan PAS dan Semangat 46 ketika keluar dari pusat pengiraan undi selepas calon PAS dilisyiharkan menang





Peguam Semangat 46, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin sama-sama minum berdiri dengan para pemimpin PAS. Eloklah tu... para pemimpin PAS sana sini cakap pasal Islam. Minum pun tak pandai duduk. Macam mana nak jadi pengikut Rasulullah

Hashim Safin anggap Ku Li degil dan 'gila kuasa'

ENCIK HASHIM
SAFIN

KUALA LUMPUR Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Haji Hashim Safin menganggap pemimpin Kumpulan Seri-puan, Tengku Razaleigh Hamzah sebagai seorang yang 'degil' dan 'gila kuasa'.

"Tindak-tanduk Tengku Razaleigh dan para pengikutnya selama ini jelas menunjukkan bahawa mereka adalah orang orang yang degil dan 'tergilakkan kuasa', kata nyatakan kepada wakil MK.

Beliau juga memegaskan bahawa Tengku Razaleigh dan para pengikutnya sering bertindak se suka hati mereka tanpa menghiraukan kepada perpecahan yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu di negara ini.

"Mereka membuat se suka hati mereka walaupun tidakkan mereka itu jelas memecah-belahkan perpaduan Melayu," jelasnya.

Menurut beliau, sikap degil dan tergilakkan

itu jelas kejahanan kepada tindak tanduk Tengku Razaleigh yang menolak usaha-usaha hendak mengadakan langkah-langkah zine nyatukan masyarakat Me layu.

"Sebaliknya, Tengku Razaleigh diai para pengikutnya setuju berusaha menanamkan bibit-bibit perpecahan di kalangan rakyat dengan cara meng ajak rakyat supaya membenci kerajaan yang ada sekarang," tambah Haji Hashim yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Kelantan Dato' Naim.

Katanya, Tengku Razaleigh menolak segala langkah-langkah untuk perpaduan Melayu dan berusaha menimbulkan suisana tegang di kalangan rakyat bertujuan untuk membobotkan beliau supaya merampas kuasa.

Tengku Razaleigh sedar bahawa beliau akan ditinggalkan oleh para pengikutnya sekiranya

masyarakat Melayu kembali bersatu dan peluang beliau untuk berkuasa adalah amat tipis," ujarinya.

Beliau mengambil Tengku Razaleigh akan terus manimbulkan suasana tegang yang boleh memecah-belahkan perpaduan Melayu untuk mencapai maksudnya untuk berkuasa di negara ini.

"Dengan sebab itulah kita lihat di merata tempat Tengku Razaleigh akan cuba mempengaruhi rakyat khasnya masyarakat Melayu supaya membeli kepinginan parti dan kerajaan yang ada sekarang," jelasnya.

Mengulas kedudukan dan suasana di Negeri Kelantan, Haji Hashim berkata, "keadaannya kembali pulih dan rakyat Kelantan sebahagian besar memberikan sokongan padu kepada kepimpinan Mentri Besar, Tan Sri Haji Mohamed Yaacob."

"Masalah yang berbangkit tentang pertukar-

an para pegawai tadbir negeri telah selesai apabila satu penundangan diadakan antara Kerajaan Negeri dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri," jelasnya.

Mengenai "Sembah Durhaka" yang menjadi isu hangat ketika ini, Haji Hashim memegaskan bahawa terdapat beberapa pihak yang tersalah sangka.

"Sembah durhaka yang dimaksudkan ialah menyampaikan beberapa berita atau khabar yang kurang baik kepada pengstauan Baginda Sultan Kelantan," katanya.

"Sebaliknya ada beberapa pihak yang cuba memperkar semangat rakyat kononnya saya sanggup menderhaka kepada Baginda Sultan Kelantan," tambahnya lagi.

Beliau memegaskan bahawa Pergerakan Pemuda UMNO di negeri itu akan terus patuh dan tetap setia kepada Sultan Kelantan.

5

MENANGANI PERGOLAKAN POLITIK DI KELANTAN

"Sesungguhnya adalah lebih penting berusaha membangun daripada meruntuh".

Berita Harian

17 April, 1989.

Ketegasan Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Haji Mohamad Yaakub, ketika berucap di hadapan beribu-ribu rakyat negeri itu yang menyambut kepulangannya dari bercuti di luar negara bahawa beliau tidak akan meletakkan jawatan adalah sesuatu yang kena pada masanya. Malah ia boleh dianggap sebagai sesuatu yang perlu apabila mengambil kira pergolakan politik di negeri itu. Sekaligus ia membunuh semua spekulasi bahawa Kelantan akan mendapat seorang Menteri Besar baru dan menegaskan bahawa kerajaan negeri itu tidak akan tunduk kepada sebarang tekanan politik secara langsung, selepas ini. Kita berharap melalui kenyataan yang tegas dan bernas dalam menjawab beberapa teka-teki politik yang dijaya oleh golongan tertentu di negeri itu, kestabilan politik akan berkekalan di negeri itu.

Kita memandang ucapan bersemangat Tan Sri Mohamad Yaakub itu sebagai menyampaikan pesan bahawa kerajaan negeri selepas ini tidak akan bertolak ansur lagi dengan sebarang tindakan yang boleh ditafsirkan sebagai cuba mencabut

kewibawaannya. Sesungguhnya kenyataan Menteri Besar itu adalah penting dalam menentukan masa depan politik di negeri itu.

Memang sudah terlalu lama Tan Sri Mohamad Yaakub menunjukkan kematangan dan kesabaran sebagai seorang ahli politik dalam menghadapi pelbagai ujian dan sergahan politik beberapa pihak tertentu, termasuk Suruhan Perkhidmatan Negeri (SPN), yang memilih mengabaikan kedaulatan dan kesahihan keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri yang dipilih oleh rakyat. Dua kali Menteri Besar itu bercuti, dua kali pula SPN bertindak mengubah keputusan jawatankuasa mesyuarat kerajaan negeri mengenai perpindahan tempat bertugas pegawai-pegawai kanan kerajaan negari. Dalam menghadapi keadaan ini Tan Sri Mohamad pula memilih mencari jalan yang terbaik berunding - bagi menyelesaikan masalah yang mungkin timbul kerana salah faham pada permulaannya itu. Lantaran itu, ramai yang berpendapat bahawa kerajaan pimpinan beliau itu lemah dan hanya bertahan dalam menghadapi cabaran langsung terhadap kewibawaannya oleh sebuah badan yang tidak bertanggungjawab secara langsung kepada rakyat kerana ia bukan dipilih oleh rakyat. Ini secara langsung atau tidak menggalakkan pihak tertentu untuk membaca tindak tanduk Tan Sri Mohamad sebagai petanda bahawa tidak berdaya menentang cabaran politik seumpama itu dan dengan sewenang-wenang serta tidak bertanggungjawab menyebarkan khabar angin kononnya beliau akan meletakkan jawatan kerana tidak dapat menangani cabaran itu.

Kita bersyukur bahawa berkat kesabaran dan ketenangan beliau, kini semakin jelas betapa ada pihak yang cuba menggunakan cara-cara rasmi melalui badan dan jentera pentadbiran rasmi untuk meremehkan kedaulatan rakyat yang memilih kerajaan Barisan Nasional pimpinan Tan Sri Mohamad Yaakub untuk menerajui negeri Kelantan. Kini semakin nyata di mata umum apakah tujuan sebenar golongan berkenan. Jika beliau bertindak lebih awal menghapuskan cabaran ini mungkin ia akan ditafsir sebagai satu usaha untuk membolot kuasa dan sikap tidak percaya pada diri sendiri dalam politik. Kini sudah diamanahkan oleh rakyat kepada kerajaan negeri yang sedia ada bagi memeta pembangunan lain dengan bersandarkan undang-undang.

Kita yakin, berkat pengalamannya yang luas dalam bidang politik, Tan Sri Mohamad Yaakub tidak membuat kenyataan yang

*lantang dan jelas bahawa beliau akan terus berkhidmat sebagai Menteri Besar hanya melihat sokongan yang ditunjukkan oleh beribu rakyat di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra kelmarin. Kenyataan beliau pasti bersandarkan hakikat bahawa waktu bercuti beliau sudah dapat mentelaah pergolakan politik yang selama ini berlaku di negeri Kelantan dan sudah dapat merumuskan idea dan strategi yang meyeluruh untuk mengatasinya. Kita juga yakin kenyataan itu sebenarnya adalah cermin hasrat untuk meneruskan pembangunan negeri demi kepentingan rakyat jelata umumnya. Sebagai pemimpin yang berpengalaman kita yakin Tan Sri Mohamad Yaakub juga sedar apakah kesan daripada ketegasan ucapannya itu. Kita berharap dengan pandangan yang lebih bening terhadap masa depan rakyat negeri Kelantan, Tan Sri Mohamad akan dapat meneruskan tugasnya dengan lebih cemerlang dan berkesan. Sesungguhnya **adalah lebih penting berusaha membangun daripada meruntuh**; ucapan Tan Sri Mohamad Yaakub akan hanya memperkuuh program pembangunan yang ada.*

BERITA HARIAN
ISNIN
17 APRIL, 1989.



"Ingat-ingatlah demo, jangan beri peluang pada puak-puak ini. Kalau demo kasi juga demo mati."

BAGAN DATUH 27 Nov.

- Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengecam suara - suara sumbang yang menuduh kononnya UMNO hendak mewujudkan kerajaan republik.

Katanya, suara sumbang itu menuduh UMNO akan menghapuskan sistem pemerintahan yang ada sekarang.

Beliau juga mendahului ada kalangan orang-orang UMNO sendiri yang terkeliru dan turut mengambil perhatian dalam upacara - upacara yang mengecam parti sendiri.

Katanya, parti-parti lain pula cuba mengambil kesempatan dari masalah yang kita hadapi sekarang dengan menuduh UMNO hendak mematikan orang-orang Melayu.

"Saya ingin tegaskan UMNO berpegang kuat kepada sistem yang ada sekarang, sistem raja berperlembagaan, "ujarnya disambut dengan tepukan gemuruh.

Lebih 50,000 orang mendengar ucapan Perdana Menteri yang diselang seli dengan pekikan 'merdeka' 'hidup Mahathir' dan 'jangan letak jawatan Mahathir,' di perhimpunan raksasa di padang pekan Selekok, di sini petang ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan pemimpin atau ahli-ahli UMNO tidak ada niat sama sekali untuk menghapuskan sistem yang ada sekarang.

"Tetapi dalam pada itu, kalau ada kecacatan tentulah kita betulkan dari masa ke semasa," tegasnya.

Seterusnya Perdana Menteri memberitahu UMNO tidak ingin rakyat jadi keliru, tidak ingin ada tafsiran tentang sesuatu perkara dan UMNO berusaha untuk menentukan segala urusan negara berdasarkan kepada asas undang - undang.

Menyentuh tentang PAS, beliau berkata parti itu membuat tafsiran yang mengelirukan rakyat mengenai isu pindaan perlembagaan dengan mengatakan perlembagaan sekarang cacat.

Katanya, PAS kata perlembagaan yang ada terdapat kecacatan dan mereka ingin ditukar sama sekali perlembagaan itu.

"Tetapi PAS tidak sebut pula apakah gantinya cuma setakat berkata berasaskan kepada Islam sahaja," tegasnya dan mensifatkan PAS sebagai 'cakap tak serupa bikin.'

Katanya, PAS memang lain yang dikata lain yang dibuat mereka sudah nampak setakat menggantikan perlembagaan republik

Islam.

"Tetapi mereka tidak berani cakap terang - terang, cakaplah terang - terang apalah salahnya, mereka beri memorandum kepada saya, tetapi tidak sebut corak pemerintahan yang dikehendaki."

"Kenapa tidak sebut tentang sistem republik Islam dia ingin memilih seorang jadi presiden mungkin orang itu namanya Al Rawa atau Al-Hadi" disambut dengan tepukan gemuruh dari orang ramai.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa Parlimen mempunyai kuasa tertinggi bagi menentukan masa depan nasib rakyat.

Tambahnya, sebab itulah kita hendak kuasa Parlimen menjadi kuasa tertinggi kerana Parlimen itu dipilih oleh rakyat sendiri.

"Oleh kerana itu sudah tentu Parlimen akan menyuarakan pendapat kita sendiri. Sekiranya kita hendak keburukan maka itu adalah kesalahan kita, dan jika kita hendak kebaikan, maka kita akan berhati-hati menentukan sebarang tindakan yang akan diambil untuk kebaikan kita," tegasnya.

Hidup bahagia

Perdana Menteri berkata, tidak ada sistem lain yang boleh menentukan rakyat hidup bahagia, kita tidak hendak sistem pemerintahan secara diktator, tetapi kita tetap kepada demokrasi.

Beliau menegaskan UMNO dan Barisan Nasional tidak tamak dengan kuasa yang diberi oleh rakyat kerana kuasa yang ada sebagai kemudahan untuk berkhidmat kepada rakyat.

Sebelum itu Perdana Menteri bersama isterinya, Datuk Sri Dr. Siti Hasmah telah disambut oleh Menteri Besar Perak, Encik Ramli Ngah Talib serta pemimpin - pemimpin Barisan Nasional setibanya dengan helikopter di padang Sekolah Menengah Tun Razak Selekok kira-kira jam 4.30 petang tadi.

Perdana Menteri telah diarak dengan puluhan kompong didahului oleh pasukan pembawa sepanduk dan poster wajahnya berjalan kaki sejauh setengah batu ke padang pekan Selekok di mana beliau telah disambut dengan hamparan permaidani meriah.

Beliau telah merasmikan dewan pelbagai guna berharga \$145,000 yang terletak di tepi padang itu dan telah diperkenaikan kepada calon Barisan Nasional, Encik Mohamad Jamrah yang bertanding dalam pilhanraya kecil Dewan Negeri Kawasan Rungkup.



"Sistem suara ramai mengatasi suara tidak ramai perlu dikekalkan kerana itu adalah kehendak rakyat."



Kira-kira 50,000 orang rakyat dari berbagai lapisan masyarakat termasuk dari komponen Barisan Nasional berkumpul dan berbaris dengan sepanduk-sepanduk di sepanjang jalan pintu keluar Lapangan Terbang Kepala Batas untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir ke Alur Setar.



"Saya tidak akan kekal tetapi yang kekal ialah rakyat. Mati seorang akan diganti dengan dua. Inilah kedaulatan rakyat."



Sebahagian dari kira-kira 50,000 orang dari segenap lapisan masyarakat telah cuba merempuh kepungan keselamatan kerana tidak sebaik untuk menujukan sokongan mereka. Daruk Sri Dr. Mahathir yang tiba di Lapangan Terbang



Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dipeluk oleh salah seorang dari kira-kira 50,000 orang yang menyambut keribaannya di padang Pekan Selekoh, Bagan Datuk.



Utusan Malaysia

Penyebar Fikiran Rakyat



MAJALAH
HIBURAN
YANG POPULAR
PADAT DENGAN
ARTIKEL DAN FOTO
YANG MENARIK

ISSN: 28 NOVEMBER 1983 - 23 SAFAR 1404

KOD: 0005/183 35 SEN

UMNO berpegang kuat pada sistem raja berperlembagaan

Mahathir kecam Suara 2
sumbang

LAGI GAMBAR-GAMBAR
DI MUKA 12



Sepanduk-sepanduk menyuarakan sokongan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir juga dibawa di perhimpunan raksasa di padang Pekan Selekok, Bagan Datuh.

Rakyat Perak
juga
memberikan
sambutan
hangat



Sebahagian dari kira-kira 50,000 orang yang mendengar ucapan Datuk Sri Dr Mahathir di padang Pekan Selekok, Bagan Datuh. -- Gambar oleh Hayati Sueet



"Kita tidak hendak melawan sesiapa, kita tidak hendak mengambil kuasa sesiapa pun, tetapi apa yang hendak diperjuangkan adalah kehendak-kehendak perlembagaan."

Berjuang bersama Semangat 46

TUNKU TIDAK GENTAR



TUNKU ABDUL RAHMAN
PUTERA AL-HAJ

Oleh: RAHIM TAHIR

AMPANG JAYA: Sapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj berkata, beliau tidak gentar menghadapi sebarang kemungkinan dalam usahanya memperjuangkan kebenaran.

Beliau mengaku tidak putus terus melibatkan diri dalam politik tetapi memandangkan apa yang dilakukan oleh pucuk pimpinan sekaran maka beliau terpaksa bangkit bersama-sama Semangat 46 bagi memulihkan UMNO asal.

Untuk itu, tegasnya, beliau sanggup mati di medan perjuangan daripada mati di atas katil demi kepentingan bangsa, agama dan tanahair.

Memuduhnya kedatangan beliau ke Ampang Jaya ini bukanlah untuk membela Datuk Haji Harun Idris yang mewakili calon bebas tetapi untuk kemerdekaan, dan kedaulatan negara dan kebebasan rakyat.

Jadi Datuk Harun sebagai calon bebas Ampang Jaya payung bukannya mewakili dirinya sendiri tetapi mewakili Angkatan

Semangat 46," ujarnya ketika berucap di Taman Nirwana di sini petang lalu.

Bekas Pengurus Parti PEKEMAS Tan Sri Dr. Tan Chee Koon turut berucap di majlis tersebut yang dihadiri bersama oleh Ketua Semangat 46 Pusat Tengku Razaleigh Hamzah.

Tunku Abdul Rahman menyifatkan pilihanraya kecil Parlimen Ampang Jaya ini bukan pilihanraya kecil tetapi yang paling besar pernah diadakan di negara ini.

Ibu kerana katanya, keputusannya kelak akan menentukan kedudukan pucuk kepimpinan yang ada sekarang.

"Pilihanraya ini juga menentukan hidup matinya perjuangan Angkatan Semangat 46 yang ikut menghidupkan kembali UMNO asal yang disyikharan tidak sami itu," tegasnya.

Ketika itu katanya, kedua-dua pihak be-

kerja keras untuk memerlangkan calon mereka singgasna.

"Bagi Barisan Nasional, mereka telah berlakuk mengadakan pelbagai strategi yang diluar dugaan kita untuk menjatuh pengaruh Ampang Jaya menyokongnya," tambahnya.

Beliau menyeru pengundi Ampang Jaya yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya mengurangi Datuk Harun sebagai angkatan dan untuk menuntaskan pucuk pimpinan negara sekarang.

Tunku Abdul Rahman berkata, "Apakah kita juntuk kemerdekaan untuk membolehkan demokrasi berparlimen di amalkan, bukannya rakyat yang akan memerintah negara kita ini. Merasakan yang bertukar menentukan sebahak calon yang layak memerintah negaranya."

"Kita mahukan keadilan yang tulen dan kebebasan dalam segala hal sebab itulah kita meletakkan Datuk Harun sebagai calon bagi Semangat 46 untuk mengembalikan semuanya," tambah beliau.

Lesen kasino lulus dalam sehari

KUALA LUMPUR, Kamis
Mahkamah Tinggi hari ini bersetuju bantua bekas Perdana Menteri, Tun Dr Abdul Razak Padra al Hajji mewujudkan permenakan Tan Sri Lim Goh Tong untuk men dapatkan lesen kasino beberapa jam selepas permohonan dia diluluskan pada 28 April 1999.

Bekas ahli tembung pengaruh Genting Highlands Berhad, Haji Abdillah Jastar, berkata surat permohonan dia disampaikannya dengan hantuan seorang pegawai, Encik Aziz Abdillah dan ditangani oleh Tan Sri Lim.

Haji Abdillah memberi keterangan bahawa ketika dia solusi oleh Encik Chin Yew Ming dalam sajian saringan arsitek Encik Chng Poh terhadap Tan Sri Lim dan Genting Highlands Berhad.

Dalam samanannya, Encik Chng Poh mensiasat 10,000 saham Genting Highlands Berhad dan wang sejumlah \$217,007 sebagai bayaran kepada klinik profesionalnya membuat plan utama kawasan rekreasi Genting Highlands daripada Tan Sri Lim dan Genting Highlands Berhad.

Ramanya Encik Chng Poh tidak pernah bertemu dengan permohonan mendapatkan lesen kasino dia.

"Saya diambil bekerja dengan Kheng Huat Realty pada 1984 sebagai wakil syarikat untuk berurusan dengan jabatan jabatan kerajaan. Saya kesediamannya diambil menjadi salah seorang ahli tembung pengaruh Genting Highlands Berhad pada 1970," katanya.

Beliau juga berkata, perjanjian di antara Tan Sri Lim dan pengusaha kasino dari Korea, Encik

Chan Rak Won ditangguhkan pada 5 Mei 1999 di pejabat Kheng Huat Realty di Sungai Besi.

"Plaintif dalam les ini tidak hadir ketika perjanjian itu ditandatangani dan tidak pernah terbabit dengan setaraf pertimbangan di antara Genting Highlands Berhad dan Encik Chng," katanya.

Beliau berkata, hanya Tan Sri Lim, Tan Sri Muah Haji Mohd Noor dan Encik Lim Siew Lay yang terbabit dalam perbincangan mengenai usahasama kasino dengan Encik Chan.

Sebelum ini, Tan Sri Lim pernah membezirku Mahkamah Tinggi bantua cadangan menjadikan Genting Highlands Hotel Sdn Bhd sebagai syarikat awam pernah dikemukakan ke jawat kerajaan pada sekitar tahun 1994.

Katanya, tidak mungkin cadangan itu dikemukakan oleh Encik Chng Poh kerana ketika itu plaintif masih memutus.

Menurutnya, plan utama kawasan rekreasi Genting Highlands memerlukan jangka waktu lima kira empat tahun dan tidak dilajukan dan memerlukan sumbangan tenaga pekerja.

Helia berkata kalau pun dia pernah menyatakan plaintif meminta plan utama, plan itu tidak pernah dikemukakan kepada dirinya kongsiah sekarang.

Tan Sri Lim dan Genting Highlands Berhad diwakili oleh Encik Chin manakala Encik Ro-nalid Khoo mewakili Encik Chng Poh.

Kes ini diadungur oleh Datuk Ajib Singh dan Hakim Mahkamah Agung Kes ini bersamaan dengan esok.

6

PERISYIHARAN 11 MEI

"Raja-raja Melayu pula pada ketika itu tidak ada hubungan dengan rakyat dan tidak pula mengharapkan sokongan terhadap rakyat. Mereka berasa lemah dan kedudukan mereka bergantung semata-mata kepada British. Sebelum daripada Malayan Union pun, ada masanya bakal raja disingkir dan diganti dengan anggota keluarga diraja yang lain kerana tidak mematuhi kehendak British."

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

HARI ini kita menempa satu lagi peristiwa yang bersejarah dalam riwayat UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Hari ini kita rayakan hari lahir UMNO. Pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru ini, UMNO ditubuh dan dilancarkan sebagai parti politik dan alat bagi perjuangan orang Melayu menangkis usaha British untuk menghapuskan bangsa Melayu negeri Melayu dan sistem Raja Melayu.

Cadangan menu buhkan parti politik yang mewakili semua orang Melayu dipersetujui di perhimpunan pertubuhan orang Melayu dari seluruh Semenanjung termasuk Singapura yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur dari 1 hingga 4 Mac 1946. Di zaman pemerintahan Tentera Jepun, orang Melayu memikirkan jika British kembali semula, maka mereka akan diberi semula taraf kerakyatan negara yang dilindungi oleh British dan mereka akan diiktiraf semula

sebagai warganegara tunggal negeri Melayu. Hanya penduduk Pulau Pinang, Melaka, Singapura saja yang ditakluk oleh British secara langsung yang akan menjadi rakyat British.

Tetapi tiba saja British, mereka mengumumkan rancangan menyatukan semua negeri Melayu Pulau Pinang dan Melaka dalam sebuah jajahan takluk British terus yang dinamakan Malayan Union. Semua penduduk berbagai kaum di wilayah berkenaan akan diberi taraf warganegara tanpa membezakan Melayu dan bukan Melayu, yang baru datang dan yang lama tinggal. Raja Melayu diberi peranan simbolik saja dan bertanggungjawab hanya terhadap adat istiadat Melayu dan agama Islam.

Taraf sama rata atau **equal citizenship** yang akan diberi kepada semua penduduk Tanah Melayu akan mendedahkan orang Melayu kepada persaingan daripada kaum lain yang tetap akan menjadikan orang Melayu kaum yang termiskin dan daif di Malaysia. Pada ketika itu orang Melayu hanya menjadi penanam padi, nelayan pesisiran dan ada segelintir yang bernasib baik menjadi kerani kecil di jabatan kerajaan. Tidak ada di antara mereka menjadi ahli peniaga atau ahli profesional. Demikianlah pemerintahan British sehingga tanda bahawa Semenanjung Tanah Melayu adalah negeri asal orang Melayu sudah hampir luput. Bandar utamanya tidak sedikit pun mencerminkan kebudayaan Melayu. Jika ada pun orang Melayu di bandar, mereka tinggal di kawasan miskin di pinggir bandar atau di kawasan tanah rizab.

Keadaan orang Melayu semasa pemerintahan British samalah dengan orang Red Indian di Amerika Syarikat. Lebih kuat British berkuasa lebih buruk kedudukan orang Melayu.

Di negeri-negeri Selat, iaitu Singapura, Melaka dan Pulau Pinang orang Melayu memegang jawatan rendah sahaja. Di negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan keadaannya baik sedikit, dengan beberapa elit daripada golongan pembesar negeri memegang jawatan pentadbir. Di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Johor Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu di mana British kononnya boleh memberi nasihat saja, kakitangan kerajaan kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu walaupun ketua jabatan terdiri daripada pegawai British.

Di bandar tidak ada orang Melayu berniaga di kedai batu.

Bilangan penjaja Melayu pun lebih kecil daripada kaum lain. Tidak ada sama sekali pengusaha Melayu. Di kawasan kediaman orang yang berada tidak terdapat barang sebuah pun rumah orang Melayu. Pendek kata di bandar besar orang Melayu menjadi kaum asing yang tidak mempunyai tempat.

Jika British bertimbang rasa sedikit, orang Melayu ditempatkan dalam kawasan rizab Melayu seperti Red Indian.

Di estet dan lombong juga tidak kelihatan orang Melayu. Bukan saja mereka tidak memiliki puncakekayaan ini, tetapi juga mereka tidak berpeluang bekerja. Mungkin mereka tidak berminat bekerja dalam lombong atau menjadi penoreh getah, tetapi jawatan dalam syarikat juga tidak kepada orang Melayu. Selain daripada kebun kecil getah yang dimiliki oleh beberapa kerat orang Melayu, mereka sekali lagi menjadi orang asing dalam estet dan lombong. Di sini bukan tempat mereka. **Ini adalah seolah-olah negara asing di mana mereka tidak boleh faham bahasa yang ditutur dan ditulis.**

Walaupun British mengakui sebelum Perang Dunia Kedua dalam perjanjian mereka dengan negeri Melayu bahawa Semenanjung ini adalah **Semenanjung Melayu**, atau **Malay Peninsula**, tetapi selain daripada kawasan yang terpencil, Semenanjung ini sudah dijadikan negara orang bukan Melayu. Demikianlah kedudukan Orang Melayu sehingga jika mereka terpaksa bersaing dengan kaum lain, mereka tetap akan kalah dalam semua bidang dan akan menjadi kaum yang termiskin dan daif sekali dalam negeri Melayu. Jika mereka berpeluang menjadi petani dan memiliki sawah padi di zaman British, sebabnya ialah kawasan telah dirizabkan bagi mereka. D mana sawah tidak dirizabkan, kaum lain dengan mudah mengambil alih dan mengerjakannya.

Jika semua penduduk pelbagai kaum di Malaya diberi kerakyatan dan hak sama rata dan persaingan dalam semua bidang dibenarkan tanpa apa-apa sekatan, bukan saja **keMelayuan negeri Melayu akan luput**, tetapi juga **orang Melayu akan diperhambakan di tanah air mereka sendiri**. Ini tidak bermakna bahawa mereka tidak mampu mempertingkatkan taraf mereka, tetapi penjajahan oleh British yang mengutamakan kepentingan ekonomi diri mereka semata-mata menyebabkan

orang Melayu tertinggal begitu jauh sekali sehingga kemungkinan mereka berupaya bersaing atau mengejar kaum lain tanpa pertolongan sudah tidak ada.

Kita sering mendengar ungkapan '**yang miskin menjadi lebih miskin, yang kaya lebih kaya**'. Ungkapan ini memang mempunyai asas pada masa perjanjian British. Yang miskin tidak mempunyai sebarang modal, iaitu pelajaran, wang ringgit, peluang, kredibiliti, contacts, pengalaman, tempat, kebolehan meminjam modal dan faktor lain yang boleh menolong mereka menjadi lebih kaya dengan lebih cepat.

Dengan itu jika persaingan secara terbuka dan bebas diadakan antara rakyat yang mempunyai hak sama rata, semakin lama semakin jauhlah jarak perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya. Dalam keadaan ini benarlah ungkapan '**yang miskin menjadi lebih miskin yang kaya lebih kaya**'.

Di zaman British orang Melayu adalah kaum yang miskin dan orang bukan Melayu rata-ratanya adalah kaum yang lebih kaya. Jika taraf yang **sama rata** diberikan kepada semua penduduk Melayu mengikut rancangan **Malayan Union**, orang Melayu yang sudah miskin dan serba ketinggalan tetap akan menjadi lebih miskin dan mereka yang lain lebih kaya. Jarak pencapaian antara kaum akan menjadi lebih jauh dan tidak mungkin dapat dirapatkan semula.

Sebab itu, apabila British mendakwa bahawa **Malayan Union** adalah langkah ke arah **pemerintahan sendiri**, ramai orang Melayu pada masa itu menyatakan mereka tidak mahu pemerintahan sendiri - **tidak mahu kemerdekaan**. Mereka menulis kepada **akhbar Majlis** menyatakan mereka mahu naungan British diteruskan untuk keamanan dan tunjuk ajar dalam bidang pentadbiran.

Kita menganggap sikap seperti ini adalah aneh tetapi memang orang Melayu sendiri pada ketika itu kurang kepercayaan kepada kebolehan mereka dalam semua bidang, dan ketidakmampuan mereka untuk bersaingan dengan kaum lain. **Mereka yakin tanpa perlindungan termasuklah negeri-negeri Selat dengan kemungkinan negeri itu jatuh ke tangan bangsa asing, khususnya orang Cina Komunis yang pada masa itu mempunyai pasukan gerila yang sedang mengganas di merata tempat di Semenanjung.**

Ramai orang Cina pada masa itu masih mengibarkan bendera **Kuomintang** dan menganggap diri mereka **rakyat Negara China**

dan Negara China pula mengakui semua orang Cina di mana juga mereka berada sebagai rakyat Negara China. Tidaklah menjadi sesuatu yang luar biasa, pada fikiran orang Melayu, jika Negara China memberi pertolongan kepada rakyat mereka dalam usaha merebut negeri Melayu.

Selepas tamat perang Dunia Kedua dan sebelum sempai tentera British kembali ke Malaya, gerila Komunis bermaharajalela. Mereka mengambil alih balai polis di beberapa kawasan terpencil dan menaikkan bendera Komunis Bintang Tiga dan Bintang Satu. Ada orang kampung yang dibunuhan untuk menakutkan mereka supaya menerima pemerintahan Komunis. Memang hasrat Komunis untuk mendirikan Republik Komunis di Malaya.

Apabila British mendirikan Pemerintahan Tentera, mereka mengiktiraf dan menghalalkan Parti Komunis Malaya. Dalam sekelip mata Parti Komunis Malaya telah menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja yang dikuasai oleh Komunis. Mereka bergerak bebas dan sompong kerana mereka yakin Malaya akan jatuh ke tangan mereka. Hanya apabila mereka melancarkan perang gerila pada tahun 1948 barulah pihak British bertindak.

Ketakutan orang Melayu yang disebabkan oleh kedaiif mereka dan oleh pelbagai kemungkinan ini, membawa kepada kesedaran politik luar biasa. Daripada bangsa yang tidak pernah datangkan masalah kepada pemerintahan British, mereka bangun untuk menentang Malayan Union British dengan kerasnya. Pada mulanya penentangan dibuat secara berasingan di negeri masing-masing. Ini tidak berkesan. Pihak British telah juga menghantar Mac Michael untuk mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

Raja-raja Melayu pula pada ketika itu tidak ada hubungan dengan rakyat dan tidak pula mengharapkan sokongan terhadap rakyat. Mereka berasa lemah dan kedudukan mereka bergantung semata-mata kepada British. Sebelum daripada Malayan Union pun, ada masanya bakal raja disingkir dan diganti dengan anggota keluarga diraja yang lain kerana tidak

mematuhi kehendak British. Tidak hairanlah jika Raja-raja menandatangani Malayan Union yang dibawa oleh Mac Michael, iaitu menyerahkan hak mereka dan hak orang Melayu.

Memandangkan bahawa tindakan berasingan oleh kumpulan kecil Melayu di negeri masing-masing tidak dihiraukan oleh British, maka desakan dibuat supaya orang Melayu dari semua negeri di Semenanjung bersatu padu dan bergerak bersama dan serentak. Akhirnya pada 1 Mac 1946, pertubuhan dan kesatuan sosial Melayu mengadakan Kongres Melayu Se-Malaya yang pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Sesuatu yang menarik di majlis itu ialah persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan Hishamuddin Alam Shah, Sultan Selangor yang berkenan merasmikan pembukaan Kongres ini. Inilah kali pertama raja bersama rakyat dalam menghadapi masalah dengan British. Tarikh dan peristiwa ini tidak kurang pentingnya kepada perjuangan nasib orang Melayu dari tarikh keramat 11 Mei di waktu mana UMNO ditubuhkan secara rasminya.

Selain Parti Kebangsaan Melayu Sa-Malaya atau Malaya Nationalist Party (MNP) yang di pimpin oleh Dr Burhanuddin dan sebuah pertubuhan lagi, 39 pertubuhan yang lain sebulat suara bersetuju menuju untuk menubuhkan sebuah parti politik orang Melayu di peringkat nasional yang dianggotai oleh semua pertubuhan yang hadir dalam Kongres dan pihak lain yang bersetuju menyertainya. Allahyarham Datuk Onn, Datuk Panglima Bukit Santang, Datuk Zainal Abidin dan Datuk Nik Kamil adalah antara okoh terkenal yang dipilih untuk menubuhkan Pekembar, iaitu pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, atau UMNO - United Malays National Organisation, nama yang diilhamkan daripada ama Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nations Organisation (UNO).

Sementara usaha menubuhkan UMNO dilaksanakan, kegiatan senentang Malayan Union tidak dikurangkan.

Pada 11 Mei 1946 di Kongres Melayu ketiga yang diadakan di Istana Besar Johor Bahru, Pertubuhan

Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO ditubuhkan dengan rasminya.

Hanya Malaya Nationalist Party atau MNP saja yang tidak menyertai UMNO. Sejarah perjuangan orang Melayu dan sejarah UMNO perlulah diketahui oleh semua ahli UMNO. Keahlian tidak bermakna jika kita tidak tahu asal usul kita. Sejarah kita adalah pengajaran bagi kita, adalah panduan perjuangan kita.

Kita lihat daripada sejarah yang menunjukkan bagaimana lemahnya orang Melayu apabila mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri berasingan. Mereka memang sudah lemah kerana mereka tidak mempunyai orang yang terpelajar, profesional, ahli peniagaan yang kaya, pekerja mahir dan cekap, penglibatan dalam berbagai bidang usaha yang penting dan kelemahan lain. Tetapi apabila mereka membahagi-bahagikan diri mereka kepada rakyat negeri masing-masing dan bertindak secara berasingan, mereka menjadi lebih lemah.

Sebab itulah walaupun terdapat tentangan daripada orang Melayu apabila sahaja Malayan Union diumumkan, pihak British tidak sedikit pun menghiraukan tentangan ini. Mereka meneruskan sajalah rancangan mereka itu.

Apabila orang Melayu disedarkan bahawa tindakan secara berasingan tidak berkesan, maka pada ketika itulah desakan buat oleh berbagai pihak supaya disatupadukan orang Melayu sebagai satu bangsa menentang rancangan British. Dan kita telah melihat bagaimana berkesannya perjuangan orang Melayu setelah mereka bergabung tenaga melalui Kongres Melayu SeMalaya dan kemudian, dan lebih tepat lagi, melalui UMNO. Walaupun British sudah melancarkan Malayan Union itu, satu tampang hebat kepada sebuah kuasa dunia yang terkenal kerana kepintaran pemerintahan kolonial mereka. Semua ini adalah hasil semangat kesedaran dan perpaduan orang Melayu.

Jika kita disoal apakah yang memberi kejayaan kepada satu bangsa yang begitu lemah, iaitu bangsa Melayu pada 1946, jawabannya ialah semangat perpaduan yang berjaya mengumpulkan orang Melayu dari negeri

yang berasingan, dari pertubuhan yang berlainan, untuk menghadapi ancaman terhadap bangsa mereka. Inilah semangat yang muncul pada 1946 apabila bangsa diancam dengan kemungkinan dihapuskan.

Orang Melayu menangkis usaha British untuk memecahbelahkan mereka. Sebaliknya mereka bersatu padu. Orang atasan juga sanggup bergabung tenaga dengan rakyat jelata dan rakyat memberanikan diri mendesak raja-raja supaya menentang British.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah bangsa Melayu di mana mereka begitu kuat bersatu. Yang mencacatkan sedikit ialah kelakuan **Malay Nationalist Party** atau **MNP** yang bukan saja mengasingkan diri dari UMNO, tetapi juga sesama orang Melayu berjuang untuk menghapuskan **Malayan Union**, mereka mengadakan kerjasama dengan **All Malays Council of Joint Action** atau **AMCJA**, sebuah gabungan kiri yang menyokong **Malayan Union**. Tetapi **MNP** adalah pertubuhan yang kecil mendapat sokongan daripada hanya segelintir orang Melayu. Ramai daripada penyokong **MNP** berpihak kepada UMNO apabila mereka melihat gerak geri pemimpin **MNP**.

Dengan **MNP** menjadi lumpuh, perpaduan Melayu dalam UMNO menjadi begitu kuat sehingga UMNO boleh menggerakkan orang Melayu di seluruh Semenanjung bertindak serentak dengan pendirian yang sama pada bila-bila masa. Apabila UMNO memutuskan orang Melayu berkabung sebagai tanda penolakan Malayan Union, orang Melayu di seluruh Semenanjung berkabung. Apabila disuruh memulaukan segala istiadat menyambut Malayan Union, mereka semua mematuhi arahan itu. Pihak British yang dahulu tidak menghiraukan pendapat orang Melayu kerana mereka berpendapat orang Melayu adalah satu bangsa yang tidak berwibawa yang boleh diketepikan dengan mudah, terpaksa menukar sikap apabila UMNO ditubuhkan. Jika dahulu mereka tidak menghormati pemimpin Melayu selepas UMNO ditubuhkan, British terpaksa berunding dengan pemimpin UMNO dan memberi pertimbangan yang wajar kepada pendapat dan pendirian UMNO. Dan ini dibuat di peringkat yang tertinggi sekali iaitu dengan melibatkan Gabenor British dan Kerajaan London.

Dengan tertubuhnya UMNO hasil daripada semangat perpaduan yang tidak mementingkan diri, dengan sokongan

sebulat suara kepada pemimpin UMNO, maka pengaruh dan kuasa orang Melayu meningkat.

Raja-raja juga mengakui kekuatan UMNO dan menerima pandangan UMNO. Raja-raja yang sebelum UMNO wujud menandatangani triti Mac Michael menolak perjanjian rasmi itu dengan beraninya dan mengambil langkah untuk menentang Malayan Union.

Demikianlah satu bangsa yang lemah menjadi satu bangsa yang berwibawa dan dihormati. Perjuangan orang Melayu tidak berasaskan kepada kekayaan, kepada kemampuan mengadakan revolusi bersenjata, kepada apa-apa jenis kekerasan. **Asas perjuangan Melayu ialah perpaduan mereka.** Semangai perpaduan yang tidak mementingkan diri inilah yang memberikan kejayaan kepada perjuangan orang Melayu.

Di waktu Kongres Melayu Sa-Malaya dan penubuhan UMNO, tidak sesiapa pun berasa irihati dengan tempat yang utama dan tinggi yang diberikan kepada Allahyarham Datuk Onn dan pemimpin lain. Sebenarnya ramai yang menolak jawatan pada masa itu kerana mereka dengan ikhlas dan terus terang menyatakan bahawa mereka tidak layak kerana sebab tertentu. **Bukan saja yang tidak memegang jawatan tidak cemburu tetapi juga mereka memberi sokongan yang penuh kepada pemimpin yang dipilih** dan menggesa ahli pertubuhan mereka menerima kepemimpinan parti. Apabila Allahyarham Datuk Onn dan pemimpin lain menjelajah ke seluruh Tanah Melayu, **orang Melayu melupakan perasaan kenegerian** dan menyambut Allahyarham Datuk Onn sebagai pemimpin bangsa Melayu.

Memang benar akhirnya Allahyarham Datuk Onn digantikan dengan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Yang Dipertua UMNO. Tetapi penukaran ini bukan disebabkan kerana Tunku meminati jawatan. Apa yang berlaku adalah perbezaan pendapat antara Allahyarham Datuk Onn dengan majoriti pemimpin UMNO dan juga majoriti orang Melayu. Allahyarham Datuk Onn bercadang menjadikan UMNO bukan lagi menjadi parti orang Melayu, tetapi parti yang terbuka kepada semua kaum. Orang Melayu pada masa itu belum merasa diri mereka terselamat bahkan bersedia membuka UMNO kepada kaum lain. Oleh sebab itulah majoriti Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan ahli tidak bersetuju dengan cadangan Datuk Onn. Jika beliau sanggup meneri-

cadangan majoriti ini, ahli-ahli UMNO sanggup terus menerima kepemimpinan Datuk Onn. Tetapi Datuk Onn tidak mahu menukar pendirianya dan oleh itu telah tidak mendapat sokongan majoriti.

Tidak ada kempen yang dijalankan oleh Tunku Abdul Rahman. Anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang lain pula tidak berebut-rebut untuk mendapatkan jawatan Yang Dipertua yang dikosongkan oleh Allahyarham Datuk Onn. Sebaliknya mereka bersetuju menjemput Tunku Abdul Rahman yang bukan ahli Majlis Kerja Tertinggi dan tidak terlibat dengan penubuhan UMNO. **Tidak ada perasaan tamak kepada jawatan di pihak siapa. Yang dianggap penting ialah kredibiliti dan keutuhan UMNO** dan kejayaan perjuangan orang Melayu. Pada pendapat Allahyarham Tun Razak dan rakannya, Tunku, kerana umur dan statusnya di Kedah, adalah yang boleh memberi imej yang baik kepada UMNO.

Dengan itu, Tunku Abdul Rahman dijemput dan beliau menerima jawatan dan tugas Yang Dipertuan UMNO. Selain mereka yang sependapat dengan Allahyarham Datuk Onn yang bilangannya kecil, ahli dan pemimpin UMNO merapatkan semula barisan mereka dan memberi sokongan yang penuh kepada Tunku Abdul Rahman. Kekuatan UMNO tidak terjejas. Pihak British tidak dapat mencari peluang atau alasan daripada "perpecahan" UMNO ini. Mereka terpaksa terus mengiktiraf UMNO di bawah Pimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai suara majoriti orang Melayu. Justeru itu, UMNO berjaya menuntut kemerdekaan.

Sekali lagi kita melihat semangat perpaduan dalam UMNO. Selepas peralihan kepemimpinan kepada Tunku Abdul Rahman, tidak ada rebutan jawatan dalam UMNO walaupun pada tiap-tiap tahun UMNO mengadakan pemilihan Majlis Kerja Tertinggi. Di peringkat cawangan dan bahagian pun pertandingan diadakan dengan sopan, tanpa kempen dan menggunakan wang. Jika ada pun, pertandingan di peringkat MKT, ia adalah ahli biasa MKT saja, tidak untuk Presiden atau Timbalan Presiden. Hanya jika ada mana-mana kekosongan jawatan Naib Presiden oleh kerana kematian atau sebab lain, maka baharulah ada pertandingan di peringkat Naib Presiden. Jika tidak, maka semua Naib Presiden, Timbalan Naib Presiden dan Presiden menang tanpa bertanding.

Ketertiban dalam UMNO mengukuhkan parti dan membuat kredibiliti kepada pemimpin. Kerana pemimpin ada kredibiliti, pendapatnya dihormati dan dipercayai oleh semua pihak, sama

ada British atau pun kaum lain. Maka mudahlah pemimpin menjaga kepentingan orang Melayu. Mungkin ada yang berpendapat ini tidak demokratik. Tetapi peristiwa tidak bertanding dan perlantikan semula berlaku sepanjang masa dalam demokrasi. Setiap kali kita mengadakan pilihanraya, ada saja yang menang tanpa bertanding. Di negara-negara lain pemimpin parti kerap dipilih semula tanpa bertanding.

Hasil daripada adat dan tradisi UMNO tidak merebut-rebut jawatan ini ialah parti jadi kukuh dan stabil. Pemimpin UMNO dianggap suara parti apabila mereka berunding dengan pihak lain. Tiada ada sesiapa daripada dalam parti yang menolak pendapat yang disuarakan oleh pemimpin. Kuasa yang diberi kepada pemimpin dihormati oleh semua pihak.

Ini tidak bermakna pemimpin boleh berbuat apa saja. Pengunduran Allahyarham Datuk Onn adalah kerana beliau ingin membuat sesuatu yang tidak dipersetujui oleh majoriti orang Melayu, bukan kerana Tunku Abdul Rahman ingin menjadi Yang Dipertua parti. Pemimpin hanya bebas bertindak asalkan tidak terkeluar daripada prinsip dan matlamat perjuangan parti.

Selagi pemimpin tidak bertentangan dengan pendirian parti ia akan disokong oleh semua anggota parti, walaupun kadang-kadang, seperti keputusan menubuhkan Malaysia dan menyingkirkan Singapura, pemimpin tidak terlebih dahulu berunding dengan parti melalui Majlis Kerja Tertinggi.

Tentangan oleh Allahyarham Syed Jaafar Albar terhadap pemisahan Singapura tidak mendapat sokongan daripada Majlis Kerja tertinggi atau ahli biasa UMNO. **Tradisi dan adat UMNO tidak mencabar kepemimpinan parti menjadikan UMNO tenang, kuat dan berkesan.** Tidak semua yang dibuat oleh pemimpin dipersetujui 100 peratus oleh ahli. Demikian dalam peristiwa 13 Mei 1969, ada ahli UMNO yang berpendapat bahawa pemimpin pada ketika itu bersalah. Mereka ini disingkirkan daripada UMNO tanpa menjelaskan kewibawaan parti walaupun pendirian mereka menarik dan mendapat simpati daripada ramai ahli.

Secara halus dan tertib, pendirian ahli UMNO disampaikan kepada pemimpin berkenaan dan beliau menarik diri secara terhormat dan Timbalannya mengambil tempat tanpa rebutan. Demikianlah **seperti rambut ditarik tanpa tepung berkecak**.

UMNO terus kuat dan pemimpin barunya mendapat kesetiaan ahli dan tidak kurang dihormati oleh orang luar. Tidak ada perpecahan berlaku. Mereka yang bersimpati dengan Tunku tidak membuat angkara. Tunku sendiri tidak sengaja mencuba *subvert* atau melemahkan kepemimpinan Allahyarham Tun Razak, walaupun ada tanda Tunku tidak begitu bersetuju dengan tindakan Tun Razak sebagai pemimpin parti dan Perdana Menteri.

Semangat perpaduan dan tradisi serta sopan santun Bangsa Melayu berjaya membentuk sebuah parti politik yang kukuh di kalangan rakyat satu bangsa yang hampir tidak mempunyai pengalaman dalam bidang politik, jauh sekali politik berparti dalam demokrasi. Di segenap kampung, walau bagaimana terpencil sekalipun, cawangan UMNO ditubuhkan lengkap dengan Ketua, Setiausaha, Bendahari dan ahli jawatankuasa. Jika ada sahaja pilihanraya kecil atau pilihanraya umum, semua cawangan ini bergerak serentak dan menjalankan tugas yang diperlukan. Pada masa-masa lain, cawangan terbabit dengan usaha pembangunan negara. Sementara itu di peringkat pemerintahan, kerajaan pimpinan UMNO berjaya menyesuaikan diri dan menghadapi segala cabaran pentadbiran zaman yang moden dan sofistikated ini.

Dengan perkataan lain, UMNO berjaya menjadikan orang Melayu satu bangsa yang cukup sofistikated dalam bidang politik. Mereka boleh menggembelangkan orang Melayu dalam satu jentera politik yang berkesan dan berwibawa sehingga sukar dikalahkan. Demikianlah berkesannya perjuangan UMNO, sehingga hari ini setiap orang Melayu, bahkan setiap rakyat Malaysia, secara langsung atau tidak langsung mendapat nikmat daripadanya.

Semua ini adalah hasil semangat, tradisi dan adat yang membawa orang Melayu, pertubuhan mereka ke suatu kongres pada 1 Mac 1946. UMNO ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 kerana semangat, tradisi dan adat yang sama. Dan semangat dan tradisi ada adat ini telah menjadi sebahagian daripada sifat UMNO sendiri sehingga pada tahun 1984.

Pada tahun 1984 Timbalan Presiden UMNO yang dipilih pada tahun 1981 dicabar. Segala nasihat supaya tidak melanggar tradisi UMNO sudah luput dalam hati pencabar. Sebenarnya pada ketika itu ia sudah mengasingkan dirinya dari UMNO. Tidak hairanlah

kejadian yang menyusuli usaha tokoh ini merebut jawatan Timbalan Presiden. Yang mendorongnya bukanlah semangat UMNO tetapi kepentingan diri yang mendesak supaya apa sahaja dilakukan termasuklah membinasakan UMNO.

Kita tidak perlu ceritakan tentang percubaan merebut jawatan Presiden oleh tokoh ini pada 1987. Kononnya tidak setuju dengan dasar. **Kononnya kerana ekonomi negara meleset disebabkan kerajaan tidak cekap. Kononnya diktator.** Semua ini adalah alasan yang diada-adakan saja. Yang penting dan utama ialah **rebutan jawatan Presiden untuk menjadi Perdana Menteri.** Hasil tekanan cita-cita besar ini ialah pada 4 Februari, 1988 UMNO diisyiharkan sebagai sebuah pertubuhan haram. UMNO yang diperjuangkan oleh pertubuhan Melayu pada tahun 1946, UMNO yang dimiliki oleh berjuta orang Melayu, UMNO yang telah menjadi benteng kepada orang Melayu dan negara, UMNO ini diharamkan kerana diseret ke mahkamah oleh orang yang ingin mendapat jawatan.

UMNO mempunyai jenteranya sendiri untuk menyelesaikan masalah tanpa campurtangan orang luar. Jika tidak ada kepercayaan kepada Majlis, boleh dirujuk kepada Perhimpunan Agung. Tetapi jentera parti diketepikan dan kuasa parti diserahkan kepada mahkamah. **Inikah semangat UMNO pada tahun 1946 yang kononnya orang ini ingin pertahankan?** Saudara-saudari tahu apakah itu semangat orang Melayu dan UMNO pada tahun 1946? Apakah ada persamaan antara nafsu yang mendorongkan tindakan golongan yang menyebabkan UMNO diharamkan dengan semangat yang kita tahu terdapat di kalangan orang Melayu dan UMNO sewaktu menentang Malayan Union? **Apakah kerjasama dangan DAP melawan UMNO mencerminkan semangat itu?**

Tidak sesiapa dapat menafikan bahawa UMNO yang ada sekarang mendapat sokongan majoriti yang besar daripada orang Melayu. Bilangan ahli UMNO sekarang ini sudah sama dengan bilangan ahli UMNO dahulu, walaupun bilangan ahli dahulu tidak tepat dan diragukan. Tidak syak lagi bahawa ahli UMNO akan terus bertambah, insya-Allah. Mereka yang percaya dan inginkan perpaduan tidak boleh menolak UMNO kerana tanpa UMNO perpaduan tidak bermakna. Apakah dengan disatukan kumpulan serpihan dan minoriti orang Melayu dan menentang majoriti orang Melayu, maka perpaduan tercapai? Mereka yang inginkan

perpaduan mestilah bersatu dengan pihak majoriti. Apakah perpaduan bermakna jika masing-masing mempunyai tujuan yang berlainan, masing-masing ingin memperalatkan yang lain?

Jika perpaduan hendak dicapai, maka masing-masing mestilah menyetujui akan asas dan dasar yang sama. Jika tidak maka yang dilakukan bukanlah perpaduan tetapi satu pakatan saja.

Perpaduan hanya boleh dicapai di dalam UMNO di mana ahli tahu dan menerima akan asas dan dasar parti. Pintu UMNO masih terbuka. Jika benar ada orang yang mempunyai semangat 46 di luar UMNO, mereka harus menyertai UMNO. Hanya dengan bersatu dengan pihak majoriti sahaja baharulah perpaduan boleh dicapai. Apabila Majoriti menentang , pecah belah namanya.

Perjuangan orang Melayu belum tamat. Mereka belum mencapai tahap pembangunan yang boleh membantu mereka bersaing dalam masyarakat majmuk Malaysia dengan jayanya. Sudah tentu mereka belum sampai ke tahap untuk bersaing dengan bangsa maju di dunia. Justeru itu mereka masih memerlukan kuasa politik dan pengaruh yang kuat dalam kerajaan. Dengan adanya UMNO, orang Melayu dapat mempertahankan kedudukan mereka sementara meningkatkan kebolehan mereka untuk bersaing dalam dunia yang penuh cabaran. Insya-Allah dengan diberi perlindungan dan peluang, mereka akan mencapai tahap kebolehan yang boleh menjamin kejayaan mereka. Tetapi sebelum itu, mereka perlu kepada perlindungan kuasa politik dan kerajaan.

Selagi pencapaian orang Melayu belum sampai ke tahap yang boleh menjamin kejayaan masa depan mereka, selagi itulah orang Melayu harus menentukan kemenangan mereka dalam bidang politik.

Politik orang Melayu masa kini bukan untuk mendapat tempat tertentu bagi diri sesiapa, tetapi untuk mempertahankan kedudukan orang Melayu yang masih lemah.

Demikianlah juga dengan UMNO. UMNO bukan alat sesiapa untuk mendapat jawatan yang tinggi, tetapi UMNO adalah alat perjuangan orang Melayu. Jika pada tahun 1946 orang Melayu membentuk UMNO dan memilih Allahyarham Datuk Onn sebagai pemimpin, tujuan adalah kerana tanpa sebuah parti politik nasional dan seorang pemimpin dan jurucakap, perjuangan orang Melayu melawan Malayan Union tidak mungkin berjaya. Pemilihan Allahyarham Datuk Onn bukan untuk beliau menjadi orang besar. Jika ini berlaku, ia adalah secara kebetulan saja.

Sebabnya UMNO diteruskan selepas Malayan Union dibubarkan ialah kerana perjuangan orang Melayu belum tamat. Orang Melayu masih belum memerintah negara mereka sendiri selepas Malayan Union diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu. Berkat perpaduan yang berterusan orang Melayu dalam UMNO, Perikatan menang 51 daripada 52 kerusi dalam pilihanraya 1955. Dengan majoriti yang besar ini, pihak British tidak mempunyai helah bagi menolak tuntutan orang Melayu untuk mendapat kemerdekaan. Selepas merdeka pada tahun 1957, masalah orang Melayu belum selesai. **Apakah makna merdeka jika orang Melayu masih mundur dalam segala bidang dan masih lemah?** Jika kerajaan dikehendaki menolong orang Melayu, maka kerajaan mestilah berteraskan Melayu. Melalui UMNO sokongan orang Melayu kepada kerajaan dibulatkan dan langkah dapat diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan pencapaian orang Melayu.

Peristiwa 13 Mei 1969 mengingatkan pemimpin UMNO supaya tidak lalai dalam menjalankan tugas membantu orang Melayu. Dasar Ekonomi Baru atau DEB digubal kerajaan kerajaan dikejutkan dengan peristiwa berdarah 13 Mei. Tetapi kita belum mencapai matlamat DEB sepenuhnya. Walaupun kedudukan orang Melayu sekarang begitu baik sehingga ada yang lupa akan sebabnya, mereka tidak berasa cemas, kerana UMNO masih ada untuk menentukan orang Melayu dilindungi.

Jika UMNO tiada ada dan parti yang memerintah dianggotai oleh 40 wakil rakyat Melayu dan yang lainnya daripada kaum lain, seperti yang dirangka oleh kumpulan serpihan, orang Melayu tidak akan mendapat perlindungan lagi. Pada masa itu kita akan balik ke situasi semasa British memerintah, bahkan lebih buruk daripada itu.

Hari ini 11 Mei, kita merayakan bukan saja kejayaan bapa-bapa kita membentuk UMNO, tetapi kita juga merayakan supaya kita dapat memperingati dan menyedarkan diri kita akan perlunya kita meneruskan usaha untuk menjadikan orang Melayu bangsa dan kaum yang berwibawa dalam negara kita. Insya-Allah, jika kita seperti hari ini, tidak lupa akan sejarah dan asal usul kita, jika kita tahu menghargai jasa mereka yang begitu berani dan bersemangat berusaha untuk menyatupadukan orang Melayu dan menubuhkan UMNO, jika kita insaf dan selalu bersyukur akan nasib baik kita. Insya-Allah kita akan mendapat ganjaran lagi, kita akan mencapai kejayaan, kita akan menjadi bangsa yang gagah, yang mulia dan dihormati. Kita perlu ingat bahawa mereka yang lupa akan sejarah akan didera dengan mengulangi berkali-kali segala kesalahan mereka dan akan menerima keburukan yang menimpa mereka terdahulu.

Mereka yang belum insaf, insaflah dan baliklah ke pangkal jalan. Mereka yang tahu insaf, insaflah dan bersyukur mudah-mudahan Allah swt akan mengurniakan lebih banyak kejayaan. Rayakanlah hari ini, 11 Mei, sebagai hari yang mulia, hari yang bahagia, hari yang keramat bagi bangsa Melayu yang beragama Islam. Rayakanlah hari ini kerana kita semua berhak merayakannya.

Mudah-mudahan anak cucu kita dan seluruh zuriat kita tidak akan mudah menjadi orang yang tidak tahu berterima kasih kepada jasa. Akhir kata saya mengucapkan Selamat Hari Raya Adil Fitri kepada sekalian yang hadir dan semua orang Melayu. Saya mengucapkan selamat merayakan 11 Mei, hari bertuah dalam sejarah orang Melayu dan sejarah negara kita Malaysia yang kita kasihi. Insya-Allah akan berhasil perhimpunan kita ini.

SEDUTAN UCAPAN PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI PERHIMPUNAN SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE- 43 KELAHIRAN UMNO DI ISTANA BESAR JOHOR BAHRU, PADA 11 MEI, 1989.


**Berita Harian
12 Mei 1989.**



"Hidup Melayu! Hidup Melayu!" Dr. Mahathir bersuara dengan bersemangat dihari perisytiharan 11 Mei 1989. Hidup Melayu... Melayu memang tentu hidup, tapi kasihan Mahathir kerana orang Johor tak merokak makan buah merah. Mahathir tidak merokak makan buah merah.



"Apa pula Tok Besar (Mat Bulat) nak buat lagi? Bendera Besar, Ketupat besar, gong besar, semua dia sudah buat.... Jangan dia nak buat temberang besar, sudahlah", begitulah agaknya kata Almutawakil. "Tak pa, Tuanku, susah-susah sangat saya suruh dia balik jadi Menteri Besar, bolehlah dia buat segala macam benda yang lebih besar di Johor pula", kata Perdana Menteri sambil ketawa.




Dengar sini, dengar sini! Sekarang Mat Bulat sedang bercakap. "Saya tahu ramai orang Johor tak suka saya kerana saya baik dengan Dr. Mahathir dan Almutawakil. Saya tak kisah..... yang penting saya buat kerja saya."




Para pemimpin UMNO berdiri bersama Sultan Johor Almutawakkil Iskandar dan Permalsuri Baginda pada 11 Mei 1989 mengingati lahirnya UMNO.



Isti'adat bersejarah, menurunkan bendera Union Jack di Padang Selangor Kelab pada tengah malam 30 Ogos, 1957.




Bendera UMNO yang baru dikibarkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada 11 Mei, 1989 di hadapan Istana Besar, Johor Bahru.



Antara perwakilan pertubuhan Melayu Se Melayu yang menghadiri Kongres Pertubuhan Melayu Pertama, mengabdiikan kenangan di hadapan Bangunan Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur pada 1-4 Mac 1946.



Perwakilan Kongres Pertubuhan-Pertubuhan Melayu Ke 3 bergambar kenangan dengan Almarhum Sultan Ismail Johor (sebelumnya Tunku Mahkota Johor) di Istana Besar Johor Bahru pada 11.5.46.



Perwakilan Kongres Melayu Se Malaya ke 3 pada 11 Mei 1946 bergambar kenangan di Tangga Istana Besar, Johor Bahru. Kehilatan juga Almarhum Sultan Ismail (sebelum Tunku Mahkota Johor)



Ahli-ahli Jawatankuasa sambutan Kongres Pertubuhan-Pertubuhan Melayu mengabadikan kenangan di Tangga Istana Besar Johor Bahru pada 11.5.46. Tenaga mereka yang melancarkan urusan kejahiran UMNO.



Almarhum Sultan Abu Bakar (Johor). Raja yang berjiwa rakyat.

7

SULTAN YANG MENDERHAKA?

"Dia (**Raja Salleh**) mempunyai '*kecacatan*' sejak mula dilahirkan lagi, lebih dahsyat lagi '*kecacatan*' itu, kerana secara moral, secara keperluan, secara matlamat, dia mendesak dirinya untuk menjadi orang Inggeris... Oleh kerana dia tidak sesuai untuk dijadikan seorang raja Melayu..., dan secara semula jadi tak boleh jadi orang Inggeris... - (*jadilah ia*) seorang yang terlantar, terbuang, serta tidak termasuk dalam golongan masyarakat."

Hugh Clifford
SALEH A PRINCE OF MALAYA.

Jalal Al-e Ahmad membandingkan bangsa Iran dengan 'burung gagak' dalam kisah sufi, karya Jalaluddin Rumi dimana burung gagak melihat seekor *ayam hutan* berjalan-jalan. Gagak tersebut yang kagum dengan keindahan *ayam hutan* itu berjalan maka dia pun cuba meniru. Kerana terlalu lama meniru gaya *ayam hutan* berjalan gagak lupa bagaimana gagak berjalan dengan sebenarnya, namun tidak pula berjalan dengan betul seperti *ayam hutan*.

Cerita yang diceritakan oleh Jalaluddin Rumi dan kemudian diceritakan pula oleh Jalal Al-e Ahmad penulis dari Iran yang karyanya dibaca oleh para intelektual dari orang-orang kiri yang berpendidikan barat hingga ke kaum *talabeh* tua dari Qum ini adalah lebih kurang sama dengan cerita **Raja Salleh** yang saya petik di atas.

Pengarang dan penerbit buku ini nampaknya sengaja nak mempermain dan memperbodohkan raja-raja Melayu dalam novelnya '**A Prince of Malaya**'. Buku ini buku lama, saja diterbitkan semula pada tahun 1989 seperti ada motif untuk memburukkan seorang anak raja dari Perak yang bernama Raja Alang. Tujuan saya mendedahkan tentang penerbitan buku ini dan isian kandungannya, bukanlah untuk menggesa sesiapa atau manapun pihak pun supaya mengharamkan buku tersebut tetapi sekadar untuk mengingatkan pihak tertentu. Kenapakah di ketika seorang anak raja Perak dilantik menjadi Agong buku ini disebarluaskan padahal ketika mula-mula diterbitkan dalam tahun 1926 oleh **Harper & Brothers, New York** dengan judul asalnya '**A Prince of Malaya**', ia bukanlah merupakan satu novel yang popular. Satu perkara lagi yang menjadi tanda soal ialah mengapa edisi tahun 1989 ini, iaitu edisi pertama dalam kulit nipis diberikan judul '**Saleh A Prince of Malaya**'. Kita tahu ramai orang barat yang mengerti bahawa perkataan '**saleh**' itu membawa pengertian seseorang yang sentiasa bertaqwa kepada Allah s.w.t. Maka tidak hairanlah bila **J.M. Gullick** menulis kata-kata ini dalam mukadimah buku tersebut.

"The book presents Islam in a low key."

"Buku ini memaparkan agama Islam di tahap yang rendah."

Saya juga merasa pelik kerana tak ada pun orang Melayu bertindak terhadap novel yang dikarang oleh **Hugh Clifford** in Sepatuunya orang Melayu berbuat sesuatu kerana **Clifford** dalam novel '**Saleh A Prince of Malaya**' itu telah sengaja cuba mempersendakan agama Islam dan menghina raja kita. Apakah orang Melayu tidak sensitif kepada benda-benda yang semacam ini?

Pengarang buku '**Saleh A Prince of Malaya**', **Hugh Clifford** telah buat pertama kalinya datang ke Malaya dalam tahun 1883. Dia pernah menjadi pegawai penjajah dan menjawat jawatan Govenor. Beliau adalah seorang sahabat kepada Almarhum **Sultan Abu Bakar**, Sultan dan Yang DiPertuan bagi negeri osman jajahan takluk Johor Darul Takzim yang pertama. Beliau yang tahu bahawa **Sultan Abu Bakar** dan beberapa orang menteri osman menuntut di sekolah **Revd Benjamin Keasberry** di Singapura

sedar bahawa Sultan Johor adalah seorang yang bijak dan tidak seperti sultan-sultan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu ketika itu.

Maka dengan itu Clifford mengadakan satu watak **Raja Saleh** yang berasal dari Perak. Dalam mukadimmah kepada buku tersebut, cetakan tahun 1989, J.M. Gullick juga menulis:

"To the colonial regime, the denationalised Malay is the devil, a problem not a partner in their work."

"Kepada penjajah, orang Melayu yang tak berjiwa nasionalis tak ubah seperti hantu, lebih banyak menimbulkan masalah dari menjadi seorang teman kerja".

Clifford tahu bahawa, siapa orang Melayu sebenarnya. Mat Salleh ini kenal benar dengan dua jenis orang Melayu yang masih hidup di negeri yang sedang dijajah oleh datuk neneknya. Dia bekerja di Tanah Melayu. Dia lama tinggal di Perak, bercampur gaul dengan semua peringkat orang Melayu. Dia dapat membezakan yang mana Melayu Islam, dan yang mana satu yang macam burung gagak yang mahu jadi **ayam hutan**.

British bangga kerana apa yang telah mereka cita-citakan telah berjaya. Sebenarnya Inggeris terlupa bahawa mereka sendiri yang dipermainkan oleh iblis seperti janji iblis pada Tuhan dalam surah Al-Hijrah:39-40.

"Wahai Tuhan! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam a.s dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya kecuali di antara zuriat-zuriat Adam a.s itu hamba-hambaMu yang dibersihkan daripada sebarang Syirik."

Orang Inggeris pun macam kita juga, mereka manusia. Mereka pun mudah dipengaruhi oleh Iblis. Iblis telah pengaruhi mereka menyuruh mereka merosakkan umat manusia, tapi akhirnya bangsa mereka turut rosak sama. Mereka sudah kehilangan empire mereka. Negeri mereka kini dalam keadaan yang tidak menentu. Segala bala dari perbuatan mereka di masa dulu kini mula menimpa anak cucu mereka. Mereka tak dapat menahan kebangkitan Islam yang sudah menembusi masyarakat mereka.

Sesungguhnya kebangkitan Islam ini ibarat sebuah lubang kec pada lantai sebuah kapal yang besar.

Kalau dulu, kita saja yang membeli barang-barang dari mereka kini kereta-kereta buatan England susah untuk didapati dalam negeri kita. Kita bukan saja sudah berjaya menggunakan kereta sendiri tapi kini Proton Saga kita sudah beredar di negara yang pernah menjajah kita.

Tunggulah masanya, insyaAllah. Kalau Proton Saga kita boleh terlepas masuk ke Britain, bangsa kita juga akan dapat menjajah mereka satu hari nanti. Hidup ini seperti roda, di situ letaknya kebesaran dan keadilan Tuhan. Sekarang ini bangsa kita sudah boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa mereka. Lagipun sekarang sudah ada seorang anak Melayu Johor yang telah terpilih menjadi datuk Bandar Winsford, di England. Tahniah kepada Encik Mohamad Aris. Kita bangsa kita sedang membangun, sedangkan bangsa mereka sudah sampai ke kemuncak untuk turun seperti bunga yang sudah layu.

Bila lagi penulis-penulis dan para sasterawan Melayu hendak menghasilkan sesuatu untuk meninggikan mutu penulisan dan karya mereka. Para sasterawan dan penulis terkemuka Inggeris sudah pun berbuat demikian. Hingga ke hari ini pun kita masih disogokkan dengan buku-buku lama mereka mengenai keburukan budaya dan kelemahan bangsa Melayu. Dan hingga ke hari pun bekas penjajah masih memberikan gambaran yang menunjukkan betapa hinanya **bangsa Melayu** di mata Inggeris. Dan sasterawan Melayu pun dalam novel-novel besar mereka masih menonjolkan sifat primitif dan inferior Melayu.

Di England hari ini penulis-penulis seperti V.S. Naipul, Salman Rushdie, kedua-duanya berasal dari India, telah menjadi heros dari orang putih sendiri. Tapi orang Melayu yang menguasai bahasa Inggeris sejak berzaman lagi masih tetap juga membenci. Apakah mereka telah lupa, kalau tidak kerana kekejaman dan kezaliman serta sikap yang tidak berperikemanusiaan orang Inggeris yang menjajah Tanah Melayu di zaman penjajahan dulu, sudah tentu Datuk Maharajalela tidak bertindak unmenamatkan riwayat Birch demikian rupa? Peristiwa membuktikan bahawa orang Melayu yang berjiwa nasionalis akan berdiam membiarkan Inggeris yang dianggap '**The Aggressors**' membuat sesuka hati mereka. Penjajah mesti diajar. Sebaliknya telah membuktikan betapa berani dan nekadnya orang Melayu.

Tapi keberanian ini tenggelam begitu sahaja tanpa adanya penulis yang berani.

Kenapa seorang **Pahlawan**, seorang **Panglima** yang mempertahankan hak dan maruah bangsanya mesti dibiarkan dengan gelaran **pembunuh** dan **penderhaka**?... Kenapa? Bila lagi para sasterawan, novelis dan cerpenis yang terkemuka mahu menentang gambaran buruk ini agar anak cucu penjajah ini tahu, siapa kita dan siapa mereka? Bila lagi nak kita buktikan pada mereka, bahawa pena itu lebih tajam dari mata pedang? Kiranya Datuk Maharajalela dan pahlawan Melayu ketika itu gagal untuk mengajar Inggeris dengan senjata tombak dan keris, kita harus menebus maruah bangsa dengan mata pena. Perjuangan Datuk Maharajalela masih belum selesai. Sasterawan dan para pengusaha Melayu di bidang ekonomilah yang mesti meneruskan perjuangan kita ini.

Kita sedar orang Melayu **Perak** di zaman itu, tak berani bersama-sama raja yang dibuang negeri oleh Inggeris kerana mereka miskin, mereka buta huruf dan tidak berilmu. Biarpun mereka tahu adalah menjadi hak Sultan Abdullah mempertahankan maruah dan kedudukannya. Sepatutnya rakyat mesti bangkit dan bersama-sama menentang kerajaan Inggeris. Tapi kerana mereka tak bersatu, tak punyai pemimpin maka mereka mudah dilemah dan dihancurkan. Apakah itu tidak cukup untuk dijadikan tauladan? Apakah orang-orang Melayu di Perak hari ini bersatu untuk menebus kembali maruah mereka? Apakah mereka sudah sedar dan insaf? Apakah mereka sudah belajar dari sejarah bahawa kerana orang Melayu berpecah belahlah maka bangsa Inggeris boleh menjajah dan mengekalkan kebodohan dan kemiskinan mereka?

Padahal hari ini dengan kebodohan yang semacam itu orang-orang kampung terus hidup dalam kemiskinan. Para cendekiawan, usahawan, para menteri dan raja-raja hidup dalam kesenangan dan kemewahan. Undi-undi orang Melayu yang miskin inilah yang menyebabkan ada orang Melayu yang jadi pemimpin, ahli perniagaan dan sebagainya. Tapi mengapakah mereka tidak pernah menikmati kekayaan ini? Namun Kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu tetap kekal hingga ke hari ini.

Undi-undi orang Melayu yang hidup mewah tak punyai erti apa-apa, tak akan dapat ambil kembali kerusi-kerusi yang sudah terlepas ke tangan pembangkang.

Apakah mereka yang mahu memboroskan wang rakyat

dengan berbelanja sesuka hati mengikut nafsu pernah terfikir yang hidup rakyat masih terus menderita? Bagaimana kalau orang-orang Melayu di kampong tidak lagi mahu memberikan undi kerana kesilapan pemimpin tidak menyekat orang-orang tertentu yang membazirkan wang dari keringat rakyat?

Sampai hari ini nampaknya bangsa Melayu masih takut menulis sejarah yang sebenarnya. Mereka masih takut untuk menonjolkan fakta sejarah bahawa orang-orang Melayu yang menentang Inggeris di zaman penjajahan Inggeris dulu adalah sebenarnya pahlawan bangsa. Inilah yang sepatutnya dibual oleh cerdik pandai kita hari ini. Mereka sepatutnya menulis sejarah dengan kesedaran supaya jiwa yang tertekan dan tertindih dapat hidup semula. Walaupun sudah lebih 30 tahun merdeka, ramai yang masih berjiwa hamba kerana tidak ada yang berani membuka mata mereka.

Kenapa mereka tak boleh labelkan Inggeris sebagai **Penyamun, lanun ataupun penyangak**? Dan mereka tidak melabelkan siapa saja yang bersubahat dengan Inggeris sebagai pengkhianat bangsa? Kenapa Inggeris dan boneka-boneka mereka tidak disalahkan? Kenapa kita tidak adakan hari untuk mengingati Datuk Maharajalela dan lain-lain pahlawan Melayu secara besar-besaran? Dan kita tidak menukarkan gambaran bahawa orang yang menjajah bangsa kita itulah yang sebenarnya bersalah? Selagi kita takut mengenali sejarah, selagi kita tak berani berkata benar, selagi itulah kita akan menjadi satu bangsa yang terjajah walaupun pada zahirnya kita sudah merdeka berpuluh-puluh tahun lamanya.

Sejarah mesti ditulis semula mengikut sudut pandangan kita seperti yang telah saya lakukan. Dengan izin Tunku Abdul Rahman saya telah menyatakan bahawa beliau tidak lebih dari seorang **negotiator**. Kalau benar Tunku **Bapa Kemerdekaan** yang tulen, seorang nasionalis kenapa Tunku menentang kerajaan yang dipimpin oleh seorang nasionalis seperti Mahathir? Selagi kita belum bangkitkan mereka yang masih tertidur selama itu sekumpulan gagak yang nak jadi **ayam hutun** ini tidak akan berubah. Bukan mudah hendak memperbaiki kecacatan melainkan dengan berusaha memulihkan kecacatan. Kecacatan ini bukanlah sebarang kecacatan melainkan **kecacatan iman**.

Bangsa yang hidup akan tetap hidup selama bangsa

itu tidak melupakan jasa pahlawannya....

Pujangga Iqbal

Datuk Maharaja Lela boleh menjadi **tokoh besar**, dipuja dan disanjung oleh Inggeris jika dia mahu tunduk dan terima kedatangan Inggeris, sebagai tuannya. Dia boleh biarkan Residen Inggeris berbuat sesuka hati memperdaya, memperkosa, memperhamba dan memperbodohkan orang Melayu dan menerima Ratu Inggeris yang menjadi Berhala Putih yang besar di England disembah oleh boneka dan patung-patung kecil di dalam negerinya.

Datuk Maharajalela boleh menjadi kaya, boleh senang seperti '**oportunis**' lain atau seperti Raja-raja Melayu dan pahlawan-pahlawan mereka waktu itu, kerana dengan memberikan tuan-tuan ini kedudukan yang tinggi kononnya mereka akan lebih selamat, dan masa depan mereka dilihat sebagai akan lebih terjamin. Apa lagi kalau sanggup hidup seperti gagak yang meniru ayam hutan. Hidup dalam setengah Islam, setengah entah apa-apa sudah pasti terkeluar dari akidah Islam dan tatahidup budaya Melayu sendiri.

Sifat tidak percaya pada diri inilah yang akhirnya membuka pintu kepada kemasukan penjajah Inggeris yang menjadikan jiwa orang Melayu seperti hamba. Mereka tak berani menentang dan melawan kemungkaran kerana pengajian tauhid tak ada dalam diri. Agama Islam diikuti cara undang-undangnya saja tanpa menghayati jiwa Islam dan menjadikan amalan Islam seperti yang diamalkan oleh orang-orang tarikat.

Datuk Maharajalela dan orang-orangnya yang mempunyai ilmu tauhid yang telah mendapat petunjuk dari Allah sudah boleh membuat tafsiran ketika itu bahawa kedatangan **Residen Inggeris** boleh merosakkan kebudayaan kehidupan bangsanya. Ilmu tauhid dan ilmu ketuhanan yang dipelajarinya mengesakan Tuhan dan bahawa hanya Tuhanlah sahaja yang sebenarnya berkuasa. Kezaliman dan kekejaman mesti ditentang. Tak boleh peluk lubuh berdiam diri. Mereka tidak akan membiarkan negeri Perak yang menjadi "lombong emas" untuk mengkayakan lagi England dan dalam waktu yang sama membiarkan Inggeris menghapuskan roh Islam yang ada pada umat Melayu dan menukarkannya dengan budaya kafir yang busuk dan durjana. Inilah yang telah membuatkan ramai orang Melayu cacat. Kecacatan inilah yang masih diwarisi dari Inggeris. Kemudian Inggeris mentertawakan

bangsa kita dalam tulisan-tulisannya, seperti dalam '*Saleh A Prince of Malaya*'.

Bersama orang-orangnya Datuk Maharajalela mencetuskan satu "revolution" di Perak dengan mengisyiharkan perang terhadap British. Dia memulakannya dengan berani, dengan jihad fisabilillah. Dia berani. Tangannya yang mencincang makabahunyalah yang memikul. Manusia yang percayakan Tuhan tidak akan takut menghadapi musuh-musuh Islam biar betap besar sekalipun musuh Allah itu kerana mereka tahu tentangan kebesaran Tuhan. Berjuang untuk menegakkan hukum-hukum Allah adalah jihad fisabilillah dan kiranya kita gugur kita sebagai seorang syahid.

Kerajaan Queen di England terkejut kerana Residennya Birch, telah dibunuh sewaktu menjalankan tugas. Englar sedar Birch seorang yang kasar dan tidak berhati perut tapi dia kerana mahu mempertahankan maruah British dan mampadamkan api revolusi. Datuk Maharajalela terpaksa menjana mangsanya. Bagi saya kekuasaan British, saya anggap berhalu putih cuba mempertahankan berhala-berhala kecil mereka dan dibinasakan. British mesti menghapuskan orang-orang yang memecahkan berhala kecil yang menjadi hantu jembalang. Dan berhala besar di England mesti sentiasa diberi penghormatan oleh orang-orang Melayu.

Datuk Maharajalela dan orang-orangnya dihukum bunuh. telah sekaligus mematikan semangat Melayu untuk menentang Inggeris. Seandainya Datuk Maharajalela seperti Imam Mahdi Sudan dengan pengikutnya yang taat setia dan yang sudah dilatih dalam ilmu tauhid tentu Inggeris tak akan dapat menjana kita. Di sini saya turunkan sebahagian dari kata-kata Queen Victoria semasa kematian hantu jembalang yang dibunuh oleh tentera Al-Mahadi di Sudan.

Cerita ini serta sedutan-sedutannya telah saya petik dari buku *The White Nile*, karya Alan Moorehead.

Pada malam 25 Januari 1885, Al-Mahadi menyeberang sungai Nil dan memberi arahan kepada panglimanya, Al Nujm untuk menyerang. Mereka menyerang sejam sebelum masuk waktu subuh. Di dalam beberapa jam sahaja, British telah dikalahkan. Di dalam perperangan itu, General Gordon telah dibunuh dan satu tikaman leming di atas tangga kediamannya. Empat hari selepas itu, Mahadi memasuki bandar itu dan menjadi imam sembahyang Jumaat di masjid di situ.

Perasaan Queen Victoria telah digambarkan oleh setiausahaannya seperti berikut:

"Queen berada dalam keadaan sebak setelah mendengar kejatuhan Khortoum dan inilah yang menyebabkan dia jatuh gering. Pada masa itu Queen sedang bersedia untuk keluar bila sepucuk telegram sampai ke tangannya. Queen terus memanggil saya. Dengan muka pucat dan menggeletar baginda memberitahu kepada isteri saya yang berada di dalam ketakutan itu, 'sudah terlambat'".

Seterusnya sepucuk surat telah dihantar oleh Queen Victoria kepada adik General Gordon yang berada di Southampton.

"Saya tidak tahu macamana hendak memberitahu kamu tentang apa yang saya rasai sekarang. Dunia merasa malu kerana tidak menyelamatkan abang kamu yang berani, mulia dan terhormat itu yang telah berkhidmat kepada negara dan Queennya dengan jujur berani dan semangat pengorbanan. Inilah yang menyebabkan saya gering".

Puan Gordon telah membalaas surat Queen dengan menyembahkan Bible (Injil yang dipinda) kepunyaan General Gordon. Bible itu telah disimpan di dalam kotak pameran di Windsor Castle. Surat khabar British mula menyiaran buku catatan harian General Gordon dan dijual dengan larisnya. Surat khabar British mula mengapi-apikan kebencian terhadap Islam dan menggambarkan Mahadi sebagai liar, fanatic yang dahagakan darah. Tokoh British yang bersimpati dengan Al Mahadi hanyalah seorang orientalis yang bernama Wilfred Scadmen Bunt yang menentang serangan British ke Sudan. Beliau dengan terang-terang mengkritik General Wolseley dan orangnya serta menganjurkan supaya perjanjian damai hendaklah dibuat dengan Al-Mahadi.

Berbalik kepada cerita British di negara kita, penajah British ini tahu kalau mereka tidak menggunakan hukuman yang paling keras, orang Melayu pasti akan bangun memberontak. Maka itulah sebabnya British dalam waktu yang sama, cepat-cepat tangkap kepala mereka. Mereka tahu Melayu pantang

menderhaka. Orang Melayu tidak ada pemimpin agama seperti di Sudan, maka sebab itulah mereka mendidik ulamak supaya takut dengan kefahaman Mahadi. Tapi biar bagaimanapun mereka tak dapat menahan kelahiran Mahathir. UMNO telah melahirkan seorang pemimpin besar yang bernama Mahathir. Kepada orang Inggeris Mahathir itu adalah Mahadi seperti Mahadi yang telah menamatkan kekuasaan mereka di Sudan. Mereka percaya yang Mahathir itu Mahadi kerana Mahathir telah berjaya membawakan masuk simbol Islam ke dalam Britain. Apakah simbol Islam yang saya maksudkan itu? Cuba lihat lambang kereta nasional kita.

Oleh kerana UMNO jugalah yang telah mendapatkan kembali kedaulatan Melayu dari tangan Inggeris, dan dengan sega-susah payahnya, UMNO juga telah mengembalikan raja-raja Melayu ke tempat asalnya serta tidak dapat kita nafikan bahawa selama ini kerajaan di bawah pimpinan UMNOlah yang telah memberi makan kepada pembesar-pembesar, para mufti dan para ulamak termasuk Tok Penghulu dan orang kampung, maka itulah sebabnya sehingga kini pun agen-agen British masih berikhtiar untuk menghancurkan UMNO dan Mahathir. Sesiah sahaja yang terjerat ke dalam perangkap Inggeris akan terkorban jiwanya.

Itulah sebabnya walaupun sudah 31 tahun menerimai kemerdekaan dari British, namun masih ramai pemimpin Melayu yang jiwa mereka masih belum merdeka, masih cacat, masih tiada kenal diri. Nak kata Melayu, hidup dah banyak sangat Inggerisnya. Islam bukan lagi menjadi akidah hidup. Nak kata Inggeris, kalau tak gunakan sentimen nasionalis orang Melayu tak boleh buat mereka di depan sebagai pemimpin kepada umat Melayu.

Mengapa Datuk Maharajalela sanggup menjadi pembunuhan berani menentang penjajah Inggeris? Kerana beliau tak mungkin jadi ayam hutan, beliau bersyukur sudah dilahirkan jadi gagak-gagaklah. Tak ada mulianya ayam hutan kalau dibandingkan dengan gagak. Cuma manusia yang suka memandang-mandalah apa yang orang lain ada. Apa yang orang lain ada lebih bagus daripada apa yang mereka ada.

Datuk Maharajalela sedar suatu masa kelak bangsa Melayu di Perak akan dijajah dari semua segi, dan tanah airnya akan tergadai. Kekayaan akan terlepas ke tangan asing. Bacaan yang tepat sekali. Perak yang kaya raya sudah jatuh ke tangan kaum pendatang. Orang-orang Melayu di Perak papa di negeri sendiri. Inilah dia yang dimaksudkan oleh Allahyarham Dr. Aminuddin

Baki bila beliau berkata:

Ayam di kepuk mati kelaparan, itik di air mati kehausan.

Alhamdulillah, sejak Datuk Seri Ramli menjadi Menteri Besar, perjuangan Datuk Maharajalela diberi perhatian. Ramli sudah pun memperelokkan pusaranya, meminta sejarahnya ditulis semula. Ramli memastikan rakyat negeri Perak menghargai dan mengenang jasa Datuk Maharajalela. Semangat perjuangan Datuk Maharajalela mesti dihidupkan. Siapakah yang akan jadi Datuk Maharajalela moden? Apakah Ramli sendiri yang akan memulakannya?

Sekiranya Ramli Ngah Talib berani jadi macam Maharajalela dalam waktu yang singkat, Ramli yang menjadi anak buah Datuk Maharajalela yang ada hubungannya dengan Kampung **Pasir Salak** dan daerah **Kampung Gajah** mungkin boleh menjadikan gagak bangga sebagai gagak, tidak lagi mahu meniru ayam hutan berjalan dan dalam waktu yang sama jadi bomoh untuk mengubati kecacatan yang ada pada Raja Salleh.

Kampung Gajah seolah-olah macam belum merdeka, masih gelap dan ketinggalan. Kedatangan Ramli memberi satu sinar kepada orang-orang di kawasan **Pasir Salak**. Kalau dulu mereka bergelap, sekarang cahaya api sudah sampai ke anjung rumah. Tak perlu memasang pelita minyak tanah lagi.

Namun yang lebih penting lagi jiwa dan perasaan yang lebih gelap perlu diterangi. Kesedaran tentang betapa pentingnya mempunyai jiwa yang besar dan berani menentang kemungkaran mesti diberikan kepada seluruh umat Melayu di Negeri Perak.

Orang Melayu di seluruh negeri Perak mesti disedarkan dengan sejarah silam. Mereka mesti diingatkan betapa buruknya budaya yang dibawa oleh Inggeris yang menjadi ikut-ikutan oleh orang Melayu sehingga ke hari ini. Jiwa orang Melayu Perak tenggelam selepas matinya Datuk Maharajalela dan Sultan Abdullah di buang negeri. Walaupun ia timbul beberapa kali dalam kebangkitan kemerdekaan dan sesudahnya, tapi masih juga belum dapat menandingi negeri-negeri lain yang lebih maju di Tanah Melayu. Kenapa?

Saya telah meninjau dunia politik Perak sejak 10 tahun yang lalu, sejak Datuk Seri Ramli menjadi Menteri Besar. Mulanya saya fikir, anak kampung ini tentu mempunyai semangat yang tinggi untuk membantu bangsanya. Maklumlah dia dibesarkan di kampung, terpaksa melihat kemiskinan kerana keluarga adalah dari kalangan yang miskin. Tapi kemiskinan ekonominya tidak

begitu penting kalau dibandingkan dengan kemiskinan jiwa yang sudah lama tertindas oleh anasir yang ditinggalkan oleh penjajah.

Saya mula menulis mengenai Ramli dalam buku saya **TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA**. Saya samakan Ramli dengan P. Ramlee kerana pandai menyanyi. Saya kenal Ramli di padang bola. Saya tahu ada sesuatu yang tersembunyi di dalam jiwa Ramli.

Sejarah menunjukkan bahawa keluarga yang miskin belum tentu dapat menyedarkan anak-anak tentang erti kemiskinan. Selagi mereka tidak kenal diri, tidak kenal Tuhan sebab itulah ada anak-anak orang miskin yang tidak memahami makna kemiskinan. Kemiskinan buat mereka hanya berbentuk material tapi Ramli nampak lebih dalam dari itu. Mungkin kerana darah kepahlawanan Datuk Maharajalela yang mengalir di dalam tubuh Ramli.

Inilah yang cuba di tonjolkan oleh Ramli. Beliau ingin memperkayakan semangat kepahlawanan dalam dada anak-anak Perak. Sayangnya ramai yang tak mengerti mesej yang nak disampaikan. Ramli tersepit antara raja dan rakyat. Ramli tersebut dalam perebutan kuasa orang politik dalam parti yang sama Ramli hampir-hampir tenggelam. Apakah Perak terlalu besar baginya?

'Mountains and rivers are no barriers to the birds that has wings.'

Confucius.

Amanat Almarhum Sultan Perak yang berkehendakan seorang Menteri Besar berkelulusan untuk mentadbir Perak nampaknya dimakbulkan. Tentulah Ramli tidak mahu sia-siakan permintaan rajanya. Tentu ada sebab mengapa Sultan Idris mahu seorang menteri berpelajaran tinggi. Mungkin baginda sudah dapat melihat kedatangan Sultan Azlan Shah sebagai penggantinya.

Baginda Sultan ketika itu iaitu Sultan Idris tidak senang dengan Tan Sri Ghazali Jawi. Krisis antara Sultan dan Tan Sri Ghazali berakhir dengan Tan Sri Ghazali dibawa ke pusat dan kemudian dihantar ke luar negeri sebagai seorang Duta. Tamat krisis seketika tetapi krisis itu nampaknya tidak juga reda. Pihak Istana kurang senang dengan pentadbiran Datuk Seri Wira Mohamad. Berita ini menggembirakan sesetengah pihak yang berusaha untuk melobi agar mereka pula dilantik menjadi Menteri Besar.

Tuanku tetap dengan pendirian baginda bahawa baginda mahukan Menteri Besar itu.... "**Saya mahu Menteri Besar orang yang berpelajaran tinggi dan bertanggungjawab....**".

Sultan dapat seorang yang berpelajaran tinggi tapi tanggungjawabnya untuk siapa, untuk negeri atau untuk raja? Memang mudah menyalahkan Menteri Besar. Kenapa tak buat itu dan tak buat ini? Tahukah rakyat problem yang terpaksa di tanggung oleh Menteri Besar. Sama ada Menteri Besar Perak atau lain-lain Menteri Besar di Tanah Melayu yang mempunyai raja. Tanyalah menteri-menteri besar, mudah ke nak mengikut telunjuk raja?

Problem pertama yang mesti dihadapi oleh para Menteri Besar ialah problem dengan **istana**. '**Kerja raja dijunjung, kerja rakyat dikelek**' Raja mesti dapat apa yang mereka hajatkan atau hajat di hati para kerabat yang terpenting. Sekiranya tak dapat nanti raja murka. Penyakit raja-raja mereka ini rakyat tak tahu. Menteri Besar-Menteri Besar tahu, nak cerita tak berani tapi dengan saya mereka mengadu nasib dan mengadu hal juga.

Kerja rakyat boleh tunggu dan tangguh. Rakyat tak pandai berbelanja macam raja, tak pandai minta benda yang besar-besar yang susah nak dilayan.

Ramli cuba menaikkan imej UMNO Perak. Kalau dulu Perak hanya jadi tempat tokoh-tokoh UMNO meminta simpati tapi hari ini Perak menjadi satu "force" yang diakui oleh semua. Bagi menaikkan imej Perak, Ramli mengambil inisiatif untuk bertanding salah satu jawatan Naib Presiden UMNO pada tahun 1987. Dia kalah dalam pemilihan itu tapi berjaya membuka mata perwakilan dari lain-lain negeri.

Nasib Ramli nak jadi macam sandwichs, nak buat macam mana. Masa pemilihan tahun 1987 Ramli tersepit antara Team A dan B, '**ditelan mati emak, diluah mati bapak**'. Bagaimana Ramli nak keluarkan diri dari situasi begini.

Perak sudah tak jadi tempat menakah bagi tokoh-tokoh lain. Mokhtar Petah yang menulis di dalam majalah ERA yang diterbitkan pada 7 Disember, 1985, menyedari hakikat ini bila beliau antara lain menulis:

"UMNO Perak adalah satu-satunya pertubuhan peringkat negeri yang menjadi 'anak tangga menakah' bagi pemimpin-pemimpin UMNO dari negeri-negeri lain untuk memanjat ke Majlis Tertinggi. Tetapi ia

sendiri berasasib ‘paling malang’ jika dibandingkan dengan UMNO negeri-negeri lain.”

Perak masih mampu melahirkan tokoh-tokoh besar. Rama tokoh-tokoh di negeri kaya dengan bijih itu boleh muncul sebagai tokoh-tokoh yang disegani dan Ramli telah memulakan era baru ini dengan penuh pancaroba, penuh onak dan duri.

Ini sejajar dengan sejarah politik Perak itu sendiri. Barangkali setengah daripada kita hanya tahu UMNO lahir di Istana Besar Johor pada 11 Mei, 1946. Kerana fakta sejarah ini maka Johor dianggap sebagai negeri yang bersejarah dan secara kebetulan di Johor pula lahirnya ramai tokoh-tokoh besar seperti Dato Onn Jaafar, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Ismail, dan lain-lain lagi. Tetapi apa yang kurang diketahui ialah UMNO Perak telah menjadi tuan rumah perhimpunan tahunan UMNO Malaya pada 11 dan 12 Mac dan pada 29 dan 30 Jun, 1946.

Persidangan pertama itu yang dirasmikan oleh Almarhum Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz telah membincangkan antara lain mengenai rangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan termasuklah menentukan corak bendera UMNO.

Tetapi sejarah itu seperti tersisih dari liputan sejarah kerana tokoh-tokoh yang ada di Perak tidak cuba menonjolkan diri, tidak cuba menggunakan kekuatan untuk menuntut yang hak. Kenapa ini boleh berlaku, penganalisa politik dan penulis-penulis besar dari Perak yang mesti menjawabnya.

Selama ini Perak hanya melahirkan Timbalan Menteri, jawata Menteri diberikan kepada Gerakan, MCA dan MIC. Datin Paduk Rafidah Aziz walaupun orang Perak tetapi ia tetap dianggap orang luar. Kenapa dan mengapa? Biarlah orang Perak yang menjawabnya.

Memang seronok untuk duduk menjadi Menteri Besar. Agaknya. Tidak ada siapa boleh kawal, boleh arah melainkan dirinya sendiri. Takkalah Kuala Lumpur hendak mengarahnya dari masa ke semasa, lagipun pihak Kuala Lumpur begitu sibuk dengan berbagai urusan. Tapi Ramli tidak gunakan kesempatan untuk menonjolkan imejnya. Ia macam lain-lain Menteri Besar mentadbir negeri masing-masing sejajar dengan vision Perdana Menteri. Sebab itu Ramli mahu duduk di Perak sepenggal dan lagi untuk memastikan segala rancangan membantu orang Melayu Perak mencapai matlamat... Akan berjaya Ramli? Sepatutnya beliau mesti berjaya kalau beliau ber-

menggunakan kuasa eksekutif yang ada di tangan, kalau beliau berani jadi macam Datuknya Datuk Maharajalela. Kalau tidak, mustahil seorang pejuang berani berdepan dengan 'Lord President' yang sudah jadi raja.

Saya teringatkan kata-kata Ramli kepada seorang wartawan bila ditanya samada dia suka duduk di Ipoh selaku Menteri Besar ataupun pergi ke pusat.

"Saya ambil tugas sekarang ini di pertengahan jalan. Kalau direstui oleh pucuk pimpinan, saya hendak sedikit masa untuk menyempurnakan projek-projek yang baru dimulakan untuk negeri Perak."

Kenyataan itu dibuat di akhir tahun 1985, bermakna sudah figa tahun lebih masa itu diberikan untuk dia membangunkan negeri Perak. Tetapi Perak tidak boleh dimajukan di dalam tempoh tiga tahun dan banyak sangat orang yang mesti dijaga dan di turuti kemahuan-kemahuan mereka.

Kebanyakan yang membaca perihal kehebatan Datuk Seri Ramli mendapati beliau seorang tokoh yang berkebolehan. Maklumlah beliau merupakan seorang peguam yang pertama dipilih menjadi Menteri Besar. Sudah tentulah dengan latar belakang di bidang guaman, rakyat mengharapkan beliau menjadi seorang yang bersih dan adil. Pertimbangan ini berasaskan pengalaman-pengalaman yang terdahulu daripada ini kerana rakyat tahu satu perkara yang amat susah ialah untuk jadi Menteri Besar yang teguh dan adil. Ini kerana sampah sarap di sawang sukar untuk dibersihkan. Dacing sebagai lambang Barisan Nasional, ada masanya cuma menjadi lambang saja seperti juga keris yang jadi lambang UMNO.

Perak yang kaya dengan bijih timah namun orang Melayu tidak pernah dapat nikmat. Orang-orang Melayu yang dari dulu bertani, tidak pernah menikmati habuan hasil bijih dan lain-lain kekayaan yang sepatutnya diagihkan kepada orang Melayu sepetimana yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru. Kenapa?

Yang kaya dan terus hidup bermewah ialah orang-orang keturunan Cina. Sesetengah daripada mereka bertutur bahasa Melayu pun masih pelat. Perkataan Melayu 'Datuk' pun disebut 'Latuk'. Susahnya macam nak makan pil kuinin. Pahit hendak ditelan tapi mereka mendapat anugerah Datuk. Ramai Latuk-

Latuk yang lebih banyak mematuk dari duduk melentuk. Mereka inilah yang menjadi kaya raya, hidup mewah. Setiap tahun mereka melancung ke Hong Kong, membeli rumah di London. Menghantar anak-anak ke Eropah, belajar di New York. Orang Melayu di Perak tengok saja.

Kekayaan bumi Perak yang mereka perolehi digunakan untuk kepentingan keluarga dan diri.

Patutlah orang UMNO yang sudah celik mula merebut segala macam peluang dengan lobanya. Akhirnya Ramli juga yang pening kepala.

Apakah yang dibuat oleh Menteri Besar yang berkelulusan LLB ini untuk memperseimbangkan keadaan agar orang-orang Melayu yang berpuluhan-puluhan tahun bercucuk tanam dapat juga menjadi towkeh lombong. Orang-orang Perak pun nak juga merasa habuan hasil bijih,kekayaan di bumi Perak kerana kekayaan itu untuk semua. Tan Seri Ramli tentu mempunya rancangan tersendiri dan semoga rancangan beliau itu akan membawa hasil yang menguntungkan orang-orang Melayu.

Sekiranya tokoh-tokoh dihijrahkan ke Pusat untuk memulakan hidup baru kerana rajanya sudah jadi Yang DiPertuan Agung bagaimana pula nanti anak-anak Melayu Perak yang berlumpur yang mengharapkan sesuap nasi hasil pohon kelapa, buah-buahan dan juga padi.

Bolehkah Perak berubah wajah bila Rajanya bekas Lord President sudah jadi Raja yang kesembilan?

Semakin hari tanah semakin kekurangan. Tanah-tanah yang terletak di kawasan bandar sudah terlepas ke tangan orang lain. Projek-projek rumah tumbuh macam cendawan, akhirnya Perak akan jadi macam Pulau Pinang. Bandar Ipoh yang baru saja diisytiharkan Bandaraya sudahpun nampak ala Hong Kong. Lihat saja papan tanda serta penghuni di bandaraya itu. Sudah tidak ada muka-muka sawo matang yang membuka perniagaan. Inilah cabaran yang menghantui Ramli. Tak mudah untuk tidak menyenyak tanpa memikirkan masa depan anak-anak pribumi. Ramli patut ajukan masalah ini kepada rajanya agar penderitaan umat Melayu Perak dipertanggungjawabkan bersama dengan raja yang menjadi payung rakyat.

Lima tahun jadi Duli Yang DiPertuan Agong adalah waktu yang singkat tapi kalau mahu buat tentu ada jalan. '**Where there is a will there is a way**'

Barangkali kalau menteri-menteri besar yang lalu tak banya

berjasa, tentulah tak perlu bimbang. Tak perlu merasa gusar. Ini kerana mereka tidak berkelulusan seperti Datuk Seri Ramli. Tapi Ramli tak boleh rileks, bimbang matlamat yang hendak dituju tak kecapaian. Begitu juga dengan raja-raja sebelum Sultan Azlan Shah, tidak searif, tidak sebijak dan tidak setinggi pelajaran seperti Sultan Azlan Shah.

Tapi jika kita lihat rekod performance beliau nyatalah ianya amat meleset sekali. Ramli mesti bertekad, *do or die*. Ramli masih muda, peluang untuk kerusi orang nombor tiga ada tapi mesti buktikan kemampuannya. Jangan pula buat sesuatu yang boleh memalukan.

Sepatutnya semangat Datuk Maharajalela yang mengalir di Perak mesti sentiasa membawa dalam diri Ramli. Sekadar meneruskan apa yang telah dibuat oleh Menteri-menteri Besar yang lain menunjukkan prestasi yang tidak cekap. Ramli mesti bertanding dengan Mohamad Taib di Selangor dan Muhyiddin di Johor.

Saya teringatkan bekas Menteri Besar Datuk Sri Ahmad Said. Beliau ialah Menteri Besar ketiga selepas merdeka. Dari segi latar belakang, Datuk Seri Ahmad adalah orang kebanyakan, macam juga Ramli. Beliau pernah bekerja sebagai pemandu enjin letrik, sebelum itu peniaga kedai runcit dan peniaga getah. Beliau bertanding di dalam pilihanraya pertama dan memenanginya. Dalam tahun 1957, beliau dilantik menjadi EXCO. Memanglah ketokohannya tidak macam Datuk Seri Ramli. Tapi dari beberapa aspek, Perak turut membangun dengan pesat. Menurut seorang penulis di dalam sebuah akhbar harian pada tahun 1977, Perak mengalami pembangunan yang hebat di zaman Datuk Seri Ahmad menjadi Menteri Besar. Kata penulis itu lagi:

"Perak mengalami zaman pembangunannya yang lancar disamping menyambung semula usaha-usaha Menteri Besar Pertama dahulu."

Barangkali nasib Datuk Seri Ahmad kurang baik. Jiwanya besar tapi bintangnya agak malap.

Menurut penulis yang sama lagi Datuk Seri Ahmad menitik beratkan penglibatan kaum Melayu di semua aspek. Di bidang ekonomi amat beliau titikberatkan.

Penulis itu berkata:

"Di samping itu Datuk Seri Ahmad banyak menggalakan kaum bumiputra menceburkan diri dalam sebarang bidang yang dilancarkan oleh kerajaan. Beliau juga banyak memberi peluang kepada orang-orang Melayu menceburkan diri dalam bidang pembalakan dan perlombongan, sehingga ketika itu timbulnya penyakit orang-orang Melayu nak jadi taukeh itu dan ini".

Penubuhan Syarikat Gula Perak di Pantai Remis turut diwujudkan semasa Datuk Seri Ahmad menjadi Menteri Besar, Rancangan tanah FELDA Perlop yang melibatkan kawasan seluas 18,000 ekar turut dilancarkan.

Seperti yang kita sebut di awal tadi, walaupun jiwanya besar, semangat ingin membantu bangsa Melayu menebal di jiwa Melayunya, bintang politiknya agak gelap.

Sebaik saja memenangi pilihanraya 1969, Datuk Seri Ahmad dihadapkan ke mahkamah kerana kes rasuah. Beliau dikatakan memiliki harta terutama di dalam Syarikat Permodalan Perak. Walaupun kes ini tidak dibicarakan lagi mahkamah telah memerintah agar hartanya dirampas. Kira-kira \$300,000 telah diserahkan semula kepada mahkamah. Datuk Seri Ahmad pernah memberitahu seorang penulis bahawa beliau telah terlebih dahulu menyerahkan hartanya kepada mahkamah, lepas itu barulah diisyiharkan hukuman rampas. Menurut beliau, Tun Abdul Razak telah berjanji bahawa perkara ini tidak akan dimuatkan oleh pihak media massa, tetapi malangnya perkara itu disiarkan juga. Akibat daripada kes ini imejnya selaku seorang Menteri Besar tercemar.

Walau bagaimanapun jasanya tetap dikenang.

Seorang wartawan yang sekarang menjadi penulis, Mokhtar Petah pernah menulis:

"Kawan dan lawan mengenangi jasanya. Dia disifatkan seorang pemimpin peringkat negeri yang banyak memberi bimbingan di bidang ekonomi kepada kaum bumiputra, walaupun di bidang politik ternyata ada kelemahannya."

Tetapi di zaman orang-orang Melayu semakin cerdik, semakin ramai intelektual Melayu mencebur dunia politik, semakin ketar-

kemajuan yang diharap-harapkan tidaklah membanggakan. Masih terdapat krisis seagama kaum intelek.

Walaupun bekas-bekas Menteri Besar tidak cuba groom tokoh-tokoh yang berkaliber untuk mengisi kekosongan, untuk menghadiahkan jawatan-jawatan penting, ini tidak bermakna mereka tidak mahukan para pengganti yang bekaliber.

Saya masih ingat pesan Prof. Madya Dr. Maulud Yusof dalam seminar kepimpinan Melayu di Perak pada tahun 1978, antara lain beliau berkata:

"Dalam kepimpinan orang-orang Melayu pada hari ini, terdapat dua perkembangan iaitu: Pertama ke arah kuantiti dan kedua, perkembangan ke arah kualiti. Mereka yang tergolong dalam golongan pertama adalah mereka yang menonjolkan diri untuk menjadi pemimpin itu dan ini, menyebabkan kita kaya pemimpin tetapi kesan kepimpinannya amat kurang. Mereka yang termasuk ke dalam golongan kualiti adalah mereka yang sanggup berkorban bagi memperjuangkan hak-hak rakyat."

Beliau seterusnya berkata:

"Dalam memperjuangkan sesuatu hak itu biasanya timbulah perkara yang tidak memuaskan hati. Hal ini ketara dalam pembahagian tanah, pembahagian rumah tempat kediaman, pelajaran dan lain-lain lagi di mana kedua-dua golongan ini wujud. Bezanya golongan pertama sekadar melepaskan batuk di tangga tetapi golongan kedua yang sedikit bilangannya sanggup berkorban."

Saya fikir Datuk Seri Ramli tergolong di dalam golongan kedua. Bukti ini sudah ada di depan mata.

Dari aspek pelajaran, dia mungkin dianggap intelektual dan memimpin dari segi kualiti. Mempunyai pelajaran amat penting tapi yang lebih penting ialah menggunakan pelajaran dan ilmu yang dipelajari. Di sini Ramli mesti mengamalkan apa yang telah dipelajari. Di Perak kita bukan saja mempunyai Menteri Besar dari kaum intelek, juga kita mempunyai sejarah yang boleh menjadi panduan kita bersama. Kata orang, dengan mengenal

sejarah maka kita belajar mencari kesalahan untuk memperbaiki masa depan bersama. Terlanjur kita masih bercerita tentang Perak, mari kita kembali kepada cerita Sultan Abdullah yang digelar Sultan derhaka.

Apakah disebabkan Raja Inggeris lebih bijaksana, lebih berkuasa dari Sultan Abdullah, Baginda Sultan kita dicap sebagai derhaka? Kata Almarhum Presiden Sukarno: "**Right or wrong my people, good or bad my country**". Raja dan penentang Inggeris tak salah, yang salah dan penderhaka ialah Inggeris dan talibarutnya. Raja Melayu serta pembesar dan rakyatnya yang terlibat menentang British mesti dianggap pahlawan bangsa. Apakah bezanya antara memberontak dan menderhaka? Masakan ini pun kita tak tahu dan sampai bila kita nak biarkan label derhaka ini terlekat di tubuh Sultan Abdullah?

Orang Melayu Perak khususnya terbayang-bayang di ruangan mata mereka darah merah yang mengalir di **Pasir Salak** dalam perjuangan mempertahankan maruah bangsa. Begitu juga orang Melayu **Sarawak**, mereka yang berjiwa nasionalis akan teringat-ingat bagaimana **Rosli Dhobi** dan **Awang Ramli** dan kawan-kawannya telah mati di tali gantung di dalam penjara. Semata-mata mahu membebaskan negerinya dari cengkaman penjajah. Mereka pahlawan pejuang bangsa, bukan pembunuhan atau penderhaka.

Peristiwa pembunuhan Birch di **Pasir Salak** adalah contoh dan ingatan tentang kepahlawanan Melayu di Negeri Perak yang telah bangun menentang kezaliman pemerintahan penjajah Inggeris semasa pemerintahan Sultan Abdullah (1874-76).

Kerana Orang Melayu tidak bersatu disebabkan jiwa hamba yang ada pada bangsa Melayu ketika itu peristiwa pembunuhan **Residen** Inggeris yang pertama, **J.W.W. Birch**, Sultan Abdullah telah di buang ke **Pulau Seychelles** selama 17 tahun.

Inilah contoh seorang Sultan yang sanggup bersama-sama rakyat. Sultan yang menjadi pegangan rakyat. Sanggup hilang takhta, hilang mahkota, tapi sayang baginda dianggap **penderhaka** dan **pemberontak** penentang **berhala putih** yang pertama bertapak di bumi Melayu. Begitulah berani dan mulianya jiwa seorang raja. Raja yang mesti diberikan sanjungan dan kepujian. Sultan Abdullah patut dijadikan **pahlawan bangsa**.

Penjajah Inggeris pada masa itu sudah menganggap diri mereka sebagai pemerintah Negeri Perak dan Semenanjung Tanah Melayu. Perak merupakan jajahan takluknya. Kedudukan

Sultan ketika itu cuma pada nama saja. Tidak ada kuasa apa-apa. Kalau Sultan berkuasa tentu pembunuhan Birch itu tidak disifatkan oleh mereka sebagai satu pembunuhan manusia oleh manusia tetapi satu perjungan walaupun Inggeris menganggapnya sebagai satu penderhakaan oleh rakyat jajahan takluk kepada Raja Inggeris.

Ratu Victoria di London mahukan orang-orang Melayu yang menentang Inggeris itu mesti dihukum. Termasuk raja mereka sekali. Rakyat pun menerima hukum dan taat. Seandainya di Perak atau di tempat lain di Malaysia ada yang berjiwa seperti Al-Mahadi di Khartum Sudan, pasti Queen Victoria akan mati sakit jiwa.

Orang Inggeris yang kena bunuh cuma seorang sahaja tetapi orang Melayu yang kena hukum tidak kurang dari 14 orang. Ada yang digantung sampai mati, ada yang kena penjara, ada yang tidak dibenarkan tinggal di Negeri Perak dan ada yang dibuang ke Pulau Seychelles bersama Sultan Abdullah.

Waktu itu Islam lemah di Malaysia, maka sebab itulah British berani bermaharajalela kerana ulamak di keliling raja jenis ulamak tembolok, ulamak yang tidak ada maruah dan ulamak yang ilmunya saja banyak, serbannya besar tapi jiwanya kecil dan dayus.

Inggeris sebagai penjajah dan pemerintah menganggap Sultan Abdullah dan para pengikutnya serta orang-orang Melayu Perak yang menentangnya adalah **penderhaka**. Dan ketika itu orang Melayu sangat takut dengan perkataan derhaka, sangat takut pada raja mereka. Cuba raja bimbing dan pimpin rakyatnya jadi berani tentu Perak yang sebesar itu tidak dapat dijajah oleh Inggeris. Kita tinggalkan Birch dan Sultan Abdullah, kita pergi ke Kelantan dan kita bandingkan apa yang sedang berlaku.

Bolehkah Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamad Yaakub, Anuar Musa, Hashim Safin dianggap sebagai **penderhaka**? Mereka dipilih oleh rakyat untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap agama dan negara bila mereka menentang raja yang mahu menghancurkan kuasa rakyat? Pahlawan atau penderhaka?

Pahlawan Melayu di zaman silam telah dikatakan menderhaka kepada mahkota Inggeris. Itu kata Inggeris kerana nak suruh kita taat pada mereka. Tetapi kepada orang-orang Melayu yang berjiwa nasionalis, Datuk Maharajalela adalah pembela bangsa dan tanahair. Beliau adalah pahlawan bangsa. Mereka yang

gugur dan teraniaya serta dizalimi bersama-sama bukan penderhaka. Mereka lebih sesuai dilabelkan sebagai pemberontak. Mereka memberontak terhadap penjajah yang zalim dan yang memandang hina terhadap adat resam dan budaya Melayu Perak.

Mari kita bertanya apakah bezanya antara pahlawan-pahlawan Melayu di **Pasir Salak**, di **Sarawak**, di **Pahang** dengan pejuang-pejuang kemerdekaan dan penentang-penentang penjajah di Asia seperti **Gandhi**, **Nehru**, **Bose**, **Sukarno**, **Hatta**, **Shahrir**, **Rizal**? Perjuangan dan penentangan mereka di luar negara kita banyak tercatat di dalam buku-buku sejarah antarabangsa manakala perjuangan **Datuk Maharaja Lela**, **Datuk Sagor**, **Ngah Ibrahim**, **Pandak Endut** dan **Seputam** di **Pasir Salak** dalam Negeri Perak dan pejuang-pejuang Melayu yang lain seperti **Mat Kilau**, **Datuk Bahaman** dan **Datuk Siamang Gagap**, **Rosli Dhobi**, **Awang Ramli** di Sarawak hanya dapat dibaca dalam buku-buku bahasa Malaysia ataupun sebaris dua di dalam buku bahasa-bahasa lain. Di sinilah lemahnya kepimpinan bangsa Melayu dalam menghargai perjuangan pahlawan mereka.

Sekarang kerajaan Inggeris sendiri memuji **Gandhi** dan **Nehru** sebagai pejuang yang sanggup berkorban kerana bangsa dan tanahair. Belanda memandang tinggi **Sukarno**, **Hatta** dan **Shahrir** sebagai kesatria bangsa yang pantang mundur. Manakala kerajaan Spanyol menyifatkan **Rizal** sebagai pahlawan di Filipina, penuntut kemerdekaan yang gagah dan berani. Kenapa nama-nama seperti **Bahaman**, **Mat Kilau**, **Datuk Maharajalela** tidak disebut sama?

Begitulah pelik dan ganjilnya sejarah. Mereka ini dulu dipenjarakan berulang-ulang kali oleh pemerintah penjajah masing-masing atas tuduhan menjadi penderhaka dan pembelot yang merbahaya tetapi kini kuasa-kuasa penjajah itu sendiri memandang mereka itu sebagai pemberontak dan pahlawan yang perkasa. Apakah tidak mungkin pahlawan kita juga akan mendapat pengiktirafan yang sama, sekiranya kita terlebih dahulu mengiktiraf mereka?

Sesungguhnya, pahlawan-pahlawan Melayu Perak tidak habis di **Pasir Salak** sahaja. Di masa perang dunia yang kedua, tiga orang anak Perak yang berkhidmat dengan Askar Melayu sebagai pegawai telah dibunuh oleh tentera Jepun di Singapura. Mereka ialah kepten Raja Aman Shah, Letenan Ariffin bin Sulaiman dan Letenant Ibraheim bin Sidek. Ketiga-tiga mereka telah ditawa-

oleh Jepun setelah Singapura jatuh ke tangan askar Jepun pada 15 Februari 1942. Tetapi ketiga-tiga mereka itu enggan menyerah diri. Sebagai askar mereka mahu diri mereka dilayan sebagai tawanan perang. Tentera Jepun yang tidak mahu mengendahkan undang-undang antarabangsa mengenai tawanan perang telah mengambil jalan senang dengan menembak mati ketiga-tiga anak Perak itu. Hingga ke akhir hayat ketiga-tiga mereka itu telah membuktikan kepahlawanan mereka dengan tidak rela menyerah diri.

Terlanjur saya menceritakan peristiwa tiga askar Melayu dari Perak, ada baiknya jika saya sebutkan bahawa dari 25 orang pemuda Melayu yang dipilih menjadi ahli Askar Melayu dalam pasukan percubaan (experimental company) dalam tahun 1933 dahulu enam daripadanya ialah anak Melayu Perak. Allahyarham Lettenan Ariffin dan Leftenan Ibrahim adalah dua daripadanya. Seorang lagi ialah Almarhum Raja Lope Nor Rashid, Raja Di Hilir Perak. Yang ketiga lagi ialah Mejah Ismail Tahar, Musa Ismail dan Osman Enggok.

Seorang lagi anak Perak yang telah berperang melawan Jepun dan dianugerahkan bintang Military Cross kerana menunjukkan kepahlawannya di medan pertempuran ialah Leftenan Ibrahim Aladita.

Keperwiraan, kepahlawanan, kegagahan dan keberanian mereka ini patut difikir dan dijadikan tauladan. Bukan seperti cerita Raja Salleh karangan Hugh Clifford yang patut dijadikan sempadan.

Dan bagi mengakhiri bab Sultan Menderhaka ini, sekiranya Tan Sri Ramli merasakan beliau layak dan ada peluang untuk duduk di kerusi nombor dua dan percaya satu hari nanti jika diizinkan Allah, beliau juga layak jadi Perdana Menteri, eloklah berpindah ke pusat. Saya percaya Datuk Dr. Fadzil tidak keberatan dan berupaya untuk mengantikan tempat Tan Sri Ramli sebagai Menteri Besar Perak yang baru.



"O.K. saya mengaku kalah, saya tidak mahu lagi memihak kepada golongan serpihan. Saya juga tidak mahu memihak kepada UMNO. Saya pencepatan politik." Begitulah agaknya kata Tun Hussien Onn. Mana dia tak takut? Di belakang dia ada Tengku Ahmad Rithauddin, Menteri Pertahanan, salah langkah kena bedil.



Menteri Besar Perak Darul Ridzuan Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isterinya Datuk Datil Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah. Sama segak sama bergaya macam pinang dibelah dua. Bertuah sungguh Tan Sri Ramli mendapat seorang keturunan raja menjadi permaisurinya.

WAIA

AKHBAR DINAMIK



BIL: 416 TAHUN KELIMA PP 46/3/88 HARGA 70 SEN SELASA 17 JANUARI 1988

Berjuang bermati-matian

KU LI LAFAZ SUMPAH 46



Bapa Kemerdekaan adalah diantara penyokong Semangat 46 yang mengiringi calon Bebas, Datuk Harun Idris.

AMPANG JAYA: Sumpah Semangat 46 telah berjuang bermati-matian sehingga berjaya menghaguskan kezaliman pihak pemerintah. Sumpah tersebut dilafazkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah di depan penyokong Semangat 46 di Kampung Pandan Sabtu lalu.

Tepukan gemuruh menyambut sumpah tersebut yang bakal dijadikan persai untuk menentang "sanjata-senjata sulit". Barisan Nasional yang akan digunakan terhadap Datuk Harun sepanjang komponi pilihanraya kecil Ampang Jaya.

Oleh: RAHIM TAHIR

Tengku Razaleigh Hamzah mendapat tahu bahwa pihak pemerintah akan melakukan apa saja untuk merewaskan calon bebas Datuk Harun Haji Idris.

Katanya, langkah awal mereka ialah keputusan Majlis Tertinggi UMNO menerima enam resolusi yang dipelaskan oleh Perhimpunan Perpaduan Melayu Johor dan penyartaan lima calon bebas lain dalam pilihanraya ini.

"Ottakdirkan kerana putarbelit politik dan ugutan serta budaya samseng yang akan di-

bawa ke Ampang Jaya umpamanya, diri tiba Datuk Harun kalah. Tidak bererti ketika nyerah kalah, 'ujamya'.

Tengku Razaleigh berkata, selagi orang ini tidak mengintai perburuan mereka selama duah Angkatan Semangat 46 ber sumpah akan berjuang sehingga mencapai kejayaan.

"Mereka ini menjadi punca berbulu-bulu rakyat yang tidak berdosa menjadi mangsa politik cantas, katanya.

LIHAT MUKA 2

Gagal hadir sidang lebih enam bulan

P/RAYA 14 DUN KELANTAN



HAJI HUSSEIN MAHMOOD

Dien

SHAHBU DIN HAJI HUSIN

KOTA KHARU: Empat belas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang gagal hadir ke Persidangan Dewan Negeri, 11 Mac lalu mungkin terpaksa mengosongkan kerusi masing-masing kerana meninggalkan dewan lebih enam bulan.

Pelara 38 Perlembagaan Negeri memperuntukkan bahawa seseorang ahli dewan yang meninggalkan dewan tanpa sebaik atau tanpa maklumat atau lebih dari enam bulan terpaksa mengosongkan kerusi mereka.

Kasihan ini mungkin akan memaksa calon pilihannya kecil diadakan secara se-huruf di 14 kawasan itu.

Sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan berakhir pada 15 Oktober 1986, manakala sidang akan datang dilakukan bulan Julai depan.

Ini bermakna mana-mana ahli dewan yang tidak hadir pada sidang 11 Mac lalu, bermakna meninggalkan dewan lebih lapan bulan sedangkan tempoh perlumbagaan negerti membolehkan seseorang itu tidak hadir tanpa sebab tidak melebihi jangka masa enam bulan.

Dalam sidang pada 11 Mac lalu, 14 ahli dewan iaitu 10 dan Pas, 3 dari Semangat '46 dan 1 dari Hamim, tidak hadir kerana menghadiri pelancaran Muzakarah Islamiah oleh Sultan Kelantan di Bangunan Balai Islam.

Bagaimanapun, akibat ketidakhadiran

itu menyebabkan tidak ada soalan-soalan dan sidang yang dijadualkan berlangsung selama dua hari diselesaikan selama 45 minit sahaja.

Speaker DUN, Haji Hussein Mahmood ketika dihubungi mengesahkan peruntukan mengenai perkara itu terdapat dalam perlumbagaan negeri Kelantan.

Beliau enggan mengulas lebih lanjut mengenainya kerana menuruhnya, peruntukan yang terdapat dalam perlumbagaan negeri itu sudah jelas.

Tetapi ketika ditanya adakah 14 ahli dewan yang tidak hadir itu sengaja berbuat demikian untuk memaksa kerajaan mengadakan pilihanraya kecil, Haji Hussein berkata, beliau tidak tahu-mahu mengenai rancangan itu.

PERTAHANKAN INSTITUSI RAJA

Oleh: SAMSURY MAMAT

KUALA TERANGGANU: Tengku Seri Paduka Raja, Tengku Ibrahim Ismail, mengesahkan, kumpulan Semangat 46 akan mendukung keserasiaan penglibutan menjunjung tinggi Institusi Raja Berperembangsaan di negara ini.

Katanya, konsep kechiaran raja yang berdaulat ini akan buntut dijadikan oleh Kumpulan Semangat 46 sebagai payung kepada Kesatuan Melayu dan Islam di sini.

"Kita bukan seperti sesetengah dinasti yang selalu menancuri likuran rakyat supaya membeli istana setinggi sampongi mengalihrukan perhatian yang tidak sedar didengar," terangnya.

Tengku Seri Paduka Raja yang juga penanung kepada Kumpulan Semangat 46 negarai ini memastikan demikian ketika berceramah di sini Jumaat lalu.

Seramaindah itu, katanya belau, Kumpulan Semangat

46 tidak setuju rasanya melibatkan istana dalam sebarang krisis yang berakar kerana ini boleh mencemarkan Institusi raja berperembangsaan.

Katanya, jika kumpulan Semangat 46 dan rakyat di negara ini boleh mem pertahankan risberpentembagan negara juga berjaya menjaga perembangsaan negara.

Menurutnya, raja-raja Melayu adalah penyayang perpaduan negara-keluruh rakyat. "Jika tidak dapat manfaat masyarakat yang mencerminkan gelangan istana, termu minara pihak yang mendukung utk kita sendiri."

Sementara itu, ketika berucap dalam majlis pem-

benaran bantuan banjir di Kuala Ibai, Tengku Seri Paduka

merimba nyata bersatu padu.



TENGKU SERI PADUKA RAJA

**DATUK SERI KAMARUDDIN
MENINGGAL DUNIA**

*Harun mahu bawa
perubahan -Rais*



□ INILAH model kereta Daimler yang ditempah.

Kenderaan rasmi Seri Paduka

KUALA LUMPUR: Kerajaan Pusat menempah sebuah kereta Rolls Royce model terbaru berharga kira-kira \$1.3 juta untuk kenderaan rasmi bakal Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah.

Menurut sumber, Rolls Royce yang ditempah itu adalah jenis terbaru. Setakat ini hanya sebuah saja kereta jenis itu yang dikeluarkan iaitu untuk Raja Maghribi.


Kerajaan juga difahamkan telah membeli sebuah kereta jenis Daimler untuk kegunaan bakal Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun.

Harga pasaran Daimler ialah kira-kira \$700,000. Bagaimanapun

harga tanpa cukai yang dibayar oleh kerajaan ialah sekitar \$200,000 sahaja.

Sultan Azlan Shah akan mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke Sembilan di Istana Negara, 26 April ini. Tarikh istiadat pertabalan belum ditetapkan tetapi dipercayai sebelum Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur, Oktober ini.

Sultan Azlan kini berada di London menguruskan pakaian diraja untuk istiadat pertabalan. Menurut satu laporan, pakaian baginda tidak boleh ditempah di Bangkok, Thailand kerana tukang jahit meninggal dunia.



BIRR PUTIH TULANG...

**YANG INI MENTERI
KEWANGAN KENA JAWAB**

1936 strategy being adopted, however, was not to be expected. In this case, the author's analysis is not very convincing. The author's argument is that the Japanese government wanted to keep the war secret, so that they could not be blamed for starting it. This is a reasonable argument, but it does not fully explain why the Japanese government would want to keep the war secret. The author also claims that the Japanese government wanted to avoid being blamed for starting the war, but this is not supported by the evidence. The author's argument is that the Japanese government wanted to keep the war secret, so that they could not be blamed for starting it. This is a reasonable argument, but it does not fully explain why the Japanese government would want to keep the war secret. The author also claims that the Japanese government wanted to avoid being blamed for starting the war, but this is not supported by the evidence.

page 100. The author does this by giving a single example of a single sentence from a single page.

KUNTA
KINTE

KERATAN tulisan Kunta Kinte Isnin Igulu

KEMENTERIAN
JAWAB
KUNTA KINTE

KUALA LUMPUR, Selasa — Kementerian Kewangan hari ini menjelaskan bahawa menurut prosedur kewangan, pembelian barang-barang oleh mana-mana pihak dalam kerajaan mestilah mempunyai peruntukan

Jika tidak ada peruntukan, permohonan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan untuk dipertimbangkan, kata Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Kewangan, Encik Endot Yusof dalam satu kenyataan.

Beliau menjelaskan demikian ketika mengulas pertanyaan Kunta Kirite dalam ruangan 'Biar Putih Tulang' dalam Berita Harian sialam

Encik Endot berkata, apabila peruntukan sudah disediakan, pembelian barang-barang itu, sama ada dari dalam atau luar negara, hendaklah dilakukan melalui tender.

"Pembelian tanpa tender akan dikecualikan jika pembelian itu perlu dibuat dengan segera," katanya.

Dalam ruangan itu, Kunta Kinte mengemukakan pertanyaan kepada Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin mengenai prosedur kewangan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan berhubung pembelian barang-barang dari luar negara oleh mana-mana pihak dalam kerajaan.

Penulis itu mempersoalkan pembelian barang-barang mewah dari luar negara oleh pihak tertentu dalam kerajaan sedangkan kerajaan menggalakkan rakyat membeli barang keluaran tempatan.

Antaranya ialah pinggan mangkuk yang mahal dari Jerman, kristal dari Switzerland dan perabot dari Perancis.

Pakaian pertabalan terpaksa ditempah di London

KUALA LUMPUR 5 April — Pakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong Ke-9 untuk upacara pertabalan terpaksa ditempah khas di London kerana tukang jahit yang biasanya merekabentuk dan menjahit pakaian diraja itu di Bangkok telah meninggal dunia.

Sultan Perak yang dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong baru dalam Mesyuarat Raja-Raja Melayu di sini akan mengangkat sumpah di Istana Negara 26 April ini, manakala tarikh pertabalan belum ditetapkan lagi.

Sumber rasmi memberitahu, hanya di London terdapat tukang jahit yang mahir menenun pakaian berbenang emas dan mencorakkan pakaian itu dengan bunga-bunga yang keemas dan teliti.

"Bunga-bunga varie berbenang emas ini (dan kelihatan benih bergerimiliput) (dan menyelegakkan si pemakainya)", kata sumber itu yang enggan memberitahu nama syarikat tukang jahit itu dan nilai harganya.

Menurut sumber itu, setakat ini tidak dipastikan warna pakaian itu tetapi ia sesuai dan biasa dipakai oleh Yang di-Pertuan Agong (tujuh bagi upacara rasmi).

LIHAT MUKA 2

8

AGONG BARU, KERETA BARU

TAK mudah rupanya hendak mengamalkan slogan '**BeliLah Barang Buatan Malaysia**'. Walaupun telah lama kita berkempen untuk mengutamakan barang buatan sendiri, selera kita susah untuk diubah.

Di Kalangan orang yang berwang, mereka masih mengutamakan 'brand' dalam apa jua yang hendak mereka beli. Dan mereka mahu 'brand' yang terbaik.

Untuk kasut umpamanya, mereka akan memilih yang datang dari Itali atau Switzerland, walaupun di negara kita ada sekian banyak kilang yang mengeluarkan beraneka kasut.

Kalau tidak percaya, cuba buat pemeriksaan mengejut, sama ada menteri kita memakai kasut buatan Itali atau buatan kilang kita di Shah Alam.

Jangan terkejut bila mendapati tak seorang pun menteri kita memakai kasut buatan tempatan. Semuanya lebih selesa dengan yang datang dari luar.

Sehubungan dengan selera ini juga Amat tertarik dengan sebuah berita tentang persalinan rasmi Yang D-Pertuan Agong kita yang bernilai beribu-ribu ringgit.

Persalinan tersebut ditempah dari London. Bukan luar biasa orang kita menempah pakaian di luar negeri dan Amat pun timbulkan perkara ini bukan sangat kerana harganya. Persalinan Sultan Azlan Shah yang bakal menjadi Yang DiPertuan Agong ke-9 itu terpaksa ditempah di London kerana di sanalah terdapat

tukang tenun dan tekat menekat yang mahir.

Tidak pula Amat ketahui bahawa persalinan Yang Di Pertuan Agong yang terdahulu dari inipun semuanya ditempah di luar negeri, iaitu di Bangkok, Thailand.

Tukang jahit Diraja di Bangkok itu telah meninggal dunia (tentu dia banyak dapat duit membuat pakaian Raja-raja Malaial), maka kita terpaksa sekarang menempahnya di London.

Selama ini Amat selalu rasa bangga tentang kemahiran tenun menenun dan tekat menekat orang kita. Amat selalu banggakan songket tenunan kita kepada teman-teman dari luar.

Dan seluruh dunia pun memang sudah tahu tentang songket tenunan kita yang terkenal halus dan penuh seni itu.

Sebab itu bila kita terpaksa menempah persalinan DiRaja kita di luar negeri, Amat pun bertanya: Apakah tukang tenun kita belum mahir?

Apakah selama ini kita masih belum punya tukang jahit yang berupaya menyiapkan persalinan Raja yang kita sayangi?

Macam yang Amat katakan tadi, soal harga - di luar negeri tentulah mahal - adalah satu hal dan oleh itu kalau kita betul-betul mampu tentulah tidak menjadi halangan.

Apa yang lebih penting ialah kita mesti percaya kepada kepandaian orang kita. Kalau orang luar boleh kagum dengan kehalusan dan kesenian kerjatangan kita, kenapa tidak kita sendiri?

Masanya sudah sampai untuk DYMM kita memakai sesuatu yang rasmi yang disediakan oleh rakyat baginda sendiri. Inilah masayanya kita menghargai keupayaan kita.

Amat sendiri tidak tahu betapa susahnya menyiapnya persalinan Yang DiPertuan Agong, tetapi serumit mana pun tentu boleh juga dilakukan oleh tukang jahit kita.

Malah, jika kita yang membuatnya, kita tentu dapat faham tentang kesenian dan citarasa kita.

Kita sebenarnya sedang keras berusaha untuk memperkenalkan kemahiran tangan kita di luar negeri. Kita adakan pameran kraf tangan, semuanya untuk menonjolkan kepandaian kita.

Ratu Sirikit dari Thailand telah mempesonakan orang dengan pakaian yang disediakan oleh tukang jahit mahir. Beliau telah menjual kemahiran tukang jahitnya ke luar negeri.

Apakah tidak mungkin orang luar satu hari nanti akan menggunakan melihat persalinan Diraja kita yang disediakan oleh orang kita sendiri?

Mungkin kita juga boleh menjualnya untuk pakaian Raja-raja dan pembesar-pembesar luar negeri. Kita mesti memulakan sekarang untuk membuka mata orang luar.

Masalahnya ialah kita telah terbiasa dengan sikap bahawa yang dari luar itu adalah lebih baik, hinggakan kita tidak selesa dengan usaha kita sendiri, walaupun mutunya sama.

Kalau macam itu susahlah kita hendak menjayakan kempen 'Bellah Barang Buatan Malaysia'. Kita masih sedap dengan buatan luar. Selain dari persalinan dari luar negeri Sultan Azlan Shah juga akan mendapat kenderaan resmi baru yang sudahpun ditempah oleh Kerajaan Pusat.

Rolls Royce model paling baru yang akan menjadi kenderaan rasmi Yang DiPertuan Agong ke-9 nanti dibeli dengan harga \$1.3 juta.

Amat tidak nampak membazirnya membeli kenderaan mahal itu untuk Yang Di Pertuan Agong kita. Sebagai tunggak negara, baginda layak menaiki kenderaan seperti itu.

Tetapi, apa pula jadinya dengan kenderaan rasmi Yang DiPertuan Agong yang lalu? Apakah ia di 'trade in' dengan kenderaan baru ini? Atau tersadai begitu saja?

Kalau dibiarkan tersadai (kerana orang lain pun tak layak untuk memakainya) membazirlah namanya.

Tidak juga membazir membeli Daimler berharga \$700,000 untuk Raja Permaisuri Agong. Itu baru sama dengan kenderaan rasmi Perdana Menteri.

Amat - Negara makmur, rakyat mewah.

Amat Arif
Mingguan Kota

9

SANDIWARA RAJA DENGAN MUFTI BABAK PERTAMA Sultan vs. Abu Ghiyats

DIRIWAYATKAN bahawa Abu Ghiyats Az-Zahid, dia tinggal di tanah perkuburan di Bukhara. Maka dia pun datang ke kota untuk menziarahi seorang temannya. Kebetulan sekali pada ketika itu sekumpulan dari pengawal-pengawal Sultan Nashiruddin Ahmad, bersama-sama para penyanyi dan alat-alat muzik keluar dari rumahnya, dan hari itu ialah hari Raja ditamu oleh temannya. Apabila Abu Ghiyats Az-Zahid melihat kemungkaran itu, ia lalu berkata kepada dirinya: Wahai jiwaku! Telah berlaku suatu perkara yang besar. Jika kau berdiam diri, maka kau berkongsi dosanya.

Maka Abu Ghiyats pun mengangkat tangannya ke arah langit, dan memohon pertolongan Allah. Dia kemudian mengangkat tongkatnya, lalu memukul kumpulan pancaragam dengan kuatnya. Mereka sekalian terperanjat, lari pantas pantas ke rumah sultan, seraya melaporkan hal itu kepadanya. Sultan juga terperanjat sama mendengar cerita itu, lalu dia memerintahkan polis menangkap Abu Ghiyats. Dan berlakula tanya jawab antara mereka berdua seperti berikut:

SULTAN: Tidakkah kau tahu, siapa yang melanggar perintah Sultan akan dimasukkan ke dalam

penjara?

ABU GHIYATS: Tidakkah kau tahu, siapa yang melanggar perintah Tuhan akan dimasukkan ke dalam api neraka?

SULTAN: Siapa yang mengangkat kau menjadi Hisbah (tugas menyuruh berbuat baik dan mencegah berbuat jahat)?

ABU GHIYATS: Yang melantik kau menjadi Sultan?

SULTAN: Aku menjadi sultan, dilantik oleh Khalifah!

ABU GHIYATS: Aku dilantik menjadi Hisbah oleh Tuan yang mempunyai Khalifah (maksudnya; Tuhan).

SULTAN: Aku angkat kau menjadi Hisbah di Samarqand.

ABU GHIYATS: Aku telah meletakkan jawatanku dari lantikanmu.

SULTAN: Hairan sekali perkaramu ini. Kau jalankan tugasmu ketika kau tidak disuruh. Dan kau menolak kerjamu apabila kau disuruh.

ABU GHIYATS: Sebab jika kau mengangkat aku, kau boleh melucutkan kerjaku. Tetapi apabila, Tuhanmu mengangkatku, tiada seorang pun di atas muka bumi ini yang boleh melucutkan aku dari kerjaku.

SULTAN: Baiklah. Barangkali, kau mempunyai apa-apa keperluan dariku, mintalah!

ABU GHIYATS: Keperluanku satu saja dari sultan, iaitu kembali kanlah aku menjadi muda semula!

SULTAN: Oh itu, aku tak dapat memenuhinya.... tapi jika ada keperluan yang lain, mintalah!

- ABU GHIYATS: Baiklah! Kalau begitu, keperluanku yang lain
ialah tolong tuliskan kepada Malik, penjaga
neraka dan pesankan kepadanya supaya jangan
menyiksaku di dalam neraka.
- SULTAN: (Kagum... dan bingung!) Itu pun aku tak
berkuasa... tapi cuba minta yang lain lagi!
- ABU GHIYATS: Kalau begitu, kau tuliskan surat kepada
Ridhwan, penunggu syurga, supaya memb
narkan aku masuk syurga.
- SULTAN: (Geleng kepala) Itu pun aku tak berkuasa,
- ABU GHIYATS: Semua itu kau tak berkuasa?! Tapi Tuhan
berkuasa atas semuanya. Dia memiliki semua
yang aku minta. Tidak ada suatu perkara
yang aku minta, melainkan Dia memberik

Sultan Nashr bin Ahmad tidak terkata-kata lagi. Dia tersenyum dan berdiam diri menundukkan kepalanya. Kemudian dia lepaskan Abu Ghiyats.

BABAK KEDUA

Sultan vs. Mufti

Terdapat di dalam kitab *Asy-Syaqa'iq An-Nu'maniyah* oleh ulama Kerajaan Usmaniyah, bahawasanya Sultan Salim Khan telah memerintahkan supaya dibunuh seramai 150 orang lelaki dari pihak penyimpanan kewangan (treasury). Mufti negeri ini adalah seorang alim, namanya Alauddin Ali bin Ahmad Al-Muhibbin. Mufti terperanjat mendengar perintah sultan itu, maka dia segera pergi ke Dewan Tertinggi (parlimen), dan biasanya apabila dia pergi ke sana, mestilah kerana perkara penting saja. Jadi ahli Dewan itu merasa hairan ketika melihat Tuan Mufti sampai. Apabila Tuan Mufti masuk, dan memberi salam kepada panglima wazir, dia telah disambut oleh wazir dan didudukkannya di tengah-tengah majlis. Kemudian mereka bertanya: Apa hajat Tu

Mufti datang ke mari? Jawab Mufti: Saya ingin berjumpa dengan sultan sekarang juga. Saya hendak menyampaikan suatu pesanan! Tuan Mufti diizinkan masuk menghadap Salim Khan. Dia pun masuk dan memberi salam kepada Sultan, lalu duduk.

MUFTI: Tugas orang-orang yang diserahkan urusan fatwa, hendaklah dia menjaga dan memelihara tentang urusan akhirat Tuanku Sultan. Dan baru tadi saya dengar, bahawa Tuanku telah memerintahkan dibunuh seramai 150 orang, tanpa apa-apa sebab yang dibenarkan oleh syara'. Oleh itu hendaklah Tuanku membatakan perintah itu, dan memaafkan mereka itu.

SULTAN: (Murka) Engkau sekarang telah mencampuri perintah Sultan, dan ini bukan tugasmu!

MUFTI: Bahkan, Tuanku! Saya mesti mencampuri urusan akhirat Tuanku, dan itu adalah tugasku. Maka jika Tuanku mengampuni, terselamatlah Tuanku. Kalau tidak, Tuanku akan mendapat siksa yang pedih daripada Allah s.w.t.

SULTAN: (Kemarahan Sultan mulai reda apabila mendengar nasihat Tuan Mufti itu. Dia pun mengampunkan segala kesalahan orang-orang itu).

MUFTI: Saya telah lama bercakap fasal urusan akhirat Tuanku. Kini tinggal satu lagi bicara yang akan saya sampaikan; iaitu yang berkenaan dengan marwah Tuanku.

SULTAN: Apa dia, terangkanlah!

MUFTI: Orang-orang yang Tuanku suruh bunuh tadi, semuanya dari hamba-hamba Sultan. Apakah patut mereka mendedahkan diri mereka dalam kerajaan Tuanku dengan meminta-minta orang ramai?

SULTAN: Tidak!

- MUFTI: Kalau begitu, tetapkanlah masing-masing dengan tugas-tugasnya!
- SULTAN: Apakah boleh saya menghukum mereka, jika mereka mencuaikan tugas-tugas mereka.
- MUFTI: Memanglah boleh. Sebab ta'ziir (hukuman ringan menurut kesalahan biasa) memang terserah kepada Sultan mengadilkannya.

Kemudian Mufti itupun memberi salam kepada Sultan, beredar dari majlisnya, setelah dia mengingatkan Sultan tentang kewajibannya.

Kisah-kisah di atas telah saya petik dari buku "**Pendidikan Anak-anak dalam Islam**" karangan Abdullah Nasih Ulwan dan dialih bahasakan oleh Syed Ahmad Semait diterbitkan oleh Pustaka Nasional, Singapura. (Cetakan pertama, 1988).



مجلة علمية إسلامية نشرت على مدار العقد من ١٩٢٤-١٩٣٤ بتأليف مصطفى

نَسْخَةُ اللَّهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ

مَا دَعَ فِي سَبِيلِ رِبِّكَ لَمْ يَرَهُ فِي حَدَّةِ الْجَنَاحِ
وَالصَّلَاةُ وَالصَّلَوةُ عَلَىٰ رَبِّكَ فَلَمْ يَرَهُ فِي الْوَاحِدِ
لَمْ يَرَهُ شَاهِدٌ لِمَوْلَاهُ لَمْ يَرَهُ كَفِيلٌ لِمَنْ يَنْهَا
لَمْ يَرَهُ مَدْعُونٌ لِمَنْ يَنْهَا لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا
لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا
لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا
لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا
لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا لَمْ يَرَهُ مَهْمُولٌ لِمَنْ يَنْهَا

bad dua puluh memancarkan sinarnya dengan lahirnya majalah 'AL-IMAM' bawah pimpinan tokoh-tokoh reformasi Islam seperti Syed Syekh Ahmad Hadi dan Syekh Tahir Jalaluddin. Media cetak yang sangat berpengaruh ini mengembangkan pemikiran Islam moden, ilmu pengetahuan dan dengan berani mencabar semangat patriotik bangsa. Perjuangannya tegas mahukan pembasaran dan mengembalikan maruah bangsa Melayu.



Syekh Tahir Jalaluddin



Syed Syekh Al-Hadi

Sultan mahu ulama pakai jubah


TANJUNG KARANG 16 Jun — Sultan Selangor Darul Ehsan mahukan semua alim ulama memakai jubah dan tidak memakai pakaian *bush jacket* seperti wakil rakyat semasa upacara perasmian masjid oleh baginda.

"Beta selalu perhatikan ada alim ulama yang memakai pakaian seperti wakil rakyat sahaja semasa beta merasmikan beberapa buah masjid," titah baginda semasa di majlis upacara perasmian masjid pekan Tanjung Karang di sini tengah hari ini.


Baginda mengucapkan syabas kepada Datuk Mufti Selangor kerana sentiasa memakai jubah dan diharapkan menjadi contoh kepada pegawai pegawai agama dan para alim ulama di negeri ini.

Titah baginda lagi, jubah adalah identiti kepada alim ulama walaupun bukan sebagai syarat.

Baginda berharap saranannya ini akan dapat dipatuhi oleh mereka yang berkenaan di masa-masa akan datang.



Kalau hendak melentur buluh biarlah semasa rebung, begitulah dengan anak-anak kita. Ibu bapalah yang berlanggungjawab mengislamkan atau mengkafirkannya cara hidup anak-anak mereka. Anak-anak mengikut apa yang dibuat oleh orang tua mereka suruh buat.



"Tan Sri nampak siapa yang sedang yang ambil gambar kita?"

"Tidak, Kenapa Tun?"

"Itu Syed Hussein Alattas mesti ada benda-benda yang dia nak kena kan kita atau orang dalam gambar bersama kita."

"Kena macam mana?"

"Muti sedang minum berdiri, kalau muti boleh minum berdiri, tentu dia akan katakan tentu tak salah kalau budak-budak minum sambil berlari."

Awasi 'ulama' sebar ajaran sesat

KUALA ROMPIN, Ahad — Sultan Pahang menasihatkan rakyat negeri ini supaya berhati-hati terhadap pergerakan golongan tertentu yang mengaku 'ulama' tetapi mengamalkan ajaran sesat.

Baginda bertitah, amalan yang dibawa oleh 'ulama' itu membela-kangkan akidah Islam sebenar, termasuk cara berpakaian, makanan dan pergaularan dengan orang ramai.

"Pindakan mereka mengamalkan ajaran sesat itu adalah menyediakan sehingga boleh membawa kepada kejadian buruk yang tidak diingini."

"Kita sepertunya memberi perhatian serius terhadap pergerakan golongan itu yang sanggup membunuh ahli keluarga sendiri seperti yang pernah berlaku sebelum ini," titah baginda dalam perjumpaan dengan penduduk Kampung Genting sempena lawatan baginda selama tiga hari ke Pulau Tioman.

yang tidak bertauliah tidak boleh menyampaikan ceramah agama kepada orang ramai.

Baginda menyeru penduduk, terutama ibu bapa supaya mengutamakan pendidikan dunia dan akhirat di kalangan anak mereka bagi mengelakkan daripada terpengaruh dengan ajaran sesat.

Sementara itu, baginda difahamkan bahawa kerajaan sedang menyusun semula mata pelajaran agama Islam di peringkat sekolah yang dikatakan tidak sejelas dan kurang memuaskan pada masa ini.

Baginda juga mengingatkan penduduk Pulau Tioman supaya tidak lupa kepada tanggungjawab masing-masing membekalkan pengetahuan yang berguna kepada anak mereka, di samping menjalankan tugas harian.

Kampung Genting seluas 3,120 hektar itu menempatkan lebih 300 penduduk.



PAS SIFATKAN YUSOF NOR 'SEMAKIN MENGARUT'

KOTA BHARU—PAS Negeri menyifatkan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Yusof Nor akhir-akhir ini sebagai 'semakin mengarut dari kosong' malah tidak pernah berikan perintah langsung.

Pesuruhjaya PAS Kelantan, Ustaz Haji Nik Aziz Na'ir berkata setiap kenyataan daripada bolton itu & pernah dilihat atau dipandang oleh parti itu kerana larva iebuh tersebut merupakan 'percakapan kosong yang tidak memberi sebarang arti dan faedah.'

Menurutnya, Datuk Dr Yusof Nor sering mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang berbentuk prejudis terhadap PAS yang kadang-kadang tidak dapat ditorma sahaja oleh ahli-ahli PAS malah jumat Islam lain.

Beliau memberitahu demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu yang

mengatakan PAS telah dijadikan plattform oleh bekas-bekas pemimpin gerakan sosialis yang kini meyerap dalam kepimpinan parti itu untuk menyebarluaskan fahaman mereka.

Datuk Dr Yusof di dalam kenyataan itu berkata, perjuangan Islam PAS kini telah dicampuraduk dengan unsur sosialis yang tidak selari dengan Islam, berikutlah kaharuan bekas-bekas pemimpin sosialis yang pernah bersifat di kampus etahulu.

Ustaz Nik Aziz menambah, kenyataan Datuk Dr Yusof Nor itu tidak akan memberi apa-apa kesan baik kepada ahli-ahli PAS mahupun umat Islam yang telah mengetahui tentang parti itu

"Orang ramai telah mengetahui siapa Dr Yusof Nor sebenarnya melalui kenyataan kenyataan yang sama sebelum ini dan lebih bersifat fitnah," jelasnya lagi.



USTAZ NIK AZIZ

DATUK DR. YUSOF NOR



Sepanduk puji Khomeini tergantung di pagar masjid

DEWAN Pemuda PAS Wilayah Persekutuan nampaknya hendak menegakkan pemerintahan ala - Khomeini (Iran) di Malaysia.

Gambar ini menunjukkan sepanduknya dalam bahasa Inggeris di pagar masjid Alam

Shah di Jalan Tun Razak berhampiran simpangan ke Jalan Pasar (Pudu).


Bila diterjemahkan ia membawa maksud, "Walaupun Imam Khomeini pergi tetapi caranya masih hidup kerana adalah abadi."



"Hidup mesti berani, lebih baik kita melawan dari mati dayus. Orang muda mesti bersemangat tengok anak-anak kecil di Palestin sedikit pun tak punya perasaan takut dan gentar menentang musuh yang bersenjata." Begitulah agaknya yang diperkatakan oleh Duta Palestin ke Malaysia, Encik Ahmad Al-Farrora kepada Datuk Najib dan Haji Mustapha.



Inilah akibatnya bergaduh sesama sendiri. Ada bangunan pun hampir nak kena lelong. Bila lagi orang Melayu ni nak serik? Mula-mula bangunan kena lelong, tak lama lagi entah apa-apa pula...



Diambil dari atas meja sahabat saya, saudara Azran.



Ustaz Ashaari diapit oleh Syeikh Jamaluddin Shanhuri, Syeikh Tariqat Burhanuddiniah dan seorang ahli parliment Mesir yang menjadi pengikut Tariqat Burhanuddiniah.



Amir Ahmad Fhad pemimpin Tariqat Ahmadiyah sedang memperkenalkan Syeikhul Argam, Ustaz Ashaari pemimpin Tariqat Muhammadiah Malaysia.

10

DEMOKASI DEMOMATI

Demokrasi sebelum 13 Mei 1969 terlalu longgar, terlalu kebaratan sehingga menghancurkan negara. Kita tidak patut mengamalkan demokrasi cara barat seperti sebelum 13 Mei".

TUN ABDUL RAZAK

SEBENARNYA saya telah merancang untuk menulis buku **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT** semenjak beberapa tahun yang lalu, iaitu sebelum buku saya **TALQIN UNTUK UMNO** diterbitkan. Tajuk buku ini ketika itu adalah **ISTANA DAN RAKYAT**. Tetapi disebabkan, beberapa hal yang lebih mendesak terutamanya pilihanraya kecil di **Ampang Jaya** yang cuba menggugat kewibawaan Kerajaan Barisan Nasional, iaitu kerajaan yang telah kita pilih dengan suara majoriti, maka saya terpaksa sekali lagi menangguhkan niat saya itu. "*Manusia merancang Allah saja yang dapat menentukannya*". Alhamdulillah. Syukur saya kehadrat Allah.

Dalam suasana politik yang bercelaru dan merapu saya mendapat ilham dan petunjuk dari Allah untuk menulis tentang **POLITIK SERPIHAN**. Maka lahirlah buku **POLITIK SERPIHAN** yang kelahirannya serupa seperti pasangan suami isteri yang menging-

linkan anak perempuan, tiba-tiba dikurniakan Allah dengan cahaya mata lelaki. Gembira sudah tentulah gembira, tapi masih tetap mengharap dari Allah agar dikabulkan niat di hati.

POLITIK SERPIHAN mendedahkan erti politik serpihan sehingga ke akar umbinya, iaitu sebelum terciptanya manusia, sebelum adanya Adam AS, bapa kepada sekalian manusia di bumi ini sama ada yang masih hidup, ataupun yang telah kembali ke alam baqa' atau juga yang bakal dilahirkan. Bapa iblis yang bernama Azazil telah pun menjadi makhluk serpihan. Disinilah bermulanya golongan-golongan pembangkang yang terdiri dari iblis dan syaitan yang angkuh dan tidak mahu sujud pada manusia yang dicipta oleh Allah sebagai khalifah di muka bumi dan telah berjaya menghasut segolongan umat Melayu yang tak beriman untuk menjadikan diri mereka kaum serpihan.

Demokrasi bermula dari Allah. Allah memberi manusia dua pilihan: memilih jalanNya atau menjadi pengikut iblis dan syaitan.

Kekalahan demi kekalahan telah melumpuhkan semangat gerakan golongan 46 yang dinamakan golongan serpihan. Lama kelamaan pengikut mereka yang tak tentu arah tujuan akan lenyap dan rakyat Malaysia akan terus melupakan apa itu Semangat 46 seperti mana mereka telah melupakan peristiwa yang lebih besar dan jauh lebih penting lagi yang pernah berlaku dalam politik Malaysia. Mereka telah lupa Datuk Onn Jaafar pejuang bangsa yang satu masa dulu diagung-agungkan oleh mereka dan juga Parti Negara yang di tubuhkan oleh beliau.

Kini Semangat 46 telah berpecah kepada dua kumpulan: satu yang telah didaftarkan manakala satu lagi kekal sebagai pertubuhan naram yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh yang terkontang-kanting dan terkoter-terkoter tanpa arah dan tujuan.

Hari ini berapa kerat sangat orang Melayu yang masih terpukau dengan kehandalan jaguh-jaguh politik yang begitu hebat menentang kerajaan di zaman silam. Kita tak dapat menafikan hakikat ini. Sejarah telah membuktikan betapa singkatnya ingatan orang Melayu. '**Malays have but a short memory**'.

'Semangat 46', kumpulan serpihan yang beria-ia benar berjuang tanpa landasan perjuangan, dan yang telah berpeluang menggunakan kemudahan demokrasi ini tidak lagi akan menjadi seperti satu benda ajaib yang menghairankan orang ramai. "**Wonders of the world last for only seven days.**" Begitulah kata bijak pandai. Sesungguhnya 'keajaiban dunia itu paling lama dapat dipertahankan sekadar seminggu saja'. Mereka

sudah kenal siapa diri mereka, dan siapa pemimpin negeri mereka yang sebenarnya. Dan memang tidak ada benda baru yang boleh kekal melainkan Allah. Inikan pula cerita-cerita yang tidak benar kerana kita semua tahu bila timbul kebenaran yang batil gugur dengan sendirinya.

Lagipun apalah yang nak dihairrankan sangat. Keluarga terdekat sekalipun akan diingati sesudah mati sekadar tidak melebihi tempoh seratus hari saja. Hari pertama mati mereka meratap dan menangis di sisi jenazah dan membawa segala ratapan dan tangisan itu hingga ke tanah perkuburan. Malamnya diadakan pula kenduri. Mungkin ini diikuti dengan majlis membaca tahlil yang diadakan selama tujuh hari berturut-turut selepas hari kematian itu. Sesudah itu kenduri tahlil sekali lagi di hari yang ke empat puluh. Kemudian akhir sekali di hari yang keseratus hari diadakan kenduri tahlil yang terakhir.

Jadi begitulah keadaannya. Ingatan kita orang Melayu ini memang lemah dan tidak kekal. Perjuangan golongan Semangat 46, akan turut terkubur bagaimana kita menguburkan orang yang telah mati.

Berbalik kepada cerita tadi, lain buku yang saya nak tulis lain pula buku yang saya hasilkan. Saya berpegang kepada sunnatullah. Apa yang berlaku kepada kita semua adalah dariNya. Kalau bukan dengan bantuan dan pertolongan Allah mungkin buku ini tak mampu untuk ditulis oleh saya. Tapi Allah berhak memberikan ilmu kepada sesiapa yang dikehendakinya.

Begin juga kejadian-kejadian yang tiba-tiba kita lihat berlaku di dalam negara kita. UMNO mati, lahir UMNO Baru dan timbul golongan serpihan. Kini mereka bergabung pula dengan PAS dan bersekongkol di dalam istana. Memandangkan bahaya yang akan menimpa istana dan umat Melayu sekiranya kejadian ini tidak diselamatkan, maka saya pun mulalah menulis buku ini, yang mana ideanya sudah pun tersedia berada di dalam ingatan saya.

Seperti juga kejadian kita manusia. Kita sudah sedia ada dalam tulang sulbi bapa dan datuk nenek kita sebelum ayah ditemukan dengan ibu kita. Pertemuan ayah dengan ibu itu satu sebab saja maka kita dilahirkan. Kelahiran kita bukan kerana atas kehendak kedua mereka melainkan Allah juga yang menghendakinya. "Jadi" kata Allah maka jadilah kita. Begitulah halnya tentang kelahiran buku **REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT** ini. Benih 'revolusi' memang sudah lama tertanam di dalam benak

kepala rakyat. Cuma masa dan ketikanya saja Revolusi yang sedang dinantikan akan tercetus antara istana dan rakyat. Bunga-bunganya sudah kita nampak dengan adanya kegiatan anak-anak raja yang dengan lantang, menentang kerajaan dan menjadi jurucakap kepada golongan serpihan.

Keghairahan anak-anak raja yang kita tahu diperalatkan oleh orang-orang tertentu ini berlaku semasa pembedahan pintasan jantung yang telah menyebabkan Perdana Menteri kita Dr. Mahathir Mohamad terpaksa meninggalkan tugasnya buat beberapa bulan.

Peristiwa penglibatan anak-anak raja terutama Tengku Azlan dari Pahang dan Tengku Ismail dari Terengganu dalam politik kini telah menimbulkan keresahan di hati segolongan pemimpin yang masih kasihkan raja-raja mereka. Mereka mula menaruh bimbang apa akan jadi pada anak cucu kita nanti kerana rakyat tahu siapa Tengku Azlan dan apa yang dia telah dapat dan buat dengan kemudahan dari kerajaan. Tengku Azlan sepatutnya mencontohi kekandanya Sultan Ahmad yang sentiasa bersama-sama mempertahankan kerajaan, sentiasa mengingatkan rakyat supaya memberikan sokongan kepada kerajaan.

Perbuatan Tengku Azlan dan Tengku Ismail ini ialah perbuatan yang kurang manis. Namun oleh kerana mereka ini berketurunan istana, maka keadaan kurang manis ini tidaklah begitu ketara.

Tapi bila ada rakyat biasa yang cuba mengajar raja, maka perbuatan itu adalah menderhaka namanya, lebih-lebih lagi bila apa yang dilakukan oleh Sultan adalah untuk menegakkan kebenaran.

Contoh rakyat yang menderhaka ini ialah seorang yang tidak begitu dikenali oleh kebanyakan rakyat. Namanya Ahmad Mokhtar. Orang yang menganggap dirinya sebagai Setiausaha Perhubungan Semangat 46 Negeri Pahang Darul Makmur ini dilaporkan sebagai berkata:

PEKAN - Setiausaha Perhubungan Semangat 46 Negeri Pahang Darul Makmur, Encik Ahmad Mokhtar Haji Mohamad membidas sikap kepimpinan UMNO yang sering melakukan perklianatan dengan melibatkan institusi Raja-Raja Melayu di negara ini dengan parti itu. "Pengisytiharan menganggotai UMNO oleh Bekas Ketua Pemuda Semangat 46, Negeri Pahang, Raja Abu Bakar

Raja Jalil bersama-sama lebih kurang 50 pengikutnya di hadapan Sultan Pahang, di Istana Sultan Abu Bakar menunjukkan kepada kita bahawa para pemimpin UMNO secara terang-terang mencemarkan kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu di negara ini."

Beliau yakin bahawa usaha melibatkan Sultan Pahang oleh kepimpinan UMNO di negeri itu telah direstui dan dengan arahan kepimpinan tertinggi UMNO di peringkat Kebangsaan.

Encik Ahmad Mokhtar berpendapat bahawa Sultan Pahang yang mempunyai kedudukan tertinggi di peringkat negeri tidak sepatutnya dilibatkan dalam kancah politik UMNO yang hanya mewakili seperlapangan dari jumlah masyarakat Melayu di negara ini.

"Tindakan tersebut hanya akan menimbulkan kemarahan rakyat terhadap Raja-raja Melayu dan boleh menjahannamkan Institusi Raja-Raja itu," tambahnya lagi.

Beliau juga membidas sikap kepimpinan UMNO Pahang di bawah Menteri Besar Datuk Khalil Yaakub yang gagal menyekat pengaruh Semangat 46 di bawah pimpinan Tengku Datuk Azlan terpaksa melibatkan pula Sultan Pahang.

Encik Ahmad Mokhtar kesal kerana kepimpinan UMNO yang telah melakukan pelbagai bentuk kemungkaran politik dan ekonomi turut pula melakukan skandal maruah dan moral.

Menurut Encik Ahmad Mokhtar, beliau terpaksa membangkitkan perkara ini memandangkan kepimpinan UMNO di bawah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Encik Ghafar Baba cuma mencemarkan kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu.

"Saya bimbang apa yang diperkatakan oleh Tunku Abdul Rahman bahawa rakyat tidak akan menghormati lagi institusi Raja-Raja yang terpedaya dengan para pemimpin UMNO," katanya.

Beliau menyeru masyarakat Melayu keseluruhannya supaya mempertahankan kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu daripada dicemarkan oleh kepimpinan UMNO.

Saja saya memetik laporan akhbar Mingguan Kota ini agar dapat dijadikan sejarah dan tauladan kepada umat Melayu samada yang hidup pada masa ini atau yang hidup di satu masa nanti kerana saya percaya buku ini akan dibaca oleh generasi yang akan datang.

Siapakah dia Ahmad Mokhtar ini? Apakah perjuangannya sama seperti perjuangan Omar Mokhtar yang digambarkan dalam filem '*Lion of the Desert*'. Yang dia dok cakap tu untuk kepentingan siapa. Perjuangan manusia-manusia Melayukah atau perjuangan sekumpulan kecil orang Melayu?

Dia cakap pasal UMNO, dia tahu ke segala sesuatu tentang sejarah penubuhan UMNO? Dia sedar tak yang UMNO itu ditubuhkan dalam istana bukan macam kumpulan tepi jalan dengan perjuangan tepi jalan yang sedang dihayatinya. Saudara Ahmad tak usahlah perasan, Semangat 46, kumpulan haram yang tidak berdaftar itu, yang mana saudara jadi Setiausaha Perhubungannya tak ada kena mengena langsung dengan semangat 46 UMNO dan orang Melayu yang membentuk UMNO pada 11 Mei, 1946.

Kumpulan saudara itu cuma pinjam nama saja. Semangat kumpulan saudara ialah semangat 87, bukan 46. Jangan silap. UMNO 46 dimiliki oleh bangsa Melayu, tapi Semangat 46 saudara dimiliki oleh Ku Li untuk memperjuangkan kepentingan-kepentingan ahli-ahli politik yang desperado dan murtad. Nasib baik murtad ideologi.

Astaghfirullah. Mengucap saudara. Saudara nampaknya bukan sahaja nak menyelewengkan pemikiran orang Melayu ke arah kehancuran, saudara juga nak melaga-lagakan antara Sultan dengan rakyat. Apa yang berlaku di Kelantan angkara dari orang-orang kumpulan saudara itu masih tak cukup lagikah? Agaknya saudara dan orang-orang saudara suka setiap Sultan dalam Malaysia ini bergaduh dengan rakyat mereka? Apakah saudara mahu menimbulkan suatu revolusi sosial di Malaysia seperti yang berlaku di Sumatra Timur dalam tahun 1946. Apakah saudara juga seperti perjuangan mereka? Sekiranya saudara tak tahu apa itu revolusi sosial bacalah bab 'Semangat 46' dalam buku ini. Jenis ahli politik apakah saudara ini.

Saudara kata Baginda Sultan Pahang mempunyai kedudukan yang tinggi. Hah, Tahu pun. Ingat tak tahu tadi. Jadi bila orang yang sudah mempunyai kedudukan tinggi merestui UMNO, kenapa

rakyat macam saudara pula yang enggan.

Tak payahlah saudara Ahmad nak mengkritik Baginda Sultan Pahang.

Saya tahu dia lebih pandai dari saudara. Dia adalah Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia dan terkenal di kalangan FIFA. Saudara baru jadi Setiausaha Perhubungan sebuah kumpulan haram. Budak kecil pun tahu orang yang mana bijak dan orang mana yang bebal. Kalau nak mengkritik, jadi raja penulis macam saya ini. Tulis buku pun saudara belum pandai, janganlah nak buat kerja-kerja yang lebih besar lagi.

Begitulah darihal manusia yang bernama Ahmad Mokhtar ini yang telah menyalahgunakan demokrasi dan yang telah membuatkan pemimpin mengizinkan saudara mengamalkan demokrasi, akhirnya orang itu menjadi bak kata orang Kelantan 'demo kasi, demo mati'.

'You give, you die! Ini serupalah macam orang beri bunga kepada seekor monyet.'

Namun bagi saya semua ini adalah perkara biasa yang sering berlaku dalam sesebuah negara ataupun satu-satu sistem politik yang sedang menjadi amalan negara tersebut. Tapi apa yang benar-benar membimbangkan saya ialah dalam urutan-urutan peristiwa dan kemelut politik tanahair kita ini campurtangan istana dan anak raja di beberapa negeri dirasakan oleh rakyat sudah amat keterlaluan. Cukuplah Baginda sultan Kelantan sendiri selaku payung kepada rakyat dilihat telah terlibat dalam kancah-kancah politik dalam negerinya sendiri. Janganlah yang lain-lain nak tunjuk handal juga.

Rasulullah pernah bersabda: "**Sebaik-baik perbuatan itu adalah sederhana**". Apa saja yang dilakukan oleh manusia bila ia sudah terlalu ketara dan keterlaluan pula maka ia akan mendatangkan mudarat kepada orang itu sendiri. Hampir setiap hari Tengku Azlan menggunakan media massa menyokong golongan serpihan dan menghentam kerajaan tanpa memikirkan siapa dirinya dan apakah yang hendak diperjuangkan. Ingatlah orang yang duduk di dalam rumah kaca janganlah suka main lontar lontar batu ke rumah orang. Janganlah awak jadi kerbau bawa lumpur dan kotorkan satu istana. Ingat juga sudah menjadi kebiasaan dahan pokok yang dijadikan ulu kapak untuk meruntuhkan pokok.

Jadi sebelum terjadinya sebarang mudarat terhadap istana baiklah saya mengingatkan pihak istana supaya hentikan kerja-kerja mengarut yang akan merosakkan sistem kesultanan di negara ini. Dan bagi saya cara yang paling baik ialah melalui buku yang sudah lama ada dalam ingatan saya. Saya berani menegur kerabat Diraja Pahang ini kerana adanya hubungan Datuk saya Habib Hassan Alattas dengan keluarga Diraja Pahang di zaman Almarhum Sultan Ahmad. Kebetulan Almarhum Sultan Abu Bakar adalah kawan saya. Begitu juga dengan Sultan Ahmad Shah yang ada sekarang ini.

Jika pergelutan antara istana dan rakyat yang berlaku ini dilihat sebagai satu penyakit maka pencegahan adalah lebih baik dari rawatan. Bukanakah kita pernah mendengar orang berkata: "**Prevention is better than cure**". Dan ada sebuah lagi peribahasa Inggeris yang mengatakan '**A stich in time saves nine**'.

Kebetulan pula, Sultan Azlan Shah dari Perak baru saja dilantik menjadi yang DiPertuan Agong yang kesembilan sewaktu saya sedang menulis buku ini. Angka 'sembilan' adalah angka yang tertinggi dan akhbar pun sudah mula mengkritik tentang keborosan baginda berbelanja.

Tahukah anda daripada sejumlah 20 orang raja yang bersemayam di dalam dunia, hampir setengah daripada jumlah mereka ini berada di Malaysia. Memang pelik tapi benar. Pernahkah anda fikirkan bagaimanakah sebuah negara yang sebegini kecil mempunyai sebegini banyak raja. Kalau nak dianggapkan keterlaluan, ia memanglah berlebihan tapi kerana institusi ini sudah ada sebelum negara ini merdeka lagi, rakyat terpaksa menerima tanpa banyak soal.

Zaman dulu Allahyarham Abdullah Munshi sajalah penulis yang suka mengingatkan orang Melayu dan raja mereka. Tapi sayangnya tak ramai dari orang Melayu yang mahu menitikberatkan mesej yang nak disampaikan oleh Abdullah Munshi itu. Sebaliknya ada pula yang **melebel** Abdullah sebagai orang suruhan Inggeris.

Sepatutnya sebagai orang yang bijak kita tidak bertanya siapa yang berkata? Yang perlu kita fikir dan menungkan ialah apa yang dikata? Apakah perkara yang dikatakan itu boleh menguntung atau merugikan kita. Apa salahnya kita dengar cakap musuh yang boleh menyelamatkan kita dari mendengar kata-kata kawan yang boleh merosak binasakan kita?

Al Quran mengajar kita supaya berfikir. Saya juga telah ban-

yak mengingatkan pihak istana secara tulisan. Para pembaca bolehlah merujuk kembali kepada tulisan saya dalam '**PER-DANA MENTERI KELIMA, SIAPA SELEPAS MUSA**'. Dalam buku **CHALLENGER - SIAPA LAWAN SIAPA**', saya juga telah mengutus sepucuk surat terbuka kepada Baginda Yang Dipertuan Agong dan saya telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai demokrasi di negara ini dan saya juga telah mencabar sistem demokrasi yang ditinggalkan oleh British. Ini kerana British bukannya saudara kita, bukan sahabat kita, malah bukan juga guru kita.

Kita tak boleh ikut demokrasi ala penjajah sepenuhnya. Umat Islam ada demokrasi ala Islam.

Sebenarnya bukan saya saja yang menulis tentang demokrasi yang wujud di negara kita, bahkan ramai lagi tokoh dan pengarang yang memuji demokrasi Malaysia. Dulu semasa akhbar dan majalah asing sibuk mengkritik Malaysia kerana menggantungkan Parlimen ekoran rusuhan kaum 13 Mei 1969, ada juga kalangan mereka yang telah memberikan kritikan yang positif. Di antara mereka yang memberikan gambaran positif itu ialah seorang pakar perlumbagaan Jerman dari Institut Pendidikan Universiti Cologne yang melawat Malaysia ketika itu. Beliau melihat pengwujudan negara sebagai menyekat kehancuran demokrasi.

Pakar tersebut, Dr. Joachim Wiesner yakin Malaysia akan pulih sebagai negara demokrasi dalam masa yang singkat kerana kemauhan rakyat terhadap cara hidup demokrasi amat tebal. Keadaan dan kepekaan terhadap demokrasi ini semakin ketara sekali dengan tercapainya kemajuan di beberapa bidang lain, terutamanya bidang pendidikan dan ekonomi. Ini adalah satu hakikat yang sukar untuk dinafikan. Keyakinan beliau itu ternyata benar. Pengalaman 13 Mei mengajar rakyat Malaysia pelbagai keturunan menghormati hak masing-masing yang terkandung dalam Perlumbagaan.

Dr. Bal Ram Jakir yang juga Speaker Parlimen India, berpendapat bahawa demokrasi Malaysia adalah contoh demokrasi yang terbaik di dunia ketiga. Pendapat beliau itu sudah tentulah bersandarkan kepada bukti sejarah. Pernahkah anda terfikir bahawa kesahihan keputusan pilihanraya umum di Malaysia sejak 1959 dipertikaikan oleh mana-mana pihak secara amnya? Ini amat berbeza sekali dengan negara-negara yang merdeka dalam era yang sama. Sebagai contoh kita lihat sahaja Filipina di-

bawah Marcos. Hampir setiap kali diadakan pilihanraya umum, setiap kali pula keputusannya dipertikaikan oleh rakyat Filipina.

Namun jika dilihat dari sudut mana sekali pun apa yang paling penting serta paling unggul dalam demokrasi Malaysia ialah pemberian hak politik kepada semua rakyatnya. Tidak seperti Indonesia dan Thailand yang menafikan hak berpolitik kepada rakyat keturunan Cina dan India. Setiap warganegara Malaysia yang cukup umur, tanpa mengira asal usul keturunan, mempunyai hak mengundi. Jadi demokrasi yang macam manakah yang kita perlukan lagi?

Dengan adanya kebebasan berpolitik yang semacam inilah maka Malaysia terpaksa mengamalkan sistem demokrasi pelbagai parti. Pelbagai parti politik, yang berbentuk perkauman dan pelbagai bangsa, yang berasaskan agama dan sekular, wujud di Malaysia. Kalau dijumlahkan semua parti politik di negara ini, termasuk yang mati tanpa kubur, rasanya Malaysia bukan saja menjadi contoh demokrasi terbaik, tetapi juga contoh negara yang banyak melahirkan parti politik.

Hakikat ini hanyalah merupakan satu aspek sahaja dari beberapa aspek demokrasi Malaysia yang amat unggul ini. Samada para pembaca sedar atau tidak demokrasi Malaysia jugalah yang telah meletakkan status kewarganegaraan kaum wanita sebagai setaraf dengan kaum lelaki. Kaum wanita Malaysia mendapat hak mengundi sejak merdeka lagi. Sedangkan kaum wanita Britain hanya mendapat hak seperti itu hanya pada tahun 1929, iaitu berabad lamanya selepas Parlimen Britain ditubuhkan. Di Perancis pula kaum wanita hanya diberikan hak mengundi pada tahun 1945, manakala wanita Switzerland diberi hak mengundi pada tahun 1971. Malah ketika wanita di beberapa negara Eropah memperjuangkan hak yang sama dengan lelaki, wanita di Malaysia sudah pun mendapat hak, layanan dan gaji yang sama dengan pekerja lelaki.

Biar bagaimanapun apa yang menimpa ke atas demokrasi Malaysia selepas merdeka adalah amat buruk sekali. Sebagai negara berbilang kaum, kebebasan berpolitik dan bersuara yang tiada batasan telah menyemarakkan api perkauman. Inilah kesan yang diterima oleh Malaysia pada 1969. Kewujudan parti-parti politik perkauman, kebebasan bersuara dalam hal-hal yang sensitif telah mengakibatkan tercetusnya sentimen perkauman di sepanjang kempen pilihanraya 1969 dan seterusnya mencetuskan rusuhan 13 Mei.

Ekoran daripada itu Parlimen digantung dan demokrasi mati untuk sementara waktu. Mulai 14 Mei 1969 hingga 20 Februari 1971, kuasa eksekutif negara berpindah tangan dari Parlimen kepada Majlis Gerakan Negara (Mageran). Inilah detik-detik hitam demokrasi Malaysia. Namun ia mempunyai pelbagai hikmah tersembunyi.

Tun Abdul Razak yang diamanahkan untuk mengetua Mageran pernah menyentuh tentang demokrasi tersebut. Sebagai contoh dalam satu ucapannya di Johor Bahru pada 10 September 1969, beliau mengakui kesilapan kerajaan adalah terletak kepada sikap yang terlalu mengagung-agungkan demokrasi ala-Barat. Antara lain beliau menyebut:

"Demokrasi sebelum 13 Mei 1969 terlalu longgar, terlalu kebaratan sehingga menghancurkan negara. Kita tidak patut mengamalkan demokrasi cara Barat seperti sebelum 13 Mei".

Setelah Parlimen dipulihkan semula, rang undang-undang pertama dibahaskan ialah Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 A30. Undang-undang pindaan yang berkuatkuasa pada 10 Mac 1971 ini antara lain mentakrifkan perbuatan mempersoalkan isu-isu sensitif sebagai hasutan atau jenayah (jika Parlimen membuat undang-undang mengenainya). Isu-isu sensitif yang dimaksudkan itu termasuklah perkara yang diperlindungkan oleh peruntukan perlembagaan seperti soal kewarganegaraan, bahasa kebangsaan dan penggunaan bahasa-bahasa lain, di Sabah dan Sarawak, serta kedaultan raja-raja.

Pindaan itu dibuat dengan tujuan untuk mengelakkan ahli-ahli politik daripada membangkitkan perkara-perkara sensitif yang boleh mencetuskan perbalahan dan pergeseran di antara kaum. Hakikat ini memang tidak sukar untuk difahami oleh anggota anggota Parlimen. Sungguhpun anggota-anggota pembangkang dalam Parlimen ketika itu bertambah dengan kehadiran DAP, pindaan itu diluluskan tanpa perbahasan yang panjang dan hangat.

Langkah mengurangkan kebebasan bersuara dan berhim-pun bukan bererti demokrasi Malaysia tergugat. Sebagai negara membangun yang peka terhadap kehendak pelbagai kaum, Malaysia tidak boleh menjadikan model demokrasi dan kebebasan Barat secara membata tuli. Tun Razak dalam ucapannya

merasmikan Sidang Parlimen Komanwel ke-17 di Kuala Lumpur pada 13 September 1971, menjelaskan perkara ini.

"Malaysia pada tahun 1971 tidak dapat lagi menggunakan demokrasi Westminster tahun 1957, kerana dengan berbuat demikian bererti melupakan satu pengajaran sejarah yang sangat berharga. Negara ini tidak boleh menerima demokrasi cara British bulat-bulat tanpa memperhitungkan asas-asas ekonomi dan sosial.

"Dalam usaha mencapai keperibadian kebangsaan, tidak dapat tidak kita akan membuat ujian-ujian politik dan mengubah bentuk perlumbagaan, dan semua ini semata-mata untuk membolehkan kita membuat sesuatu yang baik,"

Langkah yang diambil oleh kerajaan tidak sahaja terhad sekadar meminda Perlembagaan dan menguatkuasakan undang-undang yang bertujuan menjamin keharmonian kaum dan kestabilan politik, malah kerajaan Barisan Nasional juga telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum. Kejayaan DEB amat nyata walaupun tidak seratus peratus matlamatnya dicapai.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa inilah satu-satunya bukti yang amat jelas bahawa demokrasi ala Malaysia atau "**demokrasi berdisiplin**" yang lahir selepas 1969 berjaya pula melahirkan demokrasi ekonomi.

Keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ini, memang tidak sesiapa pun yang boleh menyangkalnya lagi. Contohnya, masyarakat induk Bumiputera tidak lagi rasa terasing di negara mereka sendiri. Dan kesan yang paling nyata hasil daripada demokrasi ekonomi ini ialah kewujudan kelas menengah Bumiputera/ Melayu yang semakin membesar dan berpengaruh. Kewujudan kelas menengah ini terasa amat penting sekali bagi membantu kepemimpinan politik meneruskan pelaburan ekonomi jangka panjang yang sekaligus akan memantapkan proses demokrasi itu sendiri.

Namun walau apapun, misi mematangkan demokrasi politik dan ekonomi ini sudah tentu tidak terkecuali daripada segala macam cabaran dan ujian. Kali ini dugaannya bukanlah dari kalangan ahli politik atau pertubuhan luar negara, tetapi dari in-

stitusi terpenting di dalam negari kita sendiri.

Dengan wujudnya kelas menengah Melayu DEB, yang mana terdapatnya di antara mereka yang telah berjaya menikmati kehidupan yang lebih mewah daripada masyarakat istana, telah sedikit sebanyak menarik minat individu dari istana untuk turut serta merebut peluang dalam DEB. Kehadiran golongan ini kadangkala secara jelas menyalahgunakan institusi istana menyulitkan lagi pelaksanaan dan mengganggu pengurusan serta mengakibatkan keadaan yang amat memalukan (embarrassment) kepada institusi-institusi politik dan demokrasi.

Bagaimanapun, apa yang lebih membimbangkan lagi ialah kecenderungan istana dalam membelanjakan wang tanpa mengambil kira peruntukan yang telah pun diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Perbelanjaan hari ulang tahun keputeraan perbelanjaan membina atau mengindahkan istana, perkahwinan, perjalanan dan riadah sultan-sultan semakin meningkat tahun demi tahun.

Keadaan ini secara tidak langsung mengganggu bidang kuasa eksekutif, khususnya Menteri Besar di peringkat Negeri dan Perdana Menteri di peringkat Persekutuan. Pernah berlaku seorang sultan bernazar tidak akan mencukur jambangnya sehingga Menteri Besarnya ditukar. Cerita berkenaan hubungan sultan-Menteri Besar terjejas kerana hal-hal yang berkaitan peruntukan kewangan, semakin kerap didengar selepas 1969, dan terutamanya selepas Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Campur tangan istana dalam hal-hal yang di luar bidang kuasanya boleh mengganggu proses demokrasi. Apa yang berlaku di Kelantan baru-baru ini jelas sekali menjelaskan proses demokrasi di negeri itu. Mandat rakyat kepada Menteri Besar selaku pentadbir negeri, telah diganggu oleh sultan, sedangkan raja tidak mempunyai kuasa autokratik.

Dalam bukunya 'Mengenai Perlembagaan Malaysia', Tu Mohamad Suffian Hashim menulis

"Seorang raja sungguhpun berdaulat, tidak mempunyai kuasa autokratik. Seorang raja dan begitu juga dengan Yang Dipertuan Negeri hendaklah bertindak menurut nasihat Majlis Masyuarat kerajaan Negeri atau seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (biasanya Menteri Besar), yang bertindak di bawah kuasa am Majlis Mesyuarat Kerajaan, kecuali sebagai

mana yang diperuntukkan selainnya oleh perlombagaan persekutuan atau perlombagaan negeri”

Kontroversi yang menyelubungi isu pertukaran kakitangan kerajaan Kelantan dengan jelas menunjukkan demokrasi di negeri itu sudah mula dicabar oleh mereka yang sepatutnya mendokong dan mempertahankan Perlombagaan dan demokrasi. Kuasa rakyat yang membuat penentuan dalam pemilihan Kerajaan Negeri melalui pilihanraya, menjadi tidak berguna apabila ada pihak lain yang boleh membuat keputusan menukar kakitangan kerajaan negeri, yang akan berkhidmat untuk rakyat.

Peristiwa ini dengan jelasnya memperlihatkan demokrasi rakyat sedang terancam. Namun, persatuan dan badan yang mendakwa mengambil berat terhadap demokrasi nampaknya mengambil sikap berpeluk tubuh sahaja. Majlis Peguam yang pernah menghantar memorandum kepada raja-raja kerana mendakwa kebebasan badan kehakiman terancam, tidak pula bertindak apabila demokrasi di Kelantan terancam.

Adalah semestinya bagi setiap rakyat menyedari bahawa demokrasi memberi kuasa kepada mereka untuk memilih pemimpin dan kerajaan. Pemimpin yang dipilih akan berkhidmat untuk rakyat dan sekiranya pemimpin itu gagal memikul tanggungjawabnya, rakyat sahajalah yang boleh menukar pemimpin lain dalam pilihanraya yang akan datang.

Sebaliknya institusi raja berkekalan dan sultan yang dilantik akan kekal sepanjang hayat baginda. Rakyat tidak berhak dan sememangnya tidak boleh menukar-nukar sultan seperti mana mereka menukar-nukar Menteri Besar dan pemimpin politik yang lain. Kalaupun ada sultan yang tidak disenangi oleh rakyat, mereka tidak boleh menjatuhkannya sepetimana mereka menjatuhkan pemimpin politik.

Justeru itu, raja tidak boleh campurtangan dalam hal-hal yang menjadi bidang kuasa rakyat kerana ini akan hanya mengancam sistem negeri beraja itu sendiri. Lihat apa yang berlaku di Afghanistan misalnya, peperangan di Afghanistan bermula apabila rajanya, Amanullah yang berpelajaran di Barat mengharangkan pemakaian chador atau purdah bagi wanitanya serta memberikan beberapa kebebasan kepada kaum wanita pada tahun 1929.

Rakyat juga mestilah sedar bahawa sistem demokrasi menguamakan keputusan majoriti. Sebarang keputusan yang dibuat

oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Parlimen adalah keputusan majoriti. Sekiranya keputusan majoriti ini diketepikan oleh keputusan minoriti yang tidak mempunyai kuasa eksekutif maka akan hancurlah demokrasi itu dengan sendirinya. Rakyat mestilah sedar bahawa salah satu prinsip demokrasi ialah golongan kecil menghormati golongan yang besar. Dan rakyat menyedari bahawa mereka wajib memuliakan institusi istana seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan dan bukan mempergunakannya untuk menghakis demokrasi. Dan penghormatan besar yang diberikan oleh rakyat ini haruslah dilihat sebagai penghormatan yang mutual. Istana juga semestinya menghormati kehendak rakyat.

Pindaan Perlembagaan yang menjadi isu yang agak hangat pada tahun 1983, sebenarnya bertujuan mematangkan demokrasi. Dengan lulusnya pindaan itu, semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen akan menjadi undang-undang dalam tempoh 15 hari walaupun tidak ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong. Pindaan itu penting kerana ia meletakkan Parlimen, iaitu alat yang memerintah sebagai kuasa yang tertinggi dalam negara demokrasi.

Jadi dengan adanya pindaan undang-undang yang semacam itu jelas menunjukkan bahawa kemuncak demokrasi bukan terletak pada seorang raja. Tapi kuasa penentuan demokrasi adalah terletak di tangan Parlimen yang mana dianggotai oleh mereka yang dipilih oleh rakyat sendiri.

Perlembagaan juga telah meletakkan Yang Di Pertuan Agong serta raja-raja Melayu sebagai Ketua Utama Ugama Islam. Jadi wajar bagi mereka menumpukan kuasa yang ada pada mereka kepada hal-hal yang bersangkutan dengan agama Islam.

Banyak lagi hal-hal dalam Islam di negara kita ini yang masih belum sempurna. Kepincangan dalam pentadbiran agama dalam gerakan dakwah malah dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan Islam masih lagi begitu menyerlah. Masih adakah ulamak-ulamak dan intelektual Islam yang terkongkong samadai kepada Godfather politik masing-masing atau terlalu mempertingkatkan ganjaran material dan kedudukan dalam masyarakat. Dan terlalu ramai lagi ulamak-ulamak siang hari yang berkelakuan macam ulat bulu dalam kepompong.

Justeru itu kalau orang yang telah diamanahkan untuk mengatasi soal-soal yang amat penting ini masih lagi belum dapat menyelesaikan tugas itu dengan sempurna, bagaimana hendak

membetulkan hal-hal yang lain.

Saya terpaksa menulis hal ini kerana ada segolongan orang-orang dari Istana yang mengerjakan perbuatan mungkar dan amalan-amalan yang di kutuk Allah S.A.W.

'A nation deserves its leader'. Jadi apakah kita mahukan seorang ketua yang mungkar terhadap perintah Allah sehingga menyebabkan masyarakat lain dapat menyamakan kita dengan orang yang kita akui sebagai ketua.

Sehubungan dengan ini, saya ingin bertanya apakah yang telah dilakukan oleh mereka yang rapat dengan istana, mereka yang sentiasa mendampingi raja-raja? Sudahkah mereka melakukan sesuatu untuk membetulkan keadaan yang sungguh menyedihkan ini? Ulamak-ulamak yang pandai-pandai, yang bijak-bijak, yang petah bercakap dan berpidato serta yang pandai menghentam golongan-golongan tertentu yang berdakwah dalam negara ini buat apa? **Janganlah bertopengkan demokrasi tapi menungkanlah, apa yang demo nak kasi. Akhir nanti demo juga yang mati.**

Seperti mana yang telah saya terangkan berulang kali samada dalam buku-buku saya yang sebelum ini mahupun dalam rencana-rencana saya yang tersiar dalam akhbar Mingguan Kota, saya sedang merancangkan tindakan-tindakan yang berbentuk pemikiran bagi menghapuskan dominasi kebudayaan Barat serta gagasan-gagasan yang kini sudah terlalu jauh menular ke dalam masyarakat kita. Saya mahu golongan intelektual Islam menanamkan ke dalam jiwa mereka tentang fakta bahawa Islam mempunyai aturan-aturan hidupnya yang unggul dan tersendiri. Malah Islam mempunyai sistem politik, sistem ekonomi, sistem pendidikan dan falsafahnya yang tersendiri serta lebih tinggi daripada segala sesuatu yang ditawarkan oleh peradaban Barat.

Saya juga ingin mengikis habis-habisan segala pendapat serta pandangan-pandangan yang mengelirukan bahawa untuk maju ke hadapan kita perlu mengambil contoh kebudayaan dan peradaban orang lain.

Dalam buku ini juga saya akan berusaha untuk meyakinkan semua lapisan masyarakat kita bahawa sistem Islam adalah jauh lebih unggul dari sistem apapun di dunia ini.

Seorang Mujaddid besar yang pernah lahir di zaman ini, Abul Ala Maududi pernah berkata:

"Orang-orang Islam bukanlah merupakan satu umat

yang biasa. Mereka adalah umat yang memikul tanggungjawab bagi menyebarkan syiar Islam ke seluruh dunia. Seorang Islam hanya boleh dikatakan Islam bukan disebabkan oleh beliau lahir dalam keluarga Islam ataupun kerana mempunyai nama Islam, tetapi apa yang lebih penting lagi ialah disebabkan sikap dan perilaku sehariannya yang memberikan pernyataan tegas di mata orang-orang bukan Islam dan perlakunya itu pula dijawi oleh *Kalimah Tauhid*. Sekadar memperakui diri sendiri sebagai orang Islam belum lagi mencukupi. Orang Islam adalah mereka yang di mata orang-orang bukan Islam sebagai hidup berlandaskan Al-Quran dan Al-hadis serta mempunyai kepekaan yang tinggi dan melaksanakan dakwah Islamiah."

Akhir sekali saya ingin mengingatkan para pembaca sekalian bahawa kita bukan lagi hidup dalam zaman mitos '**Hikayat Raja Jumu Jumah**' atau '**Hikayat Raja Pasai**' atau '**Hikayat Merong Mahawangsa**' yang memcampuradukkan unsur-unsur budaya Hindu dengan ugama suci Islam.

Kita kini hidup dalam zaman raja berperlembagaan yang bukan lagi merupakan satu hikayat. Adalah menjadi tanggungjawab raja-raja bagi mendokong dan mempertahankan Perlembagaan sepertimana yang termaktub dalam undang-undang utama negara. Apabila ada di antara mereka **melakukan sesuatu yang tidak lagi berperlembagaan (Unconstitutional)**, maka adalah menjadi kewajiban seorang penulis seperti saya membetulkan kesilapan ini. Ini kerana masih ada orang yang telah menerima Islam sebagai agamanya dan **telah naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah yang masih lagi bertuhankan kebendaan dan kuasa yang ada di tangan manusia**.

Demokrasi Islam mesti akur pada hukum-hukum Allah. Orang yang telah naik saksi serta berjanji kepada yang demikian itu tidak lagi bebas untuk mengamalkan sepenuhnya demokrasi ala Barat yang bertentangan dengan akidah. Dia tidak lagi menyembah yang lain selain dari Allah s.w.t. Dia tidak akan menyembah nama lain selain dari Allah. Demikianlah mengikut kehendak dan hukum hukum Allah yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad, pesuruh Allah dan Raja segala Nabi dan Rasul.

Kepada orang-orang Serpihan di Pahang, kalau betul-betul nak ikut berjuang untuk umat Melayu, masuklah parti halal yang telah direstui oleh Sultan Pahang dan kebanyakan sultan-sultan lain di dalam negara kita ini. Jika tidak, masuklah parti Semangat 46, dan berlawanlah dengan cara demokrasi yang telah di tetapkan oleh Perlembagaan.

RAZALEIGH DINASIHAT BERUNDUR DARI POLITIK



SYED HUSSEIN AL-ATTAS

KUALA LUMPUR: Penulis buku politik semasa, Syed Hussein al-Attas akan menerbitkan sebuah lagi buku sebagai mengulas perkembangan terbaru politik tanahair.

Buku berjudul "Istana dan Rakyat" itu berharga \$15 akan diterbitkan oleh al-Nujum Enterprise. Menurut Syed Hussein al-Attas buku terbarunya itu membincangkan penglibatan Raja dalam arena politik serta mereka yang telah kalah berjuang tetapi masih berhasrat untuk merebut kuasa.

Dalam pertemuan dengan Syed Hussein di Hotel Prince dekat sini, Syed Hussein berkata bahawa beliau yakin bahawa UMNO (baru) dapat meneruskan perjuangan.

Beliau membuat perbandingan pertelagahan antara Kumpulan UMNO (baru) dan UMNO (lama) sekarang sebagai pertikaian antara Hang Tuah dan Hang Jebat. Katanya, "Siapa yang memiliki keris Tamuning Sari, dialah yang akan menang, sambil menyifatkan Kumpulan UMNO (baru) sekarang memiliki keris Tamuning Sari iaitu kuasa dan pengaruh."

Syed Hussein juga menyatakan pendiriannya me-

nyokong kepimpinan UMNO (baru) sekarang kerana katanya, kepimpinan yang ada telah banyak membawa perubahan kepada bangsa dan negara.

Beliau meselegaskan bahawa kumpulan UMNO (lama) yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh sekarang supaya berundur dari gelangan politik.

"Mereka telah kalah. UMNO (baru) pula juga membawa untung kerana kemunculannya pada tahun naga atau tahun 1988 sedangkan UMNO lama hasil otentik kumpulan 11.

"Kumpulan 11 banyak mengukir sejarah politik negarai. Kumpulan 11 juga yang telah menjutai kas Ketua Menteri Melaka, Abdul Ghani Ali. Anggaran akan terus kalah," ujar Syed Hussein al-Attas lagi.

Sambil menyifatkan pertelagahan dalam UMNO sekarang sebagai mendakar parti UMNO semakin matang, Syed Hussein menjelaskan bahawa perwakilan berkenaan sebagai bala dari Allah.

Beliau mengistilahkannya sebagai Teori Beliau iaitu kemungkinan pemerintahan menyimpan terlalu banyak wang tetapi tidak memberikan wangi faedah rakyat.

MP SUNGAI
PETANI
SOKONG

KUMPULAN UMNO

Natan - 24 - 26 mei 1988

SEMALAM DI AMPANG JAYA

"TIMA KASHIH,, GUA CAYA SAMA LU SEMUA!

YEEEAH! YEEEAH!!!

APA KHABAR SEMUA AMPANG ROCKER?

50! - 50!

MAU ROCK!

TAK MAU!!
KAMI MAU
TANAH LOT!!

94-89

SINIS

Oleh: Kartekana



11

THE GRAND DESIGN

"Sesungguhnya kekuasaan (Allah) apabila ia mengkehendaki adanya sesuatu, hanyalah ia berfirman kepada hakikat benda itu, jadilah engkau, maka terus jadilah ia".

(Surah Yassin: 82)

Maka manusia janganlah cuba nak pandai-pandai mengatur nasib, sanggup bergaduh sesama sendiri. Lebih baik mereka bersatu dan buat kerja masing-masing kerana manusia hanya boleh merancang, Allah saja yang boleh menentukannya.

Datuk Mohd Isa Samad.

AKHIR-AKHIR ini ramai orang yang bercakap pasal '*The Grand Design*'. Tapi para pembaca jangan silap, '*Grand Design*' yang saya maksudkan di sini tidak ada kena mengena langsung dengan konspirasi politik untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan Timbalannya sebagaimana yang didakwa oleh Shahidan Kassim. Konsep '*Grand Design*' yang saya nak bawa ini adalah memang betul-betul '*Grand*'.

Cuba kita fikirkan siapakah kita ini? Bangsa yang bagaimanakah kita ini? Bukankah kita kini sedang menuju ke arah menjadi "*The great nation and the great people.*" Apa yang sedang berlaku dalam negara kita ini, terutamanya selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 menunjukkan adanya ciri-ciri ke arah mencapai keagungan bangsa Melayu.

Buku ini saya tulis dalam tahun 1989. Ini bermakna jarak masa yang berlalu di antara peristiwa 13 Mei itu dengan waktu buku ini ditulis ialah dua puluh tahun lamanya. Dan dalam masa dua puluh tahun itu segolongan orang Melayu telah mencapai kemajuan dengan begitu mendadak. Kalau Amerika terpaksa mengambil masa selama lebih dari dua ratus tahun untuk menjadi satu bangsa yang terkemuka, orang Melayu melakukannya dalam masa yang paling singkat. Peningkatan moral orang Melayu adalah ibarat sebuah pesawat **Supersonik Concorde** yang terdaya berada tiga puluh ribu kaki di atas paras laut dalam masa beberapa minit sahaja.

Peningkatan yang semacam ini adalah sebenarnya biasa saja. Kemajuan sesuatu bangsa biasanya berlaku selepas sesuatu keruntuhan ataupun **tragedi** yang telah menimpa bangsa itu. Tidak ada siapapun yang pernah mendengar nama Nissan, Toyota, Yashica, Sony, Akio Morita atau Konosu ke Matsushita, atau Seiko sebelum sebuah pesawat B-52 mengebom Hiroshima dan Nagasaki. Adakah sesiapa yang pernah mendengar nama Bank Bumiputra, Kewangan Bumiputra, Tan Sri Haji Basir, Daim Zainuddin, Syed Kecik, Sharani Shapadu, dan banyak lagi. Kalau nak sebutkan sebuah korporat Melayu ataupun seorang tokoh korporat Melayu sebelum 13 Mei, 1969 memang susah. Ini dibabarkan ketika itu masih belum lagi terbina mahligai perniagaan bangsa Melayu.

Kata peribahasa Inggeris, '**Fortune knocks at every one's door only once.**' '**Fortune**' sudah pun mengetuk pintu rumah-rumah orang Melayu dan orang Melayu sendiri pun telah membuka pintu rumah masing-masing untuk dimasuki oleh '**Fortune**'. Biarpun hanya sementara, namun kita tetap bersyukur.

Andaikata peristiwa 13 mei 1969 tidak tercetus, mungkin orang-orang Melayu kini sama seperti Melayu di zaman sebelum merdeka dulu. Atau, seperti di zaman awal-awal kemerdekaan di mana orang Melayu masih lagi terpukau dengan kekayaan dan kebijaksanaan kaum pendatang. Mereka cuma menjadi penonton saja, melihat lakonan bangsa-bangsa lain dan berasa bangga dengan pencapaian kaum pendatang. Mereka mengangkat derjat kejayaan kaum pendatang itu dengan pelbagai puji-pujian tanpa memikirkan bilakah masanya mereka akan menjadi bintang utama, supaya bangsa pendatang pula yang akan merasa terpukau dengan lakonan mereka.

Hari ini banyak lakonan anak Melayu yang sudah dikagumi

dan mulai dibimbangi oleh kaum bukan Melayu. Inilah **Grand Design** bangsa Melayu yang tidak dicipta di atas '*drawing board*' sejarah.

Samada orang Melayu sedar atau tidak, sejak buku saya **PERANG DI KUALA LINGGI 1978** lagi saya telah mencuba bagaimana menyampaikan pemikiran semacam ini ke dalam jiwa orang-orang Melayu supaya kita orang Melayu bukan saja dapat bersaing dengan bangsa-bangsa yang maju tapi jadi lebih maju dari mereka. Saya cuba meyakinkan pembaca-pembaca buku saya bahawa ini tidak mustahil untuk dicapai asal saja orang Melayu sanggup mengubah sikap. Dan kini setelah menulis sebanyak sembilan belas buah buku saya rasa saya masih belum berjaya. Saya tak tahu di mana silapnya. Biar bagaimanapun saya mengharapkan taufik dan hidayat dari Allah semoga Allah memberikan saya kekuatan keberanian untuk meneruskan usaha supaya orang Melayu terus mempunyai pandangan **positif** terutama sekali para cendekiawan dan para akademik Melayu yang sepatutnya menjadi pendorong. Saya berpendapat mereka lah yang sepatutnya merancangkan sebuah lagi '**Grand Design**' demi kemajuan masa depan bangsa Melayu dan demi mengekal-kankesinambungan visi yang telah diperlihatkan oleh Dr. Mahathir, arkitek bangsa Melayu moden.

Saya memberikan sokongan saya yang tidak berbelah bagi kepada Dr. Mahathir Mohamad sejak tahun 1981 lagi. Ketika itu beliau masih seorang Timbalan Perdana Menteri. Sokongan ini saya berikan, kerana saya percaya ia adalah menjadi tanggungjawab para penulis supaya sentiasa berdiri bersama Perdana Menterinya seperti yang telah saya pelajari dari Alex Josey. Alex Josey adalah penulis yang berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew. Saya suka melihat sikap positif dan konsistan yang ada dalam diri Mahathir. Beliau adalah dari jenis manusia yang dikatakan oleh peribahasa Melayu '**Pegang bara api biar sampai jadi arang**'. Pemimpin bersikap beginilah yang mesti diberikan sokongan oleh penulis agar kita dapat sama-sama meletakkan pemimpin kita itu sebagai seorang '**World Figure**' yang setaraf dengan Reagan, Bush, Gorbachev, Margaret Thatcher, Nakasone dan lain-lain pemimpin dunia.

Alhamdulillah akhirnya Dr. Mahathir menjadi seorang '**world figure**' dan telah pun mendapat liputan istimewa dari majalah-majalah **Times** dan **Newsweek**. Malah gambarnya pernah

dijadikan hiasan kulit depan majalah-majalah tersebut. Cubalah anda bayangkan betapa seorang anak Melayu boleh dijadikan hiasan kulit depan majalah yang dibaca oleh berpuluhan-juta pembaca yang di antara mereka itu adalah ahli-ahli politik dan pemimpin dunia, pembuat-pembuat keputusan dalam badan-badan korporat antarabangsa, ahli-ahli perniagaan di Wall Street, New York; St James Club, London; Ginza, Tokyo dan lain-lain lagi, ahli-ahli sains yang merintis penemuan demi penemuan, pakar-pakar dalam berbagai bidang hingga mereka yang tidak begitu penting.

Namun kedua-dua majalah ini tidak pernah pula memberikan perhatian yang sama kepada Tunku Abdul Rahman. Mungkin mereka tak tahu apakah yang harus ditulis oleh mereka untuk menarik minat pembaca yang begitu ramai itu mengenai Tunku yang boleh dijadikan contoh dan teladan untuk manusia.

Begitu jugalah dengan Tun Razak dan Tun Hussein Onn. Mereka tak mendapat tempat di muka depan Times dan Newsweek.

Saya merasa bangga bahawa sesuatu yang tidak pernah difikirkan sebelum ini sudah berlaku kepada pemimpin yang saya perjuangkan bersama rakyat sekalian. Ini kerana kita mempunyai visi yang sama untuk bangsa dan negara tercinta ini. Sebab itu kita tak patut biarkan tanggungjawab terhadap bangsa dan negara diserahkan kepada pemimpin politik saja.

Selepas peristiwa 13 Mei, siapakah yang berani menulis buku '**The Malay Delima**' kalau tidak Dr. Mahathir? Siapa...? Siapakah yang berani mengkritik Tunku Abdul Rahman, seorang anak raja dan juga Perdana Menteri kalau tidak Dr. Mahathir? Siapa..?

Fikirkanlah. Siapakah yang sebenarnya telah membuka mata orang Melayu dengan seluas-luasnya? Siapa..? Dan siapakah pemimpin yang paling hebat menerima tentangan dan kencaman serta berbagai cabaran kalau bukan Mahathir? Siapa lagi..? Tidak ada pemimpin yang hampir setiap hari dimaki, difitnah dan digangu gugat oleh segolongan rakyat?

Sesungguhnya Mahathirlah doktor yang telah meninggalkan profesion perubatan untuk memainkan peranan sebagai arkitek yang mereka cipta '**The Grand Design**' bangsa Melayu dalam bukunya '**The Malay Delima**' dan kemudian menjuruterai pembinaan semula imej bangsa Melayu dengan menggunakan kuasa Perdana Menteri yang telah diamanahkan kepadanya.

Barangkali tatkala '**Fortune**' datang mengetuk daun pintu

setiap rumah orang Melayu semangat Mahathir pun menjelma di dalam setiap rumah mereka. Dr. Mahathir pergi dan menasihatkan mereka, "Bukalah pintu itu. Rebutlah peluang keemasan yang berada di ambang pintu rumahmu". Antara amanat Mahathir yang telah mengubah sikap dan menjadikan saya berjaya dalam profesi saya ialah:

"Saya mimpikan sebuah negara di mana tiada siapa yang papa - setiap orang adalah memadai cukup makan minumnya, cukup pakaianya, sambil menikmati usia lanjut yang sihat - sebuah negara di mana setiap anak kita menikmati pelajaran yang se-cukupnya agar nanti, bila tiba masanya, mereka akan berkemampuan mengambil alih tanggungjawab dari ibubapa mereka - lebih-lebih lagi, saya mimpikan sebuah negara yang akan dihormati dan dicontohi oleh setiap negara lain di dunia ini."

Kalimat di atas saya petik daripada buku cenderamata **Puisi Panjang Untuk Mahathir**.

Hari ini cubalah kita lihat di sekeliling kita. Setiap hari pasti ada sahaja orang Melayu yang keluar sebagai ahli perniagaan, sebagai jutawan, sebagai peguam, doktor, saintis dan berbagai lagi. Namun kita tidak dapat menafikan dalam masa yang sama juga hampir setiap hari kita dapat membaca di akhbar akan adanya peniaga Melayu yang jatuh bankrap, dikenakan tindakan undang-undang di atas pinjaman yang belum berbayar dan banyak lagi. Ini kerana masih banyak lagi kekurangan dan kelemahannya kita. Dari itu bukankah sepatutnya kita menjadi satu bangsa yang tak mengenal putus asa. Kita mesti terus berjuang hingga menempa kejayaan yang mutlak.

Rata-rata masyarakat Melayu hari ini telah mula mengubah sikap pemikiran mereka sama ada mereka petani, nelayan atau pegawai kerajaan. Ramai anak-anak kampung yang serba kekurangan telah menjadi ahli perniagaan dan telah menceburti bidang korporat. **Dari satu masyarakat yang terkongkong dalam gobok buruk, masyarakat Melayu** kini telah bertukar menjadi **masyarakat kosmopolitan**. Dan tidak kurang juga anak Melayu yang sudah menjadi perintis yang berani, gigih, tahan lasak dan sanggup mengambil risiko. Siapa yang menyangka orang Melayu yang satu masa dulu dikatakan sebagai satu bangsa yang malas

kini bertukar menjadi masyarakat yang rajin dan bersikap positif?

Umat Melayu bukan sahaja dapat bekerja mengikut masa yang telah ditentukan, malah mereka juga peka dan berusaha untuk menyesuaikan diri dalam semua bidang yang selama ini belum pernah diterokai oleh mereka. Mereka tidak lagi bising pasal '**punch card**' dan lain-lain perubahan yang tak terfikir oleh mereka dulu. Akhirnya, nanti akan lahirlah di antara mereka yang akan menjadi pemimpin dan perintis di bidang masing-masing serta menjadi contoh dan ikutan generasi Melayu yang akan datang. Siapakah yang menjadi Grand Designernya, kalau bukan Dr. Mahathir?

Tembok tinggi yang membelenggu masyarakat Melayu sudah ranap dilanda oleh arus revolusi pemikiran. Ramai orang Melayu yang terlalu agresif sehingga kita mulai takut melihat perubahan sikap yang begitu mendadak ini. Mereka semacam sedar tidak ada lagi tempat bagi orang yang **slow** dan **malas** di negeri ini. Sejak pertukaran waktu, ramai yang sudah bangun subuh dan membuat ibadat seperti yang disuruh Allah bahawa '**beribadat itu lebih baik dari tidur**'. Lalu mereka pun bangkit pada setiap pagi dan membangkitkan juga orang-orang Melayu yang mula sedar tentang kebangkitan Islam dan tidak lagi dibuai mimpi. Mereka tidak mahu lagi mewarisi jiwa hamba. Mereka jadi tuan dalam negara sendiri. Ramai orang Melayu sudah tidak memperdulikan kata-kata hikmat Khalil Gibran mengenai perhambaan dalam sajaknya.

'If you see a slave is sleeping, do not wake him up, lest he is dreaming for freedom'

Khalil Gibran.

Sajak Khalil Gibran ini telah saya muatkan ke dalam buku saya **PERANG DI KUALA LINGGI MELAKA 1978**, cetakan pertama 1978. Kemudian saya ulangi dalam buku '**TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA TAHUN 1983**'.

Dr. Mahathir adalah arkitek '**The Grand Design**' masyarakat Melayu selepas Abdullah Abdul Kader Munsyi. Beliau telah bersungguh-sungguh cuba mengejutkan orang-orang Melayu yang sedang lena. Mereka bangkit memburu cita-cita bangsa dan mengembalikan maruah bangsa yang sudah tercemar. Namun nak buat macam mana dengan segelintir orang Melayu yang masih berjiwa hamba dan yang masih terus dialun mimpi. Mereka

terus hidup dalam budaya **subsidi**, **subsidi** yang diharapkan akan datang menggolek buat selama-lamanya.

Grand Design masyarakat Melayu era Mahathir bermula selepas detik bersejarah 13 Mei 1969. Inilah '**blessing in disguise**'. Di sebalik peristiwa hitam itu tersembunyi tuah dan keramat yang tidak bisa dilihat ketika itu. Jika dibuat satu analisis mudah, punca berlakunya peristiwa 13 Mei itu adalah disebabkan masyarakat Melayu tidak lagi merasa senang dengan segala kakayaan, kemudahan dan glamour masyarakat bandaraya yang rata-rata merupakan kaum pendatang. Perasaan iri hati kini hidup semula bila melihat betapa kebanyakan orang Melayu di bidang ekonomi masih di tahap yang lama lagi.

13 Mei 1969 adalah satu revolusi. Dan 13 Mei 1969 adalah **Grand Design** yang telah bertemu dengan satu **Grand Design** lain. Dan 13 Mei juga merupakan perancangan agung tahap pertama bagi masyarakat induk Malaysia, iaitu orang Melayu. Mereka mula mengenali apa itu istilah '**Dilema Melayu**', buku karya Mahathir yang telah meletakkan Mahathir sendiri kini ke dalam dilema.

Grand Design tahap kedua bermula beberapa tahun yang lalu bila mana orang Melayu menyangsikan sikap masyarakat peniaga Melayu yang ada kalanya dilihat sebagai tamak, rakus dan sebagainya. Padahal itu adalah fitrah alam yang memang ada dalam diri manusia. Kita harus ingat bukan semua mereka yang melibatkan diri dalam perniagaan mengamalkan sikap-sikap yang semacam itu. Namun sejumlah besar yang mendasari sikap-sikap seperti yang dikatakan ini adalah mereka yang tidak ada kesedaran dan pendidikan Islam.

Namun walau apa jua moral di sebalik sikap-sikap yang ditunjukkan oleh segelintir ahli-ahli perniagaan Melayu yang telah melakukan kecurangan, rasuah dan jenayah-jenayah perniagaan, kita terpaksa menerima bahawa dalam dunia perniagaan, tidak ada soal tamak, soal tipu, soal tidak mematuhi etika dan sebagainya. Pokoknya ialah siapa yang lebih pintar. Kepintaran memainkan peranan yang utama.

Teori perniagaan adalah tiori '**zero sums**'. Ada orang yang menang dan ada orang yang terpaksa kalah.

Jangan menganggap tulisan saya ini tidak berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam ataupun '**unIslamic**'. Saya tidak bercakap tentang penipuan yang dilakukan ke atas sukatan timbang, penipuan duit bank, penggunaan '**maklumat dalaman**'

dalam urusniaga belian dan jualan saham dan sebagainya. Apa yang saya katakan di sini ialah penipuan yang adil. Mungkin istilah 'penipuan' ini tidak begitu sesuai tapi terpaksa juga digunakan kerana tidak ada perkataan lain lagi yang boleh menggantikannya. Begitu juga dengan tamak. Jika tahun ini anda untung 5 juta, mungkin di tahun hadapan anda mahu tingkatkan keuntungan itu kepada 10 juta. Bagi sesetengah orang yang tidak faham tentang perniagaan, ini adalah merupakan satu sikap tamak. Tapi dalam dunia perniagaan ia adalah 'growth' ataupun pertumbuhan. Tidak ada satu perniagaan pun yang dapat bertahan lama tanpa peningkatan keuntungan yang semacam ini. Itu belum lagi kita menyentuh tentang '**diversification**' dalam perniagaan yang juga boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang mempunyai ciri-ciri sifat tamak dan haloba. Begitu juga dengan dawaan tentang tidak mematuhi etika. Segala-galanya bergantung kepada di pihak sebelah manakah seseorang itu berada. Di pihak yang kalah ataupun di pihak yang menang?

Saya kira adalah amat tidak adil bila kita menilaikan aspek-aspek agama. Ini kerana apa jua yang dilakukan dalam perniagaan bersifat harus, kecuali 'penipuan' yang dilakukan dalam ertikata yang sebenarnya. Namun kalau masih ada lagi orang yang mengatakan bahawa ini semua merupakan keburukan, maka terpulanglah. Kadang-kadang kita terpaksa belajar dari keburukan sebelum kita boleh memperolehi kebaikan.

Kita kini sering mendengar masyarakat kita memperkatakan keburukan di kalangan orang-orang Melayu dalam merebut peluang-peluang perniagaan. Sebenarnya apa yang berlaku kini adalah lumrah. Macam juga masyarakat Cina, ada golongan-golongan tertentu dari kalangan para peniaga Melayu yang memilih jalan betul dan ada juga yang memilih jalan yang tidak diredhai oleh Allah SWT. Dan mereka yang memilih jalan yang kedua itu sudah tentu tidak akan terlepas dari siksa yang dijanjikan oleh Allah.

Sebelum 13 Mei, 1969, gambaran masyarakat Melayu di Malaysia adalah amat berlainan. Ketika itu orang Melayu dilihat sebagai pekerja yang berjawatan rendah - budak pejabat, tukang kebun dan sebagainya. Iklan-iklan yang memaparkan barang yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang dipunyai oleh orang-orang Cina turut membantu memberikan gambaran yang amat negatif ini. Misalnya ada iklan yang menggambarkan orang Cina sebagai boss sementara orang Melayu menjadi pemandu ke-

retanya. Gambaran seperti ini begitu ketara sekali sehingga akan pelawat-pelawat asing yang berkunjung ke Malaysia ketika itu akan mengatakan bahawa ekonomi Malaysia akan hancur tanpa orang Cina dan bukan itu sahaja ada juga yang berani mengatakan lebih jauh dari itu. Kononnya orang Melayu tidak akan hidup atau terus wujud tanpa penglibatan orang-orang Cina dalam perniagaan. Dalam hal ini kita sudah tentu tidak boleh mempersalahkan masyarakat Cina kerana sebelum tahun 1969 lagi sudah wujud Dewan Perniagaan Cina di seluruh pelusuk tanahair kita ini.

Bila orang Melayu mula menceburi bidang perniagaan, maka timbulah dilema, kecaman tohmahan dan sebagainya. Gejala-gejala ini bukan sahaja datang dari kaum Cina malah berleluasa di kalangan masyarakat Melayu sendiri. Saya tidak menafikan memang ada di kalangan peniaga Melayu yang meraih untung sekian juta ringgit dari sesuatu projek yang diusahakan dengan bantuan kerajaan. Ada orang Melayu yang mendapatkan kontrak yang bernilai berjuta-juta ringgit. Ada kontraktor Melayu yang terpaksa membayar wang yang banyak bagi menaikkan taraf syarikatnya dari kelas C ke Kelas B, BX, dan A. Ada pelabur Melayu yang mendapat pinjaman bank bernilai berpuluhan-puluhan juta ringgit tanpa banyak 'red tape'. Dan tidak kurang juga peniaga-peniaga kecil yang permohonan pinjamannya ditolak oleh bank atas berbagai-sebab. Di tengah-tengah kejayaan nilah, ada yang berlaku rasuah dan yang berlaku jujur.

Kata-kata yang menyebut orang Melayu sebagai nak cepat kaya memang sering kita dengar. Tapi ini adalah hakikat yang tidak seharusnya kita pertikaikan. Kita telah tertidur sekian lama. Jadi apa yang kita lakukan kini seharusnya dilakukan dengan secepat yang terdaya dan termungkin. Dan untuk itu kita terpaksa menjunam turun mencuba segala-galanya. Ada peniaga yang memulakan perniagaannya secara kecil-kecilan berjaya menjadi peniaga besar. Namun tidak kurang juga yang tetap statik. Ada yang memulakan secara besar-besaran terpaksa menjadi peniaga kecil dan akhirnya menutup terus perniagaan. Dan ada juga yang memulakan besar dan terus kekal sebagai peniaga besar. Namun itu bukanlah soalnya yang pokok. Dalam proses ini kita menjadi kaya dengan pengetahuan dan pengalaman-pengalaman baru yang belum pernah kita rasakan sebelum ini.

Kalau dulu peniaga-peniaga Cina terpaksa menggunakan orang-orang Melayu kerana takut dan orang Melayu terpaksa

menggunakan orang-orang Cina kerana takut, kini segalanya sudah berubah. Kita kini sama-sama bermain permainan ini dengan menggunakan peraturan-peraturan yang sama. Kalau ada orang Cina yang bankrap, maka ada juga orang Melayu yang bankrap. Kalau ada orang Cina yang meminjam duit bank tanpa membuat bayaran balik, maka ada juga orang Melayu yang turut sama dalam perbuatan seperti itu. Tapi kini siapakah yang akhirnya kelihatan lebih pintar.

Selepas 13 Mei, 1969, banyak bank-bank dan gergasi-gergasi korporat yang jatuh ke tangan Melayu ataupun badan yang mana orang Melayu mempunyai kepentingan.

Ini dilakukan secara adil di dalam pasaran terbuka. Orang Melayu membuktikan kepada masyarakat peniaga bahawa mereka lahir sebagai '**master-of-the game**'. Mereka telah membawa balik Dunlop, Guthrie, Sime Darby kembali ke Malaysia. Mereka menubuhkan **Malaysian Mining Corporation** dan membeli balik saham-saham syarikat-syarikat perlombongan timah Malaysia yang beribu pejabat di London ke Malaysia. Sejak lumpuhnya Pasaran Logam London, Pasaran Timah Kuala Lumpur masih terus memperniagakan komoditi itu tanpa sebarang kesulitan.

Peristiwa 13 Mei, 1969, yang didalangi oleh sekumpulan masyarakat Cina yang '**chauvinistic**' sebenarnya telah mengejutkan '**the sleeping giant**' yang terbaring dalam ranjang jiwa hampir setiap orang Melayu. Kini orang-orang Cina mula bimbang. Ini jelas dilihat dari reaksi MCA terhadap tawaran saham syarikat Multipurpose yang dibuat oleh Hume Industries Bhd. Inilah yang berlaku apabila gergasi yang tidur dikejutkan. Inilah yang berlaku apabila '**master of the game**' memamerkan kepakarannya yang tidak ada taranya dalam permainan '**zero sum**' ini.

Namun segala kejayaan yang ditempa ini tidak tanpa pengorbanan dan pengaliran wang yang banyak. Kita terpaksa membayar harga yang tinggi untuk semua ini. Dan kadang-kadang kita tidak mendapatkan apa yang telah kita bayar. Contohnya skandal BMF yang menelan 2000 juta ringgit, kegagalan Minco dan banyak lagi. Dan sehingga kini pun kita masih lagi membayar harga barang yang kita belum tentu dapat.

Maka apa yang dulunya dilihat berlaku di dalam masyarakat bukan Melayu sekarang diketahui berlaku di dalam masyarakat Melayu. Siapakah yang pernah terfikir akan lahirnya seorang kerani Melayu yang pintar dan berani melesapkan wang bank

yang berjumlah 22 juta ringgit. Lagipun dulu mana ada orang Melayu yang bekerja di dalam bank. Tambahan pula tidak ada bank yang dimiliki oleh orang-orang Melayu. Siapa yang tidak pernah dengar nama-nama bank seperti Overseas Chinese Banking, Chung Khiaw Bank, Hock Hua Bank, Kwong Lee Bank, Kwong Yik bank, Lee Wah Bank dan sebagainya. Sungguhpun hingga ke hari ini kita belum lagi mendengar nama seperti Bank Ahmad, Bank Ali, Bank Samdol dan sebagainya, kita tahu bahawa ada di antara bank-bank yang saya sebutkan tadi sudah dimiliki oleh orang Melayu atau agensi-agensi yang mewakili kepentingan ekonomi orang Melayu.

Kini bukan setakat kerani Melayu sahaja yang bekerja dalam bank, malah jawatan-jawatan lain yang lebih tinggi seperti pengurus cawangan, pengurus pasaran matawang, pengurus pinjaman, pengurus besar malah ketua pengarah eksekutif pun sudah disandang oleh orang-orang Melayu.

Jadi apa yang nak dihairankan sangat jika ada orang Melayu yang melarikan wang bank mahupun wang syarikat keluar negeri. Hari ini kita tahu ada orang Melayu yang telah melarikan dirinya sendiri ke luar negeri kerana akibat tersilap langkah dalam perniagaan. Orang Cina memang sudah lama buat kerja macam ini.

Biar bagaimanapun, di sebalik penyelewengan dan kecurangan yang berlaku ini, terdapat ramai lagi anak-anak Melayu yang benar-benar berjaya di dalam perusahaan, perniagaan dan lapangan profesional lainnya. Namun begitu mereka tidaklah begitu terkenal. Kejayaan yang dilakukan dengan jujur seperti ini tidak mempunyai nilai-nilai berita yang sensasional. Tidak ada yang menggemparkan dan tidak ada "**commercialism**" jika kejayaan-kejayaan ini dijadikan sebagai sumber berita. Manusia lebih gemar memilih berita-berita yang mendedahkan tentang keburukan, skandal serta penyelewengan dengan manusia-manusia yang terlibat.

Maka itu, untuk memisahkan yang baik dengan yang buruk di dalam masyarakat pasaran bebas, kita kenalah memperkuatkan lagi perjalanan sistem demokrasi yang membolehkan rakyat memeriksa kegiatan ahli-ahli politik dan juga ahli-ahli perniagaan. Dengan adanya sistem yang kukuh ini, maka semua orang akan berhati-hati dan tidak akan menyalahgunakan kuasa. Di negara-negara yang menjadi contoh model perniagaan korporat seperti Britain, Jepun dan Amerika, mereka yang berada dalam kedudukan

penting yang ada kaitannya dengan kepentingan awam akan segera meletakkan jawatan masing-masing sebaik sahaja mereka mendapat tahu bahawa masyarakat umum sudah maklum akan penglibatan mereka di dalam sistem demokrasi yang dipraktikkan di negara mereka. Keadaan mereka tidak dapat dipertahankan. Dan mereka juga sendiri tidak akan dapat bertahan.

Justeru itu, dalam kita mengenang semula 13 Mei, 1969, dalam masa yang sama kita juga mestilah berazam serta menamkan cita-cita untuk meningkatkan lagi ekonomi orang-orang Melayu. Dan ini hendaklah dilakukan tanpa mengorbankan sama sekali maruah sebagai orang Melayu, orang Islam dan orang Malaysia.

Sebagai kaum induk Malaysia, kita tidak boleh mengambil sikap acuh tak acuh. Kita terpaksa bekerja keras lagi dari masa ke semasa untuk melahirkan ramai lagi profesional-profesional Melayu. Kalau dulu kita dihadapkan dengan berbagai masalah seperti brain drain dan sebagainya, kini masalah seperti itu telah kita atasi. Contohnya bila orang yang seperti Wong Gang Wu hilang dari institusi pengajian tinggi kita, kita telah mengantikannya bukan sahaja dengan berpuluhan malah beratus orang yang seperti beliau. Dan di antara mereka itu ada orang yang lebih bijak, lebih pakar dan lebih komited dari apa yang pernah terfikir oleh Wong Gang Wu sendiri pernah fikirkan. Malahan beliau sudah tentu akan berasa malu kepada orang-orang Melayu kerana tidak membantu mereka dalam membetulkan fakta-fakta sejarah yang telah sengaja dikelirukan oleh British.

Sesungguhnya orang Melayu kini telah menganggap bahawa di negara kita ini tidak ada sesiapa pun lagi yang boleh dianggap sebagai '*indispensable*'

Jika orang Melayu dianggap sebagai penipu sekalipun, saya kira mereka telah melakukannya dengan cara yang adil. Penipuan ini mungkin sahaja dibuat atas perasaan dendam yang telah terpendam beratus-ratus tahun lamanya.

Siapakah yang tak sakit hati bila mengenangkan bangsa Melayu pernah ditipu oleh Portugis, Inggeris, Belanda, Jepun dan juga kaum-kaum pendatang yang lain. Malah orang Melayu dulu kala telah ditipu juga oleh raja-raja mereka sendiri yang mengge-larkan mereka sebagai hamba.

Kita juga telah ditipu dengan segala-galanya. Dulu kalau ada orang yang berkata bahawa anak-anak kecil Melayu adalah anak-anak kecil yang nakal, ramai orang akan mempercayainya

Tapi kini anak-anak nakal itulah yang sedang membina satu bangsa yang berakal.

Jadi apakah kita masih takut wahai kawan?

Kini **Grand Design** kita telah memasuki tahap yang ketiga. Ramai golongan muda dalam UMNO yang sudah tak sabar-sabar mahu naik ke atas dengan cepat. Barang kali... Inilah **Grand Design** yang dikatakan oleh Shahidan Kassim. Tapi mereka lupa Mahathir dan Ghafar tak pun bercakap dan memikirkan tentang **Grand Design**. Mahathir sudah kena buang dari UMNO dan Ghafar pula sepuluh tahun sudah terkeluar dari kabinet dan kemudian tiba-tiba sahaja jadi Timbalan Perdana Menteri.

Akhir-akhir ini **Grand Design** kita telah memasuki tahapnya yang keempat.

Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Yang Di Pertuan Agong yang kesembilan adalah merupakan raja yang terpandai dan terunggul sekali dalam dunia. Ini kerana sebelum menjadi sultan, Baginda telah menjadi Ketua Hakim Negara yang termuda sekali dalam Commonwealth. Sebelum ini, belum pernah pun seorang raja memegang jawatan yang begitu tinggi dan arif sekali di dalam bidang kehakiman di mana-mana negara pun di dalam dunia ini.

Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah juga seorang yang bijak. Kebijaksanaannya memang telah diakui di seluruh dunia. Seperti saya katakan tadi, beliau adalah seorang tokoh '**World Figure**'.

Jadi bila Raja dan Perdana Menteri merupakan orang-orang yang amat arif, apakah rakyatnya masih lagi mahu hidup dalam kebodohan dan kebebalan?

Barangkali ada orang yang mengatakan bahawa Raja dan Perdana Menteri kita adalah memang orang yang arif tapi tidak dengan Timbalan Perdana Menteri. Apakah pendapat yang mengatakan bahawa Ghafar Baba bukan seorang yang bijak itu boleh kita terima?

Cuba kita lihat prestasi Ghafar Baba dalam bidang akademik perniagaan dan politik.

Ghafar Baba lulus dari Maktab Perguruan Sultan Idris Shah Tanjung Malim. Di waktu itu belum ada universiti ataupun universiti-universiti yang lain di dalam negara kita ini. Seseorang yang berjaya menjelaskan kakinya ke Maktab Perguruan Sultan Idris Shah Tanjung Malim ini bolehlah dianggap sebagai seorang murid yang '**above average**'. Ini kerana pemilihan dibuat berdasarkan merit akademik yang tinggi. Maka itulah sebabnya sijil

perguruan dari Maktab ini boleh dikatakan sama tarafnya dengan ijazah sarjana muda kepujian yang ada sekarang ini.

Mungkin ada orang yang bertanya jika Ghafar Baba benar-benar bijak semasa dalam alam persekolahannya, mengapa beliau tidak sahaja melanjutkan pelajarannya ke universiti-universiti di luar negeri? Jawabannya mudah sahaja. Kita mesti ingat keluarga Ghafar bukan macam keluarga Tun Ismail, Hussein Onn, Tengku Razaleigh ataupun Dr. Mahathir. Macam mana seorang budak yang terpaksa mengutip getah skrap di dalam ladang-ladang yang dimiliki oleh orang putih demi menampung keperluan hariannya bisa melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Masa itu MARA, biasiswa JPA dan biasiswa-biasiswa lain masih lagi belum diwujudkan. Kalau ada pun biasiswa-biasiswa yang diperuntukkan kepada anak Melayu, yang meraihnya hanyalah segelintir mereka yang rapat dengan pemerintah kolonial.

Tapi walau apa pun, Ghafar Baba telah dianugerahkan ijazah kehormat dari Universiti Sains Malaysia. Adalah bukan mudah bagi seseorang untuk mendapatkan ijazah ini. Belajar di universiti dari ijazah sarjana muda sehingga ijazah doktor falsafah sekalipun belum tahu lagi seseorang itu dianugerahkan dengan penghormatan akademik yang setinggi ini. Untuk mendapatkan ijazah kedoktoran yang tertinggi ini memang boleh. Tapi berapa ramaikah dari kalangan pensyarah serta para ilmuwan kita yang sanggup menghabiskan tempoh 3 hingga 5 tahun lagi selepas memperolehi Ph. D. untuk mendapat ijazah D. Litt., D. Econ dan sebagainya. Barangkali hanya Professor Di Raja Ungku Aziz sahaja yang tidak payah mengambil ijazah sarjana dan doktor falsafah bagi mendapatkan ijazah D. Econ dari universiti Waseda Jepun. Jadi apakah kita seharusnya masih lagi ragu-ragu dengan prestasi Ghafar Baba dalam bidang akademik.

Dalam bidang politik, Ghafar tidak ada tolok bandingnya. Untuk dipilih menjadi Naib Presiden parti bukanlah satu perkara yang mudah. Dan untuk bertahan di kerusi itu berpuluhan-puluhan tahun lamanya dan kemudian dipilih pula menjadi Timbalan Presiden adalah sesuatu yang 'miracle'. Namun Ghafar telah melakukannya.

Ghaffar pernah menjadi Ketua Menteri Melaka. Beliau juga pernah memangku jawatan Perdana Menteri semasa zaman Tun Razak dulu. Kini sebagai Timbalan Perdana Menteri, Ghafar sering kali memangku jawatan Perdana Menteri, hanya beliau tidak diumumkan macam Musa dulu. Bagi Ghafar, kuasa politik

bukan baru terjadi semalam.

Dalam Barisan Nasional, Ghafar adalah merupakan orang yang penting. Bayangkanlah beliau telah menjadi Setiusaha Agong BN untuk tempoh yang sekian lama. Ghafar juga merupakan '*Ghost Buster*' politik Malaysia yang terkemuka. Siapakah yang menyelesaikan masalah 'ahli-ahli hantu' atau '*phantom members*' dalam MCA satu masa dulu.

Dalam kerjaya politiknya Ghafar juga pernah diketepikan dari menganggotai kabinet di zaman Tun Hussein menjadi Perdana Menteri dulu. Namun Ghafar tidak merajuk. Tidak terkilan. Beliau ialah berkhidmat untuk negara. Bagi bekas guru dari Melaka ini, politik bukanlah berkenaan memegang jawatan menteri. Politik adalah proses dan tanggungjawab memikul amanah bangsa. Sesungguhnya dalam arena politik, Ghaffar Baba adalah '**A Man of All Seasons**'.

Bolehkah anda namakan seorang lagi ahli politik yang mempunyai '*track record*' yang secemerlang Ghafar?

Begitu juga dalam bidang perniagaan. Siapakah yang menjadi pengurus MARA yang pertama? Siapakah yang yang pertama sekali mempengurusikan Kompleks Kewangan Malaysia? Siapakah yang menjuruterai pengambilan alih **Dunlop Industries** oleh **Pegi**? Siapakah orangnya kalau tidak Ghafar. Ghafar lebih baik daripada kebanyakan pegawai-pegawai eksekutif syarikat korporat yang ada sekarang ini. Ghafar tidak pernah mengikuti pendidikan formal dalam jurusan perniagaan. Beliau tidak ada ijazah **Master of Business Administration**. Namun beliau berupaya melakukan semua ini. Itulah yang dikatakan bijak. Sebaliknya mereka yang bebal dalam bidang perniagaan ialah mereka yang mempunyai segala macam ijazah perniagaan dari Yale, Harvard dan berbagai lagi tapi tidak berupaya melakukan seperti apa yang Ghafar telah lakukan.

Jadi siapakah yang tidak pandai? Ghafar ataupun orang yang mengatakan beliau sebagai tidak bijak? Fikirkanlah.

Cuba kita menyelami mentaliti sesetengah orang Melayu yang bodoh, sompong. Nak katakan mereka ini bodoh, mereka kebanyakannya ada bermacam-macam ijazah. Nak kata pandai pun susah sebab mereka tak tahu yang mana orang yang bijak dan yang mana tidak. Lee Yan Lian, Lim Goh Tong, Khoo Kay Peng adalah contoh-contoh jutawan China yang tidak mempunyai pendidikan formal dalam perniagaan. Namun mereka ini dianggap sebagai peniaga-peniaga yang bijak. Tapi bila ada

orang Melayu yang tidak ada pendidikan formal seperti itu, Ghafar Baba, misalnya, mengapa pula mereka katakan sebagai tidak pandai.

Kepada mereka yang menganggap diri sebagai bijak dan yang mengatakan Ghafar tidak pandai, eloklah saya berikan sebuah nasihat. "**Ketawakanlah diri kamu dulu, sebelum kamu mentertawa orang lain.**"

Nah! Sekarang terbuktilah sudah bahawa orang pertama, kedua dan ketiga dalam negeri ini merupakan orang-orang yang bijak. Dan inilah sebenarnya '**Grand Design**' kita.

Apa yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir adalah merancang dan melaksanakan satu projek **Grand Design** untuk bangsa Melayu dan negara Malaysia. Pernahkah kita terfikir bahawa satu hari nanti kita juga akan disebut-sebut sebagai masyarakat per-industrian yang **inovatif** seperti masyarakat Jepun dan Korea. Kejayaan kita akan menjadi buah mulut masyarakat antarabangsa sepertimana yang dinikmati oleh rakyat Jepun dan rakyat Korea Selatan.

Sepertimana yang telah saya katakan dalam buku-buku saya yang telah sudah, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak akan menjadi Perdana Menteri untuk selama-lamanya. Dan beliau sudah tentu tidak akan hidup menongkat langit. Mungkin selepas pilihanraya yang akan datang ini beliau akan bersara. Mungkin juga persaraannya itu kelak akan dituruti oleh Ghafar Baba.

Namun sebelum bersara ada kemungkinan Ghafar akan menjadi Perdana Menteri Malaysia untuk jangkamasa yang singkat. Dan dalam masa yang singkat ini beliau sudah tentulah akan melantik Timbalannya. Singkat yang saya maksudkan ialah umur Ghafar dengan Mahathir hampir sama. Mustahil Ghafar nak menongkat langit.

Grand Design untuk pewaris-pewaris kepimpinan Melayu memang sudah pun disediakan mengikut protokol parti, sebagai contoh seorang Timbalan Perdana Menteri akan menjadi Perdana Menteri kerana Ghafar adalah Timbalan Presiden UMNO maka Ghafar berhak duduk dikerusi itu mengikut tradisi UMNO.

Ketertiban dalam UMNO mengukuhkan parti dan membuat kredibiliti kepada pemimpin. Kerana pemimpin ada kredibiliti, pendapatnya dihormati dan dipercayai oleh semua pihak, sama ada British atau pun kaum lain. Maka mudahlah pemimpin menjaga kepentingan orang Melayu. Mungkin ada yang berpendapat ini

tidak demokratik. Tetapi peristiwa tidak bertanding dan perlantikan semula berlaku sepanjang masa dalam demokrasi.

Ucapan Dr. Mahathir 11 Mei 1989.

Untungnya Ghafar jika ditakdirkan beliau nanti yang akan jadi Perdana Menteri yang kelima, beliau hanya mempunyai tiga pilihan saja. Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Anwar Ibrahim atau Datuk Wan Mokhtar, yang mana satukah idaman kalbunya? Ghafar tak boleh nak pandai-pandai pilih selain dari tiga Naib Presiden yang ada. Untuk memilih Datuk Abdullah Badawi yang pernah duduk sekapal dengan Ku Li, Shahrir, Marina dan Rais ketika menentang pucuk pimpinan dalam pemilihan tahun 1987 dulu, dia kena fikir dua atau tiga kali. Hendak memilih Datuk Wan Mokhtar, Menteri Besar Trengganu ini telah lanjut usia walaupun dari segi keislaman mungkin Wan Mokhtar dapat menyambung perjuangan Dr. Mahathir dalam meneruskan perjuangan Islam. Bagaimana dengan peluang Anwar Ibrahim yang dianggap agresif dan sering memperjuangkan ciri-ciri keislaman? Ghafar tak ada pilihan lain walaupun ketika ini ramai sangat orang di dalam dan di luar UMNO yang memusuhi Anwar. Mereka memusuhi Anwar kerana mereka nampak Anwar bakal menyambung perjuangan Dr. Mahathir untuk meletakkan Islam ditempatnya seperti yang dikehendaki oleh UMNO. Perjuangan UMNO ialah untuk membela agama bangsa dan tanahair. Kalau mengikut tradisi UMNO, Ghafar tak ada pilihan lain melainkan Anwar. Itulah Grand Design UMNO yang sebenarnya ikut tradisi yang ditekankan.

Hasil daripada adat dan tradisi UMNO tidak merebut-rebut jawatan inillah parti jadi kukuh dan stabil. Pemimpin UMNO dianggap suara parti apabila mereka berunding dengan pihak lain. Tidak ada sesiapa dari pada dalam parti yang menolak pendapat yang disuarakan oleh pemimpin. Kuasa yang diberi kepada pemimpin dihormati oleh semua pihak.

Selagi pemimpin tidak bertentangan dengan pendirian parti ia akan disokong oleh semua anggota parti, walaupun kadang-kadang, seperti keputusan menubuhkan Malaysia dan menyingkirkan Singapura, pemimpin tidak terlebih dahulu berunding dengan parti melalui Majlis Kerja Tertinggi.

Demikian seperti rambut ditarik tanpa tepung berkecaci, UMNO terus kuat dan pemimpin barunya mendapat kesetiaan ahli dan tidak kurang dihormati oleh orang luar. Tidak ada perpecahan berlaku. Mereka yang bersimpati dengan Tunku tidak membuat angkara. Tunku sendiri tidak sengaja mencuba *subvert* atau melemahkan kepemimpinan Allahyarham Tun Razak, walaupun ada tanda Tunku tidak begitu bersetuju dengan tindakan Tun Razak sebagai pemimpin parti dan Perdana Menteri.

Ucapan Presiden UMNO 11 Mei 1989.

Berbalik kepada perbicangan bila Anwar yang ditakdirkan akan dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya menaiki kerusi Perdana Menteri maka Anwar terpaksa membuat pilihan yang paling sukar. Tidak mudah bagi Anwar untuk memilih bakal Timbalannya sesudah beliau duduk dikerusi nombor satu nanti kerana terlalu ramai yang hendak dipilihnya untuk menjadi orang nombor dua dalam kabinet.

Inilah yang patut difikirkan oleh ahli UMNO: siapa selepas Ghafar Baba? Atau siapa sesudah Dr. Mahathir, kerana mereka berdua sudah lanjut usianya. Ramai yang lebih senior dari Anwar yang mahu jadi Perdana Menteri sesudah Mahathir - Ghafar. Padahal mereka belum pun menduduki kerusi Naib Presiden UMNO. Biarpun mereka lebih lama jadi ahli UMNO daripada Anwar Ibrahim, lebih lama jadi menteri dari Anwar. Itulah problem besar Anwar apabila diizinkan Allah beliau yang duduk dikerusi itu nanti.

Inilah susahnya bila manusia tidak ukur baju di badan sendiri. Manusia yang tidak percaya pada kadak dan kadar atau manusia yang sudah dipengaruhi oleh anasir yang akan merosakkan dirinya sendiri dengan **grand design** dan **art of war** mereka sendiri. Maklum sajalah mereka ini pakar dalam mengatur strategi, bijak bermain politik, popular pulak tu.

Kiranya Anwar yang duduk dikerusi itu apakah beliau akan memilih Datuk Mohamad Rahmat ataupun Datuk Sanusi Joned yang lebih tua darinya? Atau memilih Najib Tun Razak ataupun Tan Sri Mohamad Taib atau mungkin juga Tan Sri Muhyiddin? Jangan lupa bahawa Tan Sri Ramli, Datuk Khalil Yakob, Datuk Isa Samad, Datuk Sabarudin Chik juga layak untuk menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri itu juga adalah orang-orang lama dan

mempunyai pengalaman. Semua ini terserahlah kepada prestasi dan kemampuan masing-masing: Siapa yang paling kuat bekerja, siapa yang lebih bersih, lebih cekap dan lebih amanah, dan siapa yang tidak banyak buat karut dan menimbulkan huru hara kerana perasaan hasad dengki dan iri hati akan berpeluang menduduki kerusi nombor satu itu. Dan yang terpenting sekali adalah siapa yang dapat meneruskan perjuangan Dr. Mahathir yang masih banyak belum diselesaikan lagi.

Pewaris-pewaris selepas Anwar memilih timbalannya terukuk kepada golongan yang lebih muda seperti Tajol Rosli, Fadhil Che Wan, Dr. Ibrahim Saat, Hashim Shafin, mungkin juga Anwar Musa, Rahman Bakar, Datuk Wan Abu Bakar, Osman Abdul dan ramai lagi muka-muka baru yang belumpun jadi menteri atau dikenakan ketika ini. Yang penting, mereka jangan lupa bahawa faktor pertama ialah Islam. Siapa yang gagal mengikuti arus kebangkitan Islam tidak akan dapat duduk lama dikerusi nombor satu. Tengok apa sudah jadi pada Hussein Onn, kenapa Hussein Onn tak dapat bertahan lama sebagai Perdana Menteri? Ini semata-mata kerana isu kebangkitan Islam tak dapat difahamkannya dengan betul. Beliau tersalah langkah. Jangan lupa kiranya pucuk pimpinan UMNO bukan dari mereka yang berani memperjuangkan Islam. PAS akan bertambah kuat dan siapa tahu seperti yang saya sebutkan didalam buku saya '**TALQIN UNTUK UMNO**' dulu bila UMNO mati besar kemungkinan dengan kemasukan Ustaz Asahari dan orang-orangnya ke dalam UMNO, dialah yang akan jadi Perdana Menteri.

Politik adalah perkara yang serba mungkin. Janganlah hendaknya kerana gila sangat nak jadi Perdana Menteri nama sendiri nanti tercatit sebagai pembunuhan serta penderhaka UMNO. Ayam terlepas, tangan bau tahi. Sejarah tidak akan melupakan apa yang telah dilakukan oleh geng 11 yang telah meragut nyawa UMNO dengan kejam semata-mata kerana terpengaruh dengan **Grand Design** mereka yang bertentangan dengan **Grand Design** UMNO sendiri. Ingatlah.

Pada tahun 1984 Timbalan Presiden UMNO yang dipilih pada tahun 1981 dicabar. Segala nasihat supaya tidak melanggar tradisi UMNO sudah luput dalam hati pencabar. Sebenarnya pada ketika itu ia sudah mengasingkan dirinya dari UMNO. Tidak hairanlah kejadian yang menyusuli usaha tokoh ini merebut

jawatan Timbalan Presiden. Yang mendorongnya bukanlah semangat UMNO tetapi kepentingan diri yang mendesak supaya apa sahaja dilakukan termasuklah membina sakanan UMNO.

Dr. Mahathir Mohamad

Masakan pucuk pimpinan dan para ahli UMNO nak serahkan Pertubuhan yang menjadi tulang belakang Kerajaan Barisan Nasional kepada orang-orang yang terbukti melakukan pekerjaan-pekerjaan yang mengarut. Kalau UMNO diserahkan kepada orang-orang yang tidak 'grand', orang-orang yang tidak mempunyai visi yang lebih jauh dari Mahathir, orang-orang yang tidak dihormati dan tidak ada hubungan dengan dunia Islam antarabangsa, apa akan jadi kepada 14 juta umat dinegara ini? Lagipun Malaysia sekarang mempunyai imej sebagai sebuah negara Islam yang baik di mata dunia. Tentulah orang yang bakal nak jadi pemimpin tertinggi UMNO itu orang yang terkenal dalam perjuangan dan mempunyai keperibadian Islam. Kita tidak mengharapkan ianya mesti macam malaikat kerana kita tahu pemimpin politik tak dapat jadi manusia bertaraf insanul kamil.

UMNO sudah tentu tidak akan melepaskan pucuk pimpinannya kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Tak ada '*senses of responsibility*', orang yang macam lalang, orang yang tidak setia kepada pucuk pimpinan dan parti, orang yang gila kuasa dan gila kerusi Perdana Menteri.

Seorang ayah yang penzina dan kaki botol (pemabuk) tidak rela melepaskan anak perempuan kesayangannya untuk berkahwin dengan seorang pemuda yang diketahui sebagai kaki betina dan tahi arak sepertinya. Begitu juga seorang penjudi, mustahil dia mahu bermenantukan seorang penjudi macamnya juga. Dia tahu apa yang dilakukannya salah, tapi dia sudah tidak boleh buat apa-apa lagi kerana dia sudah 'designkan' dirinya menjadi manusia yang terkeluar dari akidah Islam tetapi dia tetap mahukekalkan keislamannya dan mati dalam Islam. Berbeza dengan seorang yang sedang mabuk, dia tidak akan mengatakan dirinya mabuk. Macam juga orang gila, dia akan menuduh semua orang gila melainkan dirinya.

Grand Design yang saya maksudkan ialah siapa juga orang yang akan mengambil alih pucuk pimpinan UMNO, mestilah orang yang tidak kurang Grand dari segi prestasi politiknya dan kewibawaannya agar dia dapat membawa seluruh sistem dan

institusi yang ada di dalam negara ini ke arah kelslaman sambil menjamin kebahagiaan penduduk berlainan agama mengikut cara hidup masing-masing. Tapi orang Islam mesti ikut akidah Islam. Hanya dengan kepimpinan yang semacam ini sahaja politik dan ekonomi negara kita akan terus stabil. Dalam masa yang sama rakyat yang berbilang kaum dan berlainan agama tidak dipaksa tapi mereka dapat menghayati Islam dengan sebenar-benarnya mengikut kepimpinan melalui teladan yang menjadi amalan pucuk pimpinan yang sentiasa menjadikan budaya kita sebagai amalan hidup.

Dr. Mahathir tidak dapat diterima oleh kaum lain di negara ini pada awal kariernya dulu kerana sifatnya yang ultra. Begitu juga dengan Allahyarham Tun Razak. Namun setelah duduk dikerusi nombor satu kelslaman dan kejujuran dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab akhirnya terbukti mereka berdua berupaya membawa kestabilan politik dan kemakmuran kepada negara. Ini kerana kedua-dua mereka itu telah '**didesignkan**' oleh **Grand Design UMNO** yang memperjuangkan kepentingan bangsa, ugama dan negara. Kini kita tidak mampu untuk berundur melainkan terus maju kehadapan. Hanya orang yang tegas, berani, cekal saja yang dapat meneruskan segala-gala yang telah diperjuangkan sejak 13 Mei 1969.

Sembilan tahun lamanya Mahathir menjadi pemimpin negara, hanya baru kini orang mula ternampak bahawa tak ada orang yang lebih layak memimpin Malaysia selain dari beliau. Sekarang ini rakyat berbilang kaum sudah mula susah hati tentang apa yang akan terjadi kepada negara ini sekiranya Dr. Mahathir mati atau meletakkan jawatannya. Namun itulah yang dikatakan 'adat manusia'. Mulanya benci kemudian baru datang kasih sayang. Tak kenal maka tak cinta.

Masa dan ketikanya akan sampai, bila mana pemimpin-pemimpin dari kumpulan **Grand Design** yang baru ini tidak lagi menitik beratkan soal-soal istana. Bagi mereka Raja-raja Melayu adalah tidak lebih dari satu institusi yang mempunyai peranannya yang tersendiri dalam meninggikan syiar Islam. Jika mereka tak jalankan tugas mereka dengan betul, mereka bukan saja tidak dipedulikan tapi akan dikritik dan diketepikan seperti yang dilakukan oleh penjajah British semasa berkuasa dulu. Justeru itu, Raja-raja Melayu perlulah memikirkan **Grand Design** mereka sendiri. Janganlah sudah terantuk baru hendak mengadah. Sedangkanlah payung sebelum hujan. Kalau dirasakan diri ini sakit

cepat cepatlah cari ubat. Kalau berasa berdosa cepat-cepatlah bertaubat.

Namun, sepetimana yang dikatakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Isa Samad:

"Grand Design yang sebenarnya itu adalah berpunca dari Grand Design Allah SWT."

Siapa lagi yang boleh merancangkan rancangan yang agung ini melainkan kekuasaan Allah s.w.t. yang Maha Agung. Ini kerana Dia adalah Raja sekelian alam. Dia sahaja yang berhak dan berkuasa di atas segala-galanya. Selain dariNya tidak ada yang berkuasa walaupun ke atas dirinya sendiri. Jadi bagaimana manusia mampu dan berupaya untuk merencanakan '**The Grand Design**'. Seandainyalah orang-orang politik sedar akan hakikat ini tentu mereka akan lupakan **The Grand Design** dan akan melakukan kerja-kerja bermanfaat dan berfaedah kepada agama bangsa dan tanah air daripada cuba bergaduh dan merebul kuasa dari tangan orang yang Allah telah memberikan kuasa. Sejarah telah membuktikan ramai ahli politik yang telah kecewa dan putus asa kerana telah melibatkan diri dalam **The Grand Design** kerana **Grand Design** yang sebenarnya adalah ciptaan Allah s.w.t. yang Maha Esa.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Isa Samad pernah berkata:

"Maka manusia janganlah cuba nak pandai-pandai mengatur nasib, sanggup bergaduh sesama sendiri. Lebih baik mereka bersatu dan buat kerja masing-masing kerana manusia hanya boleh merancang, Allah saja yang boleh menentukannya."

Kata-kata Datuk Isa Samad ini memang tepat sekali kerana walau apapun **Grand Design** yang direncanakan oleh manusia tentulah ia tidak dapat mengatasi **Grand Design** Tuhan. **Grand Design** Tuhan hanya direncanakan dengan dua patah perkataan KUN FAYAKUN. JADI. MAKA JADILAH IA.

Selebihnya terletak di tangan sejarah.

Bagi saya itulah **The Grand Design** yang sebenarnya, iaitu **Grand Design** yang telah direncanakan oleh Tuhan sejak terciptanya

tanya Nabi Adam a.s. dan generasi manusia yang pertama menghuni muka bumi ini.

Bahawa sesungguhnya Allah s.w.t. telah melantik para Anbiya Alaihi Mussalatu Wassalam untuk mengajak manusia dan membimbing mereka ke jalan yang lurus sejak Nabi Adam serta generasi manusia yang pertama itu. Inilah **Grand Design** Allah s.w.t. Dari Adam a.s. ia berterusan dari satu Nabi kepada satu Nabi yang lain sehingga Nabi Muhamad s.a.w; Nabi akhir zaman.

Grand Design inilah yang telah dibawa oleh para Nabi dan Rasul untuk menyelamatkan manusia agar tidak terpesong dari jalanNya yang sebenarnya sepertimana yang telah difirmankan olehNya dalam Al-Quran:

"Manusia itu adalah umat yang satu (setelah timbul perselisihan) maka Allah mengutuskan para Nabi, sebagai pemberi khabar gembira dan pemberi peringatan dan Allah menurunkan bersama mereka kitab dengan benar, untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. Tidaklah berselisih tentang kitab itu, melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, kerana dengki antara mereka sendiri. Maka Allah memimpin orang-orang beriman kepada kebenaran yang mereka perselisihkan itu dengan kehendakNya dan Allah selalu memberi petunjuk kepada orang-orang yang dikehendakinya ke jalan lurus.

Al-Baqarah : 23

Ayat yang saya petik dari suratul Baqarah ini dengan jelas menunjukkan bahawa manusia itu pada asal-asalnya telah patuh mengikut petunjuk agama sebenar. Kemudian mereka berte lingkah di antara satu sama lain dan lalu melakukan kejahatan di atas muka bumi ini serta menentang jalan yang benar itu. Ini kerana adanya di antara mereka itu yang telah mencipta jalan mereka sendiri yang mereka anggap lebih benar lagi. Kekufuran mereka sendiri serta dengan dibantu pula dek syaitan telah menyebabkan mereka sesat dan lupa pada jalan Allah s.w.t. Maka itulah sebabnya Allah s.w.t. telah melantik para Anbiya untuk mengembalikan mereka ke jalan sebenar-benarnya di samping memberi khabar gembira dan peringatan.

Ibnu Abas r.a pernah menerangkan bahawa jarak masa di antara Nabi Adam dengan Nabi Nuh a.s ialah sepuluh kurun. Dalam jangka waktu yang lama itu manusia tetap berada di jalan yang benar. Namun akhirnya manusia menyeleweng dari ajaran tersebut selepas jangka masa yang begitu lama itu. Allah s.w.t pun lalu menurunkan Nabi Adam a.s. dan diikuti pula dengan para rasul yang silih berganti menurut keperluan umat dan masa, sehingga lahirnya junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w untuk membimbing seluruh umat setiap zaman sehingga han kiamat.

Inilah 'Grand Design' Allah yang telah disampaikan kepada Rasul-rasul dan Nabi-nabi sejak Nabi Adam a.s. sehingga Nabi akhir zaman, Muhammad s.a.w.

Firman Allah s.w.t:

"Sesungguhnya Agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam."

(Ali Imran: 19)

Dan Allah berfirman lagi dalam surah yang sama:

"Nabi Ibrahim bukan seorang Yahudi dan bukan pula seorang Nasrani, akan tetapi dia adalah seorang yang lurus dan menyerah diri kepada (Allah) dan dia tidak sekali-kali termasuk di kalangan orang-orang musyrikin".

(Ali Imran : 67)

Islam bermakna menyerahkan diri kepada Allah s.w.t. Dan apabila kepentingan manusia di dalam segala bidangnya terperlihara dengan hanya menyerah diri kepada Allah, maka dengan rahmatnya Allah tidak akan membiarkan manusia bersendirian dalam mencari kebenaran yang hak.

Allah SWT berfirman dalam surah Ibrahim dengan firmanNya yang bermaksud:

"Kami tidak mengutuskan seseorang rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia dapat memberi penjelasan dengan terang kepada mereka."

(Ibrahim : 4)

Agama Islam yang disampaikan oleh para Nabi dan rasul pada dasarnya tidak berbeza di antara satu dengan yang lain. Yang membezakan hanyalah gagasan-gagasan Syari'at yan-

berdasarkan kepada keperluan umat mengikut zaman masing-masing. Dan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhamad s.a.w. itu adalah lebih universal dari segi penyampaian dan pemakaiannya jika dibandingkan dengan rasul-rasul sebelumnya. Ini kerana rasul-rasul sebelumnya diutuskan hanyalah untuk kaum masing-masing.

Dan bagi saya inilah yang dikatakan: "*Every nation deserves its leader*" kerana setiap pemimpin mencerminkan negara dan rakyat yang dipimpinnya. Dan bagi saya lagi kepimpinan negara kita yang ada sekarang ini mencerminkan hakikat yang kita bukan lagi satu bangsa yang mundur dan bodoh cuma ramai di antara pemimpin hari ini belum menghayati Islam sepenuhnya.

Bila kita kembalikan diri kita ke dalam jiwa Islam, maka amat mudahlah bagi kita untuk memperhargai *Grand Design* ciptaan Tuhan ini.

Kembali kepada jiwa Islam bermakna "*Percaya kepada Allah, percaya kepada Rasul, dan percaya kepada para-para Nabi*".

Siapakah pewaris Nabi kalau tidak para pemimpin kita yang sedang bertungkus lumus untuk membawa masyarakat yang dipimpin mereka ke dalam jiwa Islam yang sejati ke arah '*Grand Design*' yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.



MENTERI Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim melancarkan majalah *Muara*. Di sebelah bawah ialah wakil syarikat pengeluar majalah itu, Encik Othman Dahlan.

Majalah turut sebarkan ilmu

KUALA LUMPUR, Rabu — Wartawan kebangsaan, Haji Abdul Samad Ismail, berkata masyarakat perlu memfaatkan pelbagai ilmu yang diterbitkan dalam majalah ilmiah tempatan.

Katanya, di samping akhbar, penyebaran ilmu turut dilakukan oleh majalah yang semakin banyak membanjiri pasaran sekarang.

"Dewasa ini peluang menimba ilmu dalam bahasa Melayu lebih mudah diperolehi berbanding tahun-tahun sebelum perang," katanya di-

Pelancaran itu dilakukan oleh Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan, Haji Omar Hashim dan sasterawira, A Samad Said.

Haji Abdul Samad berkata sebelum perang dulu, hanya ada beberapa majalah sahaja berusaha menyebarkan ilmu pengetahuan kalangan masyarakat Melayu, antara mereka majalah Guru.

Menurutnya, sebelum perang dulu aliran dan kewartawanan estetik

Rumah Anwar: BPR dapati tiada rasuah



ENCIK ANWAR

KUALA LUMPUR 23 Jun — Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak mendapati sebarang perbuatan rasuah dalam pembinaan rumah Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim.

Badan tersebut juga mendapati tidak ada perbuatan rasuah dalam pemilikan saham Industrial Oxygen Incorporated Bhd., oleh bapa Encik Anwar, Haji Ibrahim Abdul Rahman.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Sulaiman Daud menegaskan demikian dalam jawapan bertulis beliau kepada soalan Encik Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) di Dewan Rakyat semalam.



"Berkat dan daulat, saya anugerahkan Bintang Darjah yang melayakkan awak jadi Tan Sri, awak nanti satu hari akan jadi Perdana Menteri." Begitulah agaknya kata Yang DiPertuan Agong kepada Tan Sri Mohd Taib.



Ada dua raja ada dua menteri. Raja Perak Sultan Azlan Shah sudah jadi Yang DiPertuan Agong, disebelahnya Datuk Isa Samad, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan duduk disebelahnya Datuk Osman Arof, Menteri Besar Kedah. Bila raja dan Menteri Besar duduk, mereka cerita pasal apa? Pasal rakyatkah?

12

SHAHIDAN'S DESIGN

"Raja hanya suka kepada cakap-cakap kosong sahaja. Dia tidak mampu mengamalkan apa yang telah dijanjikannya."

Sun Tzu
The Art of War

THE Art of war hasil pena **SunTzu** yang ditulis kira-kira 2,500 tahun yang lampau bukanlah buku yang menarik untuk orang-orang yang gemarkan perdamaian.

Buku ini tidak mengajar seseorang itu *formula* untuk dua musuh yang sudah lama bersengketa.

Ia mengajar sesuatu yang tidak ramai gemar memperkatakan, apakah lagi untuk mengamalkan. Ibarat **pistol** ataupun **pedang**, ia bukan boleh diberikan kepada mereka yang tebal dengan sifat pendendam ataupun kepada orang yang **ambisius**. Orang-orang yang mudah dipengaruhi oleh syaitan.

Pistol atau **pedang** boleh digunakan untuk membunuh musuh yang menyerang dengan tangan kosong, sekalipun si pemegang pistol atau pun pedang tadi seorang yang bertubuh kecil. Ini kerana senjata boleh memberikan kuasa seperti juga kuasa boleh jadi senjata.

Pistol seperti juga kuasa yang ada di tangan sudah cukup untuk membesarkan jiwa kecil, menguatkan semangat si pendendam yang bertubuh kecil dengan nafsu yang besar.

Sun Tzu mengingatkan rakyat China waktu itu:

Seni peperangan adalah amat penting bagi sesebuah negara. Ia merupakan soal hidup atau mati, jalan ke tempat yang selamat atau ke arah kemusnahan. Oleh yang demikian, ia tidak boleh diketepikan dalam apa jua keadaan.

Sun Tzu mungkin mempunyai 'niat baik' bila ia mengajar askar-askar kerajaan **Wu** di dalam negeri **Ch'i** untuk mempertahankan diri. 'Niat baik' **Sun Tzu** tidak semestinya 'niat baik' kepada orang yang akan melaksanakan sepertimana yang mereka pelajari dari **Sun Tzu**. Bagaimana sekiranya strategi **Sun Tzu** ini jatuh ke tangan orang yang tidak mempunyai niat yang baik? Kita tahu orang yang nak perang dengan tujuan nak rebut kuasa tidak punyai niat yang baik terhadap musuh. Orang yang kejam dan zalim, orang yang tidak ada perikemanusiaan seperti **Hilter** di Jerman ataupun **Yitzhak Shamer** di Israel sudah tentu akan timbul penyalahgunaan kuasa Ilmu **Sun Tzu** ini.

Walaupun **The Art of War** dianggap oleh para penulis terkenal seperti **James Clavell**, penulis **Noble House** sebagai "menakjubkan" ia juga mengajar pembaca supaya berjaga-jaga terhadap siapa yang membaca dan mengamalkan ajaran ini. Kalau sekiranya 'ulamak siang hari' yang memperolehi buku ini mungkin mereka akan melebelkan buku ini sebagai **ajaran sesat** seperti yang telah mereka lakukan kepada buku **Aurad Muhamadiah**. Mereka akan menuduh saya dengan berbagai tuduhan.

Saya tidak fikir **Kit Siang**, **Ku Li** ataupun **Pairin Kitingan** boleh menggunakan **The Art of War** ini dengan berkesan untuk menjatuhkan kerajaan **Mahathir**. Ini kerana ramai di antara orang Mahathir sendiri yang membaca buku yang sama. Lagipun cara **Sun Tzu** hanya sesuai untuk peperangan 'konvensional', pertempuran di medan politik macam di Malaysia terpaksa menggunakan teknik dan taktik yang berlainan. Contohnya seperti **saiwar** ataupun fitnah yang sedang mereka gunakan sekarang. Teknik ini amat berkesan terutama digunakan di waktu menghadapi pilihanraya ataupun pemilihan dalam perhimpunan agung seperti selalu dilakukan oleh ahli-ahli UMNO.

Ia juga digunakan untuk menjatuhkan para pemimpin dalam parti yang sama seperti yang musuh-musuh Anwar lakukan dengan menaburkan surat-surat layang. Kononnya Anwar yang membuat angkara, di belakang 'Grand Design' yang mahu menjatuhkan Mahathir-Ghafar.

Semangat **The Art of War** boleh dipakai, boleh ditiru untuk menghasilkan satu kejutan macam kejutan di **Filippina dan Iran**. Di dalam konteks politik Malaysia peperangan untuk merebut kuasa sehingga sekarang tidak perlu dibuat melalui kekerasan seperti di Filipina dan Iran.

Menggunakan askar ataupun polis bukanlah pilihan utama malah cara itu boleh menimbulkan kesan yang tidak baik kepada pihak yang menggunakannya. Ini disebabkan iklim dan keadaan hidup budaya antara satu negara dengan negara yang lain tidak sama.

Bagi menghadapi peperangan politik maka orang-orang politik menggunakan **saiwar** yang boleh dijalankan dengan berkesan jika orang-orang yang menjalankan dan yang memahami strategi **Sun Tzu**, menggunakan semangat dan strategi ini untuk menguasai **public opinion** dan juga orang ramai.

Seperti kata **Sun Tzu**:

Jika kamu mengetahui siapa musuh kamu dan diri kamu sendiri, kamu tak perlu takut kepada keputusan seratus pertempuran pun.

Bagi pakar-pakar **saiwar**, perkataan ringkas kami bagi '**Perang Saikologi**' sama ada di dalam parti atau kerajaan, **Saiwar** sesama parti pemerintah, ataupun pembangkang, mereka seharusnya mengenali terlebih dulu siapakah musuh utama mereka. Kepada **Kit Siang**, **UMNO** dan **Mahathir** adalah musuh nombor wahid, kepada **Ku Li** pun **UMNO** dan **Mahathir** juga adalah musuh utama. Pendeknya **DAP** dan **Ku Li** walaupun tidak seideologi tapi matlamatnya tetap sama, iaitu ingin melihat **UMNO** dan **Mahathir** jatuh dari puncak kekuasaan. Bagi merealitikan perkara ini maka **The Art of War** ala Malaysia harus dirancang lantas strategi disusun untuk memastikan rancangan berjalan mengikut jadual. Perancang Agung yang melibatkan diri dalam **The Grand Design** ini selalu memilukan. Apakah cara yang paling baik untuk menjamin **UMNO** dan **Mahathir** tumbang? Pergi jumpa bomoh. Pergi jumpa Tok Kiai sembahyang hajat, tak hancur dan jatuh juga **Mahathir** dan **UMNO**.

Jawabannya ada terdapat di dalam pengajaran **Sun Tzu** antara lain beliau mengingatkan mereka yang mahu berperang

"Cara teragung ialah mematahkan pertahanan musuh-

musuh tanpa sebarang perlawanan."

Memang tepat sekali pengajaran **Sun Tzu**. Teori beliau digunakan oleh **musuh-musuh UMNO** dengan amat berkesan hingga wujudlah keadaan bercelaru dan suasana kekeliruan. Inilah matlamat puak musuh. Jika keadaan ini berterusan maka masa untuk membuat "final assault" hanya menunggu detikan jam saja.

Tetapi strategi **Kit Siang** dan **Ku Li** nampaknya tidaklah secekap yang didugakan walaupun strategi itu datang dari cara *The Art of War*.

Di Bentong, **DAP** gagal mempengaruhi orang-orang Melayu supaya bangun menentang kerajaan **UMNO**. Sama juga di **Ampang Jaya**, **Ku Li** gagal menyakinkan orang-orang Melayu agar memilih **Datuk Harun** sebagai wakil mereka untuk menentang **UMNO** dan **Mahathir**. Sebaliknya **Ampang Jaya** telah membunuh semangat para pengikut **Ku Li**, orang yang berdiri menyokong gerakan **Semangat Serpihan**, dan sedikit sebanyak telah mengkafarkan politik **Datuk Harun**. Kekalahan **Harun** bukan saja kerugian dari segi moral malah dari segi material, **Harun** dan keluarganya rugi kerana banyak mengeluarkan wang untuk berkempen.

Orang ramai berkata puak **Harun** membelanjakan lebih \$1 juta. Dan hal ini masih belum dinafikan oleh **puak Serpihan**. Untuk mengetahui cara lengkap apa yang berlaku di **Ampang Jaya**, baca buku saya '**POLITIK SERPIHAN**', satu **posts mortem** mengenai pilihanraya yang dianjurkan oleh kaum serpihan mengikut sistem **saiwar** mereka.

The Art of War ciptaan **Ku Li** dan **Kit Siang** serta dibantu oleh **PAS** telah membuat hasil yang mengecewakan. Teori **Sun Tzu** gagal dilaksanakan oleh **puak Serpihan**. Tapi satu kumpulan di dalam **UMNO** digunakan dengan cara diam-diam. Pemimpin yang menggunakan orang macam Shahidan dan gengnya menyangka dalam masa enam bulan Dr. **Mahathir** akan mati. **Mahathir** akan mati ketika beliau sedang sakit. Mereka fikir rahsia mereka tidak akan terbongkar kalau terdedah pun matlamat mereka sudah tercapai. Matlamatnya walaupun tidak sama tapi ada beberapa persamaan di dalam tindak tanduk kumpulan ini. Matlamat sebenar mereka bukan nak jatuhkan **UMNO** dan **Mahathir**. Kalau jatuh, O.K. Mereka tak kisah sangat. Yang penting mereka ini bercita-cita besar. Mereka yakin dan percaya

golongan mereka boleh memerintah negara dan boleh ambil alih kuasa.

Kehendak mereka yang sebenarnya hanya mahu beberapa orang yang diketuai oleh seorang tokoh muda jatuh. Ini kerana golongan tokoh muda ini dilihat sebagai batu penghalang kema-raan kumpulan mereka yang selama ini seperti orang yang 'dok pi mai tang tu juga'.

Matlamat puak ini boleh dicapai melalui strategi **The Art of Propaganda** karya seorang ahli parlimen UMNO iaitu Shahidan Kassim.

Tapi apakah caranya? Caranya mudah. Gunakan cara **Sun Tzu** iaitu:

**Dalam peperangan, biarkan matlamat utama kamu itu
ialah kemenangan, bukan kempen yang berjela-jela.**

Dengan menggunakan cara dan strategi ini maka pada suatu hari bertempat di sidang Dewan Rakyat, **Shahidan Kassim** telah bangun dan membuat ucapan terbuka. Ucapannya walaupun mendatar tapi menggemparkan beberapa orang ahli Parlimen yang duduk di kantin Parlimen. Mendengar ucapan Shahidan Kassim itu ada ahli-ahli Yang Berhormat yang tersedak. Dan ramai juga di antara mereka itu yang tersenyum. Yang tertawa pun ramai kerana menganggap pada mulanya **Shahidan** ter-lepas cakap. Maklumlah sedang syok berhujah, tentulah sukar untuk kawal diri dan emosi.

Dalam hujahnya **Shahidan** mendakwa terdapat satu plot atau komplot dari dalam kerajaan yang dianggotai oleh ahli-ahli kabinet yang tujuannya untuk menjatuhkan Mahathir dan Ghafar. Siapa yang menerajui komplot ini. Siapa pula ahli-ahlinya? Ini tidak pula didedahkan oleh Shahidan. Beliau cuma menyebut wujudnya komplot ini. Beliau berjanji untuk mendedahkan **Grand Design** ini kepada **Mahathir** sebaik saja Perdana Menteri pulang dari bercuti di luar negeri. **Shahidan** sempat berjumpa Ghafar Baba di pejabat Timbalan Perdana Menteri lalu meluahkan sedikit sebanyak rahsia hatinya. Siapa yang terlibat turut didedahkan, dan orang yang memberikan maklumat pun turut dibut. Siapalah agaknya orang itu? Ghafar tentu sudah tahu, tap Ghafar enggan cakap hal ini.

Shahidan yang nak jumpa Perdana Menteri pun masih membisu, masih mempertahankan rahsia **Grand Design** dan ta-

mahu sahkan samada dia sudah jumpa dengan Mahathir mengenai perkara ini atau belum.

Saya tidak fikir Shahidan adalah *master mind*-nya di dalam mendedahkan **Grand Design** ini. Orang yang bertanggungjawab masih duduk di belakang tabir, membiarkan Shahidan jadi pelakon utama untuk beberapa waktu. Matlamatnya menggunakan Shahidan amat mudah iaitu untuk memastikan orang yang mendengar mempercayai dakwaan ahli parlimen Arau itu. Malangnya dakwaan Shahidan telah menimbulkan tertawa besar. Harapkan angin untuk menimbulkan ribut, rupa-rupa ribut tak jadi, angin pula mati. Dipendekkan cerita tembelang **The Grand Design** terdedah.

Sekarang mari kita analisa apa dia **Grand Design**, mengapa perkara ini didedahkan di Parlimen oleh wakil rakyat UMNO. Siapa yang hendak dijatuhkan, siapa designernya?

Seperi yang kita sebut di awal tadi strategi yang baik mengikut **Sun Tzu** ialah:

Untuk berlawan dan kemudian menakluki musuh dalam medan-medan perang bukanlah cara teragung; cara teragung ialah mematahkan pertahanan musuh-musuh tanpa sebarang perlawanan."

Justeru itu strategi ini digunakan dengan tujuan untuk memecahkan perpaduan kumpulan yang dikatakan bertanggungjawab untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan Timbalannya.

Sehingga buku ini ditulis masih belum ada orang yang berani menyebut secara berani dan terbuka kumpulan yang terlibat di dalam **Grand Design**. Barangkali kerana mereka tidak percaya **Grand design** ini benar-benar wujud.

Tapi untuk pengetahuan pembaca setia saya, akan saya kupas dan dedahkan siapakah yang dikaitkan dan apakah motif isu **Grand Design**. Terus terang saya katakan Shahidan Kassim telah menjadi alat segelintir pihak di dalam UMNO yang ingin melihat tokoh muda ini terjerat, jatuh dari tempat sekarang. Orang yang saya maksudkan sebagai tokoh muda itu tak lain dan tak bukan ialah Sdr. Anwar Ibrahim.

Kepada golongan ini Anwar merupakan tembok yang menghalang kemaraan mereka. Selagi Anwar kekal di dalam UMNO, selagi Mahathir memberikan kepercayaan seratus peratus kepada Anwar maka selagi itu kedudukan Anwar terus teguh dan peluang Anwar untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia amatlah cerah.

Sekiranya Anwar menjadi Perdana Menteri maka sudah tentulah peluang kumpulan ini untuk mengatasi Anwar bukan saja sulit, malah semakin mustahil. Nasib tak baik mereka ini akan kehilangan jawatan penting di dalam kerajaan. Mereka tentu takut untuk kehilangan kereta Mercedes, bodyguard, gaji lumayan, penghormatan rakyat, tabikan dari polis dan macam-macam aneka penghormatan.

Mereka sedar hubungan Anwar dan Mahathir amatlah rapat. Hubungan itu sudah melebihi hubungan seorang boss dengan pekerja. Kepada Mahathir, Anwar adalah calon yang paling layak untuk menjadi tokoh utama suatu masa nanti. Saya percaya seandainya Ghafar menggantikan Mahathir kerana sebab-sebab tertentu, Ghafar tentu ingin memilih Anwar sebagai orang keduanya. Dengan adanya Anwar di sisi Ghafar maka kerajaan pimpinan Ghafar akan lebih diyakini.

Latar belakang Anwar yang kaya dengan perjuangan menegakkan yang hak, lebih mempunyai kredibiliti. Kata orang, Anwar bersih dari korupsi, seorang yang terkenal di dunia Islam, seorang yang mempunyai vissi, seorang yang mengamalkan ajaran Islam sepenuh hati. Ini semua adalah pasport untuk memudahkan dia diterima sebagai teraju negara di satu masa kelak.

Kumpulan yang menyedari kedudukan mereka boleh tergugat andaikata Anwar naik terlebih dahulu terus berusaha mencemar nama dan imej Anwar. Cara yang terbaik ialah menimbulkan keraguan di kalangan orang ramai. Apakah caranya? Mudah. Mereka gunakan teknik **Sun Tzu**. Mari kita ikuti penjelasan **Sun Tzu** di dalam hal ini.

Dengan cara menemui kubu musuh dan kita terus dalam keadaan bersembunyi, kita boleh menumpukan kekuatan kita, sedang pihak musuh terpaksa berpecah. Jika kubu musuh memang jelas kelihatan, maka kita bolehlah menganggapnya sebagai satu pasukan sahaja, dalam pada itu dengan kubu kita masih tersembunyi, pihak musuh terpaksa berpecah supaya mereka dapat menangkis serangan dari semua penjuru. Kita boleh membentuk satu pasukan yang bersepadau, sementara pasukan musuh terpaksa berpecah-pecah. Dengan yang demikian itu terjadi lah perlawanan di antara keseluruhan sebuah pasukan dengan sebuah pasukan yang hanya merupakan

sebahagian dari yang keseluruhan, yang mana bererti kita adalah pihak yang lebih ramai dibandingkan pihak musuh yang sedikit. Dan jika kita berupaya menentang pasukan yang lemah dengan pasukan yang kuat, musuh kita akan tewas dengan keadaan pergelutan yang mengerikan.

Sekiranya kumpulan ini berjaya pecahkan perpaduan Anwar dengan kumpulan Mahathir maka kedudukan Anwar akan terguncang. Ia ibarat tiang seri. Kehilangan tempat untuk berpaut boleh menjadikan peluang menjadi pengganti Mahathir - Ghafar.

Shahidan yang memang terkenal sebagai jokers telah diumpan. Tak tahulah apa jenis umpannya tapi ada tanda-tanda umpannya boleh menggiurkan setiap hati yang mengingatkannya. Saya fikir telah ada rancangan untuk menimbulkan satu suasana mengelirukan di sidang Parlimen hari itu. Selesai saja Shahidan berucap maka akan bangun beberapa orang ahli parlimen bertanyakan siapa yang terlibat dan barangkali ada pihak akan mendesak kerajaan bertindak segera meskipun waktu itu Mahathir berada di luar negeri. Harapan kumpulan ini ialah agar Ghafar turut melatah, dan akan menyiasat.

Rupa-rupanya strategi **Sun Tzu** tidak dijalankan dengan licin. **Grand Design** Allah nampaknya lebih berkesan, orang yang mempunyai niat buruk itu tiba-tiba terperangkap kerana mood ahli-ahli parlimen menjadi simpati kepada Anwar yang konon dituduh terlibat.

Saya katakan dakwaan Shahidan tidak lojik dan tidak berasas seperti yang saya tulis dalam **Mingguan Kota**. Lagi pun ia nampak sangat suatu usaha yang mengarut, kerana apakah Anwar mahu menjatuhkan Mahathir dan Ghafar sedangkan Anwarlah satu-satu tokoh di dalam UMNO yang banyak mempertahankan Mahathir secara terbuka. Cara Anwar pertahankan Mahathir amat berkesan hingga orang yang mendengar hujah Anwar akan merasa lembut hati sekaligus bangun menyokong kepimpinan Mahathir. Anwar ada 'ummph' di dalam mempertahankan bossnya itu.

Sekarang tembelang arkitek **Grand Designer** sudah terbongkar, baunya sudah pun diciumi oleh Mahathir, Ghafar dan ramai lagi.

Masakan tidak, dengan tercemar imej Anwar maka saham mereka bolehlah dijual di pasaran terbuka dengan harapan orang

awam akan melihat mereka sebagai calon-calon pemimpin negara satu masa kelak.

Shahidan yang mulanya jadi hero kerana berjaya membongkar **Grand Design** bukan saja menjadi **kambing hitam**, malah nasib masa depan politiknya boleh berada di dalam keadaan terumbang ambing. Apakah Shahidan akan digugurkan dari calon-calon yang akan bertanding di dalam pilihanraya umum akan datang bagi kawasan Arau adalah suatu yang sedang diperhatikan.

Besar kemungkinan gelaran YB akan terlucut dari poketnya. Inilah kata orang tua-tua, cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar kerana terlajak perahu boleh ditarik, terlajak kata-kata padah jadinya.

Bukan saja bintang politik Shahidan tercalar, bintang politik **Grand Designer** ataupun arkiteknya pun berada di dalam keadaan genting. Silap haribulan mereka akan menerima nasib yang sama dengan Ku Li dan Musa, hilang jawatan dan musnah harapan untuk menjadi Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri.

Apa yang mendukacitakan ialah cara kumpulan ini merancang **The Art of War** amatlah jijik kerana matlamat mereka ialah untuk menjatuhkan kepimpinan Anwar, andai kata matlamat mereka untuk menjatuhkan Ku Li, Musa ataupun Kit Siang maka sedikit sebanyak sekalung bunga tahniah dapat diucapkan.

Barangkali designer kepada **Grand Design** ini hanya membaca strategi Sun Tzu, tapi terlupa untuk membaca peringatan James Clavell di dalam bab pengenalan. Clavell berpesan: "*the true object of war is peace*", oleh itu berdamailah kerana melalui perdamian sajalah pembinaan sebuah empayar Melayu abad 20 boleh tercapai dengan lebih berkesan. Dan bagi mereka yang ingat amanat Rasulullah di hari kembalinya baginda dari Perang Badar tatkala ditanya oleh para sahabat: "Apakah ada perang yang lebih besar selepas ini?"

Maka jawab Baginda, "Ada".

Lalu para sahabat pun bertanyalah: "Perang apa itu wahai Rasulullah?"

Maka Baginda pun berkata: "Perang Nafsu."

Baginda tak katakan perang dunia pertama, kedua dan ketiga. Ini kerana bila manusia sudah berjaya dalam hidup, musuh utama mereka adalah iblis. Hanya orang yang beriman dan hanya mereka yang mempelajari ilmu tauhid yang mengenal diri akan

mengenali Tuhan mereka. Tapi kalau tak kenal Tuhan mereka rasa merekalah Tuhan. Maka mereka bermusuhanlah dengan diri sendiri. Akhirnya Iblis yang menang dan mereka binasa serta menjadi penghuni neraka. '*The Art Of War*' yang ditulis oleh Sun Tzu sudah pasti tak akan dapat menolong mereka.

Merdeka... Merdeka... Merdeka...
Jangan lari jangan lari... jalannya tak pernah
tak pernah jalannya tak pernah



13

MENTERI BESAR SIAPA PUNYA?

Si buta disuruh
menampi padi,
Si pekak disuruh
pasang bedil,
Si tepok disuruh
menghalau burung.

DI ZAMAN dahulu kala seorang **Memanda Menteri** adalah milik seorang raja yang memerintah. Ini kerana rajalah yang melantik seseorang itu menjadi menteri dan raja jugalah yang membayar gaji menteri serta memanjangkan kemudahan-kemudahan seperti rumah, pengawal dan sebagainya kepada orang yang telah dilantik baginda menjadi Memanda Menteri itu.

Di zaman itu tidak ada '**doktrin pengasingan kuasa**' seperti yang diamalkan sekarang ini. Seorang raja adalah juga seorang pemerintah eksekutif, penggubal undang-undang dan bertindak sebagai hakim yang menjatuhkan hukuman. Bayangkanlah betapa besarnya kuasa seorang raja ketika itu. Bidang kuasanya mencakup ketiga-tiga alat memerintah yang dijalankan oleh tiga buah institusi yang berasingan di zaman ini. Maka waktu itu kata raja adalah undang-undang. Rajalah yang menjatuhkan hukuman. Seorang raja adalah seorang **diktator**.

Zaman raja-raja menjadi diktator sudah lama berlalu. Pemerintahan diktator yang menjadi amalan raja sudah tidak sesuai lagi untuk masa kini. Inilah bukti bahawa tidak ada yang kekal akan segala sesuatu yang dijadikan oleh manusia itu. Apa sahaja yang bersifat baru pasti akan binasa. Maka timbulah perkembangan budaya kehidupan manusia yang berubah-ubah, yang silih berganti dari satu jenis pemerintah ke jenis pemerintahan yang lain pula. Manusia semakin hari semakin maju dan bertamadun. Ramai rakyat yang sudah mempunyai pelajaran yang tinggi, yang sudah dapat membezakan apakah yang dikatakan keadilan dan apakah yang dikatakan bukan keadilan dan apakah yang dikatakan agama dan apakah yang dikatakan ideologi yang dicipta oleh manusia. Rakyat juga sudah tahu yang mana satu demokrasi ciptaan barat dan yang mana satu demokrasi Islam. Apa saja yang diciptakan oleh manusia tidak akan kekal, contohnya ideologi yang dicipta oleh manusia yang bernama Karl Marx satu waktu dulu, iaitu satu-satunya ideologi politik yang digemari dan begitu popular dan terbukti mempengaruhi dua negara yang terbesar di dunia, Rusia dan China. Ideologi komunis dibawa untuk menghapuskan Raja-raja di China dan begitu juga di Russia. Tapi lihat apa yang telah berlaku di China. Begitu juga di Poland yang dikuasai oleh sistem komunis selama 45 tahun. Akhirnya kuasa komunis, hilang juga apabila Lech Walesa pemimpin parti Solidarity menang pilihanraya umum di negara tersebut.

Ini menunjukkan idea yang dibawa oleh manusia untuk menguasai manusia tidak akan kekal dan tidak akan dapat menyelamatkan manusia. Idea tentang hukum rimba, **siapa kuat dia lah yang berkuasa** telah meletakkan raja-raja di tempat yang paling tinggi sekali. Kemudian datang idea komunis, samarata samarasa, juga tidak dapat membawa kebahagian kepada manusia. Dari sejak Adam hingga ke hari ini, manusia akan terperang dan berbunuhan-bunuhan sesama sendiri selagi manusia belum sedar musuh mereka itu adalah syaitan. Dan sekiranya mereka berjaya memerangi nafsu mereka, dunia akan menjadi satu tempat yang aman. Manusia tidak akan berperang sesama sendiri. Cara hendak memerangi nafsu adalah dengan cari mengawal diri dan mengenal **Tuhan** melalui **Al-Quran**. Hanya berpandukan petunjuk dari Al-Quran dan di pimpin oleh Rasulullah sahaja masalah pertelingkahan dunia hari ini akan selesai.

Oleh kerana ramai rakyat yang terdidik dan mempunyai

pelajaran yang tinggi, maka cerita seperti yang terjadi di **Temasik** pada zaman dahulu sebagaimana yang terakam dalam **Sejarah Melayu**, apabila seorang budak yang cerdik bernama **Hang Nadim** dibunuh kerana kecerdikannya sudah tidak berlaku lagi. Ini kerana dulu sukar untuk mendapat seorang anak Melayu yang secerdik Hang Nadim.

Hari ini kebanyakan anak-anak Melayu sudah menjadi cerdik pandai. Lahir saja ke dunia tidak payah tunggu tujuh hari sudah boleh celik mata. Belum berumur tiga tahun sudah boleh berfikir dan membaca serta sudah tahu serta pandai menuntut hak asasi manusia dari kedua ibubapa.

Dunia telah berubah. Zaman telah beredar maka ukuran dan penilaian manusia juga telah berubah dan bertukar. Orang tidak lagi mengukur akan keadilan dan kezaliman itu dari kacamata raja-raja yang memerintah. Orang hari ini telah mengukur keadilan dan kezaliman dari kacamata dan prinsip-prinsip yang lebih unggul yang diwahyukan oleh Allah s.w.t., iaitu berdasarkan kepada Al-Quran dan Al-Hadis. Dua petunjuk yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada manusia untuk memilihnya sama ada untuk beriman kepadanya atau tidak. Jadi rakyat sudah dapat mengukur akan kezaliman atau keadilan seorang raja berdasarkan kepada kacamata Islam yang lebih menyeluruh dan yang sesuai untuk segala zaman. Oleh yang demikian, maka kehidupan raja telah terbuka kepada mata rakyat untuk memberi hukuman.

Sekiranya kita membaca sejarah Rasulullah, kita akan dapat di subuh hari Isnin 12 Rabii'ulawal, tiang arary bergoyang, api di atas menara Rome padam dan raja di Parsi serta Rome gugur. Itulah tanda kedatangan Revolusi manusia.

Pagar-pagar istana walaupun setinggi 12 kaki dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menjengokkan mukanya untuk melihat apakah yang dilakukan oleh raja di dalamnya, telah tidak menjamin lagi akan keselamatan raja. Malah sejarah juga telah membuktikan hatta tembok yang sehebat Tembok Besar China iaitu satu-satunya struktur buatan manusia yang boleh dilihat dari bulan takalipun tidak dapat menyelamatkan raja. **Maharaja Shih Huang Ti** sudah mati, tapi ke manakah perginya pewaris-pewarisnya yang sepatutnya mewarisi dinasti China dan seleirusnya maharaja-maharaja China.

Sifat Allah Ta'ala melihat apa yang dibuat oleh manusia walaupun tidak seorang manusia pun yang dapat melihatNya.

Orang Islam ini mestilah ingat bahawa yang maksum itu

ianya Nabi Muhammad s.a.w. seorang saja. Selain daripada Rasulullah semuanya tidak maksum. Setiap manusia ada saja dosa yang dilakukannya. Manusia tidak kira dia seorang hakim yang setiap hari menjatuhkan hukuman atau seorang raja yang memutuskan segala perintah, dia tetap manusia biasa yang tidak maksum dan yang pasti terlibat dengan segala macam dosa. Maka kerana dia tidak maksum maka setiap saat dia terdedah kepada melakukan apa juar kesalahan. Sebab itu dia meskipun mencontohi Nabi s.a.w. beristighfar satu ribu kali sehari minta ampun dari Tuhan. Lagipun Rasulullah diiktiraf oleh orang-orang bukan Islam sendiri sebagai pemimpin dunia yang terulung. Dalam buku 'Seratus Pemimpin Dunia' yang ditulis oleh M. H. Hart nama baginda telah di tempatkan di tempat yang pertama.

Begitulah perkembangan dunia meletakkan setiap orang pada tugasnya masing-masing sesuai dengan fitrah manusia dan falsafah orang Melayu iaitu;

*Raja sama raja
Menteri sama menteri
Hulubalang sama hulubalang
Shahbandar sama shahbandar
Bentara sama bentara
Rakyat sama rakyat
biarpun mereka berada
di tempat masing-masing
di anjung masing-masing
Namun mereka bertukar tempat
tetap bertukar anjung
boleh bertukar istana*

Percayalah kepada sifat Tuhan yang Amat Pemurah dan Amat Pengasihani.

Biarpun ada manusia tidak mahu percaya dengan kekuasaan Tuhan mereka masih mahu hidup dalam kelompok dan puak puak mereka. Raja sama raja, menteri sama menteri. Orang kaya sama orang kaya, dan yang papa sama yang papa. Bila datang arus revolusi, yang datang dari Allah semua manusia jadi sama rata. Sama semuanya. Satu saja, iaitu manusia.

Begitulah hal zaman dahulu kala. Dalam zaman moden

pun asas-asas yang diletakkan pada zaman yang dahulu kala itu pun tidak banyak berubahnya.

Ini zaman kerajaan dipilih oleh rakyat. Sesuai dengan perkembangan asas yang ada dalam negara ini maka raja-raja di Malaysia adalah raja yang berperlembagaan. Maka peranannya adalah peranan yang telah termaktub di dalam perlombagaan sebagaimana ikrar Raja Azlan Shah,

(Utusan Malaysia, 26 April, 1989). Sultan Azlan Shah yang telah memulakan tugas sebagai Yang Dipertuan Agung ke- 9 esok berikrar menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab baginda dengan adil dan saksama, berlandaskan kepada prinsip-prinsip kerajaan berperlembagaan. Baginda juga menambah bahawa "sekiranya ada sebarang masalah atau kesulitan, suka beta mengingatkan bahawa kita hendaklah mencari penyelesaian melalui musyawarah untuk mencari jalan keluar yang terbaik demi kepentingan bersama".

Di zaman ini seorang Menteri Besar tidak lagi dipilih oleh seorang sultan. Kini seorang Menteri Besar adalah seorang yang dipilih oleh rakyat. Oleh kerana seorang Menteri Besar dipilih oleh rakyat, maka rakyatlah yang berhak menggugurkan atau mengekalkannya di dalam jawatannya. Dan oleh kerana

'Baginda hanya boleh menyatakan persetujuan tetapi tidak berhak memilih Menteri Besar menurut kehendak hatinya',

Seperti yang disebutkan oleh Tunku Abdul Rahman, seorang yang berdarah raja sendiri dalam ruangan '**AS I SEE IT**' akhbar The Star keluaran Isnin, 5 Oktober 1981, maka kedudukan seorang Menteri Besar sudah tentulah tidak boleh dipertikaikan oleh raja yang berperlembagaan. Atau dengan kata lain dia tidak boleh **memvetokan** apa-apa keputusan dengan begitu sahaja seperti Russia atau Amerika **memvetokan** apa-apa keputusan di Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam sistem yang kita amalkan sekarang ini, kerja Menteri Besar adalah lebih besar dari kerja sultan dan kerja Perdana Menteri adalah lebih Perdana dari kerja Yang DiPertuan Agong. Seorang Menteri Besar ataupun seorang Perdana Menteri terpaksa mengambil sikap, '**One has to be cruel in order to be kind**'.

Sebenarnya bukan semua kerja-kerja yang dibuat oleh Menteri Besar atau Perdana Menteri itu betul. Kerja-kerja memberi kawasan balak, kerja-kerja memperjuangkan kepentingan orang Melayu, padahal kita hidup dalam masyarakat majmuk kerja tidak menghidupkan parti politik yang sudah mati, itu semuanya kerja-kerja yang tak betul. Tapi kerja-kerja yang tak betul ini perlu dilakukan untuk mengelakkan berlakunya benda-benda yang lebih tak betul. Jadi Pemimpin parti politik dan Pemimpin manusia berbilang bangsa dan berlainan agama, terpaksa berbohong dan buat kerja-kerja yang tak betul untuk membetulkan keadaan yang tak betul.

Bagi seseorang ahli politik, kerja memulihkan keadaan masyarakat adalah ibarat kerja seorang doktor yang memulihkan pesakit-pesakitnya. Jika doktor terpaksa memberikan ubat-ubatan yang pahit, membelah dan membuang mana-mana anggota jika perlu, maka dia terpaksa berbuat demikian. Perbuatan tersebut walaupun nampak kejam, tapi perlu untuk memulihkan penyakit atau mengelakkan si pesakit dari terus merana seumur hidupnya.

Maka itulah sebabnya, seorang Menteri Besar atau seorang Perdana Menteri tak boleh memuaskan hati semua orang dalam satu masa. Raja-raja mestilah faham hakikat ini. Jika tidak, rakyat akan menjadi mangsa dan negara akan menjadi haru-biru kerana setiap kaum, setiap puak, setiap parti politik, setiap badan profesional, setiap institusi, malah setiap individu mempunyai idea masing-masing tentang bagaimana hendak mentadbir negara mengikut selera dan persepsi masing-masing. Maka itulah sebabnya diadakan pemilihan pemimpin yang boleh mewakili semua rakyat.

Dulu seorang raja memanggil menterinya dengan sebutan **memanda**, sekarang gelaran itu sudah berubah. Seorang raja terpaksa memanggil seorang Menteri Besar dengan gelaran Yang Amat Berhormat. Panggilan 'Memanda Menteri' itu memanglah sesuai kerana seorang menteri membuat kerja-kerja raja. Tapi sekarang seorang Menteri Besar membuat kerja-kerja rakyat dan gajinya pula dibayar oleh rakyat dan bukan dibayar oleh raja. Sebenarnya, macam juga gaji seorang Menteri Besar gaji raja juga dibayar oleh rakyat. Bezanya, gaji raja adalah 'perbelanjaan yang ditanggung terus dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi sesebuah negeri'. Justeru itu gaji seseorang raja tidak boleh dibahaskan dalam Dewan Negeri. Tetapi gaji Menteri Besar, macam juga gaji-gaji kakitangan awam Negara

diperuntukkan dalam Enakmen Perbekalan untuk mana-mana tahun berkenaan dan diperbahaskan dalam Dewan tersebut.

Jadi seorang Menteri Besar bukanlah milik seorang sultan atau seorang raja tetapi ia adalah milik majoriti rakyat. Hakikat ini telah dijelaskan sendiri oleh Tunku Abdul Rahman dalam rencana yang telah saya sebutkan itu. Tulis Tunku:

"Begitulah hakikatnya kerana Menteri Besar itu adalah milik rakyat dan jika sultan diberikan hak memilih, maka Menteri Besar itu adalah orang sultan dan 'subservient' kepada kehendak baginda".

Dalam memetik kata-kata Tunku ini, saya sengaja membiarkan perkataan '*subservient*' tanpa diterjemahkan. Menurut kamus dwibahasa keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, '*subservient*' bermaksud 'terlampaui merendahkan diri'.

Saya kira pemilihan perkataan '*subservient*' ini memang tepat sekali. Siapa lagi kalau bukan Tunku yang tahu cerita-cerita mengenai betapa sultan-sultan di zaman dahulu merendahkan martabat seorang memanda menteri. Anda tentu biasa dengar dialog yang seperti ini. "**Titah Tuanku itu patik junjung di atas batu jemala patik**".

Terlanjur kita sudah menyebut dialog ini, ada baik juga kalau kita menyimpang sedikit. Tapi penyimpangan ini taklah jauh sangat. Barangkali dari Jalan Gong Badak ke Kampong Kedai Lalat. Bukan menyimpang ke Golok. Kalau menyimpang ke Golok, tu dah jauh sangat tu.

Dalam **CHALLENGER - SIAPA LAWAN SIAPA**, saya pernah membincangkan konsep 'jiwa hamba' dalam masyarakat Melayu kontemporari. Dalam buku itu saya telah mengatakan bahawa Britishlah yang harus dipersalahkan dalam soal ini. Tapi setelah saya melihat kembali sejarah, '*Looking Back*' (meminjam tajuk buku Tunku Abdul Rahman) saya pasti British tidak boleh dipersalahkan seratus peratus dalam menanamkan 'jiwa hamba' kepada masyarakat Melayu. 'Jiwa Hamba' sebenarnya sudah berakar umbi dalam diri orang Melayu lama sebelum kedatangan British ke negara kita ini. Apa yang British lakukan hanyalah menangguk di air keruh.

Untuk membuktikan hakikat ini, mudah sahaja. Kita kembali semula kepada perkataan '*subservient*' yang digunakan oleh Tunku dan dialog '**Titah Tuanku patik junjung di atas batu jemala patik**'.

Perkataan 'Tengku', 'Tunku' 'Engku' dan termasuk juga 'Ku'

'nonim kepada perkataan Tuanku. Perkataan 'sal dari dua perkataan 'Tuan' dan 'Ku'. Ia 'uan siapa?' Dan yang layak dipanggil 'Tuan' kepada hamba-hamba sekalian. Tapi kita ini sebenarnya?

... begitu jugalah dengan perkataan 'patik' yang bermakna 'hamba' seperti mana yang ditakrifkan oleh Kamus Lengkap yang disusun oleh pakar linguistik Drs., Awang Sudjai Hairul. Maksud perkataan 'patik' selain daripada 'hamba' adalah juga tidak begitu sedap didengar. Patik juga bermaksud 'sirip yang berbisa pada ikan sembilang' dan 'penyakit paru-paru'. Dan kalau mengikut salah satu bahasa suku sakat Jawa, perkataan patik itu bermaksud 'anak anjing'.

Penyakit 'budaya hamba' ini memang sudah wujud sejak berzaman-zaman lagi. Itulah sebabnya dalam cerita-cerita purba, apabila seseorang biasa bertemu dengan seseorang biasa, dialog seperti ini sering terungkap.

"Dari manakah gerangan tuan hamba"
"Hamba datang dari ulu..."

Soalnya, siapakah gerangan yang telah memperhambakan orang Melayu dari segi jiwanya, moralnya, budi perkertinya, tutur bahasanya, mentalnya dan warna-warna hidupnya. Britishkah atau pun segolongan Melayukah yang menjadi pemulanya? Saya percaya bukan British kerana rakyat Inggeris memanggil rajanya dengan gelaran 'Your Highness' dan bukan 'My Master'. Inggeris meletakkan seorang yang dijadikan hamba itu setara dengan anjing. Apabila seekor anjing berjalan dengan pemiliknya, mereka akan menyatakan '*The dog and its master*'.

Jadi begitulah jiwa hamba. Inilah yang saya tegaskan di dalam buku saya **THE CHALLENGER, SIAPA LAWAN SIAPA** tentang jiwa yang tidak merdeka.

Berbalik kepada isu siapa yang memiliki seorang Menteri Besar, eloklah saya menyingkap ingatan para pembaca kepada dua peristiwa penting dalam sejarah Malaysia yang melibatkan Menteri-Menteri Besar dengan Sultan negeri masing-masing.

Pertama ialah krisis Tan Sri Ghazali Jawi dengan Baginda Sultan Perak. Dan kedua ialah krisis di antara Tan Sri Osman Saat dengan Baginda Al-Mutawakkil Sultan Johor.

Dalam kedua-kedua kes ini hanya satu kes sahaja yang say

mahu timbulkan. Kes itu ialah kes kedua iaitu krisis Tan Sri Osman Saat dengan Baginda Al-Mutawakkil Sultan Johor. Saya sengaja berbuat begini kerana di antara kedua-dua kes yang disebutkan itu hanya kes ini sahaja yang memberi kesan terhadap rakyat.

Ketika Tan Sri Dato' Othman Saat memegang jawatan Menteri Besar Johor dulu kini segala bintang-bintang anugerah di Raja Johor yang membawa gelaran Dato' telah ditarik balik. Beliau merupakan Menteri Besar yang paling kanan sekali di antara semua Menteri-Menteri Besar yang memegang jawatan itu pada ketika itu. Osman Saat juga merupakan seorang pemimpin UMNO yang paling berkuasa dan oleh yang demikian merupakan yang paling banyak sekali menyalahgunakan kuasa.

Penyalahgunaan kuasa yang berupa rasuah, pemberian tanah-tanah yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan sudah banyak saya dedahkan di dalam buku-buku saya sebelum ini. Dan rakyat Johor khasnya telah sedia maklum betapa berkuasanya Osman Saat ini sehingga beliau seringkali mencampuri hal-hal yang berkait dengan Istana. Namun begitu, Almarhum Sultan Ismail yang terkenal dengan sikapnya yang menghormati Perlembagaan senantiasa mengambil sikap toleransi terhadap Menteri Besarnya itu dan tidak pernah cuba mencampuri permainan politik Osman Saat. Tambahan pula, talkala Osman Saat berada di mercu kekuasaan, Almarhum sultan sudah amat berusia dan senantiasa gering. Maka mudahlah bagi beliau (Osman Saat) mempengaruhi istana sungguhpun perbuatan ini tidak digemari oleh kerabat diraja sendiri.

Almutawakkil Allallah Sultan Iskandar yang ketika itu menjadi Raja Muda Johor senantiasa mendampingi rakyat. Baginda selalu bermain tennis dan golf bersama-sama pegawai kerajaan. Dengan yang demikian itu Baginda amat memahami penderitaan rakyat Johor di bawah pentadbiran Osman Saat. Namun, seperti juga ayahanda Baginda, Baginda tidak mencampuri hal-hal politik ini. Baginda lebih suka memilih untuk berdiam diri.

Apabila Baginda ditabalkan menjadi sultan baginda sedar bahawa sudah seharusnyalah Baginda melepaskan rakyat Johor dari cengkaman Osman Saat. Dengan menyedari bahawa adanya 'constrain' ataupun keterbatasan undang-undang, maka Baginda pun memilih cara yang paling bijaksana. Cara tersebut ialah menitahkan agar Osman Saat mengosongkan pejabat Menteri Besar yang asalnya pejabat Almarhum Sultan Ibrahim.

Almutawakkil tidak pernah mengusir Osman Saat keluar dari Johor ataupun mendesak kerajaan Persekutuan atau meminta kerjasama Tun Hussein Onn selaku Presiden UMNO bagi menukar Menteri Besar Johor. Tapi akibat daripada permainan politik di peringkat Persekutuan, maka Osman Saat terpaksa meletakkan jawatan juga.

Selanjutnya jika kita kaitkan kemurkaan Baginda terhadap Osman Saat, kita akan lihat bahawa ia tidak ada hubungan dengan unsur-unsur politik. Kemurkaan baginda adalah berpunca dari perbuatan Osman Saat yang cuba menunjuk belangnya dengan mempersoalkan perlantikan Al-Mutawakkil sebagai Tengku Mahkota di saat-saat akhir sebelum mangkatnya Baginda Sultan Ismail. Ini kerana Osman Saat sebagai Menteri Besar tidak berhak campurtangan dalam urusan ini. Tidak ada satu peruntukan pun di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor mahupun Perlembagaan yang mengkehendaki seorang Sultan memaklumkan kepada Menteri Besarnya, siapakah yang seharusnya ditabalkan sebagai Tengku Mahkota. Urusan perlantikan itu tidak termasuk urusan eksekutif ataupun politik sesebuah negeri.

Demikianlah yang berlaku di Johor, ini tidak sama dengan apa yang berlaku di Kelantan kini. Tidak seperti Osman Saat, Datuk Mohamad Yaakub adalah seorang Menteri Besar yang amat disayangi oleh rakyat Kelantan. Beliau juga tidak mencampuri hal-hal yang berhubung dengan istana Kelantan.

Jadi jelaslah bahawa krisis istana dan rakyat di Kelantan adalah krisis yang mempunyai motif politik. Ia adalah kes di mana pihak istana dengan bebalnya mencampuri pentadbiran kerajaan negeri.

Apakah krisis ini akan berakhir dengan titah sultan Azlan di hari Keputeraan Yang Di Pertuan Agung pada 7hb. Jun, 1989 yang saya petik seperti berikut:

"Kerjasama dan persefahaman ini adalah asas kepada keteguhan negara dan seterusnya kesejahteraan rakyat,"

"Beta sebagai Yang Di Pertuan Agong berjanji akan berusaha menjalankan tugas dan tanggungjawab sedaya upaya untuk memastikan wujudnya kerjasama dan persefahaman ini, demi perpaduan dan keharmonian rakyat berbilang kaum dan semua

lapisan masyarakat,"

"Amalan saling taat setia semua lapisan masyarakat akan terjamin rasa sayang kita kepada negara yang tercinta ini,"

Sultan Azlan Shah

Hanya sejarah sahaja yang dapat menentukan jawabannya.

Peranan penasihat amat penting kerana penasihat merupakan orang kepercayaan orang yang meminta nasihat. Didalam sesebuah syarikat maka pandangan penasihat acapkali diambil untuk membuat sesuatu keputusan. Begitu juga dengan didalam sesebuah kerajaan. Raja-raja pun mempunyai penasihat. Para penasihat raja lazimnya menjadi orang kepercayaan istana. Apa jua kata penasihat maka itulah kata raja.

Didalam sejarah terdapat beberapa kisah yang menggambarkan betapa para penasihat memainkan peranan didalam menentukan seseorang itu dihukum ataupun diberikan kurniaan.

Cerita-cerita arahan P. Ramlee banyak menggambarkan permainan para penasihat yang seringkali memberikan gambaran yang buruk tentang seseorang itu.

Contohnya didalam cerita Hang Tuah, para penasihat diraja telah tidak membela Hang Tuah, sebaliknya mengiakan dakwaan sultan bahawa Hang Tuah telah berlaku curang.

Saya percaya Dr. Mahathir pun mempunyai penasihat walaupun dari segi kedudukan, Perdana Menteri merupakan orang tertinggi didalam bidang pentadbiran. Jarang arahan dan kata-kata Perdana Menteri diengkari. Tetapi Perdana Menteri bukanlah Nabi yang mengetahui semua perkara, adakala beliau perlu mendapat pandangan dan beliau akan bertanyakan pendapat para penasihat sebelum sebarang keputusan diputuskan.

Dr. Mahathir mempunyai dua orang setiausaha politik dan kedua-dua diperlukan untuk memberikan bimbingan politik. Oleh kerana Dr. Mahathir jarang turun ke padang, jarang menemui ahli-ahli politik maka dua orang setiausaha politiknya lah yang turun ke padang mencari maklumat.

Selain daripada Dr. Mahathir, Yang Dipertuan Agong Sultan Azlan Shah juga mempunyai barisan penasihat. Malah Perdana Menteri merupakan penasihat utama kepada Yang Dipertuan Agong, kata-kata Perdana Menteri patut didengar oleh Yang Dipertuan Agong. Ini tercatat didalam Perlembagaan.

Di Kelantan pun Sultannya mempunyai barisan penasihat. Menteri Besar lazimnya dianggap penasihat utama kerana selaku Menteri Besar, beliau mempunyai maklumat lengkap dan kuasa. Melalui maklumat lengkap Sultan boleh bertindak secara rasional. Arahan Sultan pun mudah dijalankan kerana Menteri Besar sendiri memahami dan mengetahui kehendak sultan. Contohnya jika sultan mahukan sebuah padang golf dibina ditepi perkampungan orang-orang Melayu, maka seandainya Menteri Besar merasakan cadangan itu tidak bijak, Menteri Besar boleh menasihati sultan. Projek itu tentulah boleh dibatalkan. Justeru itu membuatkan penasihat amat penting didalam menentukan samada sesuatu keputusan boleh diambil ataupun tidak.

Oleh kerana hubungan antara Menteri Besar dan Sultan Kelantan berada didalam keadaan tidak baik maka nasihat Menteri Besar sudah tidak diindahkan. Sultan Kelantan sekarang mempunyai penasihat lain, pandangan para penasihat ini diambil untuk tindakan baginda.

Malangnya ramai para penasihat baginda terdiri daripada orang-orang yang pro Semangat 46 dan menentang Dr. Mahathir. Maka segala nasihat yang mereka berikan tentulah bertentangan dengan pandangan UMNO ataupun kerajaan.

Tak perlu saya sebutkan nama-nama para penasihat Sultan Kelantan. Cukup sajalah dengan menyatakan bahawa para penasihat baginda sering sangat memberikan maklumat yang bertentangan dengan kehendak majoriti. Contohnya didalam kes pertukaran para pegawai tadbiran negeri (PTN), isu UMNO dan lain-lain lagi.

Akibat daripada salah nasihat maka tindakan Tuanku dilihat bertentangan dengan semangat UMNO dan kerajaan. Jurang antara UMNO dan istana semakin luas, ini membuatkan orang-orang UMNO di Kelantan merasakan baginda sultan terlalu rapat dengan Semangat 46 dan PAS. Sepatutnya baginda sultan mestilah menyokong UMNO kerana UMNO merupakan parti yang memerintah dewasa ini. Semangat yang ditunjukkan oleh Sultan Johor harus dicontohi oleh Sultan Kelantan. Saya ingin menasihatkan Sultan Kelantan supaya tidak terlalu bergantung kepada para penasihat yang selama ini cuba menjauhkan jurang antara Istana dengan Rakyat, antara Istana dengan UMNO.

Baginda harus mendekatkan diri lagi dengan UMNO supaya pembangunan dapat dijalankan dengan lebih pesat lagi.

Dan Penasihat pula hendaklah tidak memberikan nasihat

yang salah kepada sultan kerana sekiranya timbul sebarang mala petaka maka mereka lah harus dipertanggungjawabkan. Bercakap tentang para penasihat ini saya teringat kisah Sultan Abdullah. Mujurlah para penasihat Tuanku waktu itu sanggup mengakui kesalahan mereka kerana salah nasihat.

Ceritanya begini. Sultan Abdullah merasa kecewa kerana dipermain-mainkan oleh Inggeris.

"Beta seolah-olah telah dipermain-mainkan oleh orang-orang Inggeris," titah Sultan Abdullah. "Dahulu ketika Francis Light meminta Pulau Pinang dari beta, beta telah mengenakan enam syarat yang mesti dipatuhiinya. Tetapi sehingga sekarang dia masih belum memberi jawapan sama ada setuju dengan syarat-syarat itu atau tidak. Francis Light kini sudah pun menduduki Pulau Pinang dan menjadikannya pusat perdagangan Inggeris. Jahanam betul."

"Ampun Tuanku, sebenarnya patiklah yang bersalah dalam hal ini kerana telah menasihatkan Tuanku supaya memberi kebenaran kepada Inggeris membuat pangkalan di Pulau Pinang," sembah Datuk Seri Raja Jamal, seorang penasihat Sultan Abdullah.

"Dahulu patik menasihatkan supaya jangan memberi kawasan tanah kepada wakil Inggeris bernama Thomas Forrest untuk mendirikan gudang perniagaan di Kedah tetapi entah mengapa patik yang bodoh ini telah menasihatkan pula supaya Tuanku memberi Pulau Pinang kepada Francis Light pula. Patik rela dihukum, Tuanku."

"Janganlah Datuk Seri Raja berkata begitu," titah Sultan Abdullah. "Tidak ada sesiapa pun yang bersalah dalam hal ini. Beta yang sepatutnya berhati-hati kerana orang Inggeris memang telah diketahui banyak tipu muslihatnya."

"Apa yang kita boleh buat sekarang ialah menghalau orang-orang Inggeris dari Pulau Pinang, tapi bagaimana caranya?"

Orang-orang Besar Negeri yang berada di istana pada hari itu hanya mendengar dengan taat. Mereka termasuklah Datuk Maharajalela, Datuk Laksamana dan adinda Sultan Abdullah, Raja Muda Tunku Dhiauddin.

Soalnya beranikah para penasihat Sultan Kelantan menyesali salahlaku mereka dan meminta ampun secara terbuka?

Sekiranya mereka berani maka sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang harus mendapat sanjungan rakyat. Seandainya mereka tidak sanggup maka mereka adalah penderhaka yang sanggup melihat rakyat berpecah belah, imej Istana tercemar dan kestabilan politik orang-orang Melayu terjejas.

14

ABDULLAH MUNSYI VS RAJA-RAJA

“Di mana ada kekuasaan, di situ ada kelemahan”.

(Dialog Sang Raya Rani
kepada Tun Mamat.
Filem Puteri Gunung Ledang.)

BUKU yang anda sedang baca ini ditulis dalam tahun 1989, la itu hanya lebih kurang 10 tahun saja menjelangnya kedatangan tahun 2000, tahun permulaan abad ke- 21.

Anda mungkin sedang membaca buku ini dalam tahun 1989, atau 1999, atau 2099, atau mungkin juga 2199. Tapi siapakah anda?

Anda mungkin seorang tukang kasut di kaki lima yang tergolong dalam golongan muhtadz'afin. Anda peka kepada apa yang berlaku di sekeliling anda. Terguris juga hati anda bila ada orang yang dapat memiliki sebuah Rolls Royce yang berharga lebih dari sejuta ringgit tanpa penat jerih, sedangkan anda berhempas pulas di kaki lima saban hari demi mencari sesuap nasi dan terpaksa mengumpul pendapatan beberapa hari untuk memiliki buku ini.

Atau anda mungkin seorang pensyarah universiti yang bertaraf profesor. Anda membaca buku ini dari halaman yang pertama hingga halaman yang terakhir; dalam hati kecil anda mengatakan bahawa saya telah menyatakan kebenaran yang hak. Tapi bila anda jumpa rakan-rakan sejawat, anda membuat komen dan menyatakan yang buku saya ini tidak mempunyai nilai akademik. Begitulah agaknya. Saya tak salahkan anda kerana anda seorang

ahli akademik dan bukan pemikir bangsa. Anda tak boleh buat apa yang saya buat kerana anda terikat kepada etika akademik. Bahasa mesti akademik; pendekatan, hujah, aliran pemikiran pun mesti akademik juga. Kalau tidak nanti malulah anda.

Atau anda seorang ulamak kerajaan yang menerima cek setiap bulan dari Jabatan Akauntan Negara atau pejabat-pejabat Bendahari Negeri. Selepas baca buku ini anda akan marah-marah pada saya. Ada di antara anda yang akan mengatakan saya ini saja nak cari pasal dengan ulamak. Biar bagaimanapun, saya tidak ada niat untuk mencari pasal. Salahnya anda juga. Andalah orang-orang yang sepatutnya menulis pasal benda-benda yang saya tulis ini. Tapi anda takut nak tulis, sebab ia sensitif. Nasib tak baik anda tak dapat lagi cek dari Akauntan Negara atau Bendahari Negeri.

Bagi saya tak mengapa. Saya tak cari makan dengan kerajaan. Saya tak perlu jawatan sebagai Ketua Majlis Agama Islam ke, Mufti ke, ulamak rasmi ke atau apa saja yang bersabit dengan agama. Saya bukan buat kerja kerajaan. Saya buat kerja Tuhan. Kerja Tuhan tak perlu ada jawatan, tak perlu ada pejabat. Nabi Muhammad pun tak ada jawatan yang bunyinya *fancy*. Tak ada sebutan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ser Paduka dan sebagainya. Dia seorang Utusan Allah dan kekash Allah. Nabi yang juga melakukan tugas yang besar dan melibatkan umat seluruh dunia dan sepanjang zaman pun tak ada memiliki sebuah pejabat yang hebat macam anda.

Namun demikian tak kiralah siapakah anda, di mana anda berada atau anda membaca buku ini dalam tahun 1989 atau 2089, saya harap buku ini akan menjadi rakaman sejarah.

Cakap pasal sejarah, saya nak bawa anda satu kisah zaman yang amat silam, iaitu sekitar 170 tahun dari tarikh buku ini ditulis.

Mari kita pinjam *Time Machine* H.G Wells dan kita mengembang ke awal kurun yang ke-18. Eloklah anda membuat persediaan yang perlu terlebih dahulu.

Anda sudah bersedia? Kalau sudah bersedia, jom kita pergi mengembara ke suatu zaman bahari.

Sekali persetua, alkisah maka diadakanlah bab ini untuk tatapan tuan-tuan sekalian. Maka sebelumnya kalau sahaya berkata-kata barang sepatah dua, molek benarlah rasanya. Bab ini sahaya mulakan dengan sedikit *warning*. Adapun *warning* ini tidaklah sedikit kurang akan pentingnya kepada tuan-tuan pembaca yang bijak laksana dan biak laksini. Jikalau ditiadakan

akan warning yang sedemikian itu maka gilalah akan jadinya duduk perkara, kerana sahaya menulis dalam abad kedua puluh kepada tarikh 6 haribulan Ramadhan 1409 tapi jalan bahasa yang sahaya gunakan samalah seperti bahasa zaman-zaman raja Melayu kita di kurun kelima belas akan adanya. Maka itulah sebab diperbuatkan akan warning ini.

Maka di dalam bab-bab yang telah tuan-tuan baca itu banyaklah akan perihal raja-raja kita yang telah sahaya tulis untuk dijadikan santapan akal dan renungan budi. Hatta perilaku mereka itu ada yang elok dan ada yang tidak elok juga akan adanya.

Sebermula kisah, arakian tersebutlah seorang mamak yang diperanakkan di negeri Melaka. Mamak ini kemudiannya menjadi seorang pengarang yang pandai mengarang menggunakan bahasa Melayu dan sangat suka mengembara bagi melihat hal keadaan rakyat jelata negeri-negeri Melayu dan perilaku raja-rajanya dan kemudian daripada itu mencatatkan akan dia pada sebuah buku yang dimasyurkan sebagai **KISAH PELAYARAN ABDULLAH**.

Maka adalah pukul dua belas malam, iaitu kepada tarikh sanat 1253 tahun, kepada saharibulan Muharram, kepada malam arba', iaitu kepada 27 haribulan Mac tahun masehi sanat 1838, belayarlah Abdullah dengan sebuah sekoci menuju ke pantai timur Tanah Melayu. Hatta setibanya akan dia di Terengganu, dicatatnyalah apa yang telah lihat akan beliau di negeri Terengganu itu. Maka beginilah antara catatan Abdullah itu adanya:

"Sebermula adalah pada masa ini. Yang Dipertuan Terengganu itu telah mangkat. Maka anaknya menjadi Yamtuan, lagi muda; maka adalah kira-kira umurnya lima belas tahun; ialah menggantikan kerajaan marhum itu; namanya Sultan Muhammad Ioni Sultan Mansur Shah. Maka adalah kelakuan raja yang baru ini terlebih pula daripada raja yang telah lalu itu, kerana tiada ia mempunyai ilmu dan belum sampai akal. Dan lagi yang sahaya dengar khabarnya kebanyakannya anjaya raja-raja yang dahulu-dahulu dalam Terengganu itu sebab mengambil anak bini orang, istimewa kepada perempuan-perempuan orang Cina adanya.

Bagaimana tuan-tuan? Apakah gerangannya pandangan tuan-tuan ke atas catatan Munsyi Abdullah itu? Walau bagaimanapun, bacalah dulu catatan beliau itu selanjutnya:

"Bermula sahaya lihat hal orang-orang dalam negeri itu

miskin belaka, lagi dengan kelakuan malas dan lali sepanjang hari. Dan lagi kebanyakkan pula anak raja-raja dan hamba raja pada tiap-tiap kampung dan jalan. Dan pakaian mereka itu tiada bagus, penuh dengan daki dan kotor badannya. Tetapi pada tiap-tiap orang ada empat lima batang campak buang dan sebilah keris dan satu cenangkas; itulah kerjanya memikul senjata ke hulu ke hilir. Maka perempuan-perempuan mereka itu bekerja dan berkedai dan menjaja dan membuat segala pekerjaan akan mencari kehidupan; tetapi laki-lakinya semuanya malas, dengan makan tidur dan membaiki senjata, itulah kerjanya orang yang dalam negeri itu. Maka sahaya lihat hal tanah air mereka itu terlalulah eloknya akan bertanam dan memeliharaikan binatang; akan mencari kehidupan, terlalu bagus. Maka jikalau kiranya tanah yang seelok itu dalam negeri lain, nescaya menjadi kaya semua orang, tiada yang miskin lagi.

"Shahadan, adalah sebab segala perkara ini jadi sebab ananya rajanya, dan tiada betul perintahnya. Maka pecahlah hati segala rakyat. Maka adalah, pada fikiran mereka itu, baiklah aku miskin demikian, tiada susah; dapat pagi, makan pagi; dapat petang, makan petang. Dan kalau ada berharta atau berumah baik atau berladang dan kebun besar, nescaya dicarikan raja sesuatu jalan, diambilnya dan dipinjamnya atau dipintanya. Maka jikalau tiada diberi, dirampasnya; dan kalau melawan, habis sekalian anak buah dibunuuhnya dan didendanya; itulah sebabnya negeri Terengganu itu tiada ramai, dan segala orang dagang pun takut masuk, dan segala saudagar pun tiada.

Banyaklah lagi hal perkara yang telah diriwayatkan oleh Abdullah yang rajin memerhati hal keadaan bangsa Melayu serta sangat berani beliau mendedahkan keburukan rakyat dan juga raja-raja. Rakyat menjadi malas dan miskin kerana rajanya yang zalim dan jahat jua adanya. Demikianlah pada fikiran Abdullah itu terhadap masyarakat zamannya. Akan kita pada hari ini bolehlah membuat perbandingan tapi Abdullah tidak kata Raja itu Seorang Diktator. Kerana ketika itu belum ada perkataan Diktator macam hari ini, namun Raja Melayu ketika itu memang macam Diktator.

Hatta setelah beberapa hari bermalam di negeri Terengganu itu, Abdullah pun meneruskan pelayarannya ke negeri Cik Siti Wan Kembang. Maka sebaiknya tiba Abdullah akan perkara yang pertama-tama dilihatnya menarik minatnya ialah suatu perbalahan yang sedang berlaku. Beginilah cerita itu menurut Abdullah seperti yang dituliskannya pada sekeping kertas.

"Maka titah raja, "Adalah pada mulanya pada suatu malam, ada orang sahaya, enam tujuh orang, pergi ke Kampung Laut, melihat orang bermain mendoria. Maka orangnya pun ada lebih dua puluh orang bersama-sama di situ. Entah bagaimanakah halnya, sudah berkelahi orangnya dengan orang sahaya. Maka diramai-ramainya, ditikamnya orang sahaya mati seorang, kemudian gadohlah. Setelah itu, maka segala orang-orangnya habislah masuk ke rumahnya. Maka dikuncikannya pintu pagar. Kemudian orang sahaya yang mati itu, tiadalah sahaya beritanam. Maka sahaya suruhkan empat lima orang pergi memeriksa hal kematian orang itu. Maka apabila orang-orang itu hendak pergi, tiada diberinya masuk. Kemudian kata sahaya, 'Bawalah orang mati itu, campakkan di pintunya; jika tiada ketentuannya jangan tanam'. Maka apabila dilihatnya orang banyak-banyak berkampung, disangkanya orang hendak melanggar dia. Maka ditariknya meriam, lalu dibedilnya rumah sahaya. Maka habislah segala anak bini sahaya terjun dan meratap, tiada berketauan; dan habis rumah-rumah sahaya bersarang-sarang dimakan peluru. Maka sebab benar sahaya, satupun tiada mengenai sahaya. Kemudian apabila sahaya melihat hal yang demikian itu maka sahaya pun menyuruhnya membedil. Dan Raja Temenggong pun bersama sahaya dan Raja Kampung Laut pun bersama-sama dengan sahaya; itulah asalnya perang ini.

"Dan lagi dengarlah, Tuan Said, tatkala marhum paduka ayahanda hendak mangkat, seorang pun tiada dijadikannya gantinya dalam sahaya sekalian berempat anak laki-laki, melainkan pesannya, 'Berperanglah engkau sekalian, barangsiapa yang menang, ialah yang menjadi Yang Dipertuan di Kelantan ini; maka akupun demikian juga dahulu; sebab gagahku dan beraniku, maka aku menjadi raja di Kelantan ini'".

Arkian, maka marilah kita mengembara untuk melihat-lihat apa isi negeri Kelantan pada masa itu bersama-sama dengan Abdullah.

"Kemudian maka bertemu pula sahaya dengan seorang muda hitam manis, dan rambutnya panjang, tiada berbaju, dan dipakainya suatu kain selendang, dibuatnya kain sampai di atas lututnya. Maka suatu keris di pinggangnya. Maka kata anak Said Abu itu kepada sahaya, "Ini suatu anak raja besar juga, adik raja yang kita pergi ke rumahnya tadi." Maka datanglah iapun berjalan-jalan bersama-sama. **Maka barang di mana bertemu dengan orang, sekalian duduk di jalan menyembah akan dia.**

Maka kata sahaya, "Tengku tahu menulis dan membaca surat?" Katanya, "Tiada tahu..."

Kita tinggalkan anak raja yang tak tahu menulis dan tak tahu membaca itu, dan kita teruskan perjalanan kita mengikut Abdullah, seorang pengarang besar pada abad 19 itu, bersama seorang Tengku. Maka kita berjumpa orang banyak berduyun-duyun. Maka bertanyalah Abdullah:

"Hendak ke mana encik-encik ini berjalan?" Maka jawabnya, "Sahaya hendak pergi menjaga kubu raja." Maka kata sahaya, "Bekal-bekal apa ini dibawa?" Maka katanya, "Segala makanan sahaya sendiri." Maka kata sahaya, "Mengapa sendiri membawa makanan? Tiadakah raja memberi?" Maka orang itu mengunjukkan anak raja itu dengan isyarat ia takut berkhabar. Setelah sahaya ketahui hal itu, maka kata sahaya, "Tengku, berjalanlah; ada sahaya hendak berhenti di sini sebentar! Kemudian berjalanlah Tengku Temena itu. Apabila jauhlah ia, maka kata orang itu, "Inilah, tuan, adat Melayu ini terlalu aniaya; sahaya sendiri juga membawa makanan, dan anak bini sahaya tinggal di rumah itu; barangkali makan, barangkali tidak, demikianlah berbulan-bulan; sehari-hari mengerjakan pekerjaan raja; dan jikalau tiada pergi, disuruhnya rampas rumah sahaya dan barang-barang sahaya; maka jikalau melawan dibunuhnya, lagi didendanya; maka terlalulah suka sahaya sekalian jikalau orang putih datang ke mari mengambil negeri ini, bolehlah senang rakyat dalam negeri ini. Maka jikalau tiada waktu perang pun, tiada juga boleh senang; ini raja tiada kerja, lain raja ada kerja; tidak satu-satu, demikianlah selama-lamanya." Maka kata sahaya, "Berapa hari lamanya encik pulang?" Katanya, "Apabila habis bekal-bekal ini, pulanglah sahaya mengambil bekal pula sampai habis perang ini, bolehlah berhenti. Maka banyaklah pula yang mati sebelah menyebelah; tinggal anak bininya." Maka kata sahaya, "Tiadakah raja menolong akan anak bini orang yang mati dalam perang itu?" Maka jawabnya, "Apa raja peduli? matilah seperti semut seekor adanya."

Sungguh kasihan akan mereka itu. Ada raja sepatutnya bolehlah menjadi tempat bernaung mencari rezeki dengan adil saksamanya. Tetapi tidak demikian itu halnya raja-raja di zaman itu.

Adapun dalam pengembaraan kita di negeri Kelantan bersama dengan Abdullah Munsyi ini kita ditemani oleh seorang anak raja yang bernama Tengku Temena. Akan anak raja ini sabermula

maka adalah ia itu makan candu pula ia. Abdullah ada merakamkan riwayat tersebut seperti berikut:

Maka adalah hati sahaya terlalu kasihan, melihatkan hal anak raja itu sebab ia makan candu itu, dari Kelantan sudah sahaya ketahui. Maka sahaya hendak menegurkan, dan mengajarkan dia, barangkali nanti ia mendapat malu; maka sebab itulah tiada sahaya tegurkan. Maka sahaya berfikir, pada ketika inilah baik. Maka lalu sahaya kata, "Janganlah Tengku minum, kerana iaitu mendatangkan beberapa celaka dan kebinasaan, dan kerugian adanya." Maka jawabnya, "Itu betul, tuan; tetapi sudah menjadi adat kepada sahaya, tiada boleh sahaya buangkan. Dan lagi suatu kemuliaan kepada raja-raja, dan lagi menjadi ubat besar kepada sahaya." Lalu jawab sahaya, "Bukankah patut kita membuangkan adat yang jahat itu? Dengarlah, Tengku, akan bencana candu itu. Pertama-tama, iaitu haram dalam agama Islam; dan kedua, membinasakan badan; dan ketiga, menghabiskan wang; dan keempat, mendatangkan malas; dan kelima, menghilangkan waktu; dan keenam, merosakkan nama yang baik; dan ketujuh, kebencian segala orang yang baik, adanya. Adapun segala tanda yang sahaya kata ini, sekaliannya adalah kepada Tengku. Sahaya lihat badan Tengku sudah rosak; dan harta Tengku habis; dan badan Tengku malas, hendak tidur sahaja siang malam. Maka seperti kata Tengku, kemuliaan kepada raja-raja itu tiada sahaya lihat; dan menjadi ubat, itupun tiada sahaya lihat. Mengapa Tengku jadi bodoh? Maka fikirlah, jikalau kiranya menjadi baik dan berfaedah kepada manusia, mengapa orang putih yang baik-baik dan kaya-raya tiada makan? Bukankah dari negerinya datang itu? Adakah di tanah Melayu candu jadi? Dan lagi, dalam Kitab dan Quran sudah tentu haramnya itu. Melainkan iblis sahaja yang suka akan segala perkara yang demikian itu."

Maka adakah di antara kalangan orang-orang kita pada hari ini, baik penulis maupun intelektual waimma ulamak yang berani membuat teguran seperti itu terhadap rajanya atau anak rajanya? Tidaklah kerana rajanya makan candu pada hari ini, tetapi ada banyak lagi hal-hal karut lain yang dibuat oleh raja dan anak-anak raja kita.

Ada intelektual kita yang mengatakan si Abdullah itu dia berani kerana dia bukan Melayu jati dan kerana dia mendapat perlindungan sepenuhnya dari orang Inggeris yang berkuasa di Tanah Melayu pada waktu itu. Maka beranilah dia bermulut

celupar. Tetapi itu semua saya kira hanyalah alasan bagi orang orang yang takut sahaja. Kerana perkara yang benar, walau siapa pun yang mengucapkannya, yang benar tetap selamanya benar. Alasan apa pun tidak boleh menukar yang benar menjadi tidak benar.

Maka Abdullah meriwayatkan lagi akan peristiwa yang ditemuinya selepas itu:

"Maka datanglah lima enam orang-orang berkampung mengajak sahaya duduk bercakap-cakap dan bertanya-tanya khabar negeri Singapura. Maka sahaya khabarkanlah bagaimana hal bebas dan senang orang yang diam di bawah bendera Inggeris itu. Maka kata mereka itu, "Tuan, bawalah sahaya bersama-sama. Maka biarlah sahaya sekalian menjadi hamba tuan, kerana tiada sahaya sekalian boleh tahan diam di bawah perintah raja Melayu ini; karana terlalu besar aniayanya."

"Maka kata sahaya, "Apa aniayanya itu?" Maka kata mereka itu, "Tiadalah dapat sahaya khabarkan, tuan, karana takut tuan khabarkan kepada raja; nescaya dibunuuhnya sahaya." Maka jawab sahaya, "Jangan takut." Maka katanya, "Sahari-hari mengerjakan pekerjaan raja; dan makan minum sahaya, dan anak bini sahaya, tiada diberinya, di atas sahaya sendiri juga. Dan lagi, baik perahu atau tanam-tanaman, dan hidup-hidupan sahaya sekalian, jikalau dikehendaki raja diambilnya sahaja dengan tiada berharga. Dan lagi, kalau ada berharta dan anak perempuan yang baik-baik, jikalau berkenan raja, diambilnya juga; tiada boleh ditahankan kehendak raja. Dan, jikalau ditahankan atau tiada diberi, disuruhnya tikam mati-mati sahaja. Demikianlah hal sahaya semuanya duduk dalam negeri Melayu seperti duduk dalam neraka. Maka terlalulah suka hati sahaya semuanya hendak pindah ke negeri orang putih supaya boleh senang dan bebas. Bagaimana, tuan, kalau raja Inggeris disuruhnya bekerja akan rakyatnya, adakah diberinya upah atau tidak?" Maka jawab sahaya, "Jangankan raja-raja di sini, kalau Sultan Inggeris itu sekalipun, jikalau hendak menyuruhkan barang sesuatu pekerjaan, melainkan ditentukannya upahnya dahulu, kalau tidak, orang tidak mau kerja. Dan lagi sahaya orang duduk dalam negeri Inggeris seperti raja juga boleh kita duduk bersama-sama dengan raja. Maka jikalau kita kaya, boleh kita membuat rumah atau memakai barang pakaian seperti raja juga; tiada menjadi larangan atau kesalahan adanya. Dan lagi adat orang putih itu, jikalau rakyatnya menjadi kaya, atau membuat baran-

pekerjaan yang boleh mendapat untung, ia suka juga."

"Maka jawab orang-orang itu, "Terlalu suka hati sahaya sekalian mendengar adat orang putih itu. Maka sebab itulah uberi Allah bertambah-tambah kebesarannya dan kemuliaannya, serta makmur negerinya. Maka ini, lihatlah, tuan, sahaya semuanya merasa kesakitan dan sengsara, selama-lamanya duduk bekerja pun, tiada juga cukup makan dan pakai." Maka jawab sahaya, "Sakaliannya itu daripada sebab zalim rajanya; maka apabila zalim rajanya alamat kebinasaan negeri itu." Maka kata sahaya, "Bagaimana adat negeri ini, kalau orang-orangnya hendak berpindah ke negeri lain, bolehkah?" Maka jawabnya, "Amboi, tuan! itu, hukum bunuh; kalau dapat orangnya, dibunuh, dan hartanya dirampas."

Begitulah adanya darihal catatan Abdullah Munsyi itu mengenai negeri-negeri yang dilawatinya, dan orang-orang Melayu yang ditemuiinya. Mereka lebih suka duduk di bawah pemerintahan Inggeris daripada raja mereka sendiri. Sungguhlah ia memberi malu dan 'aib kepada kita anak-anak bangsa Melayu.

Tetapi raja-raja Melayu tetaplah raja-raja Melayu, raja-raja kita juga. Dulu mereka tak tahu menulis dan tak tahu membaca. Hari ini ada di antara mereka yang lulus undang-undang dan menjadi hakim yang dihormati oleh semua bangsa di negara ini. Hendaknya perangai mereka tak serupa lagi.

Agaknya bagaimanalah jadinya buku **KISAH PELAYARAN ABDULLAH** itu kalau ianya ditulis pada tahun 1989, dan bukan pada tahun 1838. Masihkah banyak lagi perkara-perkara mengenai orang-orang Melayu dan raja-raja Melayu yang akan dikritik oleh Abdullah Munsyi itu?

Dan cubalah anda fikirkan: Bagaimana kalau Abdullah Munsyi membaca buku saya ini?

Moga-moga buku ini nanti akan diingati selama-lamanya seperti buku **KISAH PELAYARAN ABDULLAH** itu.

Outside the Imperial Palace in Tokyo, a small group gathers in the rain to pray for Emperor Hirohito. Persistent gloomy weather contributed to the funereal air that gripped Japan after

the Emperor fell gravely ill on Sept. 19. Japanese went into a subdued *jishuku* mood, awaiting the inevitable day when their 87-year-old monarch would pass on. As the

death-watch stretched into weeks, the atmosphere lightened a little and the crowds outside the palace dwindled. But the nation still wore a sombre face.



Dalam suasana kesedihan di saat-saat menunggu roh akan berpisah dari jasad beberapa orang tua yang masih sayangkan raja mereka, menyembah dan berdoa di hadapan Istana Impirial.





EYEWITNESS

As the Emperor's condition slowly deteriorated, public reactions were as varied as feelings about the man. Demonstrators in Tokyo (*above*) held him responsible for Japan's wartime aggressions. Carrying strongly worded posters, they demanded an end to the emperor system. But most were reverent, if sometimes eccentric. A street

advertiser-busker (*far left*) held a sign wishing the Emperor a speedy recovery and urging traffic safety. Another man (*left*) produced a scroll insisting he was related to the Imperial family. That was a fitting response: the monarch's long confinement, said to be due to cancer, caused many Japanese to look to their roots. ▶

Samasa Raja Jepun sedang gering, rakyatnya yang muda, belia meletakkan Raja mereka bertanggungjawab mengenai kejadian perang dunia kedua. Tulisan pada sepanjak menunjukkan bahawa raja akan mati meninggalkan kami, perbuatan raja akan kekal di dalam sejarah.





Almarhum Ayatollah Khomeini adalah seorang pemimpin Islam yang akan dengati sepanjang zaman. Tidak ramai manusia yang sehebat dan seberani beliau, disegani dan dihormati oleh musuh dan kawan. Keberaniannya menegakkan hukum Allah yang terdapat di dalam Al-Quran patut dicontohi oleh belia Islam di seluruh dunia.

Al-fatehah untuk Almarhum Ayatullah Khomeini.

15

ANTARA BALAI RONG DENGAN BALAI RAKYAT

“Aku tidak gentar berhadapan dengan seribu manusia yang berilmu. Tapi aku akan menjadi takut bila bersemuka dengan seorang manusia yang tidak berilmu.”

Ali bin Abi Talib R.A.

APAKAH gunanya kita membanggakan sejarah masa lampau sekiranya ia tidak membawa apa-apa manfaat kepada masa hadapan?

Soalan ini sengaja saya kemukakan kepada para pembaca, kerana kita kini sedang berada dalam satu zaman di mana **sejarah menempa sejarah**. Ramai manusia yang suka membawakan sejarah kaum keluarga mereka di masa lampau, zaman kejemilangan mereka semasa berada di kemuncak kejayaan atau di kemuncak kekuasaan, lebih-lebih lagi bila mereka sudah jadi ibarat botol-botol kosong di mana label dan trade-mark sahaja yang berharga, tapi botol-botol itu sendiri

hanya karung guni saja yang dapat menilaikannya. Perbuatan yang macam ini akan meneruskan manusia tersebut dalam keadaan mimpi hingga dikejut dan disedarkan.

Anda mungkin telah menyaksikan berpuluhan-puluhan filem Melayu terutama filem arahan Allahyarham P. Ramlee. Allahyarham P. Ramlee cuba menyedarkan kita orang Melayu supaya jangan bermimpikan keagungan bangsa kita di masa lampau tapi lihat diri kita dalam keadaan sekarang. Kalau nak lihat di masa lampau cari kelemahan dan kesilapan diri.

Allahyarham P. Ramlee juga telah mengarahkan filem **Antara Dua Darjah**, drama moden yang telah memberikan kesedaran bahawa manusia itu sama saja. Kesan-kesannya hingga ke hari ini masih terasa. Raja-raja saja yang boleh kahwin dengan rakyat biasa tapi, anak rakyat tidak boleh kahwin dengan anak raja.

Allahyarham P. Ramlee telah menggambarkan dengan tajam dan sinisnya tentang telatah Raja-raja di zaman silam. Yang paling lucu di antaranya ialah '**Nujum Pak Belalang**' dan '**Musang Berjanggut**' terbitan Shaw Brothers. Apakah ianya telah meninggalkan kesan pada penonton?

Berpuluhan-puluhan hikayat histologi Melayu dari **Bispu Raja**, **Hikayat Raja Pasai** hingga ke **Merong Mahawangsa** telah dibaca oleh ratusan ribu manusia berbangsa Melayu. Kenapa dan apa kesannya?

Kezaliman, kekejaman dan sifat tidak berperi-kemanusiaannya raja-raja Melayu di zaman silam dihidupkan kembali melalui filem **Raja Bersiong**, filem **Hang Tuah** dan filem **Mahsuri** yang telah diusahakan oleh Tunku Abdul Rahman, seorang Putra Raja dengan kerjasama Shaw Brothers untuk dijadikan filem Melayu pertama yang berwarna-warni. Pendedahan gambaran buruk di sebalik tembok-tembok istana ini untuk apa? Apakah motif Tunku yang sebenarnya?

Daripada berpuluhan-puluhan filem-filem keluaran Shaw Brothers dan Cathay Kris serta hikayat-hikayat yang saya sebutkan itu, sudah cukup untuk memberikan contoh-contoh yang menunjukkan tidak adanya sikap kebijaksanaan, keadilan mengenai kebaikan raja-raja Melayu di zaman silam. Samada ia satu mitos, satu legenda ataupun satu peristiwa sejarah yang benar-benar terjadi, ia tetap membawakan gambaran yang negatif terhadap sebuah institusi Melayu yang dimuliakan ini.

Orang-orang Melayu sebelum membaca kajian Kassim Ahmad yang telah dihasilkan menjadi buku, bangsa Melayu yang buta

huruf dan berjiwa kecil sebelum merdeka, tidak pernah kenal siapakah dia **Jebat**, siapakah dia Sultan dan apa itu keris **Taming Sari**? Mereka cukup bangga dengan **Tuah** yang menumpukan taat setianya yang membuta tuli kepada Sultan yang kurang bijaksana. Mereka mengecap **Hang Jebat** sebagai penderhaka.

Kassim Ahmad telah membuka fikiran Melayu supaya memikirkan semula hakikat yang sebenarnya dengan lebih berani dan kritis.

Sekiranya Jebat benar-benar menderhaka maka kepada siapakah yang dia menderhaka? Apakah dia menderhaka kepada sultan kerana dikuasai emosi? Atau itu adalah permulaan detik-detik kemerdekaan seorang manusia yang menuntut hak asasi manusia? Kalau ditinjau dari segi *human right*, Jebatlah seorang penuntut hak asasi manusia yang sebenarnya. Biar bagaimana pun, marilah kita kemukakan pertanyaan demi pertanyaan supaya kita tahu menilai sejarah. Jangan hanya membanggakan Jebat kerana kita seronok dengan perkataan derhaka.

Apakah Jebat menderhaka kepada adat dan tradisi bersultan? Apakah Jebat menderhaka kepada bangsanya? Atau Jebat telah menderhaka kepada kebenaran yang hak?

Di antara Tuah dan Jebat, siapakah yang sebenarnya telah menewaskan kebatilan? Soalan-soalan ini perlu kita jawab dengan jujur. Jika tidak, ada lebih baik sahaja kita kembali hidup seperti di zaman Raja Pasai.

Kajian telah membuktikan betapa peliknya sifat orang-orang Melayu ini. Mereka membangga-banggakan raja-raja. Mereka mempertahankan sifat taat setia yang membabi buta kerana takut digelar derhaka dan dalam masa yang sama merasakan begitu taksub dengan cerita-cerita berunsur negatif terhadap raja-raja mereka.

Apakah moral cerita-cerita histologi Melayu ini menggambarkan suasana penghuni Tanah Melayu ini dari dulu hingga sekarang? Jawabannya terpulang kepada anda sendiri.

Kata orang dulu-dulu, '**Biar mati anak jangan mati adat**'. Begitulah adat kehidupan kita orang Melayu yang telah banyak mematikan adat terhadap raja-raja kita.

Namun jawatan raja adalah satu jawatan yang tidak boleh diisi atau dilantik oleh sesiapa pun. Anak rakyat tak boleh jadi raja, walaupun dia bernikah dengan anak raja. Namun ramai anak-anak raja yang jadi rakyat. Yang jadi raja cuma seorang saja iaitu Tengku Mahkota atau Raja Muda. Cara perlantikannya tidak ada

kena mengena dengan proses mahupun sistem demokrasi yang menjadi amalan kita. Jawatan raja adalah jawatan yang turun temurun. Selagi ada manusia yang sanggup jadi rakyat maka adalah raja.

Penamaan untuk jadi raja itu tidak payah di sah atau diluluskan oleh Perdana Menteri, Menteri Besar, Dewan Negeri ataupun Parlimen. Rakyat tidak mempunyai hak untuk memilih raja sebagaimana mereka berhak memilih seorang pemimpin politik. Tidakkah ini menunjukkan betapa unggul dan tingginya kedudukan raja itu?

Apabila seseorang Tengku Mahkota menaiki takhta, maka ia disebut sebagai '**ditabalkan**' dan bukan dilantik. Dan pertabalan itu '**dimasyhurkan**' dan tidak '**diisyiharkan**'. Pemilihan perkataan-perkataan ini memang tepat dan amat eksklusif sekali.

Dan oleh kerana proses mentabalkan seseorang Tengku Mahkota menaiki takhta Sultan, atau dalam kata-kata lain menjawat jawatan raja itu tidak ada kaitan langsung dengan proses demokrasi rakyat, **maka seseorang raja itu tidak mempunyai kuasa yang mutlak terhadap rakyat**. Sungguhpun biasanya kuasa seperti itu dikatakan memang ada pada seseorang raja, ia tidak lebih dari kuasa nominal ataupun kuasa namaan. Kuasa mutlak terhadap rakyat ialah kuasa rakyat sendiri yang ditentukan melalui badan-badan Eksekutif, Kehakiman dan Perundangan. Hakikat ini dijelaskan didalam Perlembagaan. Itulah sebabnya raja tak boleh suka-suka hati nak marah dan murka pada rakyat. Raja tak boleh tangkap rakyat masuk dalam penjara kalau raja tak suka rakyat. Itulah maksud cakap-cakap di atas. Itulah daulat seorang rakyat di negara yang mengamalkan demokrasi.

Perlembagaan jugalah yang meletakkan Raja-raja Melayu sekalian di satu kedudukan yang paling tinggi sekali serta terpisah sama sekali daripada badan-badan Eksekutif, Kehakiman dan Perundangan.

Justeru itu, bila kita memikirkan bahawa kuasa seseorang raja itu adalah tidak tertakluk kepada kuasa badan-badan yang disebutkan itu dan lagi seseorang raja juga tidak dibebani oleh tanggungjawab-tanggungjawab yang dipertanggungkan kepada badan-badan tersebut, maka dua perkara boleh dirumuskan. Satu, **bahawa mertabat seseorang raja itu terlalu tinggi dan mulia untuk mencemar duli bagi mencampuri hal-hal yang demikian**. Dan dua, **tugas dan tanggungjawab seorang raja**

adalah tidak setimpal dengan keistimewaan-keistimewaan yang diperuntukkan kepada mereka itu oleh Perlembagaan.

Cuba kita bincangkan rumusan yang kedua dulu. Apakah tanggapan seperti ini boleh diterima?

Bagi menjawab soalan ini, kita terpaksa melihat dan mengkaji perkara ini dari satu perspektif yang belum pernah dibawa oleh mana-mana penulis pun di negara kita sebelum ini. Ini kerana belum ada penulis yang jadi raja dan belum ada raja yang menulis kisah hidup sebenar seorang raja. Kalau ada pun cerita-cerita raja yang kita terbaca dalam sastera Inggeris ialah '*The King and The Papeur*' dan cerita Raja Siam '*The King and I*'.

Cuba kita bayangkan, pada suatu hari, entah macam mana, kita dilantik menjadi raja. Tiba-tiba sahaja kita mendapat kuasa yang ada pada seorang raja. Kita diperuntukkan dengan gaji dan elauan-elauan lumayan yang tidak payah lagi diperbahaskan dalam Dewan Negeri. Kita juga diberikan kemudahan-kemudahan lain yang tidak terbatas dan terkecuali dari membayar cukai pendapatan. Bayangkanlah, fikirkanlah apa yang kita akan lakukan semasa kita berada di mercu kekuasaan ini?

Sekarang kita sudah jadi raja. Katakanlah saya ini sudah jadi raja, maka bertukarlah nama saya Raja Hussein. Macam nama raja Jordan, King Hussein.

Saya bukan lagi manusia biasa di mata manusia lain tetapi seorang '*super human*'. Saya raja Sultan Hussein. Bila orang biasa hendak bercakap dengan saya mereka terpaksa menjunjung sembah dan menyembah saya dahulu, cakap dengan penuh hormat, lemah lembut, berbahasa dengan menggunakan bahasa istana. Mereka mesti berpatik-patik dengan saya. Mereka terpaksa meminta ampun tanpa sebab yang munasabah, tanpa membuat apa kesalahan pun terhadap diri saya. Apakah perasaan saya ketika itu agaknya. Mungkin tang tu juga saya bertukar kepada jadi besar hati, jadi besar nafsu, jadi besar syahwat. Saya sudah tidak boleh berfikir lagi.

"Ampun Tuanku beribu-ribu ampun. Sembah patik harap diampun". Tentu saya akan terasa seperti Aladin mendapat lampu ajaib.

Sekiranya saya masih boleh berfikir, saya sedar yang saya ini seorang Islam yang telah mengucap dua kalimah syahadat, 'Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhamad itu pesuruh Allah.' Tidak boleh tidak, saya pasti merasa pelik

kerana biasanya saya cuma meminta ampun dari Allah di atas dosa-dosa yang saya lakukan dan di atas sifat saya sebagai manusia yang lemah. Saya tentu merasa gentar kerana seorang Islam tidak boleh menyembah yang lain selain dari Allah. Allah saja yang kita sembah dan segala puji-pujian itu hak Allah. Dan kita ini adalah hamba Allah.

Saya akan bertanya pada diri sendiri sebagai seorang hamba Allah, bolehkan saya membiarkan orang menyembah saya kerana saya tidak mahu menyembah selain dari Allah. Bolehkah saya mengampunkan dosa rakyat. Jika seseorang telah melakukan sesuatu jenayah seperti membunuh atau menipu umpamanya? Dosa saya pun saya nak kena minta ampun dengan Tuhan ini kan pula dosa orang lain. Manusia tidak berkuasa ke atas dirinya. Nabi Muhamad sendiri sebagai pesuruh Allah tak boleh ampunkan dosa umatnya. Baginda sendiri beristighfar seribu kali sehari sedangkan baginda bersifat maksum dan bersih dari segala dosa. Mungkin kita boleh melepaskannya dari hukuman undang-undang dunia. Tapi dengan berbuat demikian, apakah dosanya terampun secara hakiki. Kita sendiri pun lemah dan tidak berupaya.

Ada satu perkara yang Sultan tidak tahu, biar bagaimana pandai sekali pun sultan itu. Perkara yang sultan tak tahu itu ialah kena marah. Sultan tak pernah kena marah. Raja tak tahu apa dia nak buat bila dia kena marah kerana selama ini dia cuma tahu marah saja, sedangkan semua benda yang Tuhan lakukan mempunyai sifat berlawanan; sakit sihat, susah senang, hidup mati, tarik nafas hembus nafas. Bila saya sudah jadi raja, kerja pertama saya marahkan raja-raja. Cakap pasal cerita tegur dan marahkan raja ini saya belajar dari raja saya Almutawakil Sultan Johor. Beliau suruh rakyat tegur baginda semasa mula jadi raja seperti yang dilafaskan oleh Saidina Abu Bakar semasa jadi Khalifah yang pertama.

Apakah kerana seseorang raja itu yang telah lama menduduki tahta dan berkuasa dan tidak ada orang yang berani mempersoalkan hal-hal yang seperti itu kerana telah dianggap suurah bagi seseorang yang berkuasa maka kita harus membiarkan mereka berlarutan begitu. Di mana letaknya iman kita? Mutti dan para ulama di keliling raja buat apa? Apakah mereka ini ulamak-ulamak siang hari yang cari makan untuk jaga kepentingan diri sendiri?

Adalah menjadi kewajiban kita berdakwah dan menegur saudara kita. Kebetulan saja mereka jadi raja. Pangkat dia

sebagai raja itu sementara di dunia saja. Bila mati semua kedudukan dan gelaran yang mulia-mulia tak boleh dibawa masuk ke kubur. Ia sesuatu yang tidak kekal. Tapi persaudaraan Islam kita kekal hingga ke akhirat. Lagi pun dunia ini sekadar laluan pertama. Jadi apalah yang hendak diherankan sangat.

Raja nak marah kita, marahlah. Kita buat kerja kita yang disuruh oleh Allah. Takut Allah atau takut dengan manusia? Kalau tak ada orang yang betulkan kemungkaran, nanti bila Tuhan turunkan bala, macam mana?

Tuhan anugerahkan kuasa bukan untuk disalahgunakan. Tapi manusia yang diberikan kuasa tetap juga menyalahgunakan kuasa yang ada di tangan mereka.

Contoh penyalahgunaan kuasa ini mudah sahaja kita lihat dalam kehidupan kita sehari-sehari. Kita boleh ambil contoh pemandu-pemandu bas mini yang kerap melanggar peraturan lalu lintas kerana mereka merasakan mereka lah yang berkuasa di atas jalan raya. Mereka lah raja di jalanraya. Itu baru bawa 20 penumpang saja. Tengok pula pegawai-pegawai penguatkuasa majlis-majlis perbandaran dan tempatan atau pegawai-pegawai kerajaan. Tengoklah betapa angkuh dan tidak menggunakan budi bicara yang sepatutnya terhadap orang awam. Mereka sepatutnya mesti menunjukkan contoh yang baik semasa melaksanakan tugas yang diamanahkan. Begitu juga dengan segolongan anggota-anggota polis, pegawai-pegawai perlesenan, ahli-ahli jawatankuasa tender, pegawai kastam, ahli-ahli Dewan-dewan Undangan Negeri bahkan menteri-menteri sekalipun. Ramai di antara mereka yang bila kuasa ada di tangan merasakan diri mereka itu raja. Mereka buat kerja ikut hawa nafsu, bersultan di mata beraja di hati.

Jadi bukanlah raja saja yang boleh terdorong atau terjebak dalam amalan penyalahgunaan kuasa. Rakyat biasa yang baru dapat sedikit kuasa adalah mungkin sahaja melakukan hal yang sama. Bahkan jauh lebih dasyat dari raja sendiri.

Contoh yang saya sebutkan tadi cuma baru telatah kebanyakan pemandu bas mini di Kuala Lumpur. Baru dapat pegang stereng bas, penumpang tak sampai dua puluh orang, mereka sudah bersifat bongkak dan sompong. Pada hal penumpang bayar duit. Duit penumpang itu yang bayar gaji mereka untuk kasi diri dan anak isteri makan. Adakah rasa hormat terhadap penumpang atau pengguna jalan raya yang lain?

Pegawai-pegawai kerajaan dan menteri yang mempunyai

berasaan tamak dan sikap yang tidak pernah puas serta tidak tahu bersyukur mengambil kesempatan untuk kayakan diri dan keluarga saja. Semua benda mereka nak sapu, rakyat jelata nak dapat apa? Manalah negara tidak terhutang ratusan juta. Pesan aneh Tun Razak sebelum menyapu sampah di lantai, sapu dan bersihkan sawang-sawang di atas dulu. Raja-raja sebagai ketua-ketua agama mesti memahami bahawa agama yang mereka anuti adalah agama resmi negera ini. Mereka mesti arif tentang selok belok agama supaya tidak mudah dikelabui oleh (ulama siang hari). dan Perkataan ini saya pinjam dari buku saya 'Politik Serpihan'.

Seorang raja yang punya segala macam keistimewaan, apakah tidak mungkin menyalahgunakan kuasa yang telah diberikan kepadanya? Tapi kalau baginda Sultan mendalaminya pengetahuan mengenai hakikat hidup seorang insan sebagai bekalan untuk alam kubur dan alam akhirat yang lebih lama, negara kita pasti akan menjadi aman dan makmur. Raja adalah manusia biasa. Yang patut disalahkan adalah para penasihat di keliling mereka dan para ulamak serta orang kuat istana.

Penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kehancuran moral ini berlaku akibat dari perbuatan mementingkan diri dan periuk nasi dan juga kerana kurangnya keimanan dan pegangan kepada agama Allah. Masing-masing mahu kejar dunia, nak selamatkan kedudukan, nak selamatkan kerusi tanpa memikirkan akhirat dan tidak takut dengan kekuasaan Allah, dan dalam masa yang sama takut kemurkaan seorang raja. Sebelah tangan pegang Quran, sebelah lagi pegang periuk nasi **National**.

Sebenarnya tugas dan tanggungjawab seseorang raja itu adalah lebih berat dari seorang Menteri Besar atau seorang Perdana Menteri. Tapi siapakah yang berani menyampaikannya? Dulu ada seorang kawan saya, seorang pemimpin yang pernah mencuba. Namun kata nasihatnya kepadanya tenggelam dengan begitu saja. Raja mana nak dengar cakap dan nasihat orang? Mereka raja. Tak dengar pun, tak apa-apa. Raja berada di atas undang-undang negara.

Dulu saya pernah tegur menteri. Ramai juga kawan-kawan yang cuba tegur menteri, tapi bujukan dan godaan syaitan jauh lebih kuat. Menteri merasa diri mereka berkuasa. Mereka tidak mahu dengar. Jadi saya terpaksa bukukan segala teguran dan kritikan saya. Saya percaya itu saja cara yang baik untuk menyedarkan mereka.

Cuba baca balik buku saya **TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA**. Dalam buku itu saya terangkan kenapa saya kritik menteri. Hanya dengan pendedahan dan hukuman dari rakyat saja, menteri akan sedar dan tahu bahawa kuasa yang dipinjamkan kepada mereka itu datang dari rakyat yang dianggapnya kecil dan yang berada di bawah. Mereka lupa bahawa rakyat boleh jatuhkan mereka. Tapi menteri tak boleh jatuhkan rakyat yang ada di bawah.

Seorang Menteri Besar melaporkan tugas-tugasnya kepada Dewan Negeri yang kemudiannya melaporkan pula kepada rakyat. Seorang Perdana Menteri pula melapor tugas-tugasnya kepada Parlimen yang juga kemudiannya melapor kepada rakyat. Tetapi seorang raja melaporkan tanggungjawabnya terus kepada Allah. Maka sebab itulah tidak ada mana-mana Menteri, Menteri Besar atau Perdana Menteri sendiri yang dikecualikan dari sebarang peruntukan mana-mana undang-undang sivil atau jenayah.

Tapi bagi raja keistimewaanya amat berbeza. Perlembagaan menyebut, "**Tidak ada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap raja bagi sesuatu negara atas sifat dirinya sendiri**".

Bukankah keistimewaan ini merupakan satu keistimewaan yang sungguh simbolik kepada Ketua Agama Islam bagi sebuah negeri dan juga Persekutuan. Jadi ketua yang melaporkan tugas-tugasnya terus kepada Allah ini tentulah manusia-manusia yang hampir sempurna pekertinya dan yang tidak akan melakukan pekerjaan-pekerjaan mungkar.

Saya ingin bertanya kepada baginda Sultan Kelantan, setakal manakah baginda telah melaksanakan tugas yang amat berat ini? Berapa kaliakah Baginda Sultan pernah berkhutbah di atas mimbar masjid seperti yang dilakukan oleh Sultan Johor?

Jadi, jika tugas yang maha berat ini masih belum terlaksana oleh Tuanku mengapakah Tuanku mesti turut sama mencampuri hal-hal yang di luar bidang kuasa Tuanku?

Untuk renungan Tuanku Sultan dan para pemimpin yang berada di atas yang beragama Islam dan merasakan diri mereka hamba Allah dan nabi mereka Muhamad s.a.w., saya perturunkan kisah bagaimana Baginda Rasulullah duduk dan berucap di khalayak ramai.

AL-HASSAN bin Ali bin Abu Talib bertanya kepada bapa saudaranya, Hindun bin Abu Haalah mengenai

cara-cara Rasulullah s.a.w. duduk dan berucap dalam sesuatu majlis. Bapa saudaranya menerangkan berdasarkan apa yang dilihat dan diingatinya.

Rasulullah s.a.w. tidak menetapkan tempat duduk tertentu apabila menghadiri sesuatu majlis, malah baginda melarang orang menetapkan tempat duduknya di suatu tempat khas.

Apabila baginda menghadiri sesuatu majlis di mana ramai yang sudah mengambil tempat, beliau akan duduk di mana sahaja. Rasulullah s.a.w. sering mengingatkan pengikutnya supaya tidak menyediakan tempat duduk tertentu sama ada untuknya atau orang lain.

Nabi Muhammad s.a.w. memandang sama rata akan hadirin dan tidak memandang seseorang itu lebih penting daripada orang lain.

Apabila Rasulullah s.a.w diajak oleh seseorang supaya duduk atau berdiri untuk sesuatu keperluan, baginda akan mengikut ajakan itu dan tidak suka berdalih untuk mengelaknya.

Dalam menghadapi orang ramai, Nabi Muhammad s.a.w sentiasa bersikap seperti seorang ayah, tetapi dalam soal kebenaran, semuanya dianggap sama.

Baginda menghormati orang yang lebih tua dan mengasihi orang yang lebih muda. Baginda sentiasa memelihara kepentingan dan kehormatan orang yang baru menyertai kumpulan atau majlis.


Apabila berucap Rasulullah s.a.w. menggunakan perkataan biasa yang mudah difahami. Ucapannya terang dan tegas tetapi tidak melampaui batas.

Baginda selalu membesarlu segala nikmat Allah. Baginda juga tidak pernah mencaci sesuatu pemberian dan tidak pula terlalu memuji.

Moga-moga baginda Tuanku dan para pembesar sekalian dapat mengambil iktibar dari cerita bagaimana Rasulullah duduk bersama umatnya.




The Tengkolok DiRaja or royal headwear



The Gendik or tiara



The Pending DiRaja or royal buckle



Cogan Ugama dan Cogan Alam



Tobrik hormat dari bapaknya yang dipertuan Agong dan Permaisuri Agong Tuanku Bainun.

16

RAJA DAN LAMBANG

COGAN Agama diperbuat dari perak dan berukuran lima kaki satu inci. Bahagian atasnya diperbuat daripada emas dan diukirkan dengan ayat-ayat suci al-Quran.

Baginda Yang Di Pertuan Agong ialah lambang Raja dan tonggak kekuasaan Melayu. Sebagai lambang, Baginda juga menggunakan alat-alat yang melambangkan lambang tersebut.

Di antara lambang itu ialah sebuah singgahsana yang diperbuat dari kayu nyireh batu yang didatangkan dari Johor dan diwarnakan dengan warna asli yang menyerlah. Singgahsana yang berukuran enam kaki dua inci dilapikkan dengan kulit. Logo Persekutuan yang diperbuat dari emas diletakkan di tengah-tengah bahagian sandaran singgahsana tersebut. Keseluruhan singgahsana itu kecuali bahagian meletak tangan dan kaki diukir dengan ukiran tradisi yang amat halus bermotifkan flora dan ditindihkan dengan daun emas. Dan di bahagian atasnya pula terdapat ukiran Mahkota dengan sebutir bintang yang dipagari oleh bulan sabit.

Tengkolok Di Raja yang dipakai oleh Baginda Yang Di Pertuan Agong di istiadat pertabalan berwarna hitam dan disulami

dengan benang emas. Ia diliputi dengan lipatan "Dendam Tak Sudah" yang berasal dari negeri Sembilan. Sekeping bulan sabit dengan bintang sebelas penjuru yang diperbuat dari platinum dan bertatahkan 66 butir intan dengan logo Persekutuan menghiasi bahagian hadapan tengkolok tersebut.

Baju Maskat adalah pakaian di Raja yang digunakan di hari istiadat pertabalan dan tatkala merasmikan sidang Parlimen. Baju Maskat ini disulami dengan benang emas yang bermotifkan bunga raya serta corak-corak lain yang melambangkan perpaduan bangsa.

Gendik atau tiara yang digunakan oleh Baginda Yang DiPertuan Agong diperbuat dari platinum dan bertatahkan intan dalam rekaan 'awanlarat'. Di tengah-tengahnya ialah bulan sabit dan bintang. Gendik ini dipakai oleh Raja Permaisuri Agong semasa berangkat menghadiri istiadat-istiadat di Raja.

Cogan Alam pula berukuran lima kaki empat inci dan juga diperbuat daripada perak. Bahagian atasnya yang disokong oleh empat ekor harimau diperbuat dari emas dan mempunyai bulan sabit dan bintang sebelas penjuru. Bahagian batangnya diukirkan dengan enam batang daun padi dari emas.

Dua bilah cokmar yang juga diperbuat dari perak adalah juga alat diraja yang melambangkan kekuasaan kerajaan Malaysia.

Pending DiRaja pula diperbuat dari emas tulen dengan berlogokan logo kerajaan Persekutuan.

Sebentuk kalung platinum bertatahkan intan digunakan oleh Raja Permaisuri Agong.

Salah satu dari alat DiRaja yang terpenting ialah dua bilah keris, 'Keris Panjang DiRaja dan Keris Pendek DiRaja'. Keris Panjang Di Raja diperbuat dari besi yang diambil dari sebelas negeri. Sementara Keris Pendek DiRaja pula diperbuat dari besi yang diambil dari Keris purba.

Lain-lain senjata DiRaja termasuklah pedang keris panjang dan sandang yang menjadi lambang kekuatan Melayu.

Dua puluh batang tombak berambu yang diperbuat dari tombak-tombak yang diambil dari negeri-negeri adalah juga merupakan alat-alat diRaja.

Dan dua puluh kaki payung berwarna kuning yang diperbuat dari kain sutera dengan bulan sabit dan bintang melengkapkan alat-alat ini.

Perkara 37

BAHAGIAN 1

SUMPAH BAGI YANG DIPERTUAN AGONG

Kami ibni
ing diPertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan:

Wallahi;

Wabillabi-

watalabi.

nska dengan lafaz ini berikrarlah kami dengan sesungguh dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya kerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana Undang-undang dan Perlembagaan Negeri yang telah disah dan dimasyhorkan dan akan disah dan dimasyhorkan di masa hadapan ini. Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguh dan dengan sebenarnya memeliharaakan pada setiap masa Ugama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.



Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong



Sri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong



Gambar kenang-kenangan antara Yang Dipertuan Agong yang kelapan dan kesembilan, Tuanku Sultan Azlan Shah dan Tuanku Sultan Iskandar Almutawakkil. Dua orang raja yang berlainan watak dan pembawaan, yang satu berpakaian Inggeris, yang satu berpakaian Melayu. Siapakah Mabit tinggi ini dan siapa lebih Melayu?

17

RAJA NEGARA KITA

"Maka hendaklah ada seorang kepala Utama Negara bagi Persekutuan yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan dakwa apa-apa juga pembicaraan dalam mana-mana mahkamah".

Perkara 32 (1)
Perlembagaan Persekutuan.

AKHIRNYA, setelah memegang jawatan Yang DiPertuan Agong selama lima tahun, Baginda Almutawakil Alallah Sultan Iskandar AlHaj DK, Sultan Johor yang keempat pun menamatkan tempoh perlantikan Baginda dan kembali ke negeri Johor Darul Takzim pada 25 April 1989 bersamaan 19 Ramadhan 1409.

Dengan berakhirnya tempoh Baginda ini berakhirlah era seorang raja yang amat istimewa dan yang suka mengambil tahu tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama dan kesejahteraan rakyat mengikut apa yang difikirkan Baginda. Sungguhpun lima tahun sudah berlalu, namun ramai lagi yang masih ingat peristiwa yang bersejarah semasa pertabalan Bag-

inda selaku Yang DiPertuan Agong. Siapakah yang lupa peristiwa Baginda enggan dipayungkan tatkala berangkat memeriksa barisan kehormatan. Mungkin Baginda enggan meneruskan istiadat yang diperkenalkan oleh Laksama Cheng Ho dari Negeri China. Dan banyak lagi peristiwa-peristiwa yang dilihat sebagai tidak begitu mengikut adat istiadat DiRaja.

Namun berlakunya peristiwa-peristiwa ini bukan bermakna Baginda seorang raja yang kurang beradat. Tapi Bagindalah raja dan sultan pertama yang telah memecahkan tradisi dan mengenepikan adat-adat tertentu yang baginda fikirkan tidak munasabah dan tidak bermanfaat untuk dikekalkan sebagai adat Melayu. Mungkin bagi baginda perumpamaan, '**Biar mati anak jangan mati adat**', tidak sesuai dan relevan lagi dalam masyarakat Melayu yang sedang melangkah kehadapan untuk meneruskan penerapan nilai-nilai Islam dalam budaya Melayu dengan budaya-budaya yang unIslamic. Apa yang lebih tepat ialah "**Biar mati anak asalkan undang-undang Allah tidak dimatikan**".

Sesungguhnya Baginda Almutawakkil merupakan sultan dan Yang DiPertuan Agong yang bersifat "**down to earth practical**". Inilah keistimewaan yang ada pada baginda yang menyebabkan baginda disayangi, dihormati dan disanjungi oleh segolongan rakyat yang mahukan perubahan. Tetapi bagi mereka yang anti perubahan, yang statik, menganggap Baginda sebagai manusia pelik dan enggan menerima perubahan yang dibawa oleh Baginda.

Keistimewaan Almutawakkil ini telah saya catatkan dalam buku saya '**PERDANA MENTERI YANG KELIMA?**' yang diterbitkan dalam tahun 1984. Antara lain tulisan saya dalam buku itu adalah seperti berikut:

Keistimewaan yang ada pada Baginda, cara pakaian-nya, gaya dia bercakap, cara hidupnya lain dari raja yang lain. To me it is his Majesty's right to be uncommon. Almutawakkil yang berjiwa Melayu sentiasa ambil berat masalah Melayu. Sifat terus terang dan keberaniannya, jarang terjumpa pada raja sekarang. Baginda berani mengubah pemikiran rakyat. Berapa ramai raja yang berani hidup seperti di zaman moden ini? Barulah orang Melayu naik tocang sikit. Sukar untuk menemui seorang sultan yang suka bercakap pasal agama kepada rakyat. Inikan satu practise yang

baik, jadi setiap rakyat yang nak berjumpa terpaksa tahu mengenai agama.

Kepercayaan dan takwanya kepada Allah membanggakan kita. Silap salahnya, kita nak buat macam mana? Baginda manusia biasa juga. Lautan mana yang tidak bergelombang, bumi mana yang tidak ditimpa dek hujan. Apa kita hendak buat Sultan macam ni yang jadi raja kita. Melainkan kita sanggup jadi macam Mahathir. Tarik semua kuasa dari Baginda?

Selama ini dunia memikirkan semua orang Melayu penakut. Apa kata tuan itulah kata pengikut. Sekarang dengan adanya Sultan Iskandar tahu lah dunia. Jangan Jepun ingat mereka saja bangsa yang berani, Amerika dan Yahudi saja berani. Malaysia akan menjadi satu Negara yang disegani dunia kerana sikap rajanya yang berani. Go to hell with what the world is going to say. Bukan kuasa-kuasa besar yang beri kita makan. Tulislah apa yang mereka suka mengenai Agung Sultan Iskandar. Itu satu Blessing in disguise. Cerita yang tersebar di luar negeri itu pun orang Melayu yang tidak suka pada Agung yang kirim. Tanya Almutawakil, Baginda tahu. Baginda bukan bodoh, ada kawan di seluruh dunia. Kalau ia pun Datuk Musa Hitam sudah mengajar supaya orang Melayu belajar kurang ajar, biarlah Sultannya sesekali ikut cakap Musa. Biar Musa tahu.

Kita tidak perlu takut dengan sikap Baginda Almutawakil. Sekali air bah sekali pantai berubah. Pasti bila Baginda sudah menduduki takhta Baginda akan menjadi Raja Malaysia yang lain dari yang lain. Adalah tugas dan tanggungjawab kita rakyat Malaysia mencintai dan menghormati Raja kita. Kitakan ada peribahasa "Raja adil Raja disembah". Kalau kita percaya Baginda berada di situ dengan kehendak Allah, kita tidak perlu menyimpan perasaan buruk sangka dan Baginda juga tidak perlu buruk sangka pada kita.

Raja-raja sebelum beliau tidak pernah memberi kita

semua kebebasan untuk menegur mereka tapi Baginda sebaik saja jadi Sultan Johor dalam khutbahnya telah memberikan kebebasan kepada kita supaya menegur Baginda.

Kini lima tahun telah berlalu, rakyat yang dulunya tidak senang dan yang sentiasa mencari salah silap Baginda Almutawil dengan menggunakan media massa luar negeri telah gagal untuk mempengaruhi fikiran rakyat supaya menanam kebencian terhadap baginda. Di sebaliknya sewaktu baginda mahu menghabiskan tempohnya, ramai rakyat yang terkilan dan mula merasakan pemergian Baginda sebagai satu kehilangan kepada negara. Ramai yang berasa sedih untuk berpisah dengan baginda terutama menteri-menteri kabinet dan ahli-ahli politik yang pernah mendampingi Baginda. Maka itulah sebabnya, kita tidak pernah melihat satu peristiwa yang tak kita sangkakan begitu besar sambutan yang diberikan oleh rakyat Johor semasa Baginda Almutawil kembali semula sebagai raja dan hari perpisahan Baginda di Kuala Lumpur pun suatu peristiwa sejarah yang sukar untuk dilupakan. Belum pernah diadakan satu upacara khas yang diadakan oleh Perdana Menteri berserta menteri-menteri kabinet lainnya untuk mengucapkan keberangkatan kembali Baginda dan Permaisuri ke Negeri Johor Darul Takzim.

Kini Baginda Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yusuf Izuddin Ghafarullahluh, telah pun ditabalkan menduduki takhta Yang DiPertuan Agong yang kesembilan.

Paduka Seri Sultan Perak telah ditabalkan menjadi Sultan Perak yang ke- 34 pada 3 Feb 1984 ekoran dari kemangkatan Sultan Idris Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar. Baginda dilahirkan pada 19 April 1928 di Batu Gajah dan mendapat pendidikan awal dari Maktab Melayu Kuala Kangsar sebelum melanjutkan pelajarannya ke Liverpool, United Kingdom dalam tahun 1949.

Sekembalinya dari United Kingdom Baginda telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Perak sebelum dilantik sebagai Magistrats Khas Pertama.

Setelah perlantikan itu, kerjaya Baginda dalam perkhidmatan undang-undang begitu cemerlang sekali. Dalam tahun 1957 Baginda ialah Presiden Mahkamah Session. Dua tahun kemudian Baginda dilantik pula menjawat Jawatan Peguam Persekutuan dan Penolong Pendakwa Raya. Baginda juga pernah dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Negeri, Pendaf-

tar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Pada 7 Jun 1985 Baginda telah menempa sejarah kerana dilantik menjadi Hakim yang termuda sekali dalam Commonwealth.

Kini dalam tahun 1989, Baginda sekali lagi menempa sejarah sebagai Raja yang pernah menjawat jawatan yang tertinggi sekali dalam perkhidmatan kehakiman, iaitu Jawatan Ketua Hakim Negara.

Dengan pertabalan Baginda Sultan Perak ini sebagai Yang DiPertuan Agong, ini bermakna Malaysia sudah pun mempunyai sebanyak sembilan orang Agong.

Kesembilan-sembilan Yang DiPertuan Agong itu ialah; Pertama Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad. Baginda dilantik menjadi Yang DiPertuan Agong pada 3 Ogos 1957 sehingga 1 April 1960. Baginda telah mangkat ketika memegang jawatan tersebut.

Yang DiPertuan Agong kedua ialah Tuanku Hishamuddin Alam Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah, iaitu Sultan Selangor. Baginda juga telah mangkat semasa dalam jawatan, telah dilantik pada 14 April, 1960 sehingga 1 Sept, 1960.

Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Jamallulail, Raja Perlis telah menggantikan tempat Almarhum Sultan Selangor sebagai Yang Dipertuan Agong yang ketiga. Baginda menjadi Yang DiPertuan Agong dari 14 April, 1960 hingga 20 Sept 1965.

Almarhum Sultan Trengganu, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin telah menjadi Yang DiPertuan Agong yang keempat, pada 21 Sept 1965 hingga 20 Sept 1970. Baginda mangkat pada 20 Sept 1979.

Jawatan Yang DiPertuan Agong yang kelima telah disi oleh Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Kedah. Baginda menjadi Yang DiPertuan Agong dari 21 Sept 1970 sehingga 20 Sept 1975.

Almarhum Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Kelantan ialah Yang DiPertuan Agong yang keenam. Baginda ditabalkan sebagai Yang DiPertuan Agong pada 21 Sept 1975 hingga 30 Mac, 1979. Baginda juga mangkat dalam jawatan.

Sultan Pahang, Tuanku Haji Ahmad Shah Almusta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu bakar Ri'ayatuddin al-mu'adzam Shah dilantik sebagai Yang DiPertuan Agong untuk tempoh bermula

dari 26 April 1979 hingga 25 April 1984.

Dan Yang DiPertuan Agong yang kelapan iaitu sebelum Paduka Seri Sultan Perak ialah Tuanku Mahmood Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ismail, Sultan Johor yang memegang jawatan tersebut dari 26 April, 1984 sehingga 25 April 1989.

Begitulah serba sedikit profail Duli-Duli Sultan yang telah dan sedang menjawat jawatan Yang DiPertuan Agong sebagaimana melaksanakan kehendak Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.




Al Fatiyah...
Semoga
Allah
mencucuri
rahmat
ke atas
roh
Tengku Amir
Hamzah
dan para
muslimin
dan muslimat
yang berada
di tanah
perkuburan
yang sama.





Biarlah daku tinggal disini
Senosa diriku disunji seni
Tiada berharap tiada berniaga
Djauh dari dia disisi dewa




Tengku Tahura bergambar di makam ayahandanya, Tengku Amir Hamzah.
Gambar ini saya abadikan semasa kami menziarahi makamnya.



Inilah gambar kenang-kenangan satu-satunya anakanda kesayangan Tengku Amir Hamzah, Tengku Tahura.

Tugu peringatan Tengku Amir Hamzah
Jasamu dikenang sebagai pahlawan biarpun nasibmu malang menjadi mangsa korban revolusi.



18

PENGIRAN AMIR HAMZAH HANYUT DALAM ARUS REVOLUSI

Mengail ke pulau Tuntung
Dapat seekor udang galah
Kalau nasib tidak beruntung
Apa pun dibuat jadi salah

Pengiran Amir Hamzah

SETIAP kali saya mahu menulis buku, selalunya saya keluar negeri. Saya menjelajah tengok negeri orang, kerana pesan orang tua-tua: **Lama hidup banyak pengalaman, jauh berjalan luas pandangan.** Saya mengembara untuk luaskan pandangan, saya membaca dan bergaul dengan orang ramai untuk menambah pengetahuan, supaya saya dapat menabur jasa terhadap negera dan bangsa saya tercinta.

Sewaktu membuat persiapan untuk buku *Talqin Untuk UMNO* dulu, saya pergi berulang alik ke Filipina, saya menjelajah ke Amerika melalui Tokyo/Los Angelas/New York, balik lagi ke Los Angeles, kemudian pergi ke San Fransisco, balik lagi ke Los Angeles, singgah pula di Tokyo sebelum balik ke Kuala Lumpur.

Kemudian saya pergi ke Saudi Arabia, duduk di Jeddah, pergi buat Umrah, pergi ziarah makam Rasulullah SAW di Madinah. Saya berlepas ke Aden, tinggal beberapa hari, pergi ke Hadramaut, balik ke Aden, singgah lagi di Jeddah, baru balik ke Kuala Lumpur.

Balik beberapa hari ke Kuala Lumpur, saya pergi ke Turki, Berhenti di Istanbul, pergi ke Tripoli, balik lagi ke Istanbul, duduk beberapa hari baru balik ke Malaysia.

Demikian juga halnya semasa membuat persiapan untuk buku yang saya beri judul "**REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT**" ini. Saya terpaksa pergi menjelajah ke New Guinea, Guam, Palau, pergi ke Jakarta, Surabaya dan berulang alik ke Medan, Aceh, dan lain-lain tempat.

Antara sebab saya banyak berulang alik ke Medan ialah untuk mendapat maklumat yang lebih jelas berhubung dengan peristiwa pembunuhan terhadap **Raja Penyair Pujangga Baru, Pengiran Amir Hamzah** dan raja-raja di Sumatra.

Amir Hamzah terkenal bukan saja di Indonesia. Bahkan ramai pelajar-pelajar dan siswazah-siswazah di Malaysia menggemari dan mempelajari makna yang terkandung dalam syair-syairnya.

Dalam diri Amir Hamzah ada terdapat dua keistimewaan. Di samping penyair, beliau juga dikenal sebagai pejuang kemerdekaan, seorang pahlawan yang memperjuangkan bahasa Indonesia, bahasa yang berasal dari bahasa Melayu, agar menjadi bahasa persatuan.

Bukan saja orang-orang di Indonesia terasa akan kehilangan pejuang Amir Hamzah, tetapi umat Melayu di Malaysia pun turut merasakan kehilangannya. Mereka tertanya-tanya: **Mengapa Amir Hamzah dibunuh? Apakah kerana beliau seorang putra dan menantu raja? Atau kerana ada motif yang lain?**

Sungguh sayang, orang yang membunuh Amir Hamzah, iaitu bangsanya sendiri, tidak menyedari bahawa Amir Hamzah adalah mutiara bangsanya.

Sebelum membaca sejarah pembunuhan, marilah kita perhatikan keistimewaan sebahagian dari syair-syair yang dicipta sebelum Allahyarham meninggalkan kita semua.

**Datanglah engkau wahai maut
Lepaskan aku dari nestapa
Engkau lagi tempatku berpaut
Di waktu ini gelap gulita.**

Mengail ke pulau tuntung
Dapat seekor udang galah
Kalau nasib tidak beruntung
Apapun dibuat jadi salah.

Profesor Datuk Ismail Hussein, Ketua Satu Gapena, ada memberitahu saya bahawa Amir Hamzah ada meninggalkan seorang puteri yang bernama Tengku Tahura yang kini bermasautin bersama suaminya Tengku Usman Harison di Kota Medan. Profesor Ismail Hussien sendiri pernah mengundang Tengku Tahura ke Pulau Pinang untuk membentangkan kertas kerja di Hari Sastera yang diadakan di Pulau Pinang.

Sebagai seorang '*investigative writer*', penulis penyelidik, saya mesti dapatkan maklumat yang tepat, berita yang sebenarnya, mengenai pembunuhan Amir Hamzah itu. Saya berlepas ke Medan bersama seorang pembantu bernama Pak Uzir yang berasal dari seberang. Pak Uzir kini menjadi warganegara Malaysia. Kami berlepas ke Medan dan berusaha menjumpai Tengku Tahura.

Kebiasanya bila berada di Medan, saya menginap di **Hotel Garuda Plaza**. Begitu juga kebanyakan orang-orang dari Malaysia, mereka pun suka menginap di hotel itu. Selain dari letaknya di tempat yang strategik dan berhampiran pula dengan **Masjid Raya**, salah sebuah masjid yang menjadi suatu kebanggaan masyarakat Islam kota Medan. Menurut ceriteranya, masjid yang indah itu dibangunkan oleh Sultan Deli yang dahulu. Pihak hotel tersebut selalu memberikan layanan yang istimewa untuk saya.

Pada suatu petang waktu saya sedang duduk-duduk sambil minum teh di coffee house Hotel Garuda Plaza, tiba-tiba Pak Uzir datang membawa seorang teman. Saya ajak mereka minum bersama untuk berbual-bual, bersempang sambil relex, menurut istilah orang-orang Medan, bersantai-santai.

"Saya mendapat khabar Pak Syed sering ke Medan dan suka tinggal di hotel ini. Kenapa?" Orang tua itu bertanya.

"Saya senang dengan suasana di hotel ini, selain dari bangunannya yang indah. Apakah bapak tahu sejarah hotel ini?" Saya bertanya kepadanya.

"Tentu sekali. Saya asalnya orang Medan. Bapak mau tahu, di tapak hotel inilah dulunya pernah berdiri dengan megahnya sebuah banglow kepunyaan kerabat diraja," jawab kawan saya yang peramah dan pandai bercerita itu.

Pak Uzir telah menerangkan padanya bahawa saya mahu menulis mengenai kerabat diraja Sumatra. Kebetulan dia juga berdarah raja, tapi dia tidak memakai nama Tengku. Saya tidak mahu sebut namanya yang sebenar. Cukuplah saya panggil dia bapak saja, ikut kebiasaan di Indonesia.

Kawan Pak Uzir ini pun mula bercerita dengan nada emosi, sambil tangannya menunjuk ke arah pangkal jalan dan mengalihkan ke arah Masjid Raya.

"Pak Syed tahu jalan yang terentang di hadapan hotel ini namanya **Jalan Singamangaraja**. Dulu bernama **Jalan Raja**. Di kanan kiri sepanjang Jalan Raja ini terdapat banglow-banglow kepunyaan kerabat diraja. Begitu juga di belakang hotel ini, semua banglow-banglow kepunyaan kerabat diraja. Begitu juga nama jalan-jalannya mengambil nama Tengku-Tengku, Tengku Puan, Tengku Ampuan. Nah sekarang hanya yang tertinggal kenang-kenangan sahaja, kerana telah lama berpindah tangan." Dia berhenti bercakap, mengeluh sebentar, kemudian meneruskan.

"Hinggaan nama jalan-jalannya pun telah beralih nama. **Jalan Dolok Sanggul**, **Jalan Dolok Martimbang**, entah **dolok-dolok** apa lagi, sempena mengambil nama-nama kampung di dearah Tapanuli. Aduhai.....malangnya nasib mereka yang disebut umat Melayu di Medan ini, seakan-akan telah kehilangan tempat berpijak." Emosi sungguh kawan saya ini. Dia nampaknya sedih, geram dan menyesali nasib suku kaum Melayu di sini. Dia sedih kerana dia dari suku kaum yang sama.

Pak Uzir yang kebetulan berasal daripada suku Melayu juga menampakkan wajah yang sedih. Saya perhatikan suatu kesalan terukir di wajah mereka. Dan untuk mengetahui lebih jauh saya majukan lagi pertanyaan:

"Mengapa mesti dibiarkan berpindah tangan?"

"Sungguh panjang ceriteranya Pak Syed. Biar bagaimanapun sekadar pengetahuan Pak Syed baiklah saya ceritakan juga serba ringkas saja".

Saya biarkan beliau terus bercerita ikut sedap cara dia.

"Semasa dalam keagungan dan kebesaran raja-raja Melayu dulu, kaum kerabat-kerabat diraja kebanyakannya lupa daratan, tidak mau beringat ke masa depan. Mereka hidup dalam keangkuhan dan kesombongan. Maklum sajalah orang yang banyak punya harta, punya tanah luas-luas, punya kebun getah, punya kebun kelapa dan rumah-rumah sewa dan sebagainya.

Mereka rasakan kekayaan yang diamanaahkan Tuhan ini akan kekal selamanya jadi milik mereka. Kemewahan membuat mereka rela sehingga terlupa untuk menuntut ilmu akhirat. Anak-anak mereka tidak diberikan pelajaran yang secukupnya. Dapat dihitung dengan jari kalangan atau kerabat diraja yang berpelajaran tinggi hingga mendapat gelaran sarjana. Kebanyakannya sekadar boleh membaca dan menulis saja".

Bapak itu berhenti sebentar, menyedut rokok keretek. Dia seorang yang kuat merokok. Kemudian, sesudah puas menyedut nafas panjang-panjang, dia meneruskan lagi.

"Kebanyakannya dari mereka itu tak tahan menderita. Maklum sajalah, mereka dibesarkan dalam keadaan manja dan kemewahan. Bila menghadapi kesusahan, tak pandai pula berikhtiar. Hendak bekerja seperti rakyat biasa, malu, segan, akhirnya asal sesak jualkan tanah sikit, susah sahaja lagi jual lagi, gadaikan rumah. Gunung pun kalau dicangkul lama-lama habis juga. Nah... walhasil lingkuplah jadinya."

"Inilah akibatnya bagi orang-orang yang mempunyai banyak harta, lupa atau tidak menyedari betapa peri mustahaknya untuk menuntut ilmu. Apa pendapat Pak Syed?"

Belum sempat saya jawab dia meneruskan lagi.

"Ilmu dapat menjaga harta, bahkan mencarinya. Sedangkan harta itu tidak akan dapat menjaga ilmu. Bagaimana dengan kerabat-kerabat diraja di negeri Pak Syed?"

Saya belum sempat jawab dia tanya lagi.

"Anak-anak raja di Malaysia macam mana? Ada perangai mereka macam anak raja di Medan seperti yang saya ceritakan ni?"

Berat juga bagi saya untuk menjawab pertanyaan itu. Akan tetapi sekadar memuaskan hati teman saya itu saya cuba juga berikan jawaban:

"Saudara tahu, anak raja atau anak orang kaya di dunia yang mana orang tua mereka tidak sedar bahawa anak itu amanah Allah, mereka sama saja. Kebetulan pula ada pertalian sejarah yang sungguh erat di antara raja-raja di Malaysia dengan raja-raja yang ada di Sumatra ini. Saya kira dua kali lima, sama saja. Duit yang mudah dapat, cepat dan mudahlah habisnya."

Manusia sama saja. Keluarga raja atau keluarga orang kaya atau keluarga pembesar, anak cucu mereka semuanya ambil kesempatan mahu hidup mewah seperti orang tua mereka. Kalau tak buat perbandingan secara total memang susah. Tak boleh

kita bandingkan sistem raja di Sumatra dengan Malaysia. Biar bagaimanapun kini sudah ada anak-anak raja yang mempunyai pelajaran yang tinggi di bidang ekonomi, di bidang politik, bidang profesional. Ramai juga kerabat diraja yang telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan, terutama di kalangan diraja Negeri Sembilan. Sultan Almutawakil raja saya adalah seorang ahli perniagaan.

Untuk menuntut ilmu di Malaysia sama ada anak-anak raja atau rakyat biasa selepas merdeka, mereka punya peluang yang sama. Tapi bagi anak raja tentu lebih beruntung lagi kerana mempunyai peluang yang luas memandangkan kedudukan dan keadaan yang ada pada mereka. Namun peluang yang ada itu disia-siakan oleh mereka yang leka dan lalai.

"Saya bertanya kerana saya merasa bimbang kalau-kalau apa yang pernah dialami oleh anak-anak raja di Sumatra akan berlaku juga di Malaysia kelak. Maklum sajalah hidup ini ibarat roda. Sekali di atas, sekali ke bawah. Asal saja mereka beringat pada Allah, tak lupa diri, mudah-mudahan selamat."

Bukan sekadar ceritera mengenai anak-anak raja sahaja yang hendak diketahui oleh teman saya itu. Bahkan beliau nampak berminat juga akan keadaan politik yang sedang bergolak di Malaysia. Ketika itu saya baru saja mengedarkan buku *Talqin Untuk UMNO*. Saya hulurkan padanya sebuah buku itu, supaya dia juga tahu parti yang telah menyelamatkan takhta raja itu telah dibunuh oleh sekelompok orang Melayu, di mana di belakang pembunuhan yang dilakukan oleh Geng Sebelas itu terdapat campur tangan kerabat diraja.

"Kiranya saudara nak tahu mengenai politik dan pemimpin Malaysia dan apa yang berlaku di Malaysia waktu ini, saudara kenalah baca buku ini. Buku ini baru sahaja saya siapkan."

Nampaknya orang-orang di Indonesia, terutama di Sumatra, ramai yang mengikuti pergolakan politik yang berlaku di negara kita. Bahkan mereka menyatakan kebimbangan mereka secara terbuka kepada saya. Mereka takut kalau-kalau terjadi sesuatu yang tidak diingini. Maklum sajalah, mereka tahu bahawa terdapat 50% dari jumlah penduduk Malaysia yang bukan Bumiputra, yang sudah pasti akan menangguk di air keruh dari percakaran Melayu sesama Melayu. Ada yang membuat perbandingan, kata mereka di Indonesia hanya terdapat 3 peratus sahaja dari jumlah rakyatnya yang asal keturunan dari Negeri China yang menguasai ekonomi Indonesia, namun demikian kerajaan

Indonesia cukup berhati-hati dan pening kepala menghadapinya.

Mereka membuat andaian bahawa dari strategi tentera, Malaysia merupakan garis hadapan bagi menghadapi ancaman komunis. Keadaan ini membuat mereka merasa bimbang kerana mereka telahpun pernah mengalami pahit maungnya pengacauan oleh pihak komunis di Indonesia. Apakah tidak mungkin di belakang orang-orang yang terus-menerus menimbulkan kekecuan di Malaysia ada hasutan dan bujukan dari pihak komunis?

"Itu Semangat 46 satu perkumpulan yang terang-terang haram yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh. Seorang anak raja. Kenapa dia nak buat kerja macam itu? Tunku Abdul Rahman pun nampaknya sama saja. Kenapa mereka buat macam itu? Apakah perbuatan mereka itu tidak menimbulkan kekacauan dan huru-hara kepada kerabat diraja dan golongan istana? Kita di Medan ini tahu mereka cuma mahu Mahathir itu jatuh. Kalau Mahathir tak jatuh, istana yang jatuh, bagaimana?"

Saya terpaksa jawab pertanyaan ini. "Bukan kepimpinan Dr Mahathir yang tidak beres. Pemikiran mereka yang menentangnya itu yang tidak beres. Mereka telah atur strategi awal-awal lagi. Mereka semai semangat kebencian rakyat Johor terhadap Mahathir. Bila UMNO mati, UMNO Baru yang baru dihidupkan barat budak baru belajar itu, tanpa apa-apa persiapan dikejutkan suruh berlawan. Macam mana nak menang? Kemenangan Datuk Shahrir itu sebenarnya adalah suatu malapetaka yang tersembunyi. Orang Melayu yang belum memahami mengatakan Shahrir hero, boleh kalahkan calon Perdana Menteri. Tapi kalau mereka selidik mereka akan tahu Shahrir itu jadi alat permainan orang sebagai satu **test case** bagaimana nak jatuhkan ketuanan Melayu. Mungkin juga saudara pernah mendengar ceritera peperangan di antara Sayidina Ali dengan Mu'awiyah, jika saya tidak silap peristiwa tersebut berlaku di Siffin."

Dalam peperangan itu pasukan Sayidina Ali menang dan pasukan Mu'awiyah minta berdamai dengan bersumpah dan meletakkan Quran di hujung tombak. Sayidina Ali bersama dengan pasukannya dengan tidak beratur berkumpul di Madinah, sedangkan pasukan Mu'awiyah mundur teratur menuju Syam (Syria) dan Baghdad (Iraq). Di sana mereka menyusun dan mengemaskin pasukan dan kemudian mereka kembali melancarkan serangan terhadap pasukan Sayidina Ali. Dalam peperangan kali ini pasukan Mu'awiyah mendapat kejayaan. Menginpasukannya kalah kerana tidak teratur lagi maka Sayidina Ali

melaafazkan suatu fatwa:

Kebatilan itu jika ianya disusun dan dikemaskan dengan rapi dapat mengalahkan yang haq yang tidak teratur.

Tadi ada saya sebutkan bahawa di sebalik kemenangan Datuk Shahrir tersembunyi suatu malapetaka yang akan menimpa nasib orang-orang Melayu. Ini ialah kerana Melayu sanggup bunuh Melayu untuk melepaskan dendam dan geram. Biar berasa ketuanan umat Melayu, yang penting hati puas. Melayu akan kehilangan tempat berpijak di tanah airnya sendiri, mereka tidak peduli.

Sekiranya orang UMNO tidak bangun dan bersatu semula, apa yang terjadi pada Syaidina Ali akan berlaku pada UMNO, kerana kini golongan Shahrir sudah minta masuk UMNO semula dan akan berlawan dan menghancurkan UMNO dari dalam. Permainan itu sebagai satu helah saja. Ini diterangkan sendiri oleh Shahrir.

Sudah jelas bahawa yang memberi sokongan dan kemenangan kepada Shahrir ialah parti DAP, yang terang-terang anti kerajaan dan anti raja-raja. Di Johor sudah ditanamkan semangat tidak senang terhadap raja. Ramai yang mula hilang hormat akibat dari pilihanraya Shahrir lawan Kerajaan Barisan Nasional.

Shahrir lupa bahawa bagi umat Melayu raja-raja adalah lambang ketuanannya. Raja-raja itu laksana pohon rindang tempat orang-orang Melayu bernaung. Hakikat ini harus disedari oleh orang-orang Melayu jika mereka tidak sudi diperlakukan seperti apa yang telah berlaku di Sumatra. Ada kumpulan yang cuba gunakan Melayu untuk menghapuskan raja-raja Melayu. Kalau tidak kerana dahan yang jadi hulu kapak mustahil pokok boleh tumbang.

Bagi parti DAP jika selama ini perjuangan mereka tidak mencapai hasil untuk menjatuhkan raja-raja, maka dengan secara licik kini mereka mungkin akan gunakan orang-orang Melayu sendiri untuk menjatuhkan kerajaan yang menjunjung dan mempertahankan Raja Berperlembagaan. Mereka bersatu dengan orang Melayu, mereka berbaik dengan kumpulan Semangat 46 dan PAS, di mana ketuanya adalah anak raja, dan dengan angkatan yang dinamakan APU, selain dengan merapu, adatukang ampu. Yang kena sapu nanti ialah raja-raja Melayu.

Sekarang mari kita balik semula kepada cerita saya di Medan untuk berjumpa anak Amir Hamzah. Semasa saya sebutkan nama Amir Hamzah saya lihat suatu kegembiraan mengukir di wajah teman itu, yang seolah-olah kehairanan apakah saya sebut nama Amir Hamzah.

"Amir Hamzah?"

"Iya, Amir Hamzah," jawab saya.

"Beliau adalah kebanggaan kami dan beliau adalah pahlawan kami. Beliau salah seorang kerabat diraja yang benar-benar kuat sejaman untuk menuntut ilmu, walaupun terdapat banyak rintangan. Maklumlah orang-orang dulu masih berfikiran kolot. Orang-orang tua tidak rela melepaskan anak-anaknya pergi jauh-jauh. Untuk melanjutkan pelajaran di kota Medan waktu itu tidak mencukupi, Amir Hamzah bertekad untuk menuntut ilmu ke Pulau Jawa. Supaya lebih lengkap ceritera mengenai Amir Hamzah ini memang baik bagi Pak Syed berjumpa dengan anakandanya, Tengku Tahura".

Dia bersetuju saya pergi adakan wawancara dengan Tengku Tahura. Dia kenal dan tahu sejarah Amir Hamzah. Mereka ada pertalian keluarga.

Sebelum sampai ke rumah Tengku Tahura, saya singgah di rumah Hasyim Azahari, anak menantu Pak Uzir, untuk menyemasmakan fardu Maghrib. Setelah selesai solat saya bersama Hasyim Azahari dan Pak Uzir bertolak ke rumah Tengku Tahura yang kebetulan hanya lebih kurang 200 meter sahaja dari rumahnya.

Sesampainya kami di rumah Tengku Tahura, kami disambut dengan ramah mesra. Dari ukiran wajahnya dan tutur bahasanya menunjukkan bahawa Tengku Tahura adalah anak orang yang berbangsa dan anak seorang pujangga. Dalam hati saya berkata: **“mana tumpahnya kuah jika tidak ke nasi juga.”** Kalau mutiara tetap juga mutiara, walaupun berada di perlimbahan.

"Laksamana Hang Tuah pernah memberi jaminan bahawa **“layu tak hilang di dunia”**". Demikianlah antara kata-kata Tengku Tahura. Tengku Tahura bercakap loghatnya lebih kurang loghat Melayu, cuma bahasa daerah dan sebutannya dapat membezakan yang dia orang Medan dan kami orang Malaysia. Selesai mengucapkan kata-kata itu beliau merenung ke arah gambar ayahandanya yang terpampang di dinding. Saya menyai suatu firasat bahawa di sebalik kalimat yang diucapkan ada sesuatu yang tersembunyi.

"Ya ... mungkin ada benarnya. Suatu ungkapan lagi ada mengatakan "**Tak Melayu hilang di bumi**". Namun kenyataan ini menunjukkan: Bumi kehilangan Melayu. Bumi tercinta ini bertanya-tanya: Di manakah Melayu itu kini?" Tengku Tahura bercakap agak hati-hati. Jiwa pejuang ayahnya mengalir dalam jiwnanya. Kecerdikan dan kepintaran ayah diwarisinya.

"Bumi menuduh seolah-olah Melayu itu kehilangan identitinya. Melayu hilang tempat berpijak di dearah tumpah darahnya sendiri. Hal ini kita akui sebagai suatu ironi yang sangat pahit, bak sembilu tajam memalu godam kita berkeping-keping, berserakan porak peranda bagi pasir di tepi pantai, kesihan ombak barulah mandi."

Begitulah ungkapan Tengku Tahura terhadap umat Melayu yang kini tak habis-habisnya bercakaran sesama sendiri. Hal ini mengingatkan saya akan tujuan dan makna dari tema hari kebangsaan yang baru saja kita peringati, yang menitik beratkan kepada "**BERSATU**". **Bersatu kita teguh bercerai kita roboh**. Tersungkur orang Melayu dipermain-mainkan oleh kaum-kaum lain. Tanpa persatuan Melayu tidak akan dapat mengembalikan kegemilangan empayar Melayu pada masa dahulu. Melayu akan hilang dari buminya sendiri.

Selanjutnya Tengku Tahura menceritakan peristiwa malang yang terjadi ke atas ayahandanya, Pengiran Amir Hamzah. Cerita yang panjang lebar itu saya ringkaskan.

Di awal kemerdekaan Amir Hamzah telah dilantik oleh pemerintah Indonesia sebagai **Bupati** (Pegawai Dearah) **Langkap** yang berkedudukan di Binjai. Sebagai Bupati beliau sentiasa menjalankan tugasnya dengan baik dan dedikasi hingga sampai pada **bulan Mac tahun 1946**. (Di Malaysia juga raja-raja hilang kuasa pada tahun yang sama, bulannya saja yang berbeza). Barisan-barisan pemuda yang dipelopori oleh pihak kiri mulai memasuki halaman istana dengan berteriak-teriak menyanyikan lagu **darah rakyat**.

**"Darah Rakyat masih berjalan.
Menderita sakit dan miskin.
Padanya datang pembalasan.
Rakyat yang menjadi hakim."**

Amir Hamzah selaku Bupati yang sah tidak dipedulikan sekali. Beliau hanya memandang dan membiarkan barisan rakyat bersorak-sorak melepaskan nafsu amarah yang tidak menentu. Setelah mereka jemu dan keadaan agak tenang barulah Am-

Hamzah bertanya tujuan dan maksud mereka sebenar.

"Kami minta agar bendera Kerajaan diturunkan!"

Memang sampai hari itu bendera Kerajaan Langkat masih berkibar mendampingi bendera merah putih, bendera Indonesia merdeka.

Kekacauan di **istana Binjai** pada hari itu walaupun belum sampai ke tahap penganiayaan akan tetapi Tengku Amir Hamzah mula merasa bimbang kalau-kalau berlaku sesuatu yang tidak dingini, lalu beliau berunding dengan ahli keluarga. Setelah tercapai kata muafakat, mereka bersetuju meninggalkan kota Binjai untuk bergabung dengan Sultan Mahmud di istana Tanjung Pura, lebih kurang 40 KM dari Binjai.

Di saat-saat mereka bersiap-siap untuk berangkat tiba-tiba muncul beberapa orang pengawal dengan tujuan menjemput Amir Hamzah. Melihat gelagat pengawal itu, isterinya Tengku Kamaliah, putri sulung Sultan Mahmud, merasa tidak tenteram serta menaruh curiga, lalu memberanikan diri bertanya ke mana dan maksud apa suaminya dibawa oleh mereka.

Dengan penuh emosi pengawal itu menjawab: "Tengku jangan bimbang. Tujuan kami hanya untuk bertanyakan mengenai perintahan kota dan ini hanya boleh dilakukan di pejabat. Nanti lamana sudah selesai, suami Tengku akan kami hantar kembali, dan barulah boleh berangkat ke Tanjung Pura."

Amir Hamzah seperti sudah mempunyai firasat, bahawa kepergiannya itu adalah untuk selama-lamanya dan tidak akan kembali lagi. Sebelum berangkat beliau memberikan nasihat kepada isterinya agar menjaga diri baik-baik dan janganlah berdendam, kerana apa yang terjadi adalah Taqdir Ilahi. Lalu beliau mengangkat satu-satunya putrinya Tengku Tahura yang baru berusia 7 tahun itu ke dalam pelukannya. Diciumnya kedua belah pipi Tahura lalu berpesan kepada ibunya agar menjaga dengan baik dan semoga Tuhan akan melindungi.

Pada hari berikutnya pengawal-pengawal itu datang lagi untuk mengambil Tengku Kamaliah dan seluruh kerabat diraja dalam kota Binjai ditangkap dan dikumpulkan pada suatu tempat yang telah mereka sediakan. Beberapa hari kemudian Tengku Kamaliah ada menerima surat dari Amir Hamzah yang maksudnya meminta dikirim **surah Yaasin**, tikar sembahyang dan baju-baju. Menurut penyaksian orang yang melihatnya, Amir Hamzah akan-akan telah menyedari yang beliau tidak akan lama lagi ada di atas bumi yang tidak kekal ini. Amir Hamzah yang

memang terkenal taat kepada agamanya dan senantiasa dekat kepada Tuhanya jadi semakin taat sujud menyembah Allah. Beliau adalah seorang Islam yang mengikut akidah, membuat yang disuruh dan meninggalkan yang dilarang.

Mungkinkah ini salah satu penyebab bagi orang-orang komunis beria-ia sangat hendak menyingkirkan Amir Hamzah? Kerana orang-orang komunis tidak akan senang kepada pemimpin yang taat beragama. Dalam kamus mereka disebutkan agama itu merupakan candu bagi kehidupan rakyat sehari-hari.

Amir Hamzah dianggap salah seorang pemimpin yang berbahaya dan jika tidak dihapuskan dari sekarang mungkin dapat menggagalkan rencana mereka untuk mengkomuniskan negara Republik Indonesia.

Bersama dengan Amir Hamzah ada lebih kurang 30 orang dikumpulkan dan dikawal dengan ketat untuk dihadapkan ke mahkamah rimba. Pada suatu malam kesemua para tawanan dipindahkan ke sebuah perkampungan di antara Binjai dan Setabat, tempatnya di Kuala Begumit. Para tawanan itu ditempatkan di sebuah pondok usang. Jumlah mereka sudah mulai susut, kerana para algojo telah meragut satu persatu nyawa mereka dengan ganas tanpa sedikit pun perasaan belas ehsan.

Sebelum nyawa Amir Hamzah diragut algojo yang bernama **Mandor Yang Wijaya** memperhatikan kesopanan Amir Hamzah bertanya kalau-kalau beliau ada pesan dan permintaan terakhir untuk disampaikan kepada keluarganya?

Dengan perasaan tabah Amir Hamzah hanya memajukan permohonan agar beliau dibenarkan berwuduk dan mengerjakan sembahyang sunat dua rakaat. Hal ini mengingatkan kita kepada pahlawan Libya yang terkenal, Omar Mohktar. Sekiranya kita pernah menonton filem *Lion of the Desert*, sebelum beliau menjalani hukuman gantung, salah seorang pegawai pemerintah askar Itali menanyakan apakah keinginan Omar Mokhtar yang terakhir. Beliau meminta agar diperkenankan mengambil wuduk dan bersembahyang. Mungkin peristiwa yang sama telah berlaku kepada Hassan Al Bana dan Syed Qutub yang sama-sama mengakhiri hidup mereka di tali gantung.

Menurut penyaksian orang yang melihatnya, di saat-saat Amir Hamzah mengerjakan sembahyang di saat itu pula **Mandor Yang Wijaya** tertawa-tawa meminum arak sepantas-puasnya. Setelah sekujur badannya merasa panas lalu ia menghampiri Amir Hamzah yang kedinginan kerana tidak mempunyai baju.

algojo itu menyarankan kepada Amir Hamzah agar menutup mata. Begitulah yang dilakukan kepada orang yang mau dipanung atau ditembak sampai mati. Namun Amir Hamzah lebih senang dengan tidak menutup mata.

Amir Hamzah kemudian diikat kedua belah tangannya lalu dibawa ke pinggir salah sebuah lubang yang telah sedia ada. Dengan tenang beliau memperhatikan ke dalam lubang. Di situ telas dilihatnya mayat-mayat kawan-kawannya yang terhimpit-himpit. **Mandor Yang Wijaya** mengatakan bahwa ia hanya melaksanakan perintah atasan, lalu memerintahkan kepada Amir Hamzah agar duduk dan menundukkan kepala. Amir Hamzah menuruti kehendak algojo dan di saat itulah **Mandor Yang Wijaya** menghayunkan parang panjangnya ke tengkuk Amir Hamzah, dan... gugurlah seorang bunga bangsa.

Seorang penyair yang berjiwa halus telah hilang diragut algojo yang berjiwa kasar dan buas. Dari Allah dia datang kepada Allah dia kembali. Maka sebelum kita meneruskan cerita Amir Hamzah, terlebih dahulu marilah kita bacakan **Al- Fatihah** ke atas rohnya dan kawan-kawannya yang telah gugur, dan marilah kita do'akan semoga roh Amir Hamzah ditempatkan bersama Awlia Allah assolehiin.

Inilah yang telah terjadi kepada seorang putra raja yang tidak bersalah, namun beliau tidak berdaya menunjukkan kebenarannya. Amir Hamzah telah hanyut, tenggelam, hilang dalam arus Revolusi Sosial. Mungkin ini satu makna dari sajak yang pernah dicipta beliau:

Mengail ke pulau Tuntung
Dapat seekor udang galah
Kalau nasib tidak beruntung
Apa pun dibuat jadi salah.

Sewaktu saya pergi berkunjung dan memperhatikan kawasan tempat Amir Hamzah beserta rakan-rakannya dibunuhi, peristiwa itu mengingatkan saya kepada Lubang Buaya di Jakarta, di mana tujuh orang Jenderal pernah diherat oleh buaya-buaya P.K.I ke dalam satu lubang. Peristiwa itu berlaku pada 30 September 1965.

Mari kita berhenti sejenak untuk berfikir. Rupanya jauh sebelum peristiwa Lubang Buaya yang mengorbankan tujuh orang perajurit pilihan, Parti Komunis Indonesia telahpun

menggali lubang buaya di Kuala Begumit, Langkat, untuk menghumbankan Amir Hamzah beserta rakan-rakannya ke dalam lubang itu. Semoga Allah lindungi bangsa kita dari menjadi mangsa komunis.

Peristiwa yang pernah terjadi di Indonesia itu patut kitajadikan suatu pelajaran. Janganlah kita lalai dan berhentilah bercakaran sesama sendiri, kerana ketahuilah bahawa buaya-buaya PKM masih banyak berkeliaran di hutan-hutan simpan dan di kaki gunung banjaran Titiwangsa serta mungkin juga berkeliaraan di kota dan sedang mengintip kelemahan-kelemahan kita. Manakala kita sudah lemah akibat dari pertelingkahan sesama sendiri, sudah pasti buaya-buaya itu akan melibaskan ekornya hingga tumbanglah ketuanan bangsa Melayu di negaranya sendiri.

Dapatlah disebutkan di sini bahawa pupusnya raja-raja Melayu dan pujangga Melayu di Sumatra adalah disebabkan perbuatan golongan komunis yang telah menghasut rakyat supaya membenci kepada raja-raja tersebut. Komunis Russia juga berjaya membuat saudara Islam berbunuhsesama sendiri di Afghanistan.

Berbalik kepada cerita Tengku Tahura. Beliau pernah menuduh Amir Hamzah berlaku kejam terhadapnya dan keluarganya. Katanya suatu ketika dahulu Amir Hamzah pernah menyuruh mereka pergi bekerja di sawah. Bukankah perbuatan itu suatu tindakan yang kejam, kata Tengku Tahura, sedangkan bondanya Tengku Kamaliah adalah putri yang dimanjakan oleh seorang sultan yang terkaya di Sumatra Timur pada masa itu. Sudahlah disuruh bekerja ke sawah dengan berjalan kaki sejauh 12 KM. Tahura pula ditumpangkan ke dalam kereta lembu.

"Ya... sekarang saya sudah insaf serta menyedari atas tindakan ayahanda saya itu," kata Tengku Tahura. "Rupanya Amir Hamzah seakan-akan telah mengetahui jauh sebelumnya akan berlaku peristiwa **Revolusi Sosial** yang dahsyat itu. Kami telah dilatih cara hidup sebagaimana yang dialami oleh rakyat kecil."

Latihan itu sungguh besar maknanya bagi Tengku Tahura untuk mengharungi hidup yang penuh cabaran ini. Selanjutnya Tengku Tahura menceritakan perihal bondanya Tengku Kamaliah yang telah meninggal dunia pada tahun 1962. Hingga ke akhir hayatnya beliau tidak mahu mengakui bahawa suaminya Amir Hamzah telah mati dibunuhi orang. Mana mungkin Amir Hamzah dibunuhi orang? Amir Hamzah terkenal berbudi tinggi,

ndah hati dan selalu berbuat baik serta menolong masyarakat
keliling!

Demikianlah keyakinan Tengku Kamaliah terhadap suaminya yang tercinta. Keyakinan itu disemaikan pula kepada anakannya Tahura, bahawa ayahandanya Amir Hamzah tidak mati dan suatu hari nanti akan datang juga kembali.

Keyakinan Tengku Kamaliah itu dapat dimengerti, kerana kesintiaannya yang besar terhadap suaminya Amir Hamzah. Perpisahan antara mereka kerana Amir Hamzah dibawa orang. Amir Hamzah tidak dibunuh orang di hadapannya. Atau kepergiannya Amir Hamzah dimanfaatkannya untuk menghilang semestinya waktu saja guna bertemu dengan orang yang pernah dicintainya, seorang putri Solo yang bernama Ilik Sundari.

Peristiwa percintaan meraka terjalin semasa Amir Hamzah melanjutkan pelajarannya di Solo, Jawa Tengah. Memang sebenarnya percintaan antara Amir dengan Ilik Sundari sudah berkembaran harum mewangi laksana suatu lambang yang pernah ditalami oleh setiap pasangan teruna-dara untuk menuju ke dalam mahligai rumah tangga, namun jodoh pertemuan Allah sahaja yang berhak menentukan. Betapa juga besarnya cita-cita tidak mencapai tiada sampai.

Di samping bergiat menuntut ilmu Amir Hamzah juga terjun ke dalam pergerakan **Indonesia Muda**. Bahkan beliau sendiri menjadi ketua Indonesia Muda cabang Solo. Suatu landasan pergerakan lagi menuju cita-cita Indonesia Merdeka.

Pada masa itu pergerakan ini dianggap sangat berbahaya dari kacamata Belanda. Penjajah Belanda melalui agen pertikinya telah mencium bahawa Amir Hamzah telah jauh tenggelam dalam pergerakan itu. Hal ini harus dicegah seberapa segera demi untuk keselamatan kolonial. Belanda merasa bimbang kalau-kalau gerakan itu akan menyusup ke dalam istana Langkat.

Wakil kerajaan Belanda di Sumatra Timur membujuk serta menekan Sultan Mahmud supaya menggunakan kuasanya untuk menarik kembali Amir Hamzah dan selanjutnya menghawinkannya dengan putri baginda, Tengku Kamaliah.

Betapapun juga pedihnya hati untuk berpisah dengan kekasih yang tercinta, namun perintah pamanda, tambahan pula titah dari seorang sultan, tentulah tidak mungkin untuk dibangkang. Demikianlah halnya suatu kenyataan hingga ke hari ini bagi rakyat harus patuh menjunjung titah sultan walaupun titah itu ada alanya menjadi beban kepada rakyat.

Mungkinkah salah satu sebab, kerana peristiwa-peristiwa pahit yang dialami oleh Amir Hamzah membuat syair-syairnya selalu bernafas kepiluan?

Sampaikan rinduku pada dinda
Bisikkan rayuanku pada juita
Liputi lututnya muda kencana
Serupa beta memeluk dia.

Gelak sudah beta sembahkan
Cinta sudah tuan putuskan
Apatah lagi dewi harapkan
Pada beta duka sampaikan.

Begitulah nasib malang yang terjadi ke atas diri Amir Hamzah. Dalam situasi perang kemerdekaan beliau dituduh sebagai feudal penghisap darah rakyat dan pengkhianat bangsa, namun sejarah tidak pernah berdusta. Maka setelah menyusuri jalan yang panjang dan penyiasatan yang rapi, Presiden Republik Indonesia, Soeharto memutuskan dan menetapkan Amir Hamzah sebagai **PAHLAWAN NASIONAL**. Pada tanggal 10 November 1975 bertempat di Istana Merdeka Jakarta, pingat kepahlawanan itu diserahkan sendiri oleh Presiden kepada Tengku Tahura, putri almarhum Pengiran Amir Hamzah.

Sebagai mengenang jasa-jasa almarhum Pengiran Amir Hamzah, maka pemuda-pemuda Melayu di Medan telahpun membangunkan sebuah universiti yang mereka beri nama **Universiti Amir Hamzah**. Mereka juga menubuhkan **Yayasan Amir Hamzah** yang diketuai oleh bapak Major Jeneral (B) Raja Syahnan, bagi membantu kelancaran para siswazah-siswazah Melayu untuk menuntut ilmu.

Saya turut berasa bangga atas daya usaha yang gigih dan positif yang dilakukan oleh pihak kaum Melayu demi untuk mengejar ketinggalan mereka yang agak jauh daripada kaum-kaum lain. Alangkah baiknya seumpamanya bagi kita di Malaysia dapat menghulurkan bantuan moral kepada mereka, dengan harapan agar mereka dapat berdiri sejajar bersama kaum-kaum lain di Indonesia.

Di samping Universiti Amir Hamzah yang telah berdiri di kota Medan, di Jakarta pula terdapat **Taman Amir Hamzah** dan **Masjid Amir Hamzah**. Begitu juga di daerah Langkat, oleh

Pemerintah Dearah setempat dibangunkannya sebuah tugu peringatan yang menjulang tinggi. **Tugu Amir Hamzah** berdiri dengan megah di hadapan kantor Bupati Langkat.

Sebagai salah seorang penulis yang bergiat mengadakan penelitian semua tempat-tempat yang disebut tadi, telahpun saya kunjungi dan telah bertemu muka dengan bapak Bupati Langkat, Kolonel Haji Marzuki Herman, yang menerima saya dengan ramah mesra serta meluangkan waktunya untuk bertukar-tukar fikiran. Sewaktu saya mengunjungi tempat-tempat tersebut lalu saya teringat kepada apa yang pernah diucapkan oleh Al-lahyarham Bung Karno: "**BANGSA YANG BESAR ADALAH BANGSA YANG TAHU MENGHARGAI JASA-JASA PAHLAWANNYA**".

Selesai berbual-bual dengan Bapak Bupati, saya bersama Tengku Tahura pergi menziarahi makam ayahandanya Pengiran Amir Hamzah di pekarangan Masjid Azizi Tanjung Pura, lebih kurang 10 Km daripada pejabat Bapak Bupati. Selepas itu kami mengambil peluang menziarahi pula makam seorang ulamak besar, iaitu Tuan Syeikh Abdul Wahab, di Babussalam, lebih kurang 10 Km dari Makam Amir Hamzah. Cerita ini boleh anda ikuti dalam bab '**Antara Ulamak dan Raja**'.



Dua orang yang dianggap paling besar memainkan peranan bagi memenangkan calon PAS, Ustaz Haji Harun Taib iaitu Tengku Seri Paduka Raja Tengku Ibrahim Ismail dan Haji Mustapha Ali, Pengarah Pilihanraya PAS

19

SEMANGAT 46

Sesudah selesai *Perang Badar*, peperangan yang besar dan dahsyat menentang musuh-musuh Islam sehingga mengorbankan ramai para syuhada, salah seorang sahabat telah bertanya kepada Rasulullah, "Apakah ada lagi perang yang besar selepas peperangan *Badar ini, Ya Rasulullah*" Maka Baginda Rasulullah pun menjawab: "Ada, iaitu peperangan melawan hawa nafsu".

SEHINGGA awal bulan Mac 1946 di Sumatra Timur terdapat apan kerajaan negeri yang diperintah oleh sultan-sultan.

Pihak kolonial Belanda pada waktu itu memberikan kekuasaan kepada sultan-sultan tersebut mentadbir negeri masing-masing berutama di bidang agama dan mahkamah negeri.

Belanda memang sengaja berusaha untuk melebarkan urang di antara raja dan rakyat demi kepentingannya untuk lebih lama menjajah Indonesia. Kepada rakyat jelata dibebankan dengan cukai pendapatan, walaupun mereka tahu kebanyakan rakyat itu tidak mempunyai pendapatan tetap. Dan di pihak raja, penjajah membiarkan raja dan kerabat mereka bersultanan di mata dan beraja di hati.

Kerajaan negeri menyumbatkan mereka yang tidak mampu membayar cukai ke dalam lokap dan dipaksa bekerja membersihkan jalan, longkang dan sebagainya. Kezaliman dan kekejaman yang berleluasa terhadap rakyat ini telah tidak mendapat pembelaan. Tak ada siapa pun yang berani menolong

rakyat yang tertindas. Mereka inilah yang tergolong dalam ertikata rakyat-rakyat yang muktahzafin.

Seperti yang kita semua maklum senjata penjajah yang terkenal adalah '*Divide Et Impera*' atau dalam bahasa Inggerisnya '**divide and rule**'. Ia merupakan satu rencana politik yang bertujuan memecah belahkan raja dengan rakyat, memecah belahkan rakyat dengan rakyat dan Islam dengan Islam. Inilah kerja-kerja syaitan yang menjadi amalan penjajah dan kuasa-kuasa besar tanpa disedari oleh umat manusia terutama umat Islam akibat mereka tidak mahu membaca dan memahami Al-Quran yang Tuhan turunkan untuk keselamatan dan kebahagian manusia di dunia dan akhirat. Al-Quran bukan untuk umat Islam saja.

Inilah amalan syaitan yang diamalkan oleh penjajah. Rakyat tidak boleh bermesra dengan raja dan begitu juga raja tidak boleh kasi muka kepada rakyat. Di antara mereka ditanamkan semangat kebencian dan perasaan curiga mencurigai. Pada hal mereka itu bersaudara, menyembah Tuhan yang sama, Allah dan bernabikan Muhammad.

Itulah sebabnya maka malaikat tidak mahu Tuhan ciptakan makhluk yang bernama manusia. Malaikat tahu bahawa manusia akan hanya bergaduh dan berbunuh sesama mereka. Tapi Allah Maha Mengetahui, Allah tetap menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini.

Disebabkan raja-raja mempunyai kekuasaan berlebih-lebihan maka ada di antara raja-raja yang tidak beriman serta tidak dapat mengawal hawa nafsu terlupa bahawa rakyat itu adalah makhluk Allah yang sama seperti mereka juga dan bukannya '*Alien*'.

Raja dan kerabat mereka merasakan diri mereka begitu mulia. Merekalah tuan. Mereka berada di tempat yang tinggi dan mesti disembah-sembah dan diberi penuh penghormatan. Manusia-manusia yang lain dari mereka adalah hamba dan mesti sujud dan ikut saja segala kemahuan mereka. Perbuatan mereka siapa pun tak boleh tegur dan larang. Membantah bererti menderhaka.

Jika ada persamaan '*nama*' di antara pekerja istana dengan anak cucu raja, maka '*nama*' itu mesti ditukar. Sebagai contoh katakanlah **nama** salah seorang anak pekerja itu **Kamal** dan cucu raja tersebut juga bernama **Tengku Kamal**, pekerja istana itu mesti menukar namanya kepada **Kanel**. Kedua-dua orang yang saya ambil sebagai contoh ini masih hidup. Bukankah perkara itu suatu keanehan. Tapi kekejaman serupa ini memang

pernah berlaku dan mungkin juga masih berlaku di negara-negara yang masih lagi mengamalkan sistem beraja. Ini memandangkan bahawa mereka selain dari kerabat adalah disifatkan sebagai 'Alien'.

Dan bermacam-macam lagi bentuk kekejaman dan kezaliman yang berlaku di dalam tembok-tembok istana. Insiden-insiden yang tidak berperikemanusiaan dan bersifat 'barbaric' berlaku di kalangan kerabat diraja yang saya tak sanggup nak ceritakan. Namun begitu ramai rakyat yang tahu. Perbuatan-perbuatan sumbang terhadap para dayang adalah lumrah. Begitu juga dengan kejadian memukul para pekerja istana walaupun pekerja yang dipukul itu adalah seorang dewasa dan yang memukul itu masih lagi kanak-kanak. Mereka tak dapat berbuat apa-apa, tak tahu nak mengadu pada siapa. Para kerabat melihatnya sambil bergelak ketawa. Sepatutnya anak-anak itu dididik dan diajar supaya berbudi pekerti mulia seperti yang dituntut oleh agama.

Keadaan di dalam istana ketika itu mencerminkan tahap akhlak yang paling rendah. Pekerja-pekerja di istana ada kalanya disifatkan lebih bangsat dari anjing-anjing yang merempat tanpa tuan. Pengaruh feodalisme British hidup dengan begitu subur di dalam istana-istana. Kerabat diraja dan orang-orang besar sahajalah yang dianggap sebagai manusia, sementara rakyat biasa dilihat sebagai suatu makhluk yang sub-manusia. Dengan pandangan yang semacam ini mereka (kerabat diraja) bebas melakukan apa sahaja terhadap rakyat terutama mereka yang berada di dalam cengkaman raja.

Begitulah keadaan yang berlaku. Mereka yang terlibat terpaksa menanggung saja penderitaan dan penghinaan terhadap diri mereka yang dilakukan oleh kerabat diraja yang tidak mempunyai hati perut. Allah mendengar dan melihat apa yang mereka lakukan. Mereka tidak akan terlepas dari pembalasan dan siksaan Tuhan. Kalau tidak di dunia, di akhirat pasti juga mereka akan menerimanya. Di neraka jahanam itulah nanti lempat mereka yang zalim dan kejam.

Mereka yang tertindas ini, mereka yang menjadi kaum muktahzafin ini, mengangkat tangan berdoa ke hadrat Allah dan Allah makbulkan doa orang-orang yang dizalimi, serta doa orang-orang yang tertindas dan terseksa oleh anak-anak dan kaum kerabat diraja yang begitu angkuh, sompong, bongkak, tamak dan haloba.

Mereka tidak pernah terfikir tentang kebesaran dan kekuasaan

Tuhan. Mereka fikir mereka yang berkuasa. Mereka fikir kuasa itu akan kekal dan tidak akan berpindah tangan. Mereka lupa dunia ini pinjam-pinjaman. Tuhan tidak pernah lupa walau sebesar zarah kebaikan yang dibuat atau kejahatan yang dilakukan. Semuanya dihitung dan dihisab untuk diberikan pembalasan.

Berbalik kepada cerita **Sumatra** setelah tiga setengah tahun tentera Jepun mengambil alih kekuasaan dari pihak Belanda, iaitu pada 17 Ogos 1945, atas nama seluruh rakyat Indonsia **Soekarno - Hatta** mengisytiharkan **kemerdekaan Indonesia**. Namun Belanda masih juga bercita-cita untuk menjajah kembali negara Indonesia. Tapi bagi rakyat Indonesia yang telah mengalami pahit maungnya terjajah selama berabad-abad bangkit serentak berjuang menentang Belanda. Di sinilah bermulanya **revolusi** menentang Belanda dengan semangat dan senjata bambu runcing.

Mulai dari saat itu, suasana di **Sumatra Timur** khasnya di mana banyak terdapat raja-raja Melayu, rakyat yang sedar telah menyaksikan kemunculan satu era baru. Inilah peluang bagi mereka hendak melepaskan diri dari cengkaman dan kezaliman raja-raja. Inilah masanya mereka dapat terkeluar dari neraka yang dibuat khas untuk mereka oleh raja-raja mereka. Rakyat yang telah dipengaruhi oleh PKI telah menunjukkan suatu perubahan yang nyata. Mereka mula berani, mereka mula bersemangat.

Sultan-sultan, masih dalam keadaan leka dan tidak mahu mengikut perkembangan yang berlaku di dalam negara. Ramai di antara mereka yang mengambil sikap acuh tak acuh saja. Mereka fikir selama-lamanya rakyat akan tunduk, patuh dan sembah mereka.

Mereka tak dapat menerima kenyataan bahawa segala bentuk penjajahan dan penindasan sudah tidak mempunyai tempat lagi di hati rakyat Indonesia dan keadaan ini, digunakan sepenuhnya oleh pihak PKI (Parti Komunis Indonesia) untuk menghasut rakyat supaya membenci raja-raja mereka. Ideologi komunis boleh tumbuh dengan subur bila manusia tidak mahu lagi menggunakan ajaran Tuhan melalui kitabNya.

Rakyat yang sudah menjadi ibarat minyak, hanya memerlukan percikan api yang kecil saja bagi menyemarakkan api revolusi. Kebangkitan ini begitu ketara terutama di kalangan mereka yang telah menjadi mangsa dan budak-budak raja. Budak-budak yang sudah tak tahan lagi diseksa dan dianaya, menggunakan

kesempatan ini untuk membalas dendam yang telah lama membawa. Bila lagi, inilah masanya hendak mengajar raja yang salim dan kejam.

Kejadian ini mengingatkan kita kepada apa yang pernah diucapkan oleh Jenderal (B) Abdul Harris Nasution pada tahun 1966 iaitu di saat berlakunya pengganyangan terhadap Parti Komunis Indonesia. Beliau berkata:

'Revolusi Sosial yang pernah berlaku di Sumatra Timur adalah merupakan "TEST CASE" PKI untuk merebut kekuasaan di Indonesia.'

Ada juga yang berpendapat bahawa terjadinya **revolusi sosial** itu mungkin sebahagian daripada muslihat Belanda agar dapat berkuasa semula di bumi Indonesia. Apa pun pendapat manusia, namun itu adalah sebenarnya **hukum karma** yang merupakan pembalasan dari Allah kepada mereka yang lupa tentang kekuasaan Tuhan, mereka yang telah cuba menjadikan diri mereka Tuhan dan mereka menggunakan pakaian dan kebesaran Tuhan iaitu keangkuhan dan kesombongan. Padahal mereka dijadikan dari tanah. Padahal mereka lemah tak berdaya, tak berupaya melainkan dengan limpah rahmat dari Allah s.w.t.

Walau apa juapun penafsiran orang, namun apa yang disebut sebagai '**revolusi**' itu adakah lebih dahsyat dan lebih kejam daripada **peperangan**. Cuba kita teliti dan kaji apakah yang terjadi pada '**revolusi Perancis** dan **revolusi Iran**'. Walaupun Shah Iran yang bergelar **King of Kings** dan dikawal ketat oleh askar-askarnya yang kuat, akhirnya tumbang juga dihalau dari **Istana Merak** dan tersingkir dari tanahairnya sendiri oleh kuasa rakyat dan akhirnya raja mati di dalam buangan. Saya pergi menziarahi makam Shah di Mesir untuk memberikan keinsafan dan pengajaran kepada saya.

Kalaularah Shah Reza Pahlavi semasa berada di atas takhta dulu sentiasa memikirkan kesejahteraan rakyat, memikirkan yang dia juga seorang manusia biasa, tentu tidak mungkin berlaku '**revolusi**' terhadap sistem beraja yang telah berusia lebih dari 2500 tahun di Iran. Shah Reza Pahlavi, Raja Iran tidak dapat memahami bahawa rakyat boleh hidup tanpa seorang raja, tetapi raja tidak boleh hidup tanpa rakyat. Rakyat tidak memerlukan raja, tapi sebaliknya rajalah yang memerlukan rakyat. Sebab itu raja mesti berfikir, jangan boros dan membelanjakan wang dari

keringat rakyat dengan sesuka hati tanpa memikirkan akibatnya nanti.

Dengan izin Allah juga maka '**revolusi rakyat**' yang dipimpin oleh Ayatollah Khomeini, seorang tua yang tidak pernah mementingkan dirinya telah dipilih oleh Allah untuk memimpin manusia yang tertindas oleh raja. Beliau berjuang demi untuk mempertahankan maruah bangsa agama dan tanahairnya dan sekaligus memberikan kita semangat bahawa sesungguhnya Allah itu yang Maha besar. Orang tua yang kelihatan uzur itu dapat menggugat keangkuhan dua gergasi dunia. Kuasa-kuasa besar gagal untuk menundukkannya kerana beliau mendapat pertolongan dengan bantuan dari Allah.

Orang tua yang bernama Ayatollah Khomeini itu kini baru saja kembali kerahmatullah. Ayatollah meninggal semasa saya sedang menyiapkan buku ini. Semoga Allah mencucuri rahmat keatas rohnya dan menempatkan beliau bersama aulia Allah s.w.t. Al-fatihah untuknya.

Revolusi rakyat laksana air bah yang membawa arus deras yang menghanyutkan apa sahaja di dalam lajuannya. Dengan terjadinya **revolusi** tersebut dan **revolusi sosial** yang akan diceritakan ini, kita berharap semoga dapat memberikan kesedaran serta keinsafan bagi manusia yang masih lalai dan leka. Bagi mereka yang terfikir mahu bertaubat, ingatlah Tuhan penerima taubat dan mintalah pengampunan dan bertaubatlah sebelum terlambat. Allah amat pemurah lagi amat mengasihani.

Sebelum kita meneruskan cerita revolusi sosial, ada baiknya kita perhatikan riwayat serba ringkas sultan-sultan yang terlibat dalam revolusi di **Kualuh**, Sumatra.

Kerajaan negeri **Kualuh**, ibu negerinya **Tanjung Pasir**, lebih kurang 200 KM ke selatan **Medan**. Negeri **Kualuh** yang berada dalam lingkungan **Labuhan Batu** diperintah oleh Sultan Al Haj Muhammad Syah, sultan ketiga negeri **Kualuh** dan sultan yang tertua di antara sultan-sultan lainnya dan juga mempunyai pertalian sejarah yang tersendiri dengan **Semenanjung Tanah Melayu**. **Tanjung Pasir** hanya lapan jam dengan menaiki bot kecil dari Pelabuhan Kelang dan hanya setengah jam bilamana sebuah pesawat kecil seperti **Focker Friendship F27** digunakan untuk perjalanan di antara kedua-dua tempat yang dinyatakan itu.

Sultan Al Haj Muhammad Syah adalah ayahanda mertua kepada sultan Mahmud dari kerajaan **Langkat** dan baginda mempunyai lima orang putra dan putri: yang paling sulung

Tengku Roudah yang bergelar Tengku Mahsuri Langkat, yang kedua Tengku Mansyur Syah bergelar Tengku Besar **Kualuh** berkahwin dengan Tengku Zainab adinda dari sultan Mahmud **Langkat**, yang ketiga Tengku Kamilah berkahwin dengan Tengku Syahmenan, anakandanya Tengku Sulung Yahya.

Untuk pengetahuan pembaca, Tengku Sulung Yahya pernah menjadi salah seorang pengadil **Pesta Bola Merdeka** yang berlangsung di **Kuala Lumpur** dalam tahun 1970. Putri yang keempat sultan **Kualuh** ialah Tengku Salmah yang berkahwin dengan Tengku Ibrahim bergelar Tengku Maharaja **Binjai Langkat**. Dan yang paling bongsu ialah Tengku Darman Syah yang berkahwin dengan Tengku Azhari, adinda dari sultan Deli, Osman Sani Perkasa Alam.

Dalam tahun 1936 kerajaan **Kualuh** mengadakan '**Pesta Emas**' atau **Jubli Emas** secara besar-besaran selama dua minggu bagi menyambut genap 50 tahun sultan Al Haj Muhammad Syah menjadi raja negeri **Kualuh**. Ramai daripada pembesar-pembesar Belanda serta sultan-sultan dari negeri-negeri lain diundang menghadiri Jubli Emas tersebut.

Tidak ketinggalan dalam memeriahkan pesta **Jubli Emas Kualuh** itu, baginda memanggil sebuah **kumpulan joget** yang ditudangkan khas dari **Singapura**. Maka berjogetlah segala tetamu di dalam malam yang penuh keseronokkan itu. Dan berlakulah segala macam kemaksiatan dan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah. Pesta untuk berseronok itu adalah satu pembaziran dari wang rakyat yang tertindas. Siapa pun tak berani menegur dan menghalang. Kita tak tahu apa yang dibuat oleh para ulamak ketika itu.

Tidak siapa pun yang dapat meramalkan pada malam Raja berpesta mengadakan Jubli Emas untuk merayakan isteri muda yang baru dibawa dari Johor bahawa 10 tahun kemudian **kuasa rakyat** akan menumbangkan kekuasaan **raja-raja**. Inilah contoh satu kuasa yang telah mendapat pertolongan dari Allah. Manusia saja yang akan membinasakan manusia yang lalai dan yang dikuasai oleh iblis. Itulah caranya Allah menghukum manusia-manusia durjana dan manusia-manusia yang lupa diri.

Sebaliknya jika sambutan Jubli Emas Kualuh itu dilakukan dengan mengadakan majlis tahlil ataupun majlis bacaan Quran dan maulidir rasul secara besar-besaran yang dihadiri oleh rakyat semua peringkat, maka sudah tentu Allah akan memberkati negeri Kualuh dan kerabat-kerabat dirajanya.

Biar bagaimanapun majlis sambutan ala-barat yang telah menghabiskan sebahagian besar dari wang titik-peluh rakyat Kualuh itu berlaku serentak dengan kedatangan seorang isteri baginda sultan dari negeri Johor. Demi untuk menjaga nama baiknya, saya menggelarnya sebagai putri dari Johor saja dan merahsiakan namanya yang sebenar.

Sultan Al Haj Muhammad Syah mengenali putri dari Johor tersebut melalui salah seorang sahabatnya yang bernama Syed Ibrahim Al Hinduan atau lebih terkenal dengan sebutan Syed Ibrahim Gajah. Gelaran itu diberikan kerana kepakarannya menembak dihutan-hutan Johor.

Kedatangan putri dari Johor itu ke negeri Kualuh membawa dua orang putra dan putri serta disediakan buat mereka sebuah istana kecil yang diberi nama "**KAMAR SEMBILAN**". Istana ini dibina khas oleh baginda sultan untuk mereka serta disediakan pula para inang pengasuh. Begitulah borosnya sultan berbelanja untuk keluarganya sedangkan rakyat di ketika itu hidup dalam keadaan menderita dan sengsara.

Untuk mengetahui lebih jauh latar belakang putri dari Johor tersebut, semasa berada di **Medan**, saya berusaha mencari zuriat dari sultan **Kualuh**. Alhamdulillah. Saya berhasil bertemu dengan Tengku Radiyah Ibni Almarhum Tengku Mansyur Syah, Tengku Besar **Kualuh**. Tengku Radiah adalah cucunda sultan Al Haj Muhammad Syah dan menyambut baik kedatangan saya dan bersedia menceritakan peristiwa **revolusi sosial** yang pernah terjadi di negeri **Kualuh**.

Menurut Tengku Radiyah, beliau beserta adik beradiknya sungguh merasa terhutang budi kepada putri dari Johor. Ini kerana menurutnya jika tidak kerana kebijaksanaan putri dari Johor itu, tentu tidak wujud sebuah sekolah di halaman istana '**Kamar Sembilan**', dan kemungkinan anak raja di **Kualuh** menjadi buta huruf.

Sekolah tersebut diberi nama H.I.S. (**Hollands Inlandsche School**). H.I.S ialah sebuah sekolah rendah dengan bahasa pengantar Belanda. Gurunya juga seorang Belanda yang didatangkan khas dari Bandung. Di sekolah inilah anak-anaknya belajar menguasai bahasa Belanda.

Tengku Radiyah menceritakan betapa malangnya nasib anak-anak raja ketika itu kerana mereka tidak dibenarkan bercampur bersama dengan anak-anak orang kebanyakkhan dalam satu sekolah. Raja merasakan diri mereka begitu mulia. Dalam hal

menuntut ilmu pun tak boleh anak raja turun mencampuri rakyat. Rakyat dianggap seperti 'alien'.

Di Tanjung Pasir ada terdapat sekolah. Akhirnya anak-anak raja hidup dalam keadaan buta huruf, tak kenal dunia, tak kenal masyarakat dan tak dapat lihat selain dari pakaian istana. Maka jadilah mereka itu seperti katak di bawah tempurung.

Inilah yang mendorong putri dari Johor itu bekerja keras sehingga terdirinya sebuah sekolah yang dikhaskan buat anak-anak raja dengan putri dari Johor menjadi ketuanya. Tengku Radiyah adik beradik diwajibkan tinggal di istana **Kamar Sembilan** agar putri dari Johor itu mudah mengawasi dan membentuk disiplin yang ketat.

Pada tahun 1961, Tengku Radiyah pernah berkunjung ke Negeri Johor untuk menemui putri dari Johor yang pernah tinggal di negeri **Kualuh** dan telah menyelamatkan anak-anak raja di negerinya dari terus menjadi manusia yang buta huruf.

Semasa berada di Johor Tengku Radiyah mengambil peluang mengunjungi semua istana yang terdapat di dalam negeri Johor. Beliau telah membuat suatu kesimpulan bahawa jika dibandingkan kemewahan yang dinikmati oleh raja-raja di Malaysia dengan yang pernah dinikmati oleh keluarga mereka tidaklah ada ertinya. Biar bagaimanapun mereka telah menjadi mangsa fitnah oleh golongan yang tidak senang pada keluarga diraja. Mereka dituduh hidup dalam kemewahan serta berlebihan. Tuduhan tulah yang dijadikan modal oleh para pemimpin komunis untuk menghasut rakyat yang tidak mengerti kedudukan yang sebenarnya. Akhirnya rakyat pun bertindak menghapuskan raja-raja mereka. Maka hiduplah orang Melayu di Sumatra Timur tanpa raja.

"Nah... sekarang kami telahpun tersingkir dari dalam istana. Semua harta benda kami habis disamun oleh orang-orang yang menggelar diri mereka pemimpin rakyat. Namun kami masih dapat hidup... walaupun dengan sederhana... Namun kami bersyukur...., tapi mereka yang telah menyamun, mencuri serta merompak harta kami telah menerima *hukum karma* ke atas mereka. Keseronokkan dan kepuasan yang mereka dapati dari hasil yang tidak betul, tidak berkat dan tidak kekal lama.

Beginilah keluhan Tengku Radiyah.

Pada 3hb Mac 1946 tidak kurang dari 500 orang barisan-barisan rakyat telah mengepung istana **Kualuh**. Satu das tembakan telah mereka lepaskan untuk memecahkan kehenangan malam. Mendengar bunyi yang kuat, Tengku Kamilah putri Sultan **Kualuh** bangkit dengan serta-merta. Pada hematnya bunyi itu tentulah bunyi pintu yang terhempas oleh tiupan angin sebab tidak berkunci. Akan tetapi alangkah terperanjatnya beliau setelah melihat begitu ramai orang sudah berada di halaman istana. Mereka melaungkan kata-kata yang sehingga mati pun mereka tidak akan lupa, kata-kata yang mendebarkan dan sungguh menakutkan.

“Jatuhkan raja!... Rakyat yang berkuasa....”

Beramai-ramai mereka menyanyikan lagu yang membakar semangat rakyat.

“Darah Rakyat masih berjalan.
Menderita sakit dan miskin.
Padanya datang pembalasan.
Rakyat yang menjadi hakim.

Lagu komunis ini telah diharamkan oleh kerajaan Indonesia.

Tetapi apabila berlaku satu pengkhianatan oleh pihak Parti Komunis Indonesia, lagu yang sama dinyanyikan oleh orang-orang komunis. Contohnya semasa pembunuhan Jenderal-jeneral di **Lubang Buaya** pada 30 haribulan September 1965 di Jakarta. Beramai-ramai mereka nyanyikan lagu ini dengan penuh semangat.

“Darah Rakyat masih berjalan.
Menderita sakit dan miskin.
Padanya datang pembalasan.
Rakyat yang menjadi hakim.

Setelah berjaya menawan semua para pengawal dan kakitangan istana, komunis pun terus menyerbu ke dalam. Mereka bertanyakan di manakah sultan dengan nada mengherdik dan marah-marah. “Mana sultan! Mana sultan?”

Di sebabkan rasa takut yang teramat sangat, Tengku Kamilah

dan kerabat menjadi gugup, tak tahu apa yang mesti dilakukan. Sukar bagi mereka mempercayai bahawa ketika itu mereka sedang menghadapi suatu kenyataan yang di luar dugaan. Beliau tidak dapat berkata walau sepatah pun melainkan menggil ketakutan. Ini menyebabkan mereka yang mencari sultan menjadi bertambah marah.

Kejadian yang dialami oleh kerabat diraja ini ibarat sebuah mimpi yang tersangat ngeri dan dahsyat. Tapi ia bukanlah suatu mimpi melainkan satu tragedi yang sebenarnya sedang berlaku akibat dari kemarahan rakyat terhadap istana yang sudah tidak dapat dikawal lagi. Mereka yang sudah di dalam cengkaman pemberontak yang sedang menyerang istana benar-benar takut melihat muncung senapang dihala ke arah mereka.

Dengan wajah yang ibarat harimau-harimau lapar, kuncu-kuncu komunis itu telah menggeledah setiap ruang istana untuk mencari sultan. Akhirnya mereka menjumpai juga sultan yang sedang beradu dengan nyenyak dalam kamar peraduan baginda.

Kuncu-kuncu komunis membentak pengawal peribadi sultan yang bernama Tengku Yacub. Mendengar suara yang bising baginda sultan terbangun dari peraduannya sambil terus mengambil sebilah keris dari bawah bantal. Sebelum sempat dikeluarkan dari sarungnya dengan serta merta cucunda baginda Tengku Ulung Yahya memeluk baginda sekuat-kuatnya: "Jangan Atuk jangan, nanti kita semuanya akan mati, lebih baik kita jangan melawan Atuk". Begitulah cucunya merayu kepada sultan. Sultan pun menyimpan semula kerisnya.

Seandainya Sultan Al Haj Muhammad Syah sempat menggunakan kerisnya, besar kemungkinan pihak penyerang itu akan tertewas. Mengikut kepercayaan kerabat diraja, keris itu mempunyai kesaktian. Baginda telah memperolehi keris tersebut dari dalam sebuah lubuk di hulu Sungai Kualuh setelah mendapat sebuah mimpi.

Pada malam itu baginda sultan, Tengku Yacub, dan Tengku Ulung Yahya ditangkap. Mereka dibawa entah ke mana. Siapa pun tak tahu dan tidak berani bertanya ketika melihat rakyat yang sedang marah dan mengamuk menyerang istana dari semua penjuru.

Semasa sultan berada dalam tawanan mereka, beberapa orang dari barisan rakyat pergi ke makam diraja untuk mencari Tengku Darman Syah. Mereka tahu Tengku Daraman pasti ada di situ.

Sebagaimana lazimnya pada tiap-tiap malam Tengku Darman Syah sentiasa tidur di makam isterinya, yang bernama Tengku Azhari yang baru sahaja mangkat tiga bulan sebelum revolusi tatkala melahirkan seorang putri.

Pada malam tragedi berdarah di istana Kualuh Tengku Darman seperti biasa telah bersedia meninggalkan istana untuk berkunjung dan bermalam di makam isterinya yang dikasihi itu. Namun sebelum meninggalkan istana, beliau telah mendekati kakaknya Tengku Kamilah dan dengan tidak semena-mena Tengku Darman telah merebahkan kepalanya ke atas pangkuan kekandanya Tengku Kamilah. Hal ini membuat Tengku Kamilah merasa kehairanan. Beliau menegur dindanya dengan mengatakan, kurang baik jika dilihat orang abang adik berkelakuan begitu. Mendengar nasihat kandanya, Tengku Deraman pun bangun sambil berkata bahawa anaknya telahpun berusia tiga bulan namun masih belum mempunyai nama. Perbuatan yang tiba-tiba dilakukan itu seperti orang yang berkelakuan 'buang tabiat'. Hal ini dirasakan oleh Tengku Kamilah.

Setelah beberapa nama diusulkan akhirnya mereka membuat keputusan dengan menamakan anak itu Tengku Darwisah dan selepas itu barulah Tengku Darman Syah bersiap-siap untuk pergi ke makam isterinya yang terletak di perkarangan Masjid Sultan, satu-satunya bangunan yang indah dan satu-satunya harta pusaka peninggalan sultan kepada rakyat dan orang-orang Islam yang masih tinggal di Kualuh. Ini kerana yang lain-lain sudah pun menjadi padang jarak padang terkukur.

Satu peristiwa yang sangat tragis dan menyayat hati telah berlaku kepada anak raja yang dalam kesedihan itu. Beliau sememangnya sudah tidak mahu hidup lagi dan jika boleh biar la mati sepusara dengan isterinya yang tercinta.

Setelah barisan-barisan pemuda itu menjumpai Tengku Darman Syah sedang mengaji di makam isterinya, lalu mereka pun tidak mambuang masa lagi. Mereka dengan serta merenggutkan pedang samurai ke lehernya. Dengan sekali tetak sahaja kepala Tengku Deraman pun terkulai dan hampir terpisah dari badan.

Beliau mengerang kesakitan, serta menyebut nama Allah... Allah... Allah... Darahnya mengalir menyiram sebahagian tanah pusara isterinya yang belum pun keriput. Peristiwa yang berlaku ke atas dua manusia yang mahu sehingga semati ini sungguh tragis dan menyayat hati.

Sungguh tidak dapat diterima akal orang yang bertamaddun tergamac melakukan perbuatan yang sebusas itu, namun inilah yang terjadi. Bilamana hati sudah terlalu marah, orang yang baik seperti inipun sanggup dijadikan mangsa. Padahal semua orang tahu semenjak Tengku Azhari mangkat, Tengku Darman Syah tidak lagi menghiraukan berkenaan dengan pemerintahan ayahandanya. Beliau sentiasa duduk berzikir di samping bersembahyang sunat. Sembahyang lima waktu sehari semalam juga tidak pernah ditinggalkannya.

Akan tetapi jikalau nafsu amarah sudah menguasai fikiran, apa sahaja pekerjaan terkutuk orang akan sanggup melakukannya.

Pada zaman Rasulullah, sesudah selesai *Perang Badar*, peperangan yang besar dan dahsyat menentang musuh-musuh Islam sehingga ramai terkorban para syuhada, salah seorang sahabat telah bertanya kepada Rasulullah. "Apakah ada lagi perang yang besar selepas peperangan *Badar* ya Rasulullah?" Baginda Rasulullah menjawab: "*Ada, iaitu perang melawan hawa nafsu*".

Demikianlah keadaan yang telah berlaku pada hari itu. Jikalau nafsu sudah menguasai fikiran dan manusia sudah mabuk mahu merebut kuasa dan kekayaan dari tangan orang lain, orang sanggup bekerjasama dengan musuh politiknya. Mereka tidak akan menghiraukan kesejahteraan ummah mahupun keselamatan negara. Inikah yang dinamakan Revolusi Rakyat? Apa sebenarnya yang nak direvolusikan oleh para pemberontak yang telah dipengaruhi oleh anasir-anasir komunis ini?

Penyerbuan yang mereka lakukan ke istana **Kualuh** dibahagikan kepada tiga kumpulan. Jika kumpulan pertama menyerbu istana Sultan Al Haj Muhammad Syah, kumpulan kedua pula menyerang makam diraja, sementara kumpulan ketiga pula menyerbu ke dalam istana Tengku Mansyur Shah, Tengku Besar **Kualuh** yang berjarak setengah kilometer dari istana sultan.

Mendengar suara bising di halaman istana, Tengku Besar keluar dengan membawa sepucuk senapang. Setelah mereka melihat bahawa Tengku Besar ada membawa sepucuk senapang alu mereka tidak membuang masa untuk menembaknya. Tengku Besar rebah ke tanah kerana sebutir peluru menembusi lengan kanannya dan beliau pura-pura mati. Dengan yang demikian itu orang-orang tersebut tidak menghiraukan beliau lagi. Setelah

menggeledah ke dalam istana mereka pun pergi dari situ.

Bilamana Tengku Besar telah mengetahui bahawa orang-orang yang menyerang tadi telah pergi, beliau pun menyuruh anakandanya Tengku Radiyah agar cepat-cepat menyembunyikan 'wang gaji' para kakitangan kerajaan **Kualuh** yang sepatutnya dibayarkan pada hari yang naas itu. Perlu disebutkan di sini pada masa itu negeri **Kualuh** tidak ada mempunyai sebuah bank. Semua wang kerajaan negeri disimpan di istana Tengku Besar saja.

Pada mulanya mereka menyangka bahawa orang-orang yang menyerang itu adalah lanun-lanun, maka Tengku Radiyah cepat-cepat menyorokkan wang yang banyak itu ke dalam periuk nasi, mangkuk-mangkuk gulai dan tempat-tempat yang dikira selamat.

Cerita wang yang disembunyikan ini terbongkar beberapa hari kemudian bilaman Tengku Radiyah beserta kerabat lainnya berada di dalam tawanan. Seorang pemimpin tertinggi barisan rakyat telah menyedari bahawa semua wang kerajaan negeri disimpan dalam istana Tengku Besar. Dengan itu dia telah berusaha untuk mendapatkan wang tersebut dengan bertanya kepada Tengku Radiyah.

Mungkinkah pemimpin itu mahukan wang tersebut atau ada udang di sebalik batu? Maklumlah hati pemuda mana tidak akan tergugah melihat kejelitaan yang dimiliki oleh Tengku Radiyah waktu itu. Menurut cerita, kecantikannya terkenal hingga ke negeri Johor.

Memang benar, sewaktu saya menemuinya, walaupun Tengku Radiyah telah berumur, namun gambaran kejelitaan itu masih lagi terukir di wajahnya.

Selanjutnya Tengku Radiyah menceritakan bahawa pemimpin itu tidak segan silu mengajak beliau ke istana dengan alasan hendak mencari wang tersebut. Hatinya terasa berdebar-bedar ketakutan kerana hendak dibawa pergi oleh seorang laki-laki yang berjiwa kasar dan buas. Salah seorang dari emak saudaranya iaitu, Syarifah Alawiyah memberanikan diri pergi bersamanya untuk mencari wang yang tersembunyi itu.

Berbalik kepada cerita Tengku Besar yang mengerang kesakitan kerana tangannya telah ditembusi oleh peluru dan seluruh tubuhnya telah penuh dengan darah, beliau mencadangkan agar mereka pergi bergabung ke istana ayahandanya.

Suara azan Subuh sayup-sayup terdengar serta menyerukan lebih baik bersembahyang daripada tidur, namun bagi kerabat-kerabat diraja yang masih berada dalam istana sepanjang malam mereka tidak dapat lagi tidur. Mereka mengerjakan sembahyang wajib subuh dan selepas menunaikan sembahyang, mereka pun berteka-teki sesama sendiri peristiwa apakah yang berlaku malam tadi?

Begitulah keadaan yang berlaku sebenarnya, yang menandakan berakhirnya kekuasaan raja. Sewaktu mereka memecahkan makna dari teka-teki itu, sebuah kereta lembu menghampiri istana.

Langkah terperanjat mereka setelah melihat muatan kereta lembu tadi tak lain dan tak bukan dari Sultan Al Haj Muhammad Syah bersama dengan anakanda Tengku Darman Syah yang sedang mengerang kesakitan.

Apa yang berlaku sebenarnya ialah pada malam kejadian itu, setelah mereka menculik Sultan dan Tengku Darman Syah, mereka telah mendera dan menyiksa raja dan puteranya itu dengan sekejam-kejamnya. Mungkin pengawal-pengawal itu menyangka sultan dan anakandanya itu telah mati lalu mereka pun membuang mayat-mayat itu ke dalam sebuah longkang di kawasan pekuburan Cina, lebih kurang 1 KM dari istana. Dengan takdir Tuhan seorang penduduk yang membawa kereta lembu menjumpai mereka dan membawanya balik ke istana.

Dalam istana bergema suara ratap dan tangis yang sungguh memilukan menyambut kepulangan sultan bersama anakandanya Tengku Darman Syah dalam keadaan yang mengerikan.

Setelah mengetahui akan kejadian itu, maka datanglah rakyat beramai-ramai ke istana untuk menziarahi raja mereka. Sultan berserta dua orang anakandanya dibaringkan di atas penca persada agar mudah bagi rakyat untuk menemui baginda. Pekerja-pekerja istana juga sibuk menyediakan sarapan pagi untuk dijamukan kepada rakyat yang datang menziarah.

Di Tanjung Pasir pada masa itu tidak terdapat walaupun seorang Doktor. Yang ada hanyalah seorang attendan yang merawat Sultan dan anakandanya.

Menurut attendan yang merawat itu, Tengku Darman Syah sudah tidak dapat diselamatkan kerana kehilangan darah yang terlalu banyak akibat luka di lehernya yang terlalu parah. Apa yang tinggal adalah urat leher sahaja. Tengku Besar hanya mengalami luka-luka ringan. Keadaan sultan pula terdapat pada

hampir sekujur tubuhnya bekas ditombak, dicincang dan dipukul namun tidak sampai tembus ke dalam. Mungkin juga ada sesuatu kesaktian di dalam diri baginda.

Dalam pada itu Tengku Mansyur Syah, Tengku Besar Kualuh telah pun dapat memahami makna dari peristiwa yang berlaku pada malam itu kerana jauh sebelum terjadi revolusi sosial itu beliau telah menyatakan kepada salah seorang pegawai bahawa beliau rela turun dari takhta dan meninggalkan istana berserta dengan isinya untuk pergi bertani seperti rakyat biasa dengan satu syarat. Syaratnya ialah beliau mestilah dibenarkan membawa beberapa puluh ekor lembu-lembunya.

Walaupun dalam keadaan yang begitu terdesak bagi Tengku Besar, beliau masih juga terdaya menasihatkan kepada abang sepupunya iaitu Tengku Ibrahim agar cepat bersiap-siap untuk lari ke Semenanjung Tanah Melayu. Kesempatan itu telah digunakan oleh ayahanda Tengku Ibrahim, Tengku Karib berserta keluarganya. Mereka melarikan diri dengan hanya mendayung sampan ke pantai **Kelang** dan kemudian bermastautin beberapa tahun di situ.

Satu rombongan lagi yang terdiri dari Tengku Abdullah berserta dengan adindanya Tengku Abul Hassan Ibni Almarhum Tengku Muhammad Aziz dan Tengku Idris melarikan diri ke Singapura juga dengan menaiki sampan. Dalam tahun 1973 Tengku Abdullah meninggal dunia di Kelang, Selangor Darul Ehsan.

Dalam suasana yang cukup sedih dan pilu itu, dan dalam perundingan mencari jalan keluar di antara kerabat diraja, tiba-tiba muncul sebuah lori yang membawa beberapa orang pengawal yang seolah-olah tampak seperti menghulurkan pertolongan. Mereka mencadangkan kepada permaisuri agar membenarkan mereka membawa sultan berserta anakandanya ke sebuah hospital di **Membang Muda**, lebih kurang 12 KM jaraknya dari istana untuk mendapatkan rawatan yang lebih baik.

Kerana usul itu tepat dan mustahak bagi rawatan untuk menyelamatkan jiwa sultan dan anakandanya, dan tanpa merasa curiga, permaisuri bersetuju dan meminta agar dibenarkan Tengku Ibrahim, Pegawai Dearah **Tanjung Pasir** mengiringi sultan dan anakannya.

Dengan itu sultan berserta dua orang anakandanya dimasukkan ke dalam lori. Dari dalam lori Tengku Mansyur Syah dengan sayu menatap satu persatu wajah anakandanya yang sedang berdiri di tangga istana untuk melepaskan pemergian

ayahanda yang tercinta. Dari kesayuan pandangan mata Tengku Mansyur Syah terpancar suatu makna bahawa mereka tidak akan bertemu lagi, untuk selama-lamanya. "Jagalah diri kamu baik-baik," mungkin inilah pesanannya yang terakhir yang cuba disampaikan menerusi tatapan sayunya itu.

Perlahan-lahan lori bergerak meninggalkan istana menuju ke pintu gerbang di jalan raya, kemudian memblok ke kiri dan hilang dari pandangan mata. Bermula dari saat itu para algojo pun memulakan tindakan ganas mereka yang tidak berperikemanusiaan. Mereka memijak-mijak serta menyepak dengan sekuat-kuatnya sultan berserta anakandanya. Perbuatan yang dilakukan mereka itu benar-benar telah melewati batas-batas perikemanusiaan dan kejadian itu membawa ingatan kita ke **Lubang Buaya di Jakarta**, di mana para Jenderal-jenderal sebelum dicampak ke dalam lubang itu terlebih dahulu disiksa sekejam-kejamnya. Kemaluan mereka dikelar-kelar dengan pisau cukur oleh yang menamakan dirinya Pemuda Rakyat. Kaum wanita yang bergabung dalam GERWANI juga turut mengambil bahagian.

Perbuatan seperti itu memang biasa dilakukan oleh orang-orang komunis yang tidak mengakui kewujudan Tuhan. Mereka **menghalalkan semua cara untuk mencapai suatu tujuan**.

Berbalik kepada cerita tadi, walaupun sultan beserta anakandanya yang sedang menghadapi sakratulmaut kerana luka-luka yang diberitai mereka, namun masih ada juga golongan yang sampai hati memijak-mijak raja mereka.

Melihat perbuatan yang keterlaluan, Tengku Ibrahim menjerit serta melompat dari dalam lori yang sedang laju. Tetapi malang bagi dirinya. Begitu ia melompat, pengawal-pengawal telah menembak tepat pada dadanya. Namun demikian beliau masih sempat lari untuk menyelamatkan dirinya. Tengku Ibrahim bersembunyi ke rumah saudaranya. Akan tetapi akibat terlalu panasnya bahang '**revolusi sosial**', saudaranya tak sanggup menyembunyikan beliau lalu menyerahkannya ke markas parti di **Aek Knopan**. Keesokannya harinya Tengku Ibrahim beserta Tengku Yacob pengawal peribadi sultan dibunuh dalam satu lubang.

Sebagai tambahan bahan sejarah **Revolusi Sosial** di negeri Kualuh, cucunda dari Tengku Ibrahim ini telah berkahwin dengan anak tempatan Malaysia dan kini menetap di Kuala Lumpur.

Menurut orang-orang yang mengetahui peristiwa Sultan Al

Haj Muhammad Syah beserta dengan dua orang anakandanya itu, setelah siksaan demi siksaan dilakukan terhadap mereka, tidak juga mati akhirnya mereka ditanam hidup-hidup di pinggir sebuah ladang getah dalam satu lubang yang sama. Hingga saat ini makamnya tidak dijumpai, walaupun ahli waris yang masih hidup telah berusaha mencarinya. Namun marilah kita menghadiahkan Alfatihah ke atas roh Almarhum dan dua orang anakandanya yang telah menjadi korban revolusi di Kualuh itu. Al-fatihah.

Kembali ke dalam istana melihat wajah-wajah sedih dan penuh dalam ketakutan yang menyelubungi kerabat-kerabat diraja dan tidak berapa lama kemudian datanglah lori-lori yang membawa pengawal-pengawal untuk menjemput mereka. Semua pekerja istana yang tidak mempunyai pertalian darah dengan raja disuruh kembali ke kampung masing-masing dengan perintah tidak boleh membawa sebarang benda yang bukan milik mereka.

Setelah memisahkan laki-laki dan wanita, kerabat diraja laki-laki disumbatkan ke dalam penjara **Tanjung Pasir** sedangkan wanita dan anak-anak serta orang-orang tua dipindahkan ke sebuah pondok usang di ladang getah **Labuhan Haji**. Semua harta benda tidak boleh dibawa kecuali dua helai persalinan dan untuk mengajar kerabat diraja, baik anak-anak maupun orang-orang tua, mereka semua diperintahkan berjalan kaki sejauh lima kilometer ke tempat tawanan di **Labuhan Haji**.

Kini yang tinggal hanyalah bekas-bekas istana tempat raja-raja dan kerabatnya pernah bersukaria, tempat mereka bermanjamanja bersama keluarga. Mereka tinggalkan semua harta benda, tinggalkan intan berlian yang menjadi rebutan di antara mereka yang menggelar diri mereka pemimpin yang mahu memperjuangkan dan membela nasib rakyat. Padahal mereka itulah api dalam sekam, musuh dalam selimut dan gunting dalam lipatan. Revolusi rakyat akhirnya mengakibatkan samun menyamun di antara sesama mereka yang baru dapat harta dan kuasa.

Akhirnya yang tinggal adalah kata-kata yang selalu dilaung-laungkan mereka selama ini: "**Samarata-samarasa!**" Kejayaan mereka cuma menghancurkan kedaulatan raja-raja dan menggantikannya dengan kedaulatan rakyat yang menyaksikan raja-raja kehilangan kuasa mereka.

Itulah **Semangat 46**, sebuah epik sedih yang tertulis pada sejarah sekumpulan bangsa Melayu yang menduduki sebuah

negara yang tidak jauh dari negara kita. Semangat 46 akan terus diingati oleh bangsa Melayu sebagai satu semangat yang menakut dan mengerikan. Semangat 46 adalah satu semangat untuk menjatuhkan kedaulatan raja-raja, kerana ada segolongan manusia yang sanggup menjadi hulu kepada mata kapak yang digunakan untuk menebang pohon yang rendang tempat orang Melayu berteduh.



Gambar Tengku Radiah semasa muda, dihadiahkan untuk kenangan dan salam kepada saudara mara yang berada di Malaysia terutama keluarga Puteri dari Johor atas jasa Puteri itu terhadap kerajaannya.



Jendral Abdul Harris Nasution memberikan ciumannya yang terakhir kepada anaknya Ade Irma Nasution (4 th.) yang turut menjadi korban keganasan G 30 S Parti Komunis Indonesia dalam tahun 1965.



Dengan hati yang hancur luluh dengan tabah isteri Jeneral Nasution mendukung sendiri anak yang tercinta untuk dihantar ketempat yang abadi.



Alm. Majdjen Anumerla D.S. Pandjaitan.




Alme Letdjien Anumerta Suprapto



Djenderal Jiwumerta A.Yani

Alm. Majidien Anumerta Soetojo



Alm. Letdien Anumerta S. Gremie





e film Kapten Anumerta F. Sandan



e film Letdjen. Anumerta Farion My



Photograph for TIME by Robin Moyer



in a breakaway province ended up with a few of his country's nuclear-armed missiles?

It has been almost a given among experts for some time that part of the challenge to the U.S. and its allies is to bring global Communism in its decline to a soft landing rather than let it crash and burn. American politicians and statesmen have understood as much, at least in theory. Ronald Reagan spoke of Marxism as "inherently unsavable" and doomed. But in the policies that went with this confident rhetoric, he, like his predecessors, concentrated on the task of matching Communism's strength and deterring its expansion, not on the more subtle and relevant dilemma of coping with the consequences of its weakness, decay and retrenchment.

George Bush seems to see the problem clearly. He has said that the industrialized democracies, led by the U.S., should move "beyond containment" and "integrate the Soviet Union into the world order." But he has spoken of that opportunity—which is

really an obligation—in the future tense, as something we should think about now but do something about later. If current trends continue.

The work of reinventing Communism belongs to a new generation of party leaders who must first grasp what much of the world already knows that economic reform and political reform are impossible without each other. That generation, personified and led by Gorbachev, may have arrived at the pinnacle of power in the Soviet Union. In China it is still waiting for Deng Xiaoping and his fellow aged revolutionaries to accept the judgment of that lone, anonymous man in front of the tanks.

Last week's message was that the trends have continued long and conclusively enough to put new and primary emphasis on the management of Communism's decline, perhaps its disintegration, certainly its transformation. We saw it coming. But that is different from seeing it happening, before our eyes.



Mangsa Revolusi



"Beritahu Bangsa-Bangsa Bersatu, biarkan dunia tahu apa yang sudah berlaku di Negeri Cina. Beritahu mereka kerajaan Cina membunuh orang-orang Cina." -Pekerja.
"China sudah mati" -Pemuda.



"Kami tidak takut lagi dengan kematiian tapi kami sudah kehilangan terlalu banyak darah. Kami meski tinggalkan tempat ini.

• Hou Dejian,

Penulis lagu yang terkemuka.


Bunyi letupan mengerunkan aku tapi melihat orang yang bergejoljam luka parah membuatkan aku berani. Pembunuhan adalah satu tindakan yang kejam.


- Pelajar.



Di Tienanmen Square para pelajar yang sedang mogok lapar membuat bantahan dengan sepanduk dan pengikat kepala

Inilah gambaran satu revolusi





Pelajar bersorak gembira sebaik sahaja Patung Kebebasan yang mereka reka siap dibina di Medan Tiananmen, kelmarin.

20

ANTARA ULAMA DAN RAJA

"Alangkah baiknya seorang raja yang berada di pintu para ulamanya dan alangkah buruknya seorang ulama yang selalu berada di pintu para rajanya".

Hadis Nabi.

ALFATIHAH kepada Baginda Rasul s.a.w, kaum keluar-ganya, sahabat-sahabatnya dan para wali Allah yang namanya tersebut dan tidak tersebut di dalam bab ini. Dan Al-fatihah juga ke atas roh-roh para ulama yang telah terkorban dalam perjuangan menegakkan agama Allah yang maha suci. Alfatihah.....

Pada hari Juma'at dalam bulan November tahun 1988, dengan izin Allah saya telah berpeluang menziarahi makam seorang 'ulama besar' seorang wali Allah Almarhum Tuan Syekh Abdul Wahab di Babussalam, Tanjungpura, Langkat. Saya berziarah le sana bersama dengan Tengku Tahura selepas kami menziarahi makam ayahandanya Pengiran Amir Hamzah di perkaungan mesjid Azizi Tanjung Pura.

Melawat makam ulama dan Wali Allah ini menjadi amalan saya. Saya telah menziarahi makam Rasulullah s.a.w. di Madinah dan juga makam imam-imam besar termasuk makam imam Ali Bin Abi Talib r.a. dan makam Imam Hassan r.a. makam Imam Hussein r.a: di Kahirah, Mesir dan di Karbala, Iraq. Ini kerana kepala Baginda dimakamkan di Kahirah, sementara tubuh Baginda pula di Karbala. Begitu juga dengan makam Imam Ali Azainal Abidin Hussein r.a. di Madinah dan makam-makam Syai-

dina Fakil, makam Muhamad Bin Ali Bin Alwi para ahli bait, Imam-imam besar yang lain-lain: Imam Malik, Imam Hambali, Imam Shafie, Al Ghazali dan raja segala wali Sheikh Abdul Kadir Jailani di Baghdad. Saya senantiasa memuliakan para wali Allah kerana mereka itu mempunyai kekeramat yang Allah anugerahkan kepada mereka. Maka itulah di antara sebab saya ke Babussalam terlebih dahulu sebelum saya menulis buku ini untuk mengharapkan berkat dari wali Allah yang telah membimbing dan memberi petunjuk kepada raja-raja.

Setibanya kami di Babussalam, rombongan kami diberikan sambutan mesra oleh ahli waris tuan Syekh tersebut. Seperti makam-makam wali Allah di Negara Islam yang lain, saya dapat ramai yang berziarah duduk membacakan ayat-ayat suci Al-Qur'an di makam tersebut.

Setiap hari orang ramai datang berpusu-pusu untuk berziarah ke makam ini seolah-olah seperti ada pesta. Selalunya tak kira puluhan atau ratusan tahun para wali keramat itu dikebumikan. Namun yang hidup masih tetap merasakan yang Roh Almarhum itu ada di situ menyambut orang yang menziarahinya dan ramai manusia yang tumpang hidup dengan berkat dan kemuliaan wali Allah yang sudah berpindah ke alam baka.

Tengku Tahura memperkenalkan saya kepada Tuan Syekh sebagai seorang penulis buku dari Malaysia. Cucu Tuan Syekh di Babussalam juga mempunyai status sebagai Tuan Syekh dan mempunyai ramai murid-murid. Saya menghulurkan tangan dan kami bersalam. Seperti guru-guru tarikat yang pernah saya kunjungi, Tuan Syekh ini bersikap merendah diri (tawathuk) dan begitu menghormati orang yang datang menemuinya.

Saya sungguh merasa bangga dan terharu sewaktu mengunjungi Tuan Syekh dan keluarganya ini. Layanan yang diberikan sungguh istimewa dan memerlukan saya. Walaupun pertama kali menatap mata dan bersentuhan tangan, tetapi kemesraan yang terlahir seperti antara kami sudah kenal sejak lama dulu. Rasanya hati antara kami seperti terus terikat kepada satu batang dan dengan seutas tali yang sama.

Saya percaya kemesraan ini adalah kerana hubungan ilmu yang menghubungkan kasih dan rasa hati. Jiwa antara kami mudah tersentuh kerana berada atas landasan ilmu yang sama, iaitu ilmu kerohanian. Di sinilah terdapat kenikmatan dan keistimewaan yang dirasakan oleh mereka yang mempunyai ilmu kerohanian. Kemesraan cepat terjalin, kasih sayang segera

menyelinap ke hujung hati.

Sudah menjadi satu kebiasaan bagi orang yang mempunyai kegangan kerohanian, mereka tahu hakikat diri mereka sendiri. Mereka sedar dan insaf bahawa tidak ada apa-apa perbezaan sesama manusia. Semuanya berasal dari benih dan pokok yang sama. Sama-sama bertauhidkan Allah dan sama-sama pula memegang rahsia yang diamanahkan oleh Allah. Warna kulit, kebudayaan dan adat resam bukan satu perbezaan. Yang penting adalah akidah yang sama-sama meng-Esakan Allah sebagai Tuhan kita dan mengakui Muhammad sebagai RasulNya.

Itulah yang memesrakan kami dan itulah tali yang mengikatkan kami. Ikatan secara batin lebih teguh daripada ikatan secara lahiriah. Ini kerana ikatan batiniah ditambat sendiri oleh Allah sementara ikatan lahiriah hanya ciptaan dan simpulan oleh manusia sendiri.

Sebelum kami berangkat pulang beliau dengan penuh khusyuk mengangkat tangan membacakan do'a bermohon kepada Allah untuk kami. Tuan Syekh mendo'akan semoga Allah memperkenankan hajat dan memberkati cita-cita murni yang kami hajati.

Almarhum Sultan Langkat, Sultan Musa Al Mua'azzamsyah sangat-sangat menghormati dan mengambil berat akan kesajahteraan Tuan Syekh Abdul Wahab, Datuk kepada Tuan Syekh yang kami temui ini.

Di samping menjadi raja yang memerintah, beliau menjadi murid yang baik kepada Tuan Syekh Abdul Wahab dan sebagai seorang murid seperti murid-murid yang lain. Baginda sultan tak segan silu untuk mencium tangan gurunya untuk mendapatkan berkat dari guru. Ini sifat seorang raja yang telah tempelajari ilmu tauhid. Begitulah mengikut cerita Tengku Tahura apada saya. Kalau tidak dengan penuh kesombongan mengharapkan rakyat mencium tangan raja yang tak dapat memberikan berkat.

Sultan Musa, sebagai raja di **Langkat**, bukan sahaja pernah mencium tangan Tuan Syekh Abdul Wahab tapi telah turut apa jadi perintah gurunya dengan taat tanpa pernah membantah.

Suatu hari Sultan Musa pernah dihukum oleh Tuan Syekh supaya **bertaubat**. Baginda disuruh supaya **beristighfar** diingga masjid Babussalam. Baginda ikut perintah guru dengan taat.

Peristiwa Sultan Musa disuruh **beristighfar** depan tangga masjid itu telah menggemparkan seluruh **istana Langkat**. Ada di

antara keluarga diraja yang telah datang dari Tanjung Pura dengan pedang terhunus hendak mengajar Tuan Syekh Abdul Wahab. Kononnya Tuan Syekh telah menghina sultan di khalayak ramai dan guru seperti ini mesti diajar.

Sultan Musa dengan tenang menjelaskan perkara yang sebenarnya kepada kerabat baginda yang cuba menderhaka terhadap gurunya. Sultan memerintahkan agar kerabatnya pulang sahaja dan menasihatkan mereka itu supaya jangan membuat tidak tentu kepada guru yang amat dikashinya. Ketika itu barulah mereka sedar bahawa tidak ada hinanya seorang raja menurut perintah guru. Kedudukan guru yang bertaraf wali jauh lebih mulia dari seorang raja. Ini kerana di sisi Tuhan, orang yang lebih mulia itu adalah orang yang lebih takwa terhadapNya. Raja yang mempelajari ilmu tauhid tahu perkara ini.

Pada suatu hari sultan Al Mua'zzamsyah bertitah di hadapan pembesar-pembesar kerajaan, baginda mengatakan bahawa, Tuan Guru Syekh Abdul Wahab adalah seperti ibu dan bapanya. Kerana Tuan Gurunya adalah seorang yang alim di bidang ilmu ketuhanan, seorang yang warak, yang hidupnya semata-mata kerana Allah. Gurunyalah yang telah mengajar baginda sultan supaya mengenali siapa dirinya dan siapa Tuhan-Nya. Maka sebab itulah baginda segera bertaubat setelah baginda tahu halal dan haram yang telah diajar oleh gurunya. Sejak itu beliau telah mendapat taufik dan hidayat dari Allah dan sejak bergurukan Syekh Abdul Wahab. Baginda pun taat pada perintah Allah, tidak lagi melakukan perkara-perkara yang mungkar dan sentiasa membuat yang disuruh oleh Allah.

Baginda mengucapkan kata-kata pujian terhadap guru tersebut di khalayak ramai. Baginda tak dapat menyembunyikan perasaan terharu baginda hingga air mata sultan jatuh membasahi pipi tanpa disedari, peristiwa ini disaksikan oleh orang ramai. Inilah satu sejarah yang sukar untuk dilupakan. Tuhan telah makbulkan doa Syekh Abdul Wahab untuk membimbang dan menunjuk ajar pada raja-raja dan pembesar-pembesar dalam negerinya.

Syukur Alhamdulillah, Almarhum Sultan Musa Almu'az-zamsyah yang pernah memerintah negeri Langkat telah berada di pintu para ulamanya. Bukan ulama yang berada di pintu istana raja mereka, sebab itu Allah telah selamatkan baginda dan memberikan kemuliaan kepada ulamak yang menyembah Allah tidak sultan.

Almarhum Tuan Guru Syekh Abdul Wahab yang mengajar tarikat Naqsyabandiah ini tidak mementingkan kemewahan hidup duniawi dan telah memberi ajaran yang berkesan terhadap murid-muridnya. Dari seorang rakyat biasa kepada para pembesar dan raja, murid-muridnya berada di Sumatra dan di seluruh Indonesia terdapat puluhan perkampungan tarikat seperti ini tanpa apa-apa gangguan dari ulamak yang berkerja dengan kerajaan. Begitu jugalah halnya di Mesir yang terdapat kira-kira 60 buah tarikat yang diiktiraf oleh kerajaan. Sementara berpuluhan-puluhan lagi bebas mengadakan kegiatan masing-masing tanpa mendapat sekatan dan halangan dari kerajaan.

Mengikut perkembangan tariqat di negeri ambia' ini sungguh menyenangkan hati. Di Mesir mana-mana kumpulan tariqat bebas untuk mengadakan sebarang aktiviti mereka. Mereka tidak perlu selindung-selindung seperti di tempat kita. Di merata masjid di Mesir ada sahaja kumpulan tariqat yang mengadakan majlis hadrah ataupun maulid Nabi. Walaupun di Yaman Selatan yang menggunakan sistem Marxis, namun pengikut-pengikut bebas mengadakan hadrah dan perarakan di tengah-tengah bandar seperti kita mengadakan maulud nabi, berarak secara besar-besaran.

Hal ini mengingatkan kita akan sebuah hadis Rasullah s.a.w. yang antara lain kira-kira begini bunyinya:

"Sesungguhnya bila seorang ulama mengajarkan ilmunya kerana Allah, maka segala sesuatu akan takut kepadanya. Tetapi bila dia mengajarkan ilmunya untuk mencari harta dunia, maka dia akan takut kepada segala sesuatu itu".

Kita lupakan cerita Sultan Musa dan Syekh Abdul Wahab, mari kita ke negeri Arab di zaman Sultan Al-Mansur.

Seorang raja yang pernah berkuasa di bumi Arab, sultan **Al-Mansur** ini yang sentiasa mencurigai para ulamanya, terkecuali para ulama yang selalu berada di pintu istananya. Dalam bab **Antara Ulamak dan Raja** ini saya perturunkan cerita tentang raja-raja dan ulamak di zaman dulu untuk menungan dan kajian mereka yang nak tahu tingkah laku raja dan ulamak.

Al-Mansur mencurigai dan mengawasi gerak-geri **Imam Malik** seorang ulama besar yang tidak asing lagi bagi seluruh umat Islam. Beliau termasuk salah seorang dari ulama mazhab

besar iaitu Mazhab Maliki di samping Imam Abu Hanifah dan Imam Idris Asy Syafi'i. Imam Syatii, yang menjadi ikutan kepada sebahagian dari penganut Islam di Malaysia pernah bergurukan Imam Malik.

Imam Malik banyak menulis dan mengarang. Di antara kitabnya yang besar dan termasyhur adalah kitab "Al-Muwattha" yang hingga ke hari ini masih dibaca, dikaji dan diambil manfaatnya oleh ulama generasi sekarang.

Beliau warga kota suci Madinah Al-Munawarah, kota Rasulullah s.a.w., sumber ajaran Islam yang murni dan kalimat tauhid yang cahayanya terpancar ke seluruh pelosok dunia. Cahaya yang telah mengeluarkan umat manusia dari alam jahiliyah ke alam yang terang benderang. Sebagai warga kota yang baik, Imam Malik sentiasa berpakaian rapi dan bersih sambil duduk di dalam masjid Nabawi di antara makam dan raudha Rasulullah s.a.w. Beliau sangat tekun dan khusyuk beribadah, zikir dan ber-taqqarrub, memuji kebesaran Allah, Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Selain itu beliau juga berselawat dan berdo'a memohon syafa'at Nabi Besar Muhammad saw.

Masjid Nabawi yang agung, di buminya bersemayam jasad seorang Rasul kekasih Allah, Muhammad saw. Dengan sebuah taman "Raudhah Nabi", setiap orang yang memasukinya akan merasakan ketenangan fikiran, seolah-olah berada di salah satu taman syurga di alam yang kekal dan abadi. Setiap orang Islam yang berkemampuan dan yang cinta dan kasih pada Rasulullah wajib menziarahi makam Nabinya walaupun sekali dalam seumur hidup.

Di tempat yang mulia itulah Imam Malik dikelilingi oleh para muridnya dari berbagai lapisan dan tingkatan masyarakat, besar atau kecil, kaya atau miskin, mendengar dan mencatat ajaran dan fatwa, kuliah dan ceramah yang disampaikan oleh Imam Malik secara jelas, tegas dan berani tanpa berselindung. Yang benar dikatakan benar, dan yang salah dikatakan salah, meskipun terhadap pegawai-pegawai kerajaan. Imam Malik pernah berfatwa:

"Tidak sah perceraian yang dipaksakan. Bahkan apa sahaja yang dipaksakan dan tidak sesuai dengan kehendak rakyat, menurut hukum Islam batal dan tidak sah."

Fatwa ini kemudian tersebar luas dan dianuti oleh sebahagian besar umat, bagaikan embun pagi menyiram hati mereka yang merasa hak asasnya dilanggar oleh para raja. Sebaliknya bagi para pegawai kerajaan dan raja, fatwa tersebut bagaikan petir di siang hari menyambar telinga mereka.

Adapun fatwa yang diucapkan oleh Imam Malik itu diambil dari sebuah hadis Rasulullah s.a.w: Yang hak dan benar. Mendengar fatwa tersebut, maka tidaklah menghairankan bila Al-Mansur segera memanggil Imam Malik untuk mengadap dan meminta kepadanya agar menarik balik fatwa tersebut, demi mengembalikan kewibawaan raja di mata rakyatnya. Atau ia membuat sebuah fatwa lain yang dapat menolak dan membatalkan fatwanya yang semula.

Akan tetapi Imam Malik tetap teguh pendiriannya. Beliau menegur dengan penuh kejujuran bahawa sesuatu yang hak dan benar tidak dapat disembunyikan walaupun ia dirasakan sebagai sesuatu yang pahit dan sukar diterima. Memang begitulah halnya : **"Truth is always bitter"**. Maka itulah sebabnya tak ramai manusia yang berani menghadapi kenyataan tetapi lebih suka menjadi hipokrat.

Dari sinilah mulai timbul tabir pemisah antara Al-Mansur dengan Imam Malik. Dia dilarang memberikan pelajaran dan fatwa. Gerak langkahnya dibatasi, diawasi dan dihalangi. Namun Imam Malik tetap berjalan dan melaksanakan tugasnya. Ia tidak gentar dan takut dengan segala macam ancaman yang ditujukan kepadanya. Sebagai ulamak pengembang wasiat Rasulullah s.a.w., dia merasakan kewajiban melaksanakan perintah Allah dan RasulNya terletak di bahunya. Ketegasannya ini telah menyebabkan dia ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara. Kemudian ia disiksa dan dipukul dengan sebatan sebanyak tujuh puluh kali oleh pegawai kerajaan Al-Mansur. Namun dalam peristiwa itu Al-Mansur mengelak dan berpura-pura tidak tahu.

Setiap raja mesti mengetahui dan mengambil tahu apa yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai pemerintah terhadap rakyat di bawah jagaannya.

Al-Mansur sebagai raja dan pemimpin tertinggi tahu dan mengerti atas setiap peristiwa dan kepentingan rakyatnya. Oleh itu beliau sepatutnya mesti sentiasa menyelidiki hal ehwal umat dan selalu turun mengawasi tingkah laku pegawai bawahannya. Namun ini tidak dilakukan oleh beliau

Setiap kekerasan dan paksaan, lambat atau cepat akan

membawa malapetaka yang tidak diinginkan. Dan pada suatu ketika akan meledak, meruntuhkan kedudukan dan kewibawaan pemimpin maupun raja. Bagaimana hebatnya manusia, ia tetap tidak dapat bekerja tanpa bantuan orang lain. Untuk mencapai matlamat yang hendak dituju perlu ada iklim yang sihat, dalam erti kesatuan dan persatuan, aman tenteram, serasi, senada dan sefahaman dengan menjunjung tinggi asas musyawarah.

Kewibawaan seseorang tergantung dari tingkah lakunya yang baik, hormat menghormati dan saling menghargai pendapat orang lain, sehingga ia dihormati dan disegani. Kewibawaan yang seharusnya dimiliki oleh setiap pemimpin, terutama para raja, yang mengatur strategi pemerintahan yang berdasarkan kerakyatan hendaklah menitik beratkan kepentingan umum daripada kepentingan peribadi. Sistem pilih kasih atau kekeluargaan pada suatu jabatan penting dalam kerajaan akan mengakibatkan hal-hal negatif, kerana mereka selalu merasa dilindungi oleh pihak atasan. Ini menyebabkan mereka berbuat sekehendak hati mereka terhadap rakyat, sebagaimana contoh yang terjadi pada masa kerajaan Al-Mansur terhadap Imam Malik dan para pengikutnya.

Al-Imam Malik bin Anas sangat peramah dan pemaaf serta sangat menghargai pendapat orang lain. Pakaianya sentiasa bersih dan kemas. Dia suka memakai wangi-wangian. Beliau akan membiarkan orang menunggunya, biarpun raja sekalipun selagi beliau mendapatkan pakaianya belum cukup kemas.

Satu perkara yang unik yang ada pada diri Imam Malik ialah beliau amat menggemari kuda yang berwarna putih. Satu ketika sedang beliau memimpin seekor kuda putih kesayangannya di kota Madinah, beliau telah ditanya oleh seorang sahabat yang kebetulan berada di situ.

"Wahai Imam Malik", kata sahabat itu, "Mengapakah tuan tidak menunggang kuda itu?"

Jawab Imam Malik, "Bagaimana aku mahu menunggang kuda ini di tempat yang sebegini suci. Bukanakah aku sedang berada di atas bumi dimana bersemadinya kekasih Allah. Jika aku menunggang kudaku itu, aku sudah tentu menjadi angkuh, dengan membiarkan aku dan kudaku memijak bumi yang suci ini?"

Imam Malik juga adalah seorang yang amat pemurah sehingga beliau menghadiahkan sahaja kuda kesayangannya kepada sesiapa sahaja yang memintanya.

Selain dari itu Imam Malik juga mempunyai ilmu firasat yang dapat mengenali bukan sahaja sifat lahiriah seseorang, malah juga sifat-sifat rohaniah.

Fatwanya mantap, tegas dan memuaskan sesuai dengan Al-Quran dan Al-Hadis. Imam Malik pernah berkata di hadapan Al-Mansur:

“Demi Allah aku sudah memaafkan setiap orang yang pernah berlaku kasar atau pernah memukul aku, semoga Allah memaafkan mereka”.

Itulah kebesaran peribadi Imam Malik yang hatinya bersih dan tidak menyimpan dendam terhadap sesiapa pun. Malah dia mendoakan mereka dengan segala kebaikan. Sifat Imam Malik ini semoga dapat dicontohi oleh para ulama kita sekarang ini.

Setelah sedikit sebanyak kita mengikuti peristiwa yang berlaku di antara raja Al-Mansur dengan seorang ulama besar Imam Malik bin Anas, mari kita perhatikan pula apa yang berlaku di antara seorang raja yang terkenal, iaitu Harun Al-Rasyid, yang secara rasminya diangkat sebagai Khalifah.

Setelah secara rasmi Harun Al-Rasyid diangkat sebagai Khalifah, saban hari beliau menerima ucapan selamat dari sahabat-sahabatnya kecuali seorang ulama besar, Sufyan bin Said bin Munzir Ats Tsauri. Sufyan bin Said tidak pernah menampakkan dirinya, sehingga Khalifah Harun Al-Rasyid merasa perlu untuk mengirim surat kepadanya.

Beginilah bunyi surat itu:

*Dari hamba Allah Amirul Mu'min Harun Al-Rasyid.
Kepada saudara Sufyan Bin Said Bin Munzir Ats Tsauri.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh:*

Amma ba'du! Saudaraku Sufyan, sebagaimana saudara mengetahui bahawa Allah swt telah mempersaudarkan orang-orang mukmin. Maka jauh sebelum aku menjadi Khàlifah, persaudaraan itu sudah sangat erat antara engkau dan aku. Bahkan sampai hari ini dan saat ini aku tetap menganggap saudara sebagai orang yang paling dekat dengan aku. Di mana seperti saat-saat sekarang ini Allah swt telah memikulkan beban urusan ummat di atas pundakku. Aku sangat mengharapkan kedatangan

mereka. Ketahuilah bahawa seluruh ulama di kota ini dan sekitarnya, sudah datang memberi ucapan selamat kepadaku. Kepada mereka yang berdatangan itu aku telah memberikan berbagai hadiah sebagai tanda syukur kepada Allah dan tanda terima kasihku kepada mereka. Semoga dengan diterimanya suratku ini, kedatangan saudara akan kusambut dengan gembira sebagaimana yang kulakukan terhadap para tamu yang lainnya.

Setelah surat itu sampai kepadanya, Imam Sufyan tidak muhу menyentuhnya. Dia menyuruh orang lain yang membacanya. Setelah ditanya mengapa surat itu tidak disentuhnya, beliau menjawab: "Aku tidak ingin menyentuh apa-apa yang telah disentuh oleh tangan-tangan yang berdosa".

Lalu Imam Sufyan menyuruh orang lain untuk membalas balik surat tersebut di belakang surat yang diterima. Orang yang disuruh menulis surat itu berkata: "Aku kira kurang sopan kita menulis surat kepada Khalifah dengan kertas bekas Khalifah sendiri". Sufyan menjawab: "Itu adalah urusanku sendiri, tulislah apa yang aku katakan". Kemudian Imam Sufyan mencatat isi suratnya sebagai berikut:

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang
Dari hamba Allah yang penuh dosa.
Sufyan bin Said bin Munzir Ats-Tsauri.
Kepada hamba Allah yang angkuh, Harun Al-Rasyid.

Amma Ba'du! Ketahuilah ya Harun Al-Rasyid, bahawa mulai hari ini aku telah memutuskan tali persaudaraanku dengan engkau. Dan aku telah menghapuskan dari dalam hatiku rasa kasih sayangku padamu. Sungguh engkau adalah orang yang bodoh dan boros. Apa yang selama ini belum aku ketahui tentang dirimu, sekarang sudah terbuka semuanya melalui suratmu itu. Aku bersama orang-orang yang telah membaca suratmu itu dengan sendirinya akan menjadi saksi atasmu di hadapan Allah pada hari kemudian. Apa sebabnya? Bukankah engkau telah berkata di dalam suratmu itu bahawa engkau telah bagi-bagikan hadiah pada orang-orang yang datang kepadamu untuk menyampaikan ucapan sela-

mat? Bukankah engkau mengambil hadiah-hadiah itu dari Baitul Maal? Lalu engkau bagi-bagikan kepada mereka yang tidak berhak menerimanya? Ya Harun Al-Rasyid! Apakah sudah meminta izin kepada fakir miskin, janda, anak-anak yatim, para mujahidin fisabilillah, dan para pejuang agama Allah; membagi-bagikan hak mereka kepada orang-orang yang datang kepadamu itu?

Ya, Harun Al-Rasyid! Dahulu aku mengenal engkau sebagai seorang yang zahid, suka bergaul dengan orang-orang yang baik, dan selalu menghadiri majlis-majlis Al-Quran? Tetapi sekarang dengan kekuasaan yang engkau miliki justeru telah menjauhkan dirimu dari semua itu. Maka sekarang bersiap-siaplah engkau menjawab pertanyaan-pertanyaan yang diajukan Allah nantinya.

Ya, Harun Al-Rasyid! Ketahuilah bahawa kematian akan datang. Ya, Harun Al-Rasyid! Itulah nasihat-nasihatku padamu. Peliharalah amanat Allah dan lindungilah ummat Muhammad saw dan berikanlah hak-hak mereka.

Ya, Harun Al-Rasyid! Berhati-hatilah dalam kehidupan di dunia ini. Ujian dan cubaan selalu mengintaimu. Nasihat yang paling baik adalah nasihat dari dirimu sendiri.

Itulah kisah-kisah para ulama yang tercatat dalam sejarah dengan tinta cahaya iman. Cahaya yang telah menerangi jalan yang gelap. Iman yang membawa manusia pada ketakwaan dan keridhaanNya.

Jalan yang telah ditempuh oleh orang-orang soleh dan para ulama terdahulu, yang tegas dalam menyuarakan yang hak dan berani menolak memang sudah sepatutnya diketahui oleh kita semua. Ini kerana mereka didasari oleh keyakinan bahawa apa yang mereka kerjakan adalah demi kebaikan semua ummat manusia, sesuai dengan ajaran agama Allah. Justeru itu maka hendaklah kita ketahui bahawa Allah telah mengamanatkan kepada para ulama untuk melaksanakan amar ma'ruf dan nahi mungkar di mana saja dan bila-bila masa juar.

Demikianlah sikap para ulama, seperti Sufyan Ats-Tsauri, Imam Malik dan Imam Abu Hanifah. Mereka berani memperingatkan para raja dengan kata-kata yang penuh bijaksana dengan

berlandaskan kepada hadis dan firman.

Setelah mengikuti kisah para ulama yang begitu tegas dan berani membuat teguran terhadap pemimpin maupun raja, tergerak di hati hendak mengetahui apakah ada diantara para ulama di negara kita ini yang berani berbuat demikian?

Apakah para raja-raja sekalian sentiasa mendampingi para ulama?

Apa yang saya tahu kebanyakkan para ulama di negara kita takut menyuarakan apa yang benar dan apa yang salah. Apa yang pemerintah buat mereka akan cuba mencari hadis-hadis yang daif untuk boleh disesuaikan dengan keinginan kerajaan serta raja-raja.

Kebanyakkan para ulama di Malaysia ini bergantung hidup dengan kerajaan. Memang tidak boleh dinafikan di atas kepakaran para ulama kita bagi mendoakan keselamatan dan kesejahteraan para pemimpin ataupun raja-raja. Walaupun telah mendapat gaji yang cukup, gelaran Datuk juga sangat mereka harapkan. Selain daripada itu, mereka melibatkan diri mereka dalam kancangan politik. Mereka turut menjadi pemimpin persatuan-persatuan ulama yang mencari salah silap kerajaan dan golongan yang tak sebulu dengan mereka. Tidak kurang juga yang terlibat dengan segala macam rasuah. Ulama-ulama yang seperti inilah yang saya isytihar perang sepihama yang telah saya jelaskan di dalam 'Penutup' buku ini.

Di samping itu ada suatu pekerjaan ulama kita yang menggelikan hati. Bila menjelang Ramadan maupun Syawal mulalah para ulama itu mengintai sana, mengintai sini, mencari anak bulan. Bukankah ini suatu yang lucu, macam budak kecil yang baru dapat teropong. Mereka seronok bila televisyen atau akhbar memaparkan gambar mereka sedang mengintai-ngintai anak bulan. Saya kata ini lucu sebab orang-orang kafir telah pun menjajakkan kaki mereka di bulan.

Sikap ulama yang semacam ini telah menjaskan jemaah-jemaah tarikat yang turut bersama dalam menegakkan agama Allah termasuk jemaah Al-Arqam. Namun ini tidak melemahkan semangat jemaah tersebut untuk mengembangkan syiar Islam sesuai dengan cara amalan Al-Arqam itu sendiri.

Para ulama cepat sungguh bertindak menyalahkan dan menyesatkan amalan jemaah tersebut dan juga amalan jemaah lainnya seperti Thariqat Naqsyabandiyah. Para ulama berkebaikan lupa ataupun silap, bahawa setiap amalan itu ada rukun dan

syaratnya. Seperti sembahyang mempunyai rukun dan syarat. Jika tidak diikuti rukun dan syaratnya sembahyang itu tidak sempurna. Sedangkan bertanak nasi pun mempunyai syarat, iaitu: mesti ada beras, air, api dan mesti ada orang yang pandai bertanak, barulah menjadi nasi.

Lebih mendalam lagi dijelaskan di sini, bahawa amalan sesuatu Thariqat itu sungguh halus, bersih dan murni. Seperti yang diamalkan dan diajarkan oleh Almarhum Tuan Syekh Abdul Wahab, tuan guru **Babussalam** di **Langkat**, Sumatera. Sejarah wali Allah dari Babussalam ini telah disusun oleh Haji A. Fuad Said dalam bukunya yang berjudul: "**SYEKH ABDUL WAHAB TUAN GURU BABUSSALAM**".

Menurut beliau, Tuan Syekh Abdul Wahab berangkat ke Mekah melalui Singapura. Pada waktu itu di Singapura terdapat seorang Syekh yang keramat, bernama Habib Nuh Al-Habshi. Makamnya kini masih lagi terdapat di Tanjung Pagar, Singapura.

Banyak hal-hal yang tak masuk akal dan ganjal terdapat pada diri Habib Nuh. Di antaranya, apabila Habib Nur memasuki sebuah kedai, dia lalu menghancurkannya barang-barang yang ada dalam kedai itu. Tiada berapa lama kemudian, tuan punya kedai itu akan menjadi kaya raya. Dan jika beliau meminta wang atau sesuatu daripada seseorang maka orang itu tak lama kemudian akan beroleh keuntungan yang besar.

Kalau ada orang yang memberinya sejumlah wang, maka kadang-kadang diterimanya, dan kadang-kadang dibuangkannya ke dalam laut.

Pada suatu ketika beliau ditahan oleh kerajaan Singapura, namun pada keesokan harinya, Habib Nuh dilihat orang di Pulau Pinang. Ini sungguh aneh. Pada hal beliau masih lagi berada di dalam lock-up di Singapura. Banyak lagi kekeramatan pada diri Habib Nuh, yang dikatakan oleh umum yang tak dapat kita ungkapkan di sini satu persatu. Itulah keistimewaan yang terdapat pada seorang wali Allah yang mempunyai kekeramatan.

Setibanya di kota Singapura, Pakih Muhammad atau Syekh Abdul Wahab terus menemui Habib Nuh, dengan terlebih dahulu memberi salam. Setelah menjawab, Habib Nuh pun mencium tangan, bahu, dan seluruh tubuhnya, yang mana belum pernah dilakukannya terhadap orang lain. Beliau mengucapkan:

'Barakallahu', 'Barakallahu' (Allah memberkatimu).

Tindakan Habib ini menghairankan ramai orang yang mengenali beliau.

Setelah beberapa hari di Singapura, barulah tuan guru Abdul Wahab bersama dengan seorang rakannya yang bernama Haji Bahauddin berangkat ke Mekah dengan menumpang kapal "Seri Jedah".

Selama berada di Mekah selama 6 tahun, Haji Abdul Wahab tidak pernah mensia-siakan waktunya. Seluruh waktunya dipergunakan untuk menuntut ilmu duniawi dan ilmu akhirat. Perjalanananya hanya sekitar dari rumah ke Mesjidil Haram, Makam Ibrahim, Hijir Ismail, telaga zamzam dan rumah gurunnya.

Meskipun telah banyak kitab yang dipelajari namun Haji Abdul Wahab belum puas sebab menurut anggapannya, dia masih berhasrat untuk mengerjakan perbuatan-perbuatan yang tercela, seperti takabbur, ujub dan sum'ah, dan kasih kepada dunia. Ia ingin menjauahkan diri dari 10 sifat yang tercela, sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab-kitab tasauf.

Beliau mendapati bahawa tingkah laku ulama-ulama fikih yang ada di Mekah, kebanyakannya masih suka berpakaian dan mempunyai rumah mewah, sedangkan ulama tasauf dan ahli thariqat biasanya rendah hati, khusuk, sabar, sentiasa zikrullah seperti perangai Nabi-Nabi, sahabat dan Tabi'in dan seperti tingkah laku wali-wali yang saleh. Maka dimintanya petunjuk-petunjuk ulamak-ulamak tasauf tentang amalan yang patut diperbuat supaya menjadi orang yang dikasihi Allah dan mewarisi sifat-sifat yang ada pada Nabi-Nabi. Ramai di antara sahabatnya yang menasihatkan beliau supaya segera mengambil amalan thariqat dan ber'iktiqaf (khalwat), serta zikrullah (mengingati Allah) dengan bersungguh-sungguh. Ini kerana zikrullah itu adalah amal ibadah yang menghampirkan diri seseorang kepada Allah sepermula firman Allah s.w.t., dan sabda Nabi serta perbuatan sahabat.

Haji Abdul Wahab pun memperdalamkan pengetahuannya dalam bidang tasauf, dengan mempelajari kitab "Ihya Ulumid-din" karangan Imam Ghazali dan kitab-kitab lainnya. Di samping itu beliau meminta nasihat gurunya Syeikh M. Yunus. Kemudian gurunya itu menyerahkan beliau belajar dengan Syeikh Sulaiman Zuhdi, di puncak Jabal Kubis, berhampiran dengan Masjid Bilal.

Syeikh Sulaiman Zuhdi adalah seorang pemimpin thariqat Naqsyabandiah yang terkenal pada masa itu dan menjadi pe-

mimpin ibadah suluk di Jabal Kubis sejak bertahun-tahun lamanya. Ramai orang bersuluk (khawat) di tempat itu. Mereka datang dari seluruh dunia termasuk: Turki, India, Malaya, Indonesia dan dari negara-negara lainnya.

Setelah menerima tahriqat ini, Haji Abdul Wahab pun mengamalkannya dengan bersungguh-sungguh. Kadang-kadang duduk berzikir berjam-jam di atas Jabal Kubis. Sementara itu terus mengaji kepada Sayid Dahlan, mufti Syafii, kepada Syeikh Hasbulah dan kepada murid-muridnya, dengan mengatakan bahawa tujuan suluk ini adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah. Caranya dengan memperbanyak zikir, memerangi hawa nafsu, dan meninggalkan sesuatu yang melalaikan diri dari mengingati Allah.

Sikap demikian itu hendaklah dilakukan sepanjang waktu dan ketika supaya mencapai martabat makam ihsan, seperti sabda Nabi yang maksudnya:

"Sembahlah Allah, seolah-olah engkau melihat-Nya, dan apabila engkau tidak melihat-Nya, Maka Dia melihatmu."

Berkat kesungguhannya beramal selama masa menjalani ibadah suluk, maka banyaklah rahsia kebesaran Allah yang ajaib-ajaib diperlihatkan Allah kepadanya. Terbukalah hijab (dinding) seluas-luasnya, hingga ia dapat menyaksikan dan menikmati sesuatu yang tak dapat dilihat oleh manusia biasa.

Syeikh Sulaiman Zuhdi amat gembira menyaksikan kema-juannya yang luar biasa, dan mendoakan kepada Allah, semoga ia kelak akan dapat mengembangkan ilmu thariqat Naqsyabandiyah ini, di Sumatra, Malaya dan negeri-negeri lain.

Pada suatu ketika, Syeikh Sulaiman Zuhdi telah mendapat petunjuk dari Allah dan bisikan rohaniah Syekh-Syeikh Naqsyabandiah bahawa kepada Haji Abdul Wahab harus diberikan gelaran Khalifah untuk membolehkan beliau mengajarkan amalan suluk dan mengajarkan ilmu thariqat Naqsyabandiah.

Manakala hati Haji Abdul Wahab tergerak untuk kembali ke Indonesia, maka beliau pun pergi menziarahi makam Nabi di Madinah. Setibanya di makam Nabi, Haji Abdul Wahab memohon syafaat dan membaca selawat serta mendoakan dengan khusyuknya. Setelah selesai sembahyang Isya di masjid Nabawi, tuan Haji Abdul Wahab pun memberi salam kepada Nabi:

"Assalamu'alaika ya Rasulullah, assalamu'alaika ya habiballah, assalamu'alaika ya saidal mursalin.

Kemudian beliau berdoa: Ya Allah ya Tuhanmu, aku hendak kembali ke tanah airku. Aku hendak mengajarkan agama Islam dengan ikhlas lillahi Ta'ala, supaya kaumku keluar dari kegelapan jahil kepada terang ilmu. Mudah-mudahan berkat junjunganku penghulu Arab dan ajam (bukan Arab) dituruti raja-raja perkataanku dan didengar oleh mereka akan segala pengajaranku.

Dengan takdir Allah terjadilah sesuatu yang ajaib ke atas diri beliau, seolah-olah dapat berdialog langsung dengan Rasulullah saw, hingga airmatanya jatuh bercucuran. Itulah sesuatu kekeramatan atau keramat yang telah dianugerahkan Allah kepada beliau.

Demikianlah setelah lima hari di Madinah mereka pun kembali ke Mekah. Dan tiada lama selepas itu, beliau pun kembali ke Indonesia. Beliau bukanlah seorang graduan universiti dan tidak pula beroleh gelaran sarjana, namun demikian ilmu pengetahuan cukup tinggi dan gerakan-gerakannya cukup menggongangkan sendi-sendi pemerintahan kolonial Belanda. Beliau kembali ke tanah airnya sebagai seorang reformer yang membangunkan bangsanya dari tidur sekian lama untuk menjadi bangsa yang maju di bidang dunia dan akhirat.

Negeri yang mula-mula sekali dikunjunginya di Sumatra adalah daerah **Kubu, Riau**. Pada masa itu penduduk **Kubu** ramai yang nakal, suka **berlaga ayam, berjudi dan hanyut oleh kemewahan dunia**. Berkat ketekunan tuan Syeikh Abdul Wahab **berdakwah**, maka segala bentuk kemaksiatan yang terdapat di daerah tersebut, secara beransur-ansur dapat dihapuskan.

Setelah itu bermulalah perjalanan dakwahnya, ke negeri **Panai, Kota Pinang, Bilah dan Kualuh**.

Setibanya di Kualuh, Baginda Sultan Al-Haj Ishak mempersilakan tuan Syeikh Abdul Wahab agar datang mengadap ke istana, dan Baginda Sultan berkenan agar supaya Tuan Syeikh Abdul Wahab mengembangkan serta mengajar amalan **thariqat Naqsyabandiah** karena Baginda sultan telah mengetahui sebelumnya kedudukan Tuan Syeikh Abdul Wahab semasa berada di Mekah lagi.

Sultan Al Haj Ishak dari kerajaan **Kualuh**, terkenal dengan sifat pemurah dan suka bersedekah kepada fakir miskin. Atas nasihat Tuan Syeikh Abdul Wahab maka Baginda sultan bersedia mewakafkan sebuah asrama untuk keperluan bagi orang mengerjakan ibadah haji di kota Mekah.

Sampai hari ini asrama tersebut masih ada dan adalah suatu kenyataan yang paling menyedihkan bahawa ahli waris Sultan Al-Haj Ishak beria-ia sangat untuk menjualkan asrama berkenaan. Hal ini kemungkinan sebab tekanan hidup yang dialami oleh para ahli waris kerajaan **Kualuh**. Alhamdulillah sampai saat ini asrama tersebut belum boleh mereka jual lagi.

Setelah beberapa lama berada di negeri **Kualuh**, Tuan Syeikh Abdul Wahab berpindah ke negeri **Langkat**. Sepertimana yang telah dilakukan oleh Sultan Musa Almu'azzamsyah, demikian juga halnya dengan Almarhum Sultan Al-Haj Ishak dari negeri **Kualuh**, dua orang raja yang telah berada di pintu ulamanya. Dua orang sultan yang terkenal di zamannya senantiasa mendengar akan nasihat ulamanya.

Memang ilmu thariqat itu sangat tinggi dan murni bagi siapa sahaja yang mengamalkannya kerana ilmu itu datang daripada Allah melalui Rasul-Nya dan khalifah-khalifah-Nya. Ilmu itu mengajar orang untuk membersihkan sanubarinya agar supaya hati berkekalan mengingati Allah.

Di Malaysia ini juga terdapat bermacam-macam thariqat. Di samping thariqat **Naqsyabandiah**, thariqat **Samaniyah**, **Qadariah** dan **Muhammadiah** amalan jamaah Al-Arqam. Kesemua ilmu thariqat ini sumbernya adalah satu, Allah Azzawajalla. Mungkin cara mengerjakan amalan itu berlainan antara satu dengan yang lain. Namun tujuannya tetap satu iaitu menuju ke hadrat Allah saw.

Yang menyedarkan kita hari ini ialah Tarikat Muhamadiah yang dibawa oleh Al-Arqam yang menjadi sasaran ulamak. Kenapa mereka yang berkuasa di bidang itu tak buat apa-apa? Semua majalah terbitan Arqam; 'Al Arqam (Edisi rumi, jawi dan Inggeris), Majalah Al- Mukminah, Al- Munir dan Al- Ain telah diharamkan oleh KDN.

Tetapi tindakan mengharamkan media massa Arqam itu satu tindakan yang kejam. Satu kezaliman bukan sahaja kepada Arqam sebaliknya kepada umat Islam seluruhnya. Media massa yang diterbitkan oleh Arqam itu bukan kepunyaan Arqam, tetapi kepunyaan umat Islam seluruhnya. Arqam hanya jadi tukang

terbit sahaja. Hakikat inilah yang tidak dapat difahami oleh mereka yang bertanggungjawab dalam hal ini. Mereka menganggap majalah-majalah Arqam itu kepunyaan Arqam dan milik Arqam. Sepatutnya mereka berfikir lebih luas dan mengambil masa panjang untuk berbuat begitu.

Bukankah apa yang dimuatkan dalam majalah itu semuanya merupakan perkara-perkara yang disuruh oleh Islam? Mereka menulis, mendedahkan dan memberitahu perkara yang ditegah oleh Islam. Isi kandungan buku-buku tersebut bukan idea Arqam ataupun ideologi perjuangannya tetapi ia merupakan pengajaran-pengajaran Al-Quran dan hukum-hukum Allah. Di atas sebab-sebab kebutaan dan kejahilan inilah maka saya berasa kesal terhadap mereka yang bertanggungjawab mengharamkan penerbitan Arqam.

Ulamak yang secara terbuka yang meminta Kementerian Dalam Negeri mengharamkan penerbitan Arqam ialah Pengurus Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Syeikh Mohd Yusuf Ismail. Beliaulah yang membuat kenyataan tersebut telah disokong oleh beberapa orang ulamak dan juga individu-individu yang menggelarkan diri mereka sebagai ulamak. Saya sungguh hairan kenapa mereka boleh bertindak demikian. Saya tidak nampak apakah sebab sebenarnya mereka sanggup membuat gesaan begitu.

Orang dalam KDN mungkin tidak berapa fasih mengenai agama. Mereka tidak arif. Mereka hanya bergantung kepada pendapat ulamak-ulamak yang mereka anggap sebagai authority dalam hal-hal yang berkaitan dengan Islam. Padahal mereka tidak tahu bahawa ulamak-ulamak dari golongan wahabi, ulamak-ulamak syariat, dan ulamak-ulamak hakikat berbeza dari segi cara hidup, amalan dan pendekatan mereka terhadap Allah s.w.t. Kita tidak boleh menyalahkan mereka secara total. Sebaliknya, ulamak dan individu tertentulah yang bertanggungjawab dan menanggung dosa itu semua. Mereka bukan sahaja berdosa kepada jemaah Arqam yang bertanggungjawab menerbitkan majalah itu, tetapi berdosa dengan semua pembaca majalah tersebut.

Dan apa yang menghairankan kita, kenapakah individu atau ulamak tertentu seperti Pengurus Majlis Agama Islam Kedah, Syeikh Mohd. Yusuf Ismail cuma menggesa supaya majalah penerbitan Arqam sahaja diharamkan. Kenapa beriya benar minta Kementerian Dalam Negeri haramkan majalah Islam, kenapa tidak majalah lain? Apakah majalah-majalah hiburan lain

yang bertaburan di pasaran tidak salah? Apakah majalah itu tidak membawa unsur-unsur sesat? Apakah majalah itu tidak menodai aqidah manusia?

Saya rasa majalah-majalah hiburan lebih membahayakan umat manusia kerana cuba menerapkan budaya-budaya kafir kepada anak-anak muda yang masih bersih jiwanya. Ini adalah satu ironi kerana telah menjadi amalan kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam. Dengan mengharamkan penerbitan yang cuba membawa manusia ke jalan yang direndah Allah, kerajaan seolah-olah hanya sekadar melepaskan batuk di tangga. Majalah-majalah hiburan lebih banyak menyesatkan dari majalah-majalah terbitan Arqam. Dalam majalah hiburan ada rock, ada orang dedah peha, ada orang pakai seluar dalam sahaja. Apakah itu baik?

Tidak tahu lah saya kalau ulamak seperti Pengurus Majlis Agama Islam Kedah itu lebih suka kepada majalah-majalah berbentuk demikian berbanding dengan majalah Arqam. Mungkin mereka lebih seronok membaca majalah itu kerana dapat tengok benda yang terdedah dan berkenalan dengan penyanyi rock dan juga bintang-bintang filem. Barangkali kerana ulamak seperti Syeikh Mohd. Yusuf Ismail itu sudah terlalu jemu dan bosan dengan kitab-kitab tua Arab maka mereka mengalih selera dengan membaca majalah-majalah hiburan yang diterbitkan dalam bahasa Malaysia yang tak kurang hebatnya dengan budaya-budaya yang diimport dari luar semata-mata dengan tujuan mencari keuntungan.

Kita berharap semoga raja-raja Melayu di negara kita ini selaku ketua agama merestui ilmu-ilmu thariqat dan menggalakkan ummat Islam khasnya orang-orang Melayu untuk mempelajari dan mengamalkan ajaran-ajaran thariqat tersebut. Dengan mempelajari ilmu thariqat ini maka rakyat akan dapat membersihkan hati sanubari mereka untuk mencapai jiwa Islam yang sebenarnya. Memang telah sedia maklum bahawa para pelancang yang datang ke Malaysia mengakui bahawa orang-orang Melayu mempunyai budi pekerti yang baik, ramah mesra dan bersopan santun, akan tetapi suatu kenyataan telah menunjukkan bahawa sikap yang baik itu jika tidak disertai hati yang bersih maka rosaklah amalan yang baik itu. Sebagai contoh, perelingkahan yang terdapat sekarang ini di antara sesama umat Melayu, UMNO, PAS dan puak-puak Serpihan, adalah menggambarkan bahawa niat itu berbeza daripada apa yang mereka

lakukan.

Jika sesuatu pertikaian itu tidak dapat lagi diselesaikan walaupun dengan secara musyawarah maka berserahlah kepada Allah disertai dengan niat serta hati yang bersih. Insya Allah akan selesai.

Disebabkan Raja-raja adalah ketua-ketua agama maka saya sajikan fakta-fakta sejarah ini untuk diselidiki oleh raja-raja supaya tidak membiarkan para ulamak membuat sesuka hati mereka kerana raja juga tidak terlepas dari menanggung dosanya.

21

ANTARA SULTAN ISKANDAR ALMUTAWAKIL DENGAN SRI SULTAN HAMENGKUBUWONO YANG KE- IX

Semua orang cakap Sultan Johor *garang*. Baguslah ada raja yang *garang*... Pemimpin yang hendak buat kerja-kerja yang 'tidak betul' kena fikir dua tiga kali. Saya tahu ramai menteri-menteri yang takut kena 'sepak'. Takut!... kerana mereka bersalah... Berani... kerana benar. Saya tak takut pun!... Kerana saya tahu, saya tidak bersalah... Sultan pun *manusia* macam saya juga. Bapak dia Sultan, emak dia keturunan raja, dia anak yang sulung pula, dia jadi 'RAJAlah', betul tak? Kalau bapa saya Sultan, saya pun boleh jadi 'raja' juga. Misalnya kalau saya anak Raja Perlis. Satu hari nanti saya juga boleh jadi DYMM Sultan Syed Hussein Famdulil. Apa boleh buat bapa saya bukan raja, maka saya cuma jadi Yang Mulia Tuan Syed Hussein Alattas sajalah. Alhamdullillah syukur!... tidak jadi Raja pun boleh duduk sama rendah... dan berdiri sama tinggi... dengan RAJA. Kena pada tempat-tempatnya,... saya pula berhak menasihati raja.

Syed Hussein Alattas
Perdana Menteri Yang Kelima

OLEH sebab adanya hubungan kekeluargaan di antara kerabat DiRaja Johor dengan kerabat DiRaja di Sumatra maka dalam bab ini saya akan ceritakan sedikit mengenai Sultan Al-Mutawakil, sebelum saya terus ceritakan tentang '**Revolusi Sosial**' di Indonesia. Lagi pun orang kuat Sultan Almutawakil, Datuk Mohd Rahmat **DATUK BESAR** adalah bekas Dubes Malaysia di Indonesia yang pernah menjadi jambatan yang menghubungkan **Indonesia-Malaysia**. Sebelum saya meneruskan, izinkan saya petik sedikit lagi apa yang telah saya tulis mengenai Sultan Iskandar dalam buku *Perdana Menteri Yang Kelima*.

Sultan Iskandar bukan sebarang raja. Dia raja yang berilmu. Begitu punya garang pun Tuanku masih boleh ditegur, Baginda tidak marah pada saya. Sebab dia tahu agama dan dia percaya orang Islam itu bersaudara. Sebab itulah Baginda boleh jadi Agong. Baginda boleh menerima teguran yang ikhlas. Al-Mutawakil adalah seorang sultan yang 'gentleman'. Walaupun dia 'garang' dia ada prinsip. Mana ada orang yang ada prinsip yang tidak 'garang'? Orang yang tidak 'garang' yang lembik macam pondan, adalah orang yang tidak ada prinsip. 'Only noodles bend', yang tidak boleh berdiri tegak itu 'lalang'.

Sebagai seorang raja, Sultan Iskandar mempunyai pendirian teguh seperti keteguhan pendirian Sultan Hamengkubowono IX yang menyokong kepimpinan Presiden Soeharto.

Sekarang saya bawa anda untuk mengikuti perjalanan satu revolusi yang disebut sebagai '**Revolusi Sosial**' di Indonesia.

Sebagaimana yang telah berlaku ke atas kerajaan **Kualuh**, peristiwa yang sama juga telah berlaku terhadap kerajaan **Asahan**. Dua buah negeri ini adalah jiran. Biar bagaimanapun, di **Asahan** kejadiannya lebih dahsyat lagi, di samping pembunuhan secara beramai-ramai yang mengakibatkan 50 orang kerabat diraja **Asahan** menjadi korban ke ganas seorang wanita dan seorang anak di bawah umur turut terkorban sama.

Dengan pertolongan Allah s.w.t. Sultan Saibun Abdul Jalil Rahmat Syah yang pada waktu itu sedang bersemayam di istana **Tanjung Balai** terhindar dari malapetaka yang dahsyat itu. Pada tahun 1980 di kota **Medan** Baginda Sultan mangkat akibat sakit tua.

Kerajaan Asahan mempunyai pertalian yang erat dengan kerajaan Kualuh. Kekanda Sultan Saibun, Tengku Darzad, adalah permaisuri yang pertama Tengku Besar Kualuh, namun nasib yang dialami dan dideritai oleh mereka tak sama. Itulah yang membuktikan Qada dan Qadar Tuhan.

'Revolusi sosial' di Tanjung Balai Asahan bermula dengan mengumpulkan rakyat untuk mengadakan tunjuk perasaan. Barisan-barisan rakyat yang dipelopori oleh pihak kiri agen-agen komunis berduyun-duyun berarak ke hulu dan ke hilir, sebelum mereka menyerang istana untuk memanaskan situasi (*warm-up*) sambil menjerit-jerit menyanyikan lagu '**Darah Rakyat**'. Sambil menyanyi, mereka melaungkan supaya kaum feodal, iaitu golongan istana, mesti dihapuskan.

Apakala Sultan Saibun melihat keadaan rakyat yang sudah menunjukkan kemarahan dan kebencian mereka terhadap istana dan kerabat diraja, baginda pun cepat-cepat meninggalkan istana, melarikan diri ke dalam hutan dan rimba. Oleh kerana tidak bertahan hidup di dalam hutan, baginda keluar ke sebuah kebun sayur kepunyaan seorang Cina. Kebetulan tauke kebun sayur tersebut adalah kawan baik baginda, maka baginda mendapat ayanan yang baik.

Pada suatu hari datanglah beberapa orang pengawal mencari Sultan Saibun ke kebun sayur itu. Melihat kedatangan pengawal-pengawal tersebut, taukeh kebun sayur itu dengan serta merta menyembunyikan sultan ke dalam kelambu isterinya. Kebetulan isterinya sedang sarat.

Sewaktu pengawal-pengawal sedang menggeledah rumahnya mereka terdengar suara orang mengerang kesakitan, seakan-akan bunyi suara perempuan yang mahu melahirkan anak. Apabila ditanya oleh pengawal, taukeh tersebut mengatakan bahawa itulah suara isterinya yang sedang berada di dalam kelambu, isterinya hampir melahirkan anak. Dengan alasan yang dapat itu maka terhindarlah baginda sultan dari malapetaka yang boleh meragut nyawa baginda.

Ilmu ketuhanan Yang Maha Agung yang pernah dituntutnya dari salah seorang guru dalam ilmu sufi, ilmu Tauhid yang menjadi amalan dan pegangan hidupnya, telah menyelamatkan dirinya dari musuh.

Menurut cerita dari anakandanya yang bernama Tengku Amah, ayahandanya Sultan Saibun pernah menuntut '**ilmu**' daripada tuan guru **Sheikh Silau**. Antara ajaran gurunya: Ingat-

lah kepada Allah setiap waktu, kerana bila kita sentiasa mengingati Allah di waktu susah dan senang maka di waktu terdesak dengan cara automatik datanglah pertolongan dari Allah. Inilah kebesaran Tuhan. Inilah sifat pemurah dan pengasih Allah terhadap hambaNya.

Inilah ilmu Sufi yang dipelajari oleh Sultan Saibun dan amalan itulah digunakannya manakala baginda memasuki kota **Tanjung Balai**. Baginda berjaya melintasi pos-pos pengawal yang dikawal rapi tanpa mendapat gangguan, hinggahal selamat sampai ke dalam markas tentera Jepun yang masih terdapat dalam kota **Tanjung Balai**. Tuhan telah melindungi sultan dari segala bentuk kezaliman. Allah hilangkan baginda dari pandangan musuh-musuhnya.

Pegawai tentera Jepun di Tanjung Balai menerimanya dengan baik. Mereka menasihatkan baginda agar bersedia untuk dihantar ke kota **Medan**, kerana dalam kota **Medan** pada waktu itu terdapat markas tentera **Sekutu** dan **Belanda**.

Sultan Saibun berkata bahawa baginda mahu diserahkan kepada pemerintah Republik Indonesia yang sah di **Pematang Siantar**, tidak di tempat lain. Kehendak Sultan Saibun itu adalah suatu pertimbangan yang tepat mengikut petunjuk dari Allah. Demi untuk keselamatan anakandanya serta kerabat-kerabat yang berada dalam tawanan di kota Tanjung Balai.

Maksud Sultan Saibun dapat difahami oleh pegawai tentera Jepun, maka sesuai dengan kemahuannya baginda pun diserahkan kepada pemerintah Republik di **Pematang Siantar** dengan keadaan yang selamat.

Fikirkanlah bagaimana keadaan raja-raja dan keluarga mereka dipancung, dibunuhi, dizalimi dalam masa '**Revolusi Sosial**' yang berlaku pada bulan Mac 1946, sedangkan Sultan Saibun boleh terselamat dari malapetaka tersebut!

Pada tahun 1980 Sultan Saibun mangkat. Dalam masa 34 tahun itu Sultan Saibun pernah memegang jawatan-jawatan penting sebagai Menteri Pertahanan Negara Sumatra Timur dan tahun 1948 sehingga tahun 1950 dan lain-lain lagi. Mereka yang berpegang pada tali Allah sentiasa berada di dalam jagaan Allah. Melainkan apabilah datang ajal yang sudah ditetapkan oleh Allah.

Sebagai seorang sultan yang mengaji ilmu Tauhid, seorang yang mendekati ilmu Sufi, baginda tidak pernah berdendam kepada orang-orang yang melakukan pembunuhan terhadap kerabat

atnya mahupun ke atas orang-orang yang menyamun harta-
hartanya. Di sini menunjukkan betapa mulianya hati seorang
insan yang sudah mengenal diri dan sekaligus mengenal Allah.
Yang yang sudah beriman dan hidup mengikut Sunnah Rasul
dengan panduan Al-Quran. Mereka percaya kepada rukun iman
yang keenam, Qada dan Qadar datangnya dari Allah.

Peristiwa yang pernah dialami oleh Sultan Saibun tersebut
menyuruh kita berfikir terhadap kebesaran serta pertolongan
dari pada Allah Azzawajalla. Bukanakah suatu keajaiban telah
berlaku ke atas Sultan Saibun, yang mana semua kerabatnya
yang dekat telah ditimpakan malapetaka yang dahsyat, penganiayaan,
anyiksaan serta pembunuhan, sedangkan sultan Saibun yang
sangat-sangat dikehendaki algojo-algojo Revolusi Sosial, selamat
dan sejahtera hingga ke akhir hayatnya.

Di sinilah letaknya kehebatan amalan-amalan orang-orang
utama serta amalan orang-orang thariqat yang sentiasa berkekalan
dan ingat akan Allah pada bila-bila masa dan di mana sahaja
menggunakan teknik yang tinggi serta mengikut rukun dan syarat.

Sultan Saibun Abdul Jalil Rahmat Syah terkenal seorang
sultan yang rendah hati, mesra kepada rakyat dan menghormati
awan maupun lawan. Beliau mempunyai seorang permaisuri
dari keturunan rakyat biasa dan hingga sekarang masih hidup
dan bermastautin dalam kota Medan. Baginda sultan tidak pernah
menyuruh rakyatnya menyembah maupun bertutur kata-kata
tana ke hadapan permaisurinya. Sebagai seorang insan yang
ta'if, Sultan Saibun insaf bahawa yang berhak disembah hanya
Allah.

Revolusi Sosial di Tanjung Balai telah mendesak Tengku Tutu
bersama dengan bonda dan adik-adiknya berhijrah ke negeri
Dohor, kerana ayahandanya Tengku Sulaiman kerabat sultan
Sahan turut menjadi korban.

Nampaknya Revolusi Sosial itu dilakukan secara serentak.
Seperti mana yang telah berlaku ke atas Kerajaan **Kualuh** dan
Sahan, peristiwa yang serupa terjadi kepada kerajaan **Billah**
yang mana negeri tersebut berjiran dengan kerajaan **Kualuh**
serta mempunyai pertalian persaudaraan. Tengku Haji Yusuf
Zizdin, anak saudara Sultan **Billah** berkahwin dengan Tengku
Halimah, anak saudara Sultan **Kualuh**.

Sultan kerajaan **Billah**, yang bernama Adil Bidar Alam Syah,
bersama dengan tiga orang puteranya, dibunuh dengan kejam.
Sewaktu anakandanya yang sulung, Tengku Hasnan, yang

bergelar Tengku Besar Billah pada masa itu sedang bertugas sebagai **Bupati Labuhan Batu** yang berpejabat di **Kota Pantau Perapat**, dibunuh, siapa pun tidak dapat menolong atau menyelamatkannya walaupun pangkat dan kedudukan yang diperolehi daripada pemerintah. Beliau dipancung di sebuah jambatan di **Gunting Saga** dalam jajahan negeri **Kualuh**. Mayatnya dicampakkan ke dalam Sungai Kualuh dan apabila masyarakat yang tinggal di tepi Sungai Kualuh menjumpai mayat seorang muslim terapung-apung di sungai, mereka mengangkat dan menyempurnakan pengkebumiannya sesuai dengan tuntutan Fardu Kifayah. Alangkah sedihnya tragedi yang berlaku kepada seorang putera raja, yang tidak bersalah.

Bersama dengan Tengku Besar Billah, para algojo yang sedang haus darah juga memancung salah seorang anakanda Sultan **Kota Pinang** yang bernama Tengku Long, dan seperti mana yang telah mereka lakukan terhadap Tengku Besar Billah, begitu juga terhadap Tengku Long. Mayatnya mereka campakkan ke dalam sungai Kualuh. Tengku Long ada mempunyai kaitan dengan Tanah Melayu. Beliau berkahwin dengan Sharifah Fatimah Al Attas dari Pulau Pinang.

Suatu kejadian yang agak pelik dan luar biasa berlaku terhadap kerajaan **Serdang**, sebuah negeri yang berjiran dengan kerajaan **Deli**. Di negeri yang bernama **Serdang** tidak terjadi pembunuhan beramai-ramai. Sebabnya Sultan **Serdang** berserta kerabatnya dapat terselamat dari malapetaka Revolusi Sosial yang ganas dan tidak berperikemanusiaan itu adalah kerana jauh sebelum Revolusi Sosial itu bermula, beberapa orang dari kerabat diraja telah mengambil bahagian dalam perjuangan menentang **kolonial Belanda**. Mereka bergabung dalam pasukan **Tentera Republik Indonesia**, yang antara lainnya termasuklah, Tengku Damrah, Tengku Nurdin, Tengku Azwan Effendi dan lain-lain. Penglibatan keluarga diraja menentang penjajah bersama rakyat telah menyelamatkan mereka dari menjadi mangsa Revolusi Sosial yang dianjurkan oleh komunis.

Namun demikian seorang pakar pertaniannya yang terkenal, Tengku Aminulah hilang tak tentu rimbanya. Kehilangannya merupakan suatu kerugian bagi negeri Serdang. Sebagai seorang yang pakar di bidang pertanian, Tengku Aminulah telah berhasil mengubah negeri Serdang yang mundur menjadi negeri **Jelapang Padi** yang makmur. Semasa Jepun berkuasa, betapa susahnya mendapatkan beras akan tetapi ternyata di negeri

ardang rakyatnya hidup makmur mempunyai kelebihan beras hingga ramai orang-orang dari negeri lain terutama dari kota Medan datang ke negeri Serdang untuk membeli beras. Benihlah untungnya bila manusia berbudi kepada tanah. Bercucuk nam adalah satu kerja yang dituntut oleh Islam.

Kita melangkah ke kota **Medan**, ibu negeri kerajaan Deli, belum saya membawa anda melihat **Revolusi Sosial** yang berlaku di seluruh Sumatra hingga ke Pulau Jawa. Di negeri tersebut roda Revolusi Sosial tidak dapat berputar, kerana dalam kota Medan terdapat ramai tentera Sekutu yang sedang bertugas melucuti askar-askar Jepun yang kalah Perang Dunia Kedua. Walaupun tetapi melihat keadaan dari hari ke sehari yang bertambah ganas akibat serangan-serangan yang dilancarkan oleh pihak berjaya askar Indonesia, Sultan Deli, **Osman Alsani Perkasa Alam**, bersama dengan kerabatnya, berhijrah untuk sementara waktu ke negeri **Perak**. Dalam tahun 1967 Sultan Deli mangkat di Kuala Lumpur dan jenazahnya dibawa kembali ke Medan dengan kapal terbang TUDM.

Bagi orang-orang dari Malaysia yang telah berkunjung ke Medan tentu telah pernah melihat sebuah bangunan istana yang berwarna kuning raja tersergam indah dalam kota itu. Istana tersebut dibangun oleh Almarhum Sultan Makmun Al Rasyid dalam kurun 19 dan diberi nama **Istana Maimun**.

Kita tinggalkan Sumatera Timur dan menyeberang ke pulau Jawa melihat daerah istimewa kesultanan Jogjakarta. Di negeri ini tidak terjadi revolusi sosial, hanya yang berlaku adalah **revolusi bersenjata** menentang pasukan Belanda yang masih bersatu melanjutkan penjajahannya di Indonesia.

Pada waktu itu kerajaan Belanda berusaha serta merayu Sultan Jogja, **Hamengkubuwono IX**, supaya berpihak kepada Belanda. Namun dengan tegas ditolak oleh **Sultan Hamengkubuwono** serta menyatakan sokongan yang terbuka kepada Republik Indonesia yang baru diisytiharkan oleh **Soekarno-Hatta**.

Sepertimana yang kita telah ketahui bahawa dalam bulan Oktober 1988 **Sri Sultan Hamengkubowono IX** telah mangkat di Hospital George Washington, Washington,D.C. Amerika. Atas mangkatan itu kerajaan dan rakyat Malaysia telah menyatakan diri berduka cita. Yang paling sedih lagi adalah rakyat Indonesia yang rakyat **Daerah Istimewa Jogjakarta**. Berpuluhan-puluhan rakyat mengiringi jenazahnya ke permakaman raja-raja

Mataram di Imogiri, 20 KM dari Jogjakatra. Sri Sultan mangkat meninggalkan tiga orang isteri dan 23 orang putera dan puteri serta 26 orang cucu.

Jauh sebelum beliau mangkat, beliau meninggalkan pesan kepada anakandanya yang sulung, **Pengiran Mangkubumi**, antara lain bahawa jika beliau sudah tiada, harus ada penggantinya sebagai **Hamengkubuwono X**. Di samping itu Sri Sultan menasihatkan kepada putera-puterinya agar **hidup dengan sederhana dan berorientasi kepada rakyat**. Sri Sultan berasal dari dunia keraton (istana) dengan tradisi yang sudah selama beberapa kurun. Ia seorang raja, namun pilihan politiknya dan sikap peribadinya menunjukkan bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang dipilih oleh rakyat.

Di awal perang kemerdekaan menentang kolonial Belanda, Sultan Hamengkubuwono sentiasa berganding bahu dengan Lettenan Kolonel Soeharto untuk menyusun strategi bagi menghadapi pasukan Belanda yang kuat itu. Tidak syak lagi bahawa Sri Sultan yang disanjung oleh rakyatnya dan disegani oleh para pemimpin lainnya merupakan pendorong bagi perlawanan nasional menentang tentara Belanda dan Lettenan Kolonel Soeharto merupakan seorang pegawai pasukan gerila yang paling diperdayainya.

Pada waktu itu siapapun tidak dapat dan tidak pernah meramalkan bahawa Lettenan Kolonel Soeharto yang berasal dari anak Desa Kemasuk dan anak seorang petani miskin akan berjaya menjadi Presiden Republik Indonesia. Hal ini betapa jelasnya kehendak dan kebesaran Tuhan, sesuai dengan firman: "**Kun Fayakun**"

Ada orang berusaha sekutu tenaga dengan bermacam-macam cara untuk menjadi pemimpin, namun jika Tuhan tidak mengkehendaki, bagaimana **Grand Design** sekali pun tidak akan berhasil.

Bila Soeharto telah menjadi Presiden, beliau tidak melupakan jasa-jasa Hamengkubuwono IX, seorang sultan yang pernah mengorbankan istana dan kerajaannya demi untuk membantu perjuangan bangsanya. Maka pada tahun 1973 sehingga tahun 1979 beliau dilantik sebagai Wakil Presiden dan ditetapkan sebagai Gabenor seumur hidup untuk Daerah Istimewa Jogjakarta.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa di Indonesia pada waktu itu terdapat ramai sultan-sultan yang memerintah negeri masing-masing, akan tetapi hanya Hamengkubuwono satu-

satunya sultan yang tegas memberi sokongan yang padu terhadap perjuangan bangsa Indonesia untuk membebaskan negaranya daripada belenggu penjajah Belanda. Oleh kerana keperibadiannya yang luhur langsung tidak memberi peluang kepada golongan komunis untuk menghasut rakyat agar supaya benci kapada rajanya.

Sedang menulis berkenaan raja Jawa tersebut, ingatan saya beralih kepada Tengku Razaleigh Hamzah, anak raja dari Kelantan yang sedang beriya-iya sangat untuk merebut kerusi Perdana Menteri, tanpa memikirkan akibat dari keinginannya itu. Mungkin ada baiknya seandainya Ku Li mahu mencontohi cara-cara yang pernah dilakukan oleh Almarhum Sultan Hamengkubuwono, seorang sultan yang mendapat sanjungan berjuta-juta rakyatnya, rela berkorban untuk negaranya dan sentiasa menghormati pucuk pimpinan pemerintah walaupun Presiden Soeharto berasal dari seorang rakyat desa dan anak seorang petani miskin seperti yang dilakukan oleh Mutawakil walaupun Mahathir mamak....

Sultan Hamengkubuwono mempunyai karisma dan daya tarik yang menawan. Namun dalam sejarahnya tidak pernah beliau mengambil peluang dari keadaan itu walaupun semasa Soeharto maupun semasa pemerintahan Allahyarham Presiden Soekarno yang kontroversial. Hamengkubowono tetap hormat dan patuh kepada pihak atasannya demi untuk menjaga perpaduan bangsanya.

Kemudian, kerabat diraja yang lain patut belajar dari Almutawakil yang bersedia berbaik-baik dengan Dr Mahathir, biarpun ada di antara rakyatnya tidak geng dengan Perdana Menteri yang mempunyai darah keturunan mamak, anak sang guru sekolah biasa. Begitulah, raja yang bijak sentiasa belajar dari sejarah yang lampau.

Di samping itu Sultan Hamengkubowono mempunyai suatu falsafah: "**Takhta Untuk Rakyat**", dan sebagai raja, baginda tidak seharusnya menerima, tetapi raja-raja mesti memberi. Maka dengan demikian terciptalah keharmonian di antara istana dan rakyat. Tolong-menolong, bantu-membantu seperti aur dengan tebing.

Sewaktu perang kemerdekaan berkecamuk untuk menghalau penjajah Belanda, Sri Sultan Hamengkubuwono merelakan istananya tempat pemimpin-pemimpin tertinggi Indonesia berunding untuk menyusun strategi perang gerila. Cara inilah yang telah dilakukan oleh baginda Sultan Iskandar Almutawakil, Sultan

negeri Johor Darul Takzim yang juga telah merelakan istana baginda bagi Dr Mahathir dan orang-orang UMNO beramai-ramai berkumpul merayakan ulang tahun yang ke 43 berdirinya UMNO, walaupun parti sedang berada dalam krisis. Baginda sultan tidak pernah menghiraukan semua bentuk kritik yang dilayangkan oleh orang-orang Serpihan yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh terhadap tindak tanduk baginda yang secara terbuka memberi sokongan kepada UMNO pimpinan Dr Mahathir Mohammad.

Almutawakil tegas mengatakan bahawa UMNO bukan ditubuhkan di tepi jalan. Akan tetapi UMNO tempat orang-orang Melayu bernaung itu ditubuhkan di dalam Dewan Santapan Istana Besar Johor Darul Takzim.

Sepertimana yang telah diceritakan, Sultan Hamengkubuwono telah merelakan istananya dijadikan tempat berkumpul pemimpin-pemimpin Indonesia mengatur siasah bagi menghadapi tentera Belanda. Di saat-saat itu suatu pengkhianatan telah dilakukan oleh golongan komunis, yang mana sebuah pasukan tentera Republik Indonesia telah berjaya mereka hasut untuk memberontak terhadap pemerintah yang sah. Kejadian itu adalah sebahagian dari cara-cara komunis untuk mengambil kesempatan dalam kesempitan sesuai dengan anjuran Lenin/Marxis: **Jika hendak mencapai kejayaan untuk membentuk masyarakat komunis yang kukuh, jika perlu ditempuh berjalan di atas timbunan mayat dan berenang dalam lautan darah mereka akan lakukannya.**

Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1948 dan terkenal dengan sebutan "**Peristiwa Madiun**". Dalam kejadian itu sungguh ramai yang terkorban di kedua belah pihak. Dengan berlakunya peristiwa tersebut sudah tentu melemahkan perjuangan bangsa Indonesia yang sedang menghadapi penjajah Belanda.

Pada peristiwa itu berpuluhan-puluhan ribu orang-orang PKI dapat dimusnahkan dan ditawan. Akan tetapi memandangkan kesibukan pasukan pemerintah menghadapi pasukan Belanda, mereka terlupa akan peristiwa yang menggongangkan itu, sehingga sisa-sisa PKI yang masih terselamat dengan rapinya dibina kembali oleh D.N.Audit menjadi sebuah parti yang militan dan parti yang terbesar di luar negara komunis. Namun akhirnya dalam tahun 1965, hancur lebur juga kekuatan yang telah dibina itu.

Setelah PKI dapat dihancurkan dan para pemimpinnya


sudah diamankan, mungkinkah mereka akan timbul kembali? Kemungkinan itu tetap ada, sebagaimana yang dipersoalkan akhir-akhir ini di Indonesia, kerana mengingat betapa ramainya dari anggota-anggota parti yang telah diharamkan itu masih terselamat. Dan tidak ditolak juga suatu kemungkinan yang sebahagian dari mereka telah menyusup masuk ke negara Malaysia bersama pendatang-pendatang haram yang semakin ramai. Perlu kiranya bagi kita berwaspada dan mengambil iktibar dari apa yang telah pernah berlaku ke atas negara jiran kita Indonesia yang rakyatnya 90 peratus beragama Islam serta terdapat kiyai-kiyai yang handal-handal, tapi masih dapat diresapi oleh fahaman komunis di suatu masa dahulu akibat dari pertelingahan politik yang berpanjangan.

Kita merasa bimbang melihat keadaan bagaimana Kumpulan Serpihan yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang dipanggil oleh pengikut-pengikutnya sebagai '**Bapa perpaduan umah**' serta pengikut-pengikutnya yang tak habis-habisnya menfitnah serta melemparkan tuduhan-tuduhan yang keji terhadap kerajaan yang sah yang telah dipilih oleh rakyat. Mereka pun telah bersatu pula dengan sebahagian besar dari golongan yang anti raja.

Kita tidak hairan manakala musuh memaki hamun serta mencerca dari luar secara terang-terang. Akan tetapi yang membimbangkan kita adalah musuh yang memberi senyuman mesra, musuh yang telah kita izinkan tidur satu selimut dengan kita, sedangkan kita telah diberitahu oleh musuh itu yang dia akan membinasa dan menghapuskan kita. Hal ini sangat merbahaya terhadap agama, bangsa dan negara, terutama boleh menjahanamkan kesejahteraan umat Melayu.



Almarhum Sultan Hamengkubuwono IX



TANG di-Pertuan Agong terpesona melihat gambar baginda sedang beraksi di atas sebuah motosikal sebaik sahaja Pardonan Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menarik tirai sebuah lukisan sebagai hadiah kapode baginda di majlis makan malam perpisahan malam sempol.

Potret itu dipersembahkan kapode Tang di-Pertuan Agong di majlis makan malam yang diraikan oleh menteri - menteri kabinet di sebuah hotel di Kuala Lumpur.

Turut kelihatan ialah Timbalan Pardonan Menteri, Encik Abdul Ghafar Baba. — Gambar Bernama.

PM rakamkan penghargaan rakyat kepada Seri Paduka



Pertemuan bersejarah diantara kedua pemimpin Allahyarham Tun Abd Razak dengan Jeneral Soeharto di Dewan VIP Lapangan Terbang Kemayoran Jakarta pada 11 Ogos 1966. Pertemuan ini membentuk jambatan yang terputus selama 3 tahun akibat konfrontasi.



Presiden Republik Indonesia Soeharto yang telah berjaya menyelamatkan bangsa dan negaranya dari cengkaman komunis.



The Sultan of Johore conferring the SMJ on Encik Mohamed Aris.

Foreigners in China will be protected

KUALA LUMPUR, Sat. — The Beijing Government will protect the Malaysian Embassy and other foreign organisations in China and their staff members, the Chinese envoy to Malaysia, Mr Zhou Gang, said today.

"The political situation in China will not harm Sino-Malaysian relations," he said in a statement, explaining the political unrest in Beijing.

In response to questions direct-

Mayor of Winsford gets SMJ award

JOHORE BARU, Sat. — The Sultan of Johore has conferred the Setia Mahkota Johor (SMJ) award on Encik Mohamed Aris alias Salleh Haji Ahmad, the Mayor of Winsford, a town in Cheshire England.

The ceremony was held at the Istana Bukit Serene on Wednesday.


Encik Mohamed Aris was born here and received his early education at English College (now known as Maktab Sultan Abu Bakar), before leaving for England in 1957.

There, he worked as a clerk before furthering his studies in economics and political science at Manchester University.

After completing his studies, Encik Mohamed Aris shifted to Winsford where he played an active role in the workers' union movement.

In 1983, representing the Labour Party, Encik Mohamed Aris won the Vale Royal Local Government election. He retained the seat in the 1988

Sultan Johor sedang menyematkan bintang (S.M.J) kepada Encik Mohd Aris Alias Salleh Haji Ahmad.



Gambar Istana Maimun di Kota Medan. Istana Sultan Deli. Dibangunkan dalam kurun ke-19

22

RAJA SEGALA RAJA

"Dan hanya kepunyaan Allah kerajaan langit dan bumi".

Al-Quran 45:27

BEBERAPA hari sebelum Rasulullah s.a.w. wafat, iaitu selepas menunaikan sembahyang di dalam masjid, junjungan Nabi Muhammad s.a.w bercerita kepada para sahabat serta mereka yang turut bersama di dalam masjid itu.

Sabda Nabi Muhamad s.a.w., "Hadiran sekelian, saya hanya seorang manusia biasa, makhluk Allah yang tidak akan terlepas dari hukuman atas kesalahan-kesalahan sama ada saya sengaja atau tidak terhadap sesama manusia.

"Saya akan mati dan saya perlu minta maaf kepada siapa yang saya telah bersalah. Kalau ada saya berhutang saya mahu bayar hutang-hutang saya. Sekiranya saya ada menyakiti sesiapa semasa dalam perang, atau pun di mana-mana boleh bangun dan tuntut dari saya."

Di antara hadirin itu bangunlah seorang lelaki, Dia berkata

pada Rasulullah. "Ya Rasulullah semasa dalam perperangan engkau telah memukul aku dengan tongkatmu. Ketika itu aku tidak berbaju, aku mahu membalaunya sekarang."

Rasulullah meminta ahli keluarganya pergi ke rumahnya untuk mengambil tongkat yang baginda gunakan semasa perang yang didakwa oleh orang lelaki ini telah digunakan Rasulullah s.a.w., untuk memukulnya.

Ketika itu bangun Saiditina Fatimah Az. Zahrah menyuruh anakandanya Hassan dan Hussin supaya menggantikan tempat Rasulullah, "pukullah salah satu dari cucu Rasul," beliau berkata.

Begitu juga para sahabat pun meminta untuk menggantikan tempat Rasulullah. Biarlah mereka yang dipukul. Mereka tidak sanggup melihat Nabi yang mereka kasihi dipukul.

Rasulullah bangun bercakap dengan tenang kepada sahabat dan keluarganya. "Saya yang telah memukul orang ini, maka oleh itu biarlah orang ini yang membalaunya. Dia pun mengunjuk tongkatnya pada lelaki tersebut.

Lelaki tersebut menyuruh Rasulullah membuka bajunya. Ini kerana menurutnya semasa Nabi Muhammad s.a.w., memukulnya dulu dia tidak berbaju. Oleh itu Nabi mesti juga membuka baju.

Nabi yang bersifat pengasih yang tidak mahu mati selagi kesalahannya dengan sesama manusia di dunia ini belum dimaafkan membuka baju untuk dipukul oleh orang itu.

Orang itu bangun dan berjalan menuju ke arah Nabi. Ketika berada di hadapan Nabi, dia bukan sahaja tidak memukul Baginda seperti yang dinyatakan, sebaliknya dia berlutut, memeluk dan mencium Nabi. Itu saja yang dikehendaki olehnya. Sebenarnya Nabi tidak pernah memukulnya, dia ingin melihat tubuh Rasulullah.

Adakah orang besar, para pemimpin dan ketua-ketua agama kita yang ikut macam Nabi? Nabi takut hendak bawa masuk dosadosanya di dunia ke dalam kubur. Dia meminta maaf terlebih dahulu. Kalau ada hutang, bayar. Nabi mati miskin dari segi kebendaan tetapi segala hutang piutang, segala dosa dia minta ampun terlebih dahulu.

Apakah raja-raja kecil yang lain yang memimpin jumlah umat yang kecil sanggup mencontohi Nabi?

Moga-moga raja-raja di dalam negara kita diberi petunjuk dan hidayah dari Allah s.a.w.

SULTAN MAHATHIR BERHIENTI

KOTA BHARU — Sejauh mana pertemuan Datuk Seri Dr. Mahathir dengan Beginda Sultan Kelantan dapat menjernihkan suasana politik yang bersolak di Negeri Cik Siti Wan Kembang itu?

Bugis setengah kalangan pemeluk hal Eh mengatakan sebagaimana yang berlaku pada hari ini disatakan sebagai langkah wajar untuk menjalin semula kemesraan antara pihak istana dengan Kerajaan Negeri.

Mereka takin kekhlasan Dr. Mahathir untuk menghadap Tuanku telah muijalin sesuatu yang bermakna dalam usaha mencari penyelesaian terhadap masalah politik di negeri itu.

Sebaliknya, ada pula kalangan yang menganggap krisis antara Kerajaan Negeri dengan pihak istana tidak memerlukan campur tangan dari Kuala Lumpur.

Oleh
DAHLAN MAAMOR

dina Menteri.

Menurut sumber tersebut, Sultan Kelantan menjelaskan kepada Perdana Menteri tentang kekerasan baginda mengenai beberapa kesilapan yang dilakukan oleh Tan Sri Mohamed sebagai Menteri Besar.

Antara kesilapan tersebut ialah tindakan kerajaan Negeri, mengelam pihak istana yang dikenakan melalui diri dalam politik. Dalam perjumpaan tersebut Tuanku dikatakan memberatih Perdana Menteri tentang rasa tidak senang baginda terhadap Tan Sri Mohamed.

TAN SRI MOHAMED YAACOB

Kalangan ini melumpukan apa yang disebut sebagai krisis antara istana dengan Kerajaan Negeri itu sebenarnya berakar umbi dari faktor sahaja.

PUNCA

"Tuanku tidak menyenangi Tan Sri Mohamed Yaacob, inilah punca segalanya," kata Tan Sri Mohamed meletakkan jawatan, segera lalu akan selesai.

Minggian Kota dirahmatkan oleh sumber yang rapat dengan istana bahawa Beginda Menteri Besar ini menjadi pokok perbincangan utama antara Tuanku dengan Per-



• LIHAT MUKA 2

PENUTUP

“....Ingat-ingat Tengku; lagi akan ditanya Allah Ta’ala pada hari kemudian akan segala hal rakyat itu kepada rajanya. Dan lagi, Tengku bermula-mula yang masuk neraka itu segala raja-raja yang zalim ia atas rakyatnya....Maka janganlah Tengku kira orang yang menjadi raja itu terlebih besar dan terlebih mulia daripada rakyatnya melainkan orang yang terkecil lagi hina adanya. Iaitu hamba segala hamba Allah.”

Kisah Pelayaran Abdullah Munshi

BILA kita bercakap mengenai istana dan rakyat, kita sebenarnya sedang memperkatakan perihal antara manusia yang dinamakan raja dengan manusia yang dinamakan manusia. Dan jika kita hendak menjadikan cerita manusia itu berguna maka kita terpaksalah kembali semula kepada perihal usul manusia itu sendiri.

Bila Tuhan turunkan Adam dan Hawa ke dunia, Tuhan juga turunkan iblis bersama-sama mereka. Adapun iblis dan syaitan atau setan adalah sama saja dan satu jenis. Iblis bernama syaitan bila iblis bersikap mengganggu manusia. Kiranya tidak namanya dipanggil iblis.

Saya telahpun menceritakan kesombongan iblis dalam **Mukaddimah** buku **Politik Serpihan**. Bagaimana iblis tidak mau sujud pada Adam a.s walaupun diperintah oleh Allah. Kesombongan dan keengkarannya menjadikan **iblis** sebagai makhluk yang pertama menjadi golongan **pembangkang** dan **makhluk serpihan**.

Sebagai insan yang sentiasa beringat dan berfikir serta berzikir menyebut nama Allah, mereka tahu bahawa iblis menanam

satu tekad dan telahpun membuat garis perjuangan untuk terus bekerja setiap detik dan di mana saja manusia berada untuk mengganggu, menggoda, menipu dan memperdayakan mereka yang lalai. Zuriat Adam a.s akan menjadi sasaran syaitan hingga ke hari kiamat seperti janjinya dalam Surah Al-Hijrah: 39-40.

“Wahai Tuhanmu! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam a.s dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya kecuali di antara zuriat-zuriat Adam a.s itu hamba-hamba-Mu yang dibersihkan daripada sebarang syirik.”

Biar bagaimanapun Tuhan tetap bersifat pemurah lagi amat pengasihani. Allah tidak akan membiarkan iblis membuat sesuka hati iblis kepada anak cucu Adam a.s yang sentiasa ingat padanya seperti firmanya dalam Surah Taha: 124.

“Dan sesiapa yang berpaling engkar daripada ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpukkan mereka pada hari Qiamat dalam keadaan buta.”

Biarpun manusia dijadikan dari tanah tapi manusia mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang tidak ada pada makhluk Allah yang lain. Manusia adalah khalifah Allah di muka bumi. Manusia dilengkapi dengan akal dan nafsu. Akal manusia disirami oleh Nur Ilahi dapat menunjuk manusia ke jalan yang benar dan selamat. Di samping itu manusia dibekalkan juga dengan **nafsu**, satu-satunya sifat yang sentiasa mengajak manusia kepada kejahanatan.

Manusia yang tidak dapat melawan **nafsunya**, jadilah ianya seorang ‘social animal’, haiwan yang pandai berkata-kata, pandai bergaul, pandai berlakon mengikut kehendak syaitan seperti yang telah terjadi terhadap Adam a.s dan Hawa yang akhirnya terlantar ke dunia sepertimana difirmankan oleh Allah s.w.t.

“Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pokok itu, dan Aku katakan kepada kamu, bahawa syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata?

(Surah Al-Araaf: 22)

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak ada gunanya. Sudah terantuk tak guna mengadah. Apalah gunanya? Namun demikian eloklah kita pelajari kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh Adam a.s yang akhirnya kembali berbakti dan tidak lagi mahu engkar kepada perintah Allah s.w.t. Justeru itu Tuhan pun mengajar Nabi Adam a.s kalimah taubat sepermama firman-Nya di dalam surah Al-Baqarah: 37.

"Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya; sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihi."

Mereka berdua telah dikeluarkan dari syurga dan diturunkan ke bumi. Di bumi tempat ketetapan mereka sehingga di suatu masa yang akan ditentukan oleh Allah s.w.t. kelak, bermusuhanlah di antara sesama mereka, bermusuhan antara syaitan dengan manusia dan antara manusia yang telah dipengaruhi oleh syaitan dengan sesama manusia yang beriman.

Apa yang telah berlaku kepada Adam, Hawa dan **iblis** terus berlaku kepada kita semua, tanpa mengira siapakah kita ini, dan di mana juga kita berada? Sama ada di dalam istana mahupun dalam pondok, di dalam penjara atau di dalam masjid, syaitan dan manusia tetap bermusuuh-musuhan. Jadi tidaklah kita merasa hairan sekiranya kita melihat manusia sesama manusia bermusuuh-musuhan dan bercakaran sesama sendiri kerana syaitan sentiasa berada di belakang mereka menyeru kepada kejahatan. Inilah yang dimaksudkan Allah dengan firmanNya yang berbunyi:

"Turunlah kamu! Sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain; dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati)."

Surah Al-Baqarah: 36.

Sesungguhnya syaitan itu sentiasa berada di antara dua jurang yang disebut sebagai melebih-lebihkan dan mengurang-gurangkan. Mula-mula syaitan akan membisikkan dengan mengurang-gurangkan dahulu dan kemudian apabila tidak berhasil, ia akan menggunakan bisikan yang melebih-lebihkan

pula.

Pada mulanya syaitan akan membisikkan kepada manusia supaya mereka meninggalkan tuntutan, supaya meninggalkan kebendaan, diajaknya bermalas-malas supaya melarat dan menjadi beban orang lain. Inilah yang dimaksudkan mengurangkan dari keadaan sebenarnya.

Sesudah itu syaitan akan gunakan taktik melebih-lebihkan pula iaitu dengan membisikkan manusia ke arah jalan mendapatkan kebendaan, mencari wang dan harta sebanyak-banyak yang dapat melalui jalan apa saja tidak kira sama ada menipu, mencuri, berlaku curang, rasuah dan sebagainya. Yang penting cepat kaya.

Sesudah manusia mendapat segala macam kekayaan, syaitan akan membisikkan agar manusia mempergunakan kekayaan mereka ke jalan maksiat, pujuk mereka supaya minum arak, berjudi, berzina dan segala macam kenikmatan dan kesenangan palsu yang boleh membawa manusia ke lembah kedurjanaan dan kemiskinan.

Sekiranya rancangan ini tidak berhasil syaitan tak putus asa, ada perkara lain yang terus di sogok supaya manusia kaya itu menjadi bakhil, dan kedekut. Dengan cara ini manusia kaya itu akan diperkatakan orang, dihina, dicela dan sebagainya. Itulah kerja-kerja syaitan yang menggunakan manusia itu sendiri sebagai agen di dunia. Manusia yang dinamakan '**sosial animal**' tetapi tidak kepada manusia yang beriman kepada Tuhan.

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf serta mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah.

Ali Imran: 10

REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT ini saya akhiri dengan kupasan ayat-ayat suci Al-Quran kerana bagi kita yang bertaraf hamba ini, tidak ada **falsafah** yang lebih baik untuk dijadikan panduan hidup selain dari ayat-ayat suci yang terkandung dalam kitab yang telah diturunkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang dinamakan **Al-Quran Nur Karim**. **Al-Quran** Allah turunkan untuk memberi rahmat kepada sekalian alam, dan begitulah juga halnya dengan junjungan Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. Baginda juga diutuskan untuk membawa

rahmat kepada sekalian alam.

Sesungguhnya **Allah** dan para malaikat-Nya sentiasa berselawat ke atas Baginda Rasulullah s.a.w. Dari itu marilah kita mengucapkan **selawat** dan **salam sejahtera** ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan menghadiahkan **Al-Fatihah** ke atas roh-roh kaum keluarga Baginda, para sahabat dan mereka yang menuruti mereka itu dari semasa ke semasa sehingga hari kiamat. **Al-fatihah...**

Tuanku-tuanku sekalian,

Kebebasan adalah perlu bagi menegakkan kebenaran.
Tanpa kebebasan, maka akan terbenamillah kebenaran itu. Dan sesungguhnya kebebasan itu adalah amanah dari Allah yang mesti dijaga dan dipelihara oleh kita semua.

Saya terpaksa berlaku adil dalam melaksanakan tugas saya. Begitu juga Tuanku sebagai payung tempat kami rakyat tumpang bernaung. Saya mesti memihak di pihak yang benar. Sebagai seorang penulis, saya adalah mata, telinga dan lidah rakyat. Dalam menyatakan kebenaran saya berpegang kepada Tauhid.

Tauhid sahajalah yang telah memberikan saya keberanian dan Tauhid jugalah menyebabkan saya menolak terhadap yang syirik dan perbuatan mungkar yang dilakukan oleh pemimpin dan pembesar saya.

Ilmu Tauhid mengajar kita supaya membesar dan mengagong-agongkan kekuasaan Allah semata-mata. Makhluk-makhluk yang lainnya adalah sama saja. Kita tidak sepatutnya membiarkan ada manusia yang merasakan diri mereka besar dan berkuasa hingga sanggup melakukan apa saja yang mereka suka tanpa takut pada agama Allah yang dianuti oleh mereka tanpa ditegur oleh kita.

Saya percaya apabila ilmu manusia bertambah tinggi, dan sentimen serta hawa nafsu tidak lagi mempengaruhi jiwa, maka dengan sendirinya akan lahir semangat yang bersih, berdasar kepada fitrahnya yang asli. Manusia yang lalai akan sedar dan menerima Islam sebagaimana yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam erti kata yang sebenarnya.

Sebagai seorang **khalifah** di muka bumi ini, saya hanyalah

menjalankan perintah Allah. Adalah tidak adil kalau pihak yang tertentu yang menerima teguran dari saya bertindak kejam dan berlaku zalim terhadap saya, kerana antara rakyat dan raja sama seperti **aur dengan tebing**. Kedudukan mereka sebagai Raja berperlembagaan tidak menjadikan mereka istimewa dan mulia di sisi Allah. Mereka tetap memerlukan rakyat untuk kekal menjadi raja.

Sepatutnya raja mesti ingat bahawa rakyat yang memelihara mereka dan memberi mereka makan. Adanya rakyat maka adanya raja. Sebab itulah agaknya Baginda Al-Mutawakkil sebagai seorang raja yang bijaksana dan punya visi, sebelum berpisah sebagai Yang Dipertuan Agong beberapa kali telah mengingatkan kita semua akan peranan dan kedudukan raja-raja dalam negeri demokrasi dan telah mengingatkan kita pesan Datuk Baginda Almarhum Sultan Abu Bakar, apa yang patut diketahui oleh raja.

Sekiranya terdapat di antara raja kita yang suka membazir, saya akan mengingatkan mereka bahawa:

'Orang-orang yang membazir' itu bersaudara dengan syaitan.

Sata tidak rela membiarkan saudara-saudara saya menjadi saudara-saudara syaitan. Apakah salah sekiranya saya mengingatkan mereka supaya jangan membazir kerana yang mereka membazirkan itu amanat Allah yang dipinjamkan buat sementara? Apakah kita semua tidak takut kepada kemurkaan Tuhan dan Tuhan ambil balik kesemuanya dan lontarkan kita ke dalam neraka?

Kalau kerja membazir itu kerja syaitan, maka kerja sembah menyembah dan mengagong-agongkan sesama manusia itu juga ialah kerja manusia di zaman jahiliyah, menyembah manusia tidak patut dibiarkan berlanjutan dalam negara kita yang mana Islam adalah agama rasminya dan raja-raja adalah ketua agamanya.

Adat penyembahan, menyembah Tuanku Sultan tidak diajar oleh raja saya, Baginda Al-Mutawakkil Sultan Iskandar tidak terima ada rakyat yang mengangkat tangan menyembah Baginda. Menurut sabda Rasulullah s.a.w.:

"Tiap kamu pengembala dan tiap kamu disoal atau

bertanggungjawab daripada pengembalaannya. Raja itu pengembala dan disoal oleh rakyatnya dan lelaki itu pengembala pada ahlinya (isteri dan anak) dan dia di soal daripada pengembalaannya dan perempuan itu penjaga rumah suaminya dan disoal daripada penjagaannya dan lelaki itu penjaga harta bapanya dan di soal daripada penjagaannya. Dan setiap pemimpin adalah penjaga dan bertanggungjawab kepada yang dipimpin."

Biar pun Baginda Almutawakil rugged dan ganjil perlakunya tapi Baginda sentiasa menyebut nama Allah dan tidak izinkan manusia menyembahnya. Apakah dengan tidak menerima sembah dari rakyat seorang raja akan hilang kebesarannya? Peribahasa Melayu ada mengingatkan bahawa 'Tidak akan hilang bisa bagi ular yang menyusup ke akar.'

Manusia dalam seluruh sistem selain sistem Islam, masing-masingnya saling menyembah - dalam berbagai cara dan bentuk - dan hanya dalam sistem Islam sajalah, manusia seluruhnya terbebas dari menyembah antara sesamanya, manusia cuma menyembah Allah; mengikut perintah dari Allah; dan tunduk kepada Allah."

Sayyid Quthub.

Kalau nak murka kepada saya murkalah. Itu tak jadi pasal. Asal Tuhan tidak memurkai saya, sudahlah. Sebagai seorang Islam saya telah berikrar dengan mengucap:

"Tiada lain yang aku sembah melainkan Allah"

Rakyat yang beriman kepada Allah tidak lagi dapat menerima adat istiadat sembah menyembah yang sudah begitu lama berlarutan tanpa teguran dari para mufti dan alim ulamak yang telah leka dan lalai dari menjalankan tugasnya sebagai penasihat agama pada raja-raja. Merekalah yang akan menanggung dosa-dosa ini kerana mereka tahu tapi mereka pun turut menyembah sama. Semoga Allah ampunkan dosa-dosa raja kita yang telah tidak diberitahu perkara agama kepada mereka.

Tuanku,

Tidak ada ubat yang manis melainkan sirap sebagai ubat batuk. Tetapi hati saya ikhlas dan niat saya baik. Hanya Allah yang Maha Mengetahui akan niat mulia saya ini. Namun biarlah niat itu menjadi rahsia di antara saya dengan Tuhan, macam juga Tuanku-Tuanku semua mempunyai rahsia Tuanku dengan-Nya. Tuhan saja yang berhak mengetahuinya. Begitulah juga halnya dengan rakyat. Setiap orang dari mereka itu mempunyai rahsia mereka di sisi Allah. Malah bumi yang luas terbentang inipun menyimpan rahsia-rahsianya yang tersendiri. Hanya Allah sajalah yang memegang anak kunci kepada setiap rahsia di alam ini. Biar bagaimanapun Tuanku kena fikirkan apa yang telah dikatakan oleh Victor Hugo bahawa '**Betapa kuatnya pengaruh pemikiran manusia hingga tidak ada askar di dunia ini yang dapat menentangnya.**' Pemikiran rakyat hari ini tidak lagi senang dengan istiadat menyembah raja.

"All the Armies in the world cannot stop an idea who's time has come."

Victor Hugo

Saya tahu ada orang yang tidak senang dengan sikap saya berterus terang kepada raja tentang apa yang akan terjadi kepada mereka sekiranya mereka tidak mengambil langkah bijak menukar haluan, menyuruh orang Islam sembah Tuhan bukan menyembah Tuanku sultan. Biar bagaimanapun terserah pada mereka dan pihak istana, saya berserah pada Allah. Allah saja yang berhak menjatuhkan hukuman ke atas saya, sama ada di dunia ataupun di akhirat kelak.

Bagi saya, selagi nyawa dikandung badan, saya tidak akan merelakan sama sekali tanahair pusaka bertuah ini dimusnahkan oleh tangan-tangan kotor dan jijik yang bermain di sebalik tabir istana dan rakyat. Kenapakah para penderhaka dan pengkhianat bangsa ini mendapat tempat istimewa di kalangan istana? Apakah pihak istana tidak sedar adanya kuasa berhala putih yang cuba membonekakan mereka?

Saya cintakan bumi Malaysia negara tempat tumpah darah saya ini, bukan kerana saya mengamalkan perasaan '**patriotisme**' yang sempit. Saya kasihkan orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia bukan kerana saya mengamalkan sifat '**asabiah**'. Saya lakukan ini semua semata-mata dengan berpandukan Al-Quran

dan Sunnah.

Ingalah Tuanku, di dalam alam kubur nanti, saya atau Tuanku-Tuanku tidak akan ditanyakan oleh Mungkar dan Nangkir dengan pertanyaan, "Siapakah raja kamu?"... Sebaliknya, antara soalan yang akan dikemukakan oleh para malaikat tersebut ialah,..."Siapakah Tuhan kamu?"... "Siapakah Nabi kamu?"... dan "Siapakah saudara-saudara kamu?"... Jawablah pertanyaan itu hari ini, ... usahlah tunggu semasa di dalam kubur nanti, kerana ketika itu semuanya sudah terlewati.

Saya tahu, ada para ulamat yang akan berasa tersinggung. Mereka bukan saja tersinggung tetapi akan berasa terhina apabila mereka membaca buku ini. Mungkin mereka akan mengatakan saya tidak layak menulis hal-hal yang berkaitan dengan agama. Allah Maha Mengetahui, Allah berhak memberi ilmu kepada sesiapa saja yang Allah kehendaki. Ini semua terserah pada persepsi dan gambaran mereka terhadap saya, kerana saya tahu bahawa biarpun manusia punya sepasang mata, namun mereka **tak dapat melihat muka mereka sendiri**. Mata mereka hanya boleh melihat muka orang lain, mengikut gambaran yang sudah sedia ada dalam pemikiran mereka...pemikiran bergantung kepada banyak mana ilmu dan keimanan yang ada. Sebab itulah mereka memerlukan sebuah cermin untuk melihat muka mereka sendiri.

'Kawan yang baik adalah ibarat cermin'. Kalau takut nak bercermin, gunakanlah *matahati* untuk tengok wajah sendiri. *Matahati* tak pandai menipu diri sendiri. Wajah yang macam mana yang nak dihadapkan ke hadapan Allah s.w.t. setiap kali anda mendirikan solat?...Wajah seorang munafik...seorang pendusta atau insan yang beriman dan bertaqwa?

Semoga mereka tidak akan pecahkan cermin sesudah melihat betapa jelek dan comotnya wajah sendiri yang telah menjadi manusia pendusta, rasuah penyamun tarbus dan munafik.

Seperti yang selalu saya katakan dalam tulisan di masa lalu, saya ulangi sekali lagi tentang niat saya yang ikhlas, bersih dan suci...menegur sesama insan...namun terserah pada mereka bagaimana hendak menafsirkannya. Saya tahu saya akan menjadi sasaran kecaman orang-orang yang munafik yang memusuhi saya. Orang yang buat kerja fitnah, kerja-kerja terbalik dan tidak betul, orang ramai kata mereka betul kerana media massa yang menguasai pemikiran orang ramai kata mereka betul. Mungkin saya akan menjadi korban, namun saya rela, kerana sudah menjadi satu macam kebiasaan, setiap kali saya menulis buku

baru, pasti ada saja orang yang cuba menakut-nakutkan saya. Ada saja yang mengintip dan mengekor jejak langkah saya. Perbualan telefon saya pula mereka rakamkan. Saya menyedari benda-benda ini semua. Namun saya tidak takut pada manusia. Saya cuma takut pada Allah. **Orang Islam tak boleh takut kepada yang lain selain dari Allah.**

Kepada Allah saya berserah. Allah sebaik-baik penjaga. Tiada sesuatu apapun di dunia ini yang akan bergerak kalau bukan dengan izin-Nya.

Itulah iktikad dan keyakinan saya. Berserahlah sepenuhnya kepada kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t. Allahlah sebaik-baik penjaga. Manusia bersifat baru dan yang baru itu pasti akan binasa. Apa yang saya lakukan ini adalah kerana Allah semata-mata.

'Berkata benarlah walaupun seeahit mana yang engkau katakan itu.'

Sabda Rasulullah s.w.t.

Inilah Sunnah Rasul yang menjadi amalan saya dalam menyampaikan pesanan Nabi Muhammad s.a.w.:

'Sampaikanlan ajaran walaupun sebaris ayat.'

Sabda Rasulullah ini sudah sepatutnya menjadi amalan setiap muslimin dan muslimat, terutama sekali ketua-ketua agama.

Segala puji-pujian bagi Allah. Hanya Allah saja yang kita sembah. Dialah yang berhak menerima puji-pujian dan sembah. Tidak ada yang selain daripada-Nya. Allah yang Maha Besar lagi Maha Berkuasa. Kebesaran dan keagungan itu hak Allah. Semua makhluk Allah adalah sama saja. Manusia yang dicipta Allah tidak berkuasa dan tidak berupaya serta tidak berhak terhadap pemikiran dan kehidupan manusia yang lain. Itulah yang hendak disampaikan dan itulah antara isi kandungan buku ini yang tersangat penting selain dari peristiwa perang politik di kalangan istana Kelantan dengan Menteri Besar mereka Tan Sri Mohamad Yaakub yang menjadi pemimpin rakyat.

Perasaan tidak puas hati rakyat terhadap pihak istana yang boros dan membazirkan wang rakyat tanpa memikirkan kehidupan

rakyat yang masih lagi berada di tahap kemiskinan membuat rakyat Kelantan terpaksa bersatu menyokong pemimpin yang dipilih oleh rakyat. Rakyat yang berdaulat, rakyat yang berkuasa kenapa mereka masih mahu diperhambakan.

Setiap hari kita memohon kepada Tuhan supaya menunjukkan kita ke jalan yang lurus. Tapi kenapakah ada di antara kita yang lebih suka berjalan di jalan yang berbelok-belok dan berbelit-belit seperti mereka yang telah dilaknat oleh Allah. Apakah gunanya al-Quran kalau tidak boleh dijadikan petunjuk dan panduan ke jalan yang lurus?

Sebagai khalifah Allah di bumi-Nya, saya hanya menjalankan tugas-tugas saya mengingatkan manusia akan hakikat:

Hanya Tuhan yang kekal. Yang selain daripadanya tidak ada yang kekal. Tidak ada yang abadi. Tidak ada yang berkuasa walaupun ke atas dirinya sendiri. Semuanya fana. Semuanya akan binasa. Semuanya...melainkan Allah.

Astaghfirullah Hil Azim... Mintalah ampun kepada Tuhan yang telah menjadikan kita. Bertaubatlah, sesungguhnya ada di antara kita yang telah banyak melakukan dosa, akibat berlagak ego...angkuh sompong...riak... dan membazirkan harta yang diamanahkan oleh Allah tanpa memikirkan hari pembalasan. Sedar atau tidak, sengaja ataupun sebaliknya, manusia tetap telah melakukan dosa atas kelalaian kita sendiri. Belajar dari Nabi Adam a.s. bermohon taubat dari Allah kerana membiarkan iblis menipu dan mempermainkan kita semua.

Kita yang hidup ini pasti akan menemui maut. Sebagai orang Islam kita patut berasa insaf dan sedih kalau sekiranya ada di antara saudara-saudara kita yang akan mati dalam keadaan yang tidak beriman dan mati sebelum sempat bertaubat. Dan adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita berdakwah dan mengingatkan mereka tentang keagungan, kebesaran dan kekuasaan Allah yang **Maha Esa, Maha Kuasa, Maha Pengasih, Maha Pemurah** dan **Maha Penyayang**, tempat kita menyembah dan meminta ampun.

Para ulamak sepatutnya telah lama menegur dan mengingatkan manusia-manusia yang merasakan diri mereka **maha besar, maha mulia** seperti mempunyai kuasa dan menggunakan di pangkal nama mereka perkataan **maha guru**

dan segala macam **maha-maha** yang lainnya yang tidak patut digunakan oleh manusia kerana perkataan **maha** itu, dimiliki oleh Allah saja. Allah saja yang bersifat **Maha**. Selain dari Allah tidak ada manusia ataupun makhluk lain yang bersifat **Maha**.

Manusia tidak berhak menggunakan perkataan **Maha**. **Maha** Suci Allah yang telah menjadikan kita manusia dan seisi dunia ini. Memuji dan memuja kebesaran manusia bukan kerja orang yang beriman. Kenapa kita mesti membiarkan saudara-saudra kita menggunakan perkataan **maha**, hak milik Tuhan? Ini boleh merosakkan mereka dan diri kita sendiri. Bukankah telah Tuhan janjikan bahawa manusia itu sentiasa hidup di dalam kerugian melainkan mereka yang beriman?

Manusia tidak patut merendahkan diri bila berhadapan dengan manusia yang lain. Manusia tidak patut merasa dirinya begitu hina, dan manusia juga tidak berhak merasakan dirinya begitu mulia, dan membiarkan manusia-manusia lain mengangkatkan darjah serta kedudukannya di tempat yang begitu tinggi dan mulia. Padahal makhluk yang dinamakan manusia itu adalah sama sahaja. Tidak ada perkataan '**plural**' dalam perkataan manusia. Manusia itu satu, '**Mankind**.' Hanya manusia yang tahu menggunakan akal, manusia yang beriman, manusia yang bertakwa kepada Allah saja yang dianggap seindah dan semulia-mulia kejadian.

Saya terpaksa tulis perkara-perkara yang semacam ini dalam buku saya, kerana adanya manusia yang beragama Islam bertuhankan Allah Yang Maha Esa, tetapi masih mahu disembah-sembah, masih mahu dipuji-puji dan masih mahu dipuja-puja. Watak dan perangai mereka kadang-kadang lebih dahsyat dari raja. Padahal mereka cuma kuncu-kuncu raja saja. Baru sekali dua dekat dengan raja sudah mula mahu menunjuk-nunjukkan kuasa kebesaran dan keangkuhan mereka di khalayak ramai. Kalau mereka ini disentuh, disinggung, mereka cepat melenting. Padahal mereka tergolong dari orang yang tahu agama, banyak pelajaran tetapi tak faham segala ilmu dan pelajaran yang ada.

"Kebesaran itu sarung-Ku dan kesombongan itu selendang-Ku, maka siapa yang menyaingi Aku salah satu dari dua itu, Aku buang ia dalam api Neraka."

Hadith Qudsi.

Kesombongan dan kebesaran itu pakaian Allah. Manusia

tidak berhak memakainya. Perbuatan angkuh dan sompong adalah bertentangan dengan ajaran Quran dan tidak mengikut Sunnah Rasul. Apakah kerana tidak ada manusia yang berani menegur Tok Guru atau mereka yang bergelar ulamak secara berterus terang bererti apa yang dilakukan oleh ulamak itu betul belaka? Kalau ulamak sudah tidak boleh ditegur, raja-raja mereka apatah lagi?

Abdullah Munshi menulis di dalam bukunya:

“....Ingin-ingat Tengku; lagi akan ditanya Allah Ta’ala pada hari kemudian akan segala hal rakyat itu kepada rajanya. Dan lagi, Tengku, bermula-mula yang masuk neraka itu segala raja-raja yang zalim ia atas rakyatnya... Maka janganlah Tengku kira orang yang menjadi raja itu terlebih besar dan terlebih mulia daripada rakyatnya melainkan orang yang terkecil lagi hina adanya. Iaitu hamba segala hamba Allah.”

Kisah Pelayaran Abdullah Munshi

Sekali lagi saya ingatkan bahwasanya Allah saja yang boleh angkuh, sompong dan murka, kerana itu pakaian Allah yang menjadi milik-Nya. Kata-kata ini adalah kata-kata mereka yang mengkaji dan mengaji hakikat dan orang-orang tarikat. Mungkin orang-orang syariat akan salah tafsir kata-kata di atas. Itu terpulanglah kepada mereka. Bagi mereka yang belum faham apa itu hakikat dan makrifat cuba-cubalah membaca buku tasyaaf, buku tarikat dan dekatkan diri dengan pengajian hakikat mengenal diri. Eloklah mengenal diri. Orang yang tidak kenal diri dia tak kenal Tuhan. Dan dia rasa dirinya Tuhan. Dan orang yang tidak berilmu tidak berupaya menjadi seorang manusia yang adil dan amanah.

Cuma orang-orang yang berilmu sajalah yang akan takut pada Allah. Ilmu yang saya maksudkan di sini bukanlah ilmu matematik, ataupun ilmu ekonomi, ataupun ilmu kejuteraan, undang-undang dan segala macam ilmu keduniaan tapi ilmu yang memberikan cahaya rohaniah yang dapat mengenal diri dan mengenal Allah.

Kita ini semua, tidak kira siapa kita, **Rajakah, Perdana Menterikah, Presiden Partikah, Hakim Besarkah, Menteri Besarkah, Penarik Becakah, Nelayankah, Pelayankah,** semuanya hamba Allah. **Cinakah, Melayu, India atau Arabkah,**

kita ini tetap satu; namanya manusia dan Tuhan kita juga hanya satu, Allah.

Dan dalam negara yang merdeka dan berdaulat, yang satu mesti melihat kepada yang universal dan yang universal mesti melihat ke arah yang satu. Inilah revolusi kita. Inilah revolusi istana dan rakyat.

"Dan inilah juga inti Revolusi yang dibawa oleh Nabi Muhammad. 23 tahun baginda telah memperjuangkannya. Dengan itu baginda membentuk satu bangsa dan satu negara. Dengan itu baginda mengguncangkan bahkan meruntuhkan Iwan (istana) Kisra di Persia, Kaisar di Benua Rom dan Negus di Habsyi. Dan sepeninggalnya, dengan itu pula Khalifah-khalifahnya melanjutkan perjuangan besar itu, sehingga dapat membentuk suatu peradaban dan kebudayaan, politik dan masyarakat yang tiada taranya di dunia. Yang harus diakui sebagai rantai emas sambungan dari rantai-rantai yang dahulu, bahkan sampai hari kiamat, selama akal masih dipergunakan manusia untuk mencapai ilmu, dan di ujung ilmu itu pasti akan bertemu dengan ke Esaan Tuhan."

Kata-kata di atas ini saya petik dari buku '**Revolusi Ideologi dan Keadilan Sosial**' hasil cetusan pemikiran Professor Dr. Hamka.

Apakah seorang manusia yang bergelar **Raja** itu di saat kematiannya dan ketika **Talqin** dibacakan, akan dimulai dengan "**Daulat Tuanku, ampun patik beribu-ribu ampun, sembah patik harap diampun?**" Tentu sekali tidak. Segala pangkat dan kebesaran, segala bintang-bintang kehormatan yang bertaburan di dada tak punya erti lagi. Bila roh sudah terpisah dari jasad, bila yang terburuk, hanyalah sebatang mayat yang kaku, maka segala darjah kebesaran tak disebut-sebut dan tidak disenaraikan ikut protokol oleh pembaca **Talqin**.

Pembaca **Talqin** yang ikhlas semasa berada di tanah perkuburan akan menyebut nama si mati, nama biasanya saja. Kain kapannya pun tetap warna putih, tidak dijahit, tidak dibawa dari Mekah atau ditempah khas dari luar negeri. Tidak ada kereta istimewa yang berharga berjuta mengiringi jenazah. Istiadat sembah menyembah tidak ada dan tidak diadakan di tanah

perkuburan. Dari tanah kamu dijadikan, maka kepada tanah jugalah kamu kembali. Insaallah.... Bertaubatlah ... selagi pintu taubat masih terbuka... marilah kita kembali bersatu. **Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.** Bermuafakatlah di dunia sebelum kita disatukan di akhirat nanti. Dan marilah kita bersatu di dunia sebagai umat Muhammad yang beriman.

Percayalah mati itu benar, sama ada anda akan mati di dalam iman atau di dalam kekufuran. Biar bagaimanapun adalah menjadi kewajiban kita semua, untuk mengingatkan mereka supaya jangan lalai, jangan dipengaruhi oleh syaitan.

Semoga mereka mahu memaafkan orang yang pernah bersalah, jangan kerana merasa diri besar, tidak mahu maafkan orang yang bersalah. Mengingatkan mati boleh memberikan keinsafan dan kesedaran kepada manusia... marilah kita ingatkan mereka tentang kematian terutama mereka yang berkuasa. Sekiranya tidak ada benda lain yang dapat menakutkan mereka yang boleh membawa kepada kesedaran disebabkan mereka merasakan diri mereka sultan.

Tidak ada seorang manusia pun yang lebih mulia di alam maya ini melainkan Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. Baginda dianugerahkan dengan kemuliaan yang luar biasa. Baginda adalah manusia teristimewa, penghulu segala nabi dan kekasih Allah. Namun semulia-mulia Rasulullah, baginda selalu mengingatkan umat Islam bahawa baginda hanya seorang hamba Allah dan seorang pesuruhnya. Sabda Baginda:

"Jangan kamu samakan aku seperti orang-orang Kristian memuja Isa dan Mariam, kerana aku adalah seorang hamba Allah."

Saya percaya ada di antara raja-raja kita yang sudah tidak ingat lagi siapa diri mereka yang sebenarnya. Mereka seakan-akan sudah lupa pada nikmat Allah. Dari tingkahlaku dan perbuatan mereka menunjukkan mereka sudah lama tidak ditegur secara ikhlas dan berani oleh para mufti dan alim ulamak. Tembok-tebok batu dan pagar-pagar istana yang tinggi dan yang dijaga oleh pengawal-pengawal dan ahli agama telah menyekat amanat Tuhan untuk menembusi hati mereka. Dengan penuh keinsafan dan keikhlasan saya menadah tangan ke langit berdoa semoga mereka sedar sesudah membaca buku **Revolusi**

Istana dan Rakyat ini. 'The pleasure is yours, the risk is mine.' Itulah motto penulisan dan trade mark saya.

Bacalah dengan nama Tuhan. Allah yang telah menjadikan kita semua. Mulakanlah dengan **nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani**. Mengucap dua kalimah syahadah dan **beristighfar** sekiranya terasa nak marah sangat. Mudah-mudahan anda akan mendapat hidayah dan petunjuk dari Allah. Saya membiarkan buku ini melompati tembok-tembok istana untuk membuktikan cinta kasih saya terhadap saudara seagama dan sebangsa dengan saya. Saya rela bertempur dengan para ulamak yang menjadi penghalang antara saya dan istana. Sudah sampai masanya mufti dan ulamak jenis makan gaji ini diperangi. Hari ini saya isytihar perang dengan mereka, '**Ulamak Siang Hari**'.

Kenapa '**the so called ulamak**' dan ulamak-ulamak PAS yang begitu rapat dengan istana Kelantan tidak menegur dan menasihati raja? Mengapakah mereka membiarkan Tengku Razaleigh Hamzah yang berdarah raja terus-terusan mengkhianati perpaduan umat Islam? Apakah menjadi Perdana Menteri lebih penting dari segala-galanya? Apakah Ku Li dan ulamak PAS tidak sedar dengan kebangkitan Islam di seluruh dunia hari ini? Apakah mereka tak tahu di **Rome** sudah terdiri sebuah masjid yang besar? Tahukah mereka di negeri Cina kini ramai yang menolak ajaran **Maxisme**? Di seluruh dunia, gema takbir Islam berkumandang kini. Patutkah mereka membiarkan pihak raja-raja kita tertidur buat selama-lamanya. Padahal mereka tahu rakyat akan menyalahkan raja dan meletakkan tanggungjawab terhadap raja sebagai ketua agama. Pada hal mereka tahu apa yang sudah terjadi kepada Shah Iran yang bergelar **Raja Segala Raja**?

Ingatkah jika hendak membunuh pokok bukan susah sangat. Bukan payah gunakan racun. Bubuh terlampaui banyak baja pun dengan sendirinya pokok boleh mati.

Begitulah cara dan gayanya para penajah membunuh jiwa Islam di dalam pagar-pagar istana dengan menggunakan '**ulamak siang hari**' yang telah mereka pengaruhi dengan kebendaan dan keduniaan. Mereka galakkan puji-pujian dan sembah menyembah dan memberi pihak istana hak istimewa supaya raja tidak boleh

ditegur. Raja-raja berada '**above the law.**' Siapa yang menegur raja, ke penjaralah tempatnya. Kalau menjalankan tugas Allah menegur raja, saya terpaksa ke penjara, saya terima. Alhamdulillah, saya tidak akan membenarkan manusia hidup dalam kemungkaran ini bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah tanpa mengingatkan mereka.

Penerapan Nilai-Nilai Islam sepatutnya dilakukan oleh ulamak-ulamak PAS yang kini sudah pun mendekati istana. Apakah mereka juga **mahu menagguk di air yang keruh?** Satu waktu mereka menyeru ke arah perpaduan ummah, dalam masa yang sama ada orang yang kena mamah.

Bila para ulamak sudah mula mementingkan politik, menjadikan diri ulama Pilihanraya akhirnya istana juga yang akan binasa. Sepanjang pengetahuan kita **PAS** mempunyai fahaman revolusi Iran yang tidak dapat menerima '**sistem**' beraja. Ramai di antara mereka sudahpun mengikut sistem **Imamiah** ala Iran.

Islam di negara kita diterima oleh **raja Parameswara** yang kemudian bertukar menjadi **Sultan Iskandar Shah**, Laksamana Chen Ho dari negeri Cina yang mengislamkan raja dan Melayu, Chen Ho juga menukar perkataan **Raja** menjadi **Sultan**.

Laksamana Cheng Ho juga yang memulakan istiadat mengiringi raja dengan **Payung Diraja** yang menjadi amalan raja-raja kita hari ini. Anak Maharaja Cina yang bernama **Hang Li Po** berkahwin dengan Sultan Mansur Shah. Begitulah halnya bila raja yang dulunya mengamalkan kebudayaan Hindu, kemudian menerima Islam, akibatnya, biar pun seluruh rakyat ikut agama yang menjadi amalan raja mereka tapi tidak sepertinya.

Tugas dan kerja ulamak pewaris nabi ialah mengislamkan raja-raja mereka dulu kemudian ajar raja-raja mereka ilmu tauhid, ajar mereka apa yang halal dan yang haram. Kalau raja-raja sudah Islam berpegang pada tauhid maka bolehlah mereka menerapkan nilai-nilai Islam pada rakyat jelata. Islam mereka Islam ikut-ikutan. Bila tidak berpegang pada tauhid mudah dipengaruhi dan dipersendakan. Inilah yang dipelajari oleh kaum Cina hari ini. Mereka mendekatkan diri dengan istana supaya mudah dapat hajat dihati, mudah mencorak warnakan raja mengikut kehendak hati dengan memberikan hadiah dan kemewahan dunia untuk mempengaruhi raja.

Penjajah Inggeris telah mengajar ramai dari orang kita menyembah '**The White God**' ataupun **berhala putih** yang tak

nampak oleh mata kasar melalui boneka-boneka mereka di negara ini.

Syukur Alhamdulillah berhala putih itu sudah dapat dipecahkan dengan hancurnya **Malayan Union** yang ditentang oleh **UMNO**. **UMNO** dulunya bersemangat Islam dan kuat dibantu oleh alim ulamak yang ikhlas yang mempunyai roh Islam dalam diri mereka. Tapi **UMNO** hari ini mahu dimatikan oleh golongan serpihan yang dipimpin oleh dua orang anak raja, **Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj** dan **Tengku Razaleigh Hamzah**: Apa sudah jadi ni? Adapun segologan ulamak dalam parti sudah tidak seperti dulu lagi.

UMNO lahir dari dalam istana, kini Al-Mutawakil Sultan Johor, telah membawa kembali **UMNO** ke dalam pangkuan Istana. Inilah tanda-tanda hubungan istana dan rakyat mahu bersatu semula, tapi sayang baru Raja nak mulakan sejarah **perpaduan ummah**, ada saja syaitan dan iblis nak buat angkara menggunakan manusia yang larai dan leka untuk memecah-belahkan ummah.

Dalam ucapannya di hadapan Istana Besar Johor sempena hari memperingati perisytiharaan UMNO pada 11 Mei 1989, Perdana Menteri kita merangkap Presiden UMNO telah memberikan ingatan:

"Mereka yang belum insaf, insaflah dan baliklah ke pangkal jalan. Mereka yang tahu insaf, insaflah dan bersyukur, mudah-mudahan Allah s.w.t akan mengurniakan lebih banyak kejayaan... Mudah-mudahan anak cucu kita dan seluruh zuriat kita tidak akan mudah menjadi orang yang tidak tahu berterima kasih kepada jasa."

Saya sajikan buku ini untuk santapan rohani Tuanku-Tuanku sekalian, semoga Tuanku-Tuanku sekalian sentiasa ingat kepada jasa-jasa **UMNO** yang telah meletakkan Tuanku ke atas takhta yang ada sekarang. Semoga Allah akan memberikan taufik dan hidayah dan membuka pintu hati Tuanku-Tuanku ke jalan yang benar,... jalan yang lurus,... jalan yang diredhai oleh Allah. Janganlah ada Raja yang jadi macam **kacang lupukan kulit, lepas jambatan tongkat dibuang**. Semoga seluruh rakyat akan dapat kebahagiaan dunia dan akhirat apabila Tuanku-Tuanku sekalian dapat mengamalkan **Penerapan Nilai-Nilai Islam** dan membala budi orang Melayu yang telah berbakti pada Tuanku.

Negara akan aman, rakyat akan hidup bahagia.

Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Tuanku-Tuanku sekalian untuk meneruskan perjuangan Rasulullah. Kita mempunyai sembilan raja dan satu Yang Dipertuan Agong. Kita boleh memulakan satu **Revolusi Islam** untuk kembalikan Islam di seluruh dunia seperti di zaman Rasulullah dahulu. Siapa tahu, selepas Agong yang kesembilan nanti, lahir raja yang bersifat **khalifah** yang akan menggantikan baginda.

Sambil saya menulis buku ini, sama juga seperti buku-buku sebelum ini, saya teringatkan tentu ada orang yang bertanya: Sejak bila pula Pak Habib ini jadi ulamak? S. H. Alattas ini tulis buku politik atau tulis buku agama? Biarlah saya jawab sendiri. **Bolehkah politik dipisahkan dari agama? Macam mana kita hendak pisahkan api dari cahaya?** Tapi wali Allah boleh buat kerja-kerja yang mustahil dibuat oleh manusia biasa. **Malaysia adalah negara Islam.** Raja-raja kita yang menjadi ketua-ketua agama, sebab itu kita mesti bercakap pasal Islam. Parti yang menjadi tulang belakang kerajaan yang memerintah adalah parti yang dipimpin oleh mereka yang beragama Islam. Kiranya boleh kita pisahkan panas dari apinya, bolehlah pembaca suruh saya tulis mengenai politik tanpa menyentuh hal-hal agama.

Saya sudah banyak bercakap peranan raja dan soal-soal ketuhanan. Sambil mengingatkan mereka dan mengkritik para pemimpin negara, marilah kita cakap pasal para pemimpin PAS, pemimpin golongan serpihan, pasal kalangan istana yang sedang bermain api. Mari kita tanya, macam mana orang Melayu boleh berpecah dan bercakaran sesama sendiri? Macam mana semakin hari jurang di antara raja dan rakyat semakin jauh? Apakah orang Melayu sedar, bahawa besar kemungkinan ada anasir komunis telah menyerap dalam pertubuhan yang anti-kerajaan? Kerana semakin hari semakin menjadi-jadi kekecohan dan kekacauan politik di dalam negara kita ini?

Politik berasal daripada perkataan siasah. Siasah bermakna mengurus, mentadbir dan mengatur. Orang yang menguruskan kambing juga dinamakan orang politik. Orang yang mengaturkan tiang-tiang untuk buat pagar sayur juga orang politik. Dan orang yang mentadbirkan anak bini di rumah juga orang politik. Tetapi itu adalah bidang politik yang telah dikecilkkan.

Kalau kembali kepada politik yang lebih besar tentulah mengatur negara, mentadbir negara serta menyusun negara supaya aman dan berjaya.

Ustaz Ashari dipetik dari buku hasil karya Mohd Sayuti Omar. Apakah kita tidak tahu ramai orang politik yang sudah haru biru? Kalau mereka sudah haru biru dan bercelaru, negara kita apa tah lagi?

Cuba ingat kembali bagaimana **komunis di Indonesia menggunakan rakyat untuk membunuh dan menghapuskan raja-raja di Sumatera semasa UMNO sedang menyelamatkan raja-raja di Malaya** pada tahun 1946. Cuba kita tanya apakah benar kumpulan 46 campur PAS campur DAP ini mahu membantu mengekalkan kuasa raja-raja dan ketuanan Melayu? Apakah niat mereka ikhlas? Atau mereka mahu menghapuskan raja-raja yang ada?

Tahun 1946 rakyat Indonesia menggulingkan raja-raja mereka. Mereka bunuh raja-raja dan kerabat. Mereka, buru dan halau mereka dari istana, rampas harta mereka menerusi satu **revolusi** yang dinamakan **Revolusi Rakyat**. Raja-raja di Tanah Melayu **selamat** kerana pertolongan **UMNO** dan orang Melayu. Tapi apakah akan jadi pada mereka dan keluarga mereka kalau terus menyakiti hati rakyat dengan peristiwa yang sedang berlaku di Kelantan hari ini?

Rakyat macam air hujan yang turun dari langit. Setitik demi setitik. Tapi bila mereka bersatu, membanjiri bumi dan menjadi bah besar, segala pohon besar dan gunung ganang boleh runtuh. Mungkinkah terjadi satu **revolusi** di Malaysia? Apa yang pasti, satu **revolusi pemikiran** sedang bergolak dengan pesatnya di negara kita ini.

Akhirnya, marilah kita sama-sama memohon kepada Allah swt semoga kita mendapat kecintaan dan ridha dari Nya, serta menjadikan segala usaha kita sebagai amal saleh di sisiNya, menambah berat timbangan kita di akhirat kelak.

Sesungguhnya Dialah sebaik-baik tempat berharap dan memohon pertolongan.

Amin ya rabbil Alamin

8 NOV 1989

BUKU-BUKU KARYA SYED HUSSEIN YANG SUDAH DITERBITKAN

1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI) (1969)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA (1969)
3. RAHSIA MIMPI ANDA (1969)
4. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN (1972)
5. KENAPA ROSLI DHOBI & 3 HERO SARAWAK DIHUKUM BUNUH (1974)
6. PERANG DI KUALA LINGGI 1978 (1978)
7. SARAWAK KEPADA SIAPA HENDAK DISERAHKAN (1979)
8. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU (1979)
9. SIAPA SELEPAS MUSA? (1981)
10. PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR (1982)
11. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA (1983)
12. PERDANA MENTERI YANG KELIMA (1984)
13. HANTU BUKIT CINA (1985)
14. MUSA DERHAKA? (1986)
15. MUSA A TRAITOR? (1986)
16. SIAPA LAWAN SIAPA (CHALLENGER) (1987)
17. TALQIN UNTUK UMNO (1988)
18. POLITIK SERPIHAN (1989)
19. REVOLUSI ISTANA DAN RAKYAT (1989)

AKAN TERBIT

20. REVOLUSI TERAKHIR
21. PENGEMBARA MODEN

S.H. ALATTAS

**PEMUDA
DI ZAMAN**



Harga: \$10.00

Harga: \$10.00

S.H. ALATTAS



Al-Suhaimi

P.O. Box 11753,

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku:

a: PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR

naskhah.

b: SIAPA SELEPAS MUSA?

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

S.H. ALATTAS

TALQIN UNTUK UMNO



1946 Lahir di Istana
1988 dibunuh di Mahkamah
Siapa Pembunuhnya?

Harga: \$10.00

S.H. ALATTAS



Harga: \$15.00

Al-Suhaimi
P.O. Box 11753,
Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O. bernilai \$ _____

Untuk pesanan buku:

a: TALQIN UNTUK UMNO

naskhah.

b: TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

S.H.ALATTAS

**MUSA
DERHAKA?**



Harga: \$10.00

Harga: \$10.00

S.H.ALATTAS

**PERDANA
MENTERI
YANG
KELIMA**



Al-Suhaimi

P.O. Box 11753

Pos Kod 50756 Kuala Lumpur.

Bersama ini disertakan M.O./P.O bermilai \$ _____

Untuk pesanan buku;

a: MUSA DERHAKA ?

naskhah.

b: PERDANA MENTERI YANG KELIMA?

naskhah.

Nama: _____

Alamat: _____

